SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN 2023



SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN 2023






SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ADALAH SEBUAH AGENSI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYELIA DAN MEMBANGUNKAN GERAKAN KOPERASI

# KEPERLUAN PERUNDANGAN

**Menurut subseksyen 39 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007:**

(1) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas berakhir tahun kewangannya, menghantar kepada Menteri—

(a) suatu salinan penyata akaunnya yang diperakui oleh Ketua Audit Negara suatu salinan laporan Ketua Audit Negara; dan

(b) suatu laporan tahunan mengenai penjalanan Suruhanjaya di bawah Akta ini sepanjang tahun kewangan.

(2) Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, membentangkan suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh Ketua Audit Negara, suatu salinan laporan Ketua Audit Negara dan laporan tahunan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.



# KANDUNGAN

Muka Surat 6
KETERANGAN LOGO

Muka Surat 7
PERUTUSAN

Muka Surat 13
MAKLUMAT KORPORAT

Muka Surat 23
KRONOLOGI

Muka Surat 29
CARTA ORGANISASI

Muka Surat 33
PERANGKAAN AM KOPERASI 2023

Muka Surat 37
SEKTOR PEMBANGUNAN

Muka Surat 79
SEKTOR OPERASI DAN KAWAL SELIA

Muka Surat 97
SEKTOR PENGURUSAN

Muka Surat 117
DIARI KORPORAT

Muka Surat 153
PROGRAM ANTARABANGSA

Muka Surat 155
KERATAN AKHBAR

Muka Surat 159
PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG AMANAH DAN TABUNG KOPERASI

Muka Surat

207 KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

255 KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

303 KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

333 KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

363 AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI

389 TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT

423 TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI

447 AKAUN DEPOSIT KOPERASI

Muka Surat 471
CAWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

# KETERANGAN LOGO
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Dua simbol yang bertautan melambangkan kerja berpasukan berlandaskan etika kerja murni yang saling memerlukan antara satu sama lain. Pautan simbol itu bermaksud membentuk aliran yang melambangkan hubungan baik di antara Kerajaan dan gerakan koperasi dalam usaha membina koperasi yang berdaya saing dan berdaya maju.

### WARNA MERAH
Mewakili Suruhanjaya sebagai agensi Kerajaan yang mengawal selia gerakan koperasi negara ini. Ia juga satu warna yang tegas dan positif dikaitkan dengan semangat kuat Suruhanjaya yang bertungkus lumus membangunkan imej koperasi. Ia melambangkan semangat dan kualiti yang ada pada Suruhanjaya dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

### WARNA PUTIH
Melambangkan ketulenan, kesucian dan keluhuran prinsip, amalan serta nilai-nilai berkoperasi yang dipegang teguh oleh Suruhanjaya dan gerakan koperasi.

### WARNA BIRU
Menggambarkan gerakan koperasi yang bersatu padu dan dapat mengatasi segala cabaran dan dugaan dengan yakin dalam apa jua keadaan.

# PERUTUSAN



# PERUTUSAN MENTERI

## PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Salam Berkoperasi dan Salam Malaysia MADANI,

Bersyukur ke atas yang Maha Esa, Laporan Tahunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tahun 2023 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Tahniah dan syabas kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) kerana telah menganjurkan pelbagai program-program dengan tema memasyarakatkan koperasi sepanjang tahun 2023. Saya percaya usaha berterusan ini amat penting kepada matlamat Kerajaan untuk meningkatkan lagi kesedaran akan manfaat berkoperasi dalam kalangan rakyat.

Tahun lalu, buat kali pertama dalam sejarah, kita telah berjaya mendaftarkan 1,001 koperasi baharu berbanding purata pendaftaran sekitar 600 hingga 700 koperasi baharu didaftarkan pada tahun-tahun sebelum itu. Peningkatan trend pendaftaran koperasi bagi tahun 2023 menggambarkan tahap kefahaman dan penerimaan rakyat yang semakin tinggi terhadap gerakan koperasi sebagai antara aktiviti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Koperasi di Malaysia juga kini telah menunjukkan kejayaan dan diiktiraf di peringkat dunia dan telah disenaraikan sebagai *Top 300 Cooperative* melalui industri utama iaitu perkhidmatan kewangan. Keyakinan terhadap peningkatan dan pencapaian terhadap sektor koperasi amatlah positif dan perkara ini boleh direalisasikan melalui sokongan yang ditunjukkan oleh Kerajaan melalui pelbagai program penggalakan, pengliberalisasian perundangan koperasi, program pembangunan perniagaan, peningkatan kapasiti, pemerkasaan promosi dan pasaran, penyediaan kemudahan pembiayaan serta pelan-pelan pembangunan yang inklusif dan komprehensif melibatkan koperasi seperti Dasar Koperasi Negara 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2025 serta Pelan Pendigitalan Koperasi.

Akhir kata saya merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah dan seluruh tenaga kerja Suruhanjaya yang begitu komited dan dedikasi dalam

> **Koperasi di Malaysia juga kini telah menunjukkan kejayaan dan diiktiraf di peringkat dunia dan telah disenaraikan sebagai *Top 300 Co-operative* melalui industri utama iaitu perkhidmatan kewangan.**



melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Dengan kepercayaan dan keyakinan yang diberikan ini, usaha yang berterusan akan dibuat sehingga gelombang gerakan koperasi dapat dirasai di setiap peringkat lapisan masyarakat. Saya juga berharap gerakan koperasi akan mampu berdiri sebaris dengan sektor swasta dan sekaligus merealisasikan hasrat untuk menjadi penyumbang yang berkesan kepada ekonomi negara.

Selamat Maju Jaya.



**YB DATUK EWON BENEDICK** PGDK., J.P.
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera serta Salam Malaysia MADANI.

Dengan lafaz Bismillaahirahmannirrahim dan dengan doa, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat mencoretkan serangkai kata di dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) Tahun 2023 yang merupakan sebuah laporan bagi memberi gambaran mengenai peranan Suruhanjaya kepada gerakan koperasi di Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang turut bersama merealisasikan penerbitan laporan ini.

Suruhanjaya ditubuhkan dengan objektif merangsang pembangunan koperasi serta sektor koperasi yang kukuh dan stabil mengikut nilai dan prinsip koperasi. Ini bertujuan untuk menyumbang kepada pencapaian objektif pembangunan sosioekonomi negara. Suruhanjaya juga bertanggungjawab dalam menggalakkan sektor koperasi untuk menjadi lebih kukuh daripada segi kewangan. Tahun 2023 merupakan tahun pemulihan ekonomi negara pasca pandemik Covid-19 yang melanda sejak 2020. Gerakan koperasi juga tidak ketinggalan dalam fasa pemulihan yang diterajui oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya. Keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu ditambah dengan konflik peperangan di negara tertentu memerlukan gerakan koperasi meningkatkan keupayaan untuk terus berdaya saing dalam pasaran tempatan dan juga global.

Pada tahun 2023, kekuatan sektor koperasi dapat dilihat melalui nilai perolehan sebanyak RM64.56 bilion. Selain itu, sehingga 31 Disember 2023, bilangan koperasi berdaftar berjumlah 15.809 dengan keanggotaan 7.22 juta orang. Modal syer/yuran terkumpul pula berada pada RM17.45 bilion dengan jumlah aset sebanyak RM165.90 bilion.

Dalam usaha mengukuhkan Suruhanjaya, pelbagai usaha telah dijalankan seperti mentransformasikan proses kerja berteknologi melalui Pelan Pendigitalan yang dijangka siap pada tahun 2025. Amalan tadbir urus yang baik juga diterapkan di dalam budaya kerja setiap warga kerja Suruhanjaya dalam menjalankan tugas hakiki bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua penerima taruh.

**"Dalam usaha mengukuhkan Suruhanjaya, pelbagai usaha telah dijalankan seperti mentransformasikan proses kerja berteknologi melalui Pelan Pendigitalan yang dijangka siap pada tahun 2025."**

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang telah memberi kepercayaan penuh dan sokongan yang padu kepada Suruhanjaya untuk terus komited memajukan sektor koperasi di Malaysia.

Sekian terima kasih,

**DATUK RUSLI BIN JAAFAR**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



LAPORAN **TAHUNAN**

# MAKLUMAT KORPORAT



# MAKLUMAT KORPORAT

> **Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah diperbadankan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 *[Akta 665]* pada 1 Januari 2008**

## VISI

Peneraju Kecemerlangan Koperasi Bagi Menjadikannya Penyumbang Berkesan Kepada Pembangunan Negara

## MISI

- Merangsang pembangunan koperasi supaya kompetitif, berdaya tahan, berdaya saing, progresif dan berintegriti
- Meningkatkan penglibatan koperasi dalam pelbagai sektor ekonomi
- Membangunkan modal insan yang kompeten dan berbudaya keusahawanan

## OBJEKTIF

- Merangsang pembangunan koperasi dan gerakan koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosioekonomi negara
- Menggalakkan gerakan koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mapan
- Mengekalkan keyakinan dalam pergerakan koperasi

# LEMBAGA PENGARAH

**PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
(Lantikan: 01.05.2023 – 30.04.2025)

**PUAN SUHARA BINTI HUSNI**

Ketua Seksyen, Bahagian Pelaburan Strategik
Kementerian Kewangan Malaysia
Wakil Kementerian Kewangan Malaysia
(Lantikan: 01.09.2023 – 31.08.2025)

**DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
(Lantikan: 01.04.2023 – 26.09.2023)

**ENCIK ABU HASSAN ALSHARI BIN YAHAYA**

Penolong Gabenor
Bank Negara Malaysia
Wakil Bank Negara Malaysia
(Lantikan Pertama: 01.03.2015 – 28.02.2017)
(Lantikan Kedua: 01.03.2017 – 28.02.2019)
(Lantikan Ketiga: 01.03.2019 – 28.02.2021)
(Lantikan Keempat: 01.03.2021 – 28.02.2023)
(Lantikan Kelima: 01.03.2023 – 28.02.2026)

**DATUK RUSLI BIN JAAFAR**

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
(Lantikan: 01.10.2023 - 31.05.2025)

**DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

(Lantikan Pertama: 01.11.2021 – 31.10.2022)
(Lantikan Kedua: 01.01.2023 – 31.12.2024)

**DATUK WONG THIEN FOOK**

(Lantikan: 01.07.2023 – 30.06.2025)

**DATUK PERIASAMY A/L MUNISAMY**

(Lantikan: 01.07.2023 – 30.04.2024)

**DATO' MOHD SYUKRI BIN ABDUL MAJID**

(Lantikan: 01.07.2023 – 30.06.2025)

**YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE**

(Lantikan: 01.07.2023 – 30.06.2025)

**ENCIK MOHD HILMY BIN YAKAP**

(Lantikan: 01.07.2023 – 30.06.2025)

**SETIAUSAHA LEMBAGA : ENCIK ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR**
**JURUAUDIT : KETUA AUDIT NEGARA**

**IBU PEJABAT : SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR

No. Telefon : 03-2083 4000
Laman Web : www.skm.gov.my

# LEMBAGA PENGARAH
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA




**1**
**PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK**
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**2**
**PUAN SUHARA BINTI HUSNI**
Ketua Seksyen, Bahagian Pelaburan Strategik
Kementerian Kewangan Malaysia
Wakil Kementerian Kewangan Malaysia

**3**
**DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

**4**
**ENCIK ABU HASSAN ALSHARI BIN YAHAYA**
Penolong Gabenor
Bank Negara Malaysia
Wakil Bank Negara Malaysia

**5**
**DATUK RUSLI BIN JAAFAR**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia




**6** DATUK MOHD ALI BIN MANSOR
Ahli Lembaga Pengarah

**7** DATUK WONG THIEN FOOK
Ahli Lembaga Pengarah

**8** DATUK PERIASAMY A/L MUNISAMY
Ahli Lembaga Pengarah

**9** DATO' MOHD SYUKRI BIN ABDUL MAJID
Ahli Lembaga Pengarah

**10** YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
Ahli Lembaga Pengarah

**11** ENCIK MOHD HILMY BIN YAKAP
Ahli Lembaga Pengarah

# JAWATANKUASA TAHUN 2023

## MENURUT SEKSYEN 10 AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007

### JAWATANKUASA PEMANTAUAN KOPERASI

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **DATUK RUSLI BIN JAAFAR** |
| AHLI | : **DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF** |
| | : **DATUK MOHD ALI BIN MANSOR** |
| | : **DATUK PERIASAMY A/L MUNISAMY** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI DAN KAWAL SELIA)** |
| | : **PENASIHAT UNDANG-UNDANG** |
| | : **PENGARAH PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN** |
| | : **PENGARAH PENGESANAN DAN PENILAIAN RISIKO** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH PENYELIAAN DAN TADBIR URUS** |

### JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **PUAN SUHARA BINTI HUSNI** |
| AHLI | : **ENCIK ABU HASSAN ALSHARI BIN YAHAYA** |
| | : **DATUK MOHD ALI BIN MANSOR** |
| | : **DATO' MOHD SYUKRI BIN ABDUL MAJID** |
| | : **ENCIK MOHD HILMY BIN YAKAP** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR DAN PEMBANGUNAN)** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH KEWANGAN** |

## JAWATANKUASA RAYUAN PERJAWATAN

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF** |
| AHLI/PENGERUSI GANTI | : **PUAN SUHARA BINTI HUSNI** |
| AHLI | : **ENCIK MOHD HILMY BIN YAKAP** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH SUMBER MANUSIA** |

## JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK** |
| AHLI | : **YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE** |
| | : **DATO' MOHD SYUKRI BIN ABDUL MAJID** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)** |
| | : **SETIAUSAHA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH SUMBER MANUSIA** |

## JAWATANKUASA PENCALONAN
(JAWATANKUASA INI DIMANSUHKAN PADA 29 SEPTEMBER 2023)

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **DATUK RUSLI BIN JAAFAR** |
| AHLI | : **ENCIK ABU HASSAN ALSHARI BIN YAHAYA** |
| | : **DATO' MOHD SYUKRI BIN ABDUL MAJID** |
| SETIAUSAHA | : **SETIAUSAHA LEMBAGA** |

## BADAN PEMANTAUAN AUDIT KOPERASI

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **ENCIK ABU HASSAN ALSHARI BIN YAHAYA** |
| PENGERUSI GANTI | : **PUAN SUHARA BINTI HUSNI** |
| AHLI | : **DATUK RUSLI BIN JAAFAR** |
| | : **DATUK MOHD ALI BIN MANSOR** |
| | : **DATUK PERIASAMY A/L MUNISAMY** |
| AHLI (BUKAN LEMBAGA) | : **WAKIL MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS (MIA)** |
| AHLI | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI DAN KAWAL SELIA)** |
| | : **PENASIHAT UNDANG-UNDANG** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH AUDIT KOPERASI** |

## JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KOPERASI

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **DATUK RUSLI BIN JAAFAR** |
| AHLI | : **PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK** |
| | : **DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF** |
| | : **DATUK MOHD ALI BIN MANSOR** |
| | : **YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR DAN PEMBANGUNAN)** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH DASAR DAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN** |

## JAWATANKUASA AUDIT SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK** |
| AHLI | : **DATUK WONG THIEN FOOK** |
| | : **ENCIK MOHD HILMY BIN YAKAP** |
| AHLI (BUKAN LEMBAGA) | : **KETUA AKAUNTAN<br>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** |
| | : **KETUA UNIT AUDIT DALAM<br>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH AUDIT DALAM** |

## JAWATANKUASA KHAS HARTANAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

| | |
|---|---|
| PENGERUSI | : **DATUK RUSLI BIN JAAFAR** |
| AHLI | : **DATUK WONG THIEN FOOK** |
| | : **DATUK PERIASAMY A/L MUNISAMY** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR DAN PEMBANGUNAN)** |
| | : **NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)** |
| | : **PENGARAH PERANGKAAN DAN PENYELIDIKAN** |
| | : **PENGARAH KEWANGAN** |
| | : **PENGARAH PENGURUSAN PELABURAN** |
| SETIAUSAHA | : **PENGARAH PENTADBIRAN** |

# TARIKH MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA TAHUN 2023

13 FEBRUARI 2023

18 APRIL 2023

22 JULAI 2023

12 SEPTEMBER 2023

29 SEPTEMBER 2023

11 DISEMBER 2023

# KRONOLOGI



# KRONOLOGI

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN GERAKAN KOPERASI

### 1921

- Pemerintah Inggeris memutuskan untuk membawa gerakan kerjasama ke Malaya

### 1922

- Undang-undang koperasi yang pertama diluluskan di Tanah Melayu, Co-operative Societies Enactment 1922
- Jabatan Pembangunan Koperasi dikenali sebagai Office of the Director of Co-operation ditubuhkan. Gerakan koperasi bermula di kawasan bandar dan luar bandar
- Koperasi kredit yang pertama didaftarkan pada 21 Julai 1922 ialah Syarikat Bekerjasama Jimat Cermat Dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos Dan Telekom Berhad yang kini dikenali sebagai Koperasi Telekom Malaysia Berhad

### 1945

- Jabatan Pembangunan Koperasi ditubuhkan dan dikenali sebagai Office of the Commissioner of Co-operative Societies

### 1948

- Ordinan Syarikat Koperasi 1948 (Co-operative Societies Ordinance 1948) diperkenalkan dan berkuatkuasa di seluruh Malaya. Ordinan ini menggantikan Undang-Undang Syarikat Kerjasama yang berkuatkuasa di negeri masing-masing

### 1949

- Koperasi mula diperkenalkan di Sarawak
- Koperasi Pemborong Malayan (Malayan Co-operative Wholesale Society) telah ditubuhkan dengan mendapat bantuan kewangan dan pengurusan daripada Kerajaan

### 1953

- Kesatuan Koperasi Malaya ditubuhkan

### 1954

- The Malaysian Co-operative Insurance Society Ltd (MCIS) telah didaftarkan untuk menyediakan polisi insurans kepada anggota seperti insurans nyawa dan insurans kesihatan

### 1956

- Maktab Kerjasama Malaya ditubuhkan oleh Kerajaan bagi melatih pegawai dan pemimpin koperasi

### 1957

- Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama Tanah Melayu

### 1958

- Sabah Co-operative Ordinance diluluskan

### 1959

- Koperasi pertama Sabah didaftarkan iaitu The Lubak Co-operative Stock Rearing Society Limited

### 1963

- Jabatan Pembangunan Koperasi dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Kerjasama

### 1966

- Kongres Koperasi Malaysia telah diadakan di Universiti Malaya bertujuan untuk membincangkan konsep penubuhan Kesatuan Koperasi Peringkat Kebangsaan

## 1969

- Koperasi untuk pelajar sekolah diperkenalkan
- Antara koperasi sekolah yang terawal didaftarkan ialah Koperasi Sekolah Menengah Doktor Burhanudin Taiping Berhad

## 1971

- Jabatan Kemajuan Kerjasama diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar
- Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) ditubuhkan bagi menggabungkan semua koperasi dan mewakili gerakan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa

## 1973

- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah ditubuhkan dan mengambil alih penyeliaan koperasi berasaskan pertanian

## 1974

- Jabatan Kemajuan Kerjasama diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Ekonomi Desa
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula ditubuhkan dan mengambil alih penyeliaan koperasi berasaskan perikanan

## 1975

- Penjenamaan Jabatan Kemajuan Kerjasama sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi

## 1977

- Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian Pertanian

## 1981

- Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

## 2002

- Hari Koperasi Negara pertama dengan tema “Koperasi Wadah Pembangunan” diadakan pada 21 Julai 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia

## 1995

- Akta Koperasi 1993 dipinda dengan memasukkan seksyen berkaitan dengan panduan pembubaran dan penyusunan sesebuah koperasi menjadi syarikat

## 1994

- Akta Koperasi 1993 mula berkuatkuasa

## 1991

- Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

## 1985

- Tabung Modal Pusingan-Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK) dibentuk bertujuan memberi pinjaman kepada koperasi yang hendak melaksanakan projek berdaya maju

## 1983

- Pesuruhjaya penyemak undang-undang di Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan ke atas Ordinan Koperasi 1948 untuk mengemaskini peruntukan-peruntukannya

## 1982

- ‘Era Baru Koperasi’ telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia

## 2004
- Jabatan Pembangunan Koperasi diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- Pelancaran Dasar Koperasi Negara 2002 – 2010 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia

## 2005
- Kabinet meluluskan penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi
- Penubuhan Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan

## 2007
- Pindaan terhadap Akta Koperasi 1993 untuk diselaraskan dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007

## 2008
- Jabatan Pembangunan Koperasi telah diperbadankan menjadi Suruhanjaya Koperasi Malaysia

## 2009
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kemudiannya bertukar nama kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

## 2010
- Pelancaran Dasar Koperasi Negara 2011 – 2020 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 Julai 2010

## 2015
- Garis Panduan Tadbir Urus Syariah telah dilancarkan oleh YB Menteri KPDNKK pada 1 Mei 2015 dan pemakaiannya berkuatkuasa pada 1 Julai 2015

## 2014
- Pengisytiharan Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, Kuala Lumpur sebagai Ibu Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia

## 2013
- Pelancaran logo baharu Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 16 Julai 2013
- 1st Asia Pacific Co-operative Registrars' Conference pada 10 - 12 Disember 2013 di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya, Selangor

## 2012
- Sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa dengan tema "Koperasi Membina Kesejahteraan Sejagat"
- 1st ASEAN Regulators/Senior Government Officials of Co-operatives Meeting pada 5 - 6 Julai 2012 di Putrajaya

## 2011
- Majlis Pelancaran Penjenamaan COOP1M dan Perasmian *Distribution Centre* (DC) milik Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPFB) telah dirasmikan oleh YB Menteri KPDNKK pada 27 Oktober 2011
- Majlis Pelancaran Hari Koperasi Antarabangsa 2012 telah disempurnakan oleh YB Menteri KPDNKK pada 26 November 2011

## 2016

- Sambutan Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri dilaksanakan di seluruh negara pada 21 Julai - 20 Ogos 2016
- Pelancaran Pelan Pembangunan Sektor Pemborongan dan Peruncitan Koperasi 2016 – 2020 oleh YB Menteri KPDNKK

## 2017

Pelancaran dan pelaksanaan:

- Pelan Pembangunan Sektor Perkhidmatan Kewangan Koperasi 2016 – 2020
- Pelan Pembangunan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani Koperasi 2016 – 2020
- Pelan Strategik Koperasi Kariah Masjid 2017 – 2020

## 2018

- Pelaksanaan Pelan Pembangunan Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan 2016 – 2020
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan pada 19 Oktober 2018

## 2019

- Sambutan *Countdown* 100 Tahun Hala Tuju Koperasi pada 21 September 2019 dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri
- Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan pada 15 November 2019

## 2020

- Penjenamaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada Januari 2020
- Sambutan Hari Koperasi Malaysia telah dirasmikan oleh YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
- Pindaan Akta Koperasi 1993 telah diluluskan oleh Dewan Negara pada Disember 2020

## 2023

- Pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Pindaan 2023) dibentang dan diluluskan dalam Dewan Negara pada 21 Jun 2023. Tarikh kuatkuasa pada 1 Oktober 2023 melalui warta bertarikh 23 Ogos 2023
- Pelancaran Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP 2030) pada 10 Julai 2023
- Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dan Peluncuran Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2023 pada 12 Oktober 2023

## 2022

- Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi
  - i. Bulan Koperasi Kebangsaan (BKK'22) diadakan di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Kuala Lumpur pada 30 Jun - 3 Julai 2022
  - ii. Majlis Santapan Diraja diadakan pada 23 Julai 2022 bertempat di Intercontinental Hotel, Jalan Ampang, Kuala Lumpur
  - iii. Hari Koperasi Negara 2022 (HKN'22) diadakan pada 29 - 31 Julai 2022 di MIECC Seri Kembangan, Selangor
  - iv. Pelancaran Setemku Korporat dan Syiling 100 Tahun Gerakan Koperasi

## 2021

- Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengumumkan peruntukan pemulihan ekonomi koperasi berjumlah RM20 juta sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan
- Penubuhan federasi koperasi di bawah subseksyen 86B Akta Koperasi 1993 *[Akta 502]* untuk menggariskan keperluan kursus serta syarat kelulusan bagi penubuhan dan pengoperasian sesebuah federasi
- Pelaksanaan Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025
- Pelaksanaan Pelan Strategik Bank Rakyat 2021-2025

LAPORAN **TAHUNAN**

2023

# CARTA ORGANISASI



# CARTA ORGANISASI

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

LEMBAGA PENGARAH
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
DATUK RUSLI BIN JAAFAR

UNIT INTEGRITI
AZIZAH BINTI SAHAR

UNIT HAL EHWAL LEMBAGA
SETIAUSAHA LEMBAGA

UNIT AUDIT DALAM
SITI MULIYANA BINTI AHMADI

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
DATO' AMRAN BIN HAJI ABD KADIR

NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR DAN PEMBANGUNAN)
HAJI AZAM BIN SULAIMAN

- BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN — NORAZILA BINTI MOHD ZAINOL
- BAHAGIAN PEMBIAYAAN DAN KAWALAN KREDIT — ROSHIDAH BINTI ABU BAKAR
- BAHAGIAN PERANGKAAN DAN PENYELIDIKAN — WAN ZURAINI BINTI WAN YUSOF
- BAHAGIAN PENGURUSAN PELABURAN — RAHAZAWATI BINTI ABDUL HAMID
- BAHAGIAN PROMOSI DAN PENGGALAKAN KOPERASI — HAJI FADILAH BIN SALIM
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN — MOHD FIRDAUS BIN HUSSIN

NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI DAN KAWAL SELIA)
SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA

- BAHAGIAN STATUTORI DAN PENDAFTARAN — NORHAYATI BINTI AHMAD ZAINURI
- BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN — HAJI MOHD ROSSALI BIN MORSALIN
- BAHAGIAN PENYELIAAN DAN TADBIR URUS — ROSIDAH BINTI RAMLI
- BAHAGIAN AUDIT KOPERASI — MARCELLINUS ANDREAS
- BAHAGIAN PENGESANAN DAN PENILAIAN RISIKO — JAAFAR BIN AHMAD
- BAHAGIAN SYARIAH — MOHD KAMAL HAFIS BIN RAZALI

WILAYAH PERSEKUTUAN
HAJI EFENDEE O.P ANDU

JOHOR
MAHZAN BIN NORDIN

PERAK
MEOR MOHAMMAD SHARIFFUDIN BIN MEOR YAHYA

KEDAH
NORZILA BINTI NAYAN

TERENGGANU
AWG RUSLLI BIN MOHAMMAD

KELANTAN
ZAINUDIN BIN MOHAMED

**UNIT HAL EHWAL ANTARABANGSA DAN KOMUNIKASI KORPORAT**
NORLELAH BINTI SAMSUDDIN

**BAHAGIAN UNDANG-UNDANG**
WAN ZAINUL AZAMIN BIN KHAMID @ ABD MAJID

**TRIBUNAL KOPERASI**
SURAIYA BINTI MUSTAFA KAMAL

**SKM CAWANGAN**

**NAIB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN/SETIAUSAHA LEMBAGA)**
ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR

**PEJABAT PENGURUSAN TRANSFORMASI (TMO)**
SITI SHAMSINAR BINTI HAJI MUSTAPA

**PEJABAT PENGURUSAN PROJEK (PMO)**
(KOSONG)

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
SITI KHATIJAH BINTI BASIL

**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**
MUHAMMAD KAMAL NAJIB BIN FIKREY NAJIB

**BAHAGIAN PENTADBIRAN**
RADIATUL FITRI BIN DOLLAH

**BAHAGIAN KEWANGAN**
MOHD LUTFI BIN MUHAJIR

**AKADEMI SKM**
ZUHAINI BINTI ROMLI

**SELANGOR**
ZAHIR BIN DAHARI

**PULAU PINANG**
(KOSONG)

**SARAWAK**
LIEW LIUK CHIM

**SABAH**
MATIAS KUNDAPIN

**PAHANG**
IBRAHIM BIN HUSAIN

**NEGERI SEMBILAN**
SHAHRIZAN BIN ROSLI

**PERLIS**
ZAID BIN ABU BAKAR

**MELAKA**
MUSTAFA KAMAL BIN MOHD NOR

LAPORAN **TAHUNAN**

# PERANGKAAN AM KOPERASI 2023



# PERANGKAAN AM KOPERASI 2023

## RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT NEGERI 2023

| | KOPERASI | KEANGGOTAAN | SYER/YURAN | ASET | PEROLEHAN |
|---|---|---|---|---|---|
| IBU PEJABAT | 3 | 908,898 | RM4,248 juta | RM129,623 juta | RM51,896 juta |
| JOHOR | 1,490 | 482,857 | RM321 juta | RM1,398 juta | RM837 juta |
| KEDAH | 1,003 | 285,302 | RM358 juta | RM754 juta | RM426 juta |
| KELANTAN | 974 | 314,761 | RM436 juta | RM2,186 juta | RM610 juta |
| MELAKA | 487 | 178,225 | RM109 juta | RM558 juta | RM157 juta |
| NEGERI SEMBILAN | 780 | 192,503 | RM123 juta | RM401 juta | RM190 juta |
| PAHANG | 1,178 | 305,721 | RM449 juta | RM1,560 juta | RM1,073 juta |
| PERAK | 1,734 | 356,685 | RM563 juta | RM1,549 juta | RM694 juta |
| PERLIS | 249 | 62,621 | RM68 juta | RM138 juta | RM35 juta |
| PULAU PINANG | 809 | 170,125 | RM261 juta | RM1,055 juta | RM518 juta |
| SABAH | 1,798 | 369,619 | RM256 juta | RM945 juta | RM678 juta |
| SARAWAK | 1,190 | 313,917 | RM228 juta | RM651 juta | RM369 juta |
| SELANGOR | 2,115 | 648,633 | RM786 juta | RM2,692 juta | RM706 juta |
| TERENGGANU | 828 | 242,009 | RM291 juta | RM739 juta | RM700 juta |
| WILAYAH PERSEKUTUAN | 1,171 | 2,388,288 | RM8,950 juta | RM21,647 juta | RM5,673 juta |
| **JUMLAH** | **15,809** | **7,220,164** | **RM17,449 juta** | **RM165,895 juta** | **RM64,561 juta** |

## RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT FUNGSI 2023

| FUNGSI | BILANGAN KOPERASI | ANGGOTA | SYER & YURAN (RM JUTA) | ASET (RM JUTA) | PEROLEHAN (RM JUTA) |
|---|---|---|---|---|---|
| Perbankan | 2 | 897,785 | 4,248.28 | 129,280.90 | 51,756.68 |
| Kredit | 560 | 1,168,134 | 6,812.38 | 16,305.69 | 4,803.43 |
| Pertanian | 3,634 | 634,535 | 784.57 | 3,966.82 | 1,664.94 |
| Perumahan | 311 | 131,163 | 159.74 | 1,085.32 | 182.64 |
| Perindustrian | 352 | 19,233 | 17.88 | 107.69 | 20.89 |
| Pengguna | 5,613 | 2,654,556 | 884.77 | 2,795.45 | 1,782.33 |
| Pembinaan | 266 | 94,955 | 44.51 | 128.26 | 90.31 |
| Pengangkutan | 466 | 131,406 | 83.80 | 398.24 | 837.01 |
| Perkhidmatan | 4,605 | 1,488,397 | 4,412.71 | 11,826.74 | 3,422.64 |
| JUMLAH | 15,809 | 7,220,164 | 17,448.65 | 165,895.10 | 64,560.87 |

## RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT KLUSTER 2023

| KLUSTER | BILANGAN KOPERASI | ANGGOTA | SYER & YURAN (RM JUTA) | ASET (RM JUTA) | PEROLEHAN (RM JUTA) |
|---|---|---|---|---|---|
| Besar | 324 | 3,318,896 | 15,162.11 | 159,478.50 | 62,380.86 |
| Sederhana | 544 | 519,365 | 1,213.09 | 3,072.28 | 1,211.29 |
| Kecil | 1,637 | 1,338,110 | 561.94 | 1,804.55 | 689.92 |
| Mikro | 13,304 | 2,043,793 | 511.51 | 1,539.77 | 278.81 |
| JUMLAH | 15,809 | 7,220,164 | 17,448.65 | 165,895.10 | 64,560.87 |

## RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT PERINGKAT 2023

| PERINGKAT | BILANGAN KOPERASI | ANGGOTA | SYER & YURAN (RM JUTA) | ASET (RM JUTA) | PEROLEHAN (RM JUTA) |
|---|---|---|---|---|---|
| Atasan | 1 | 11,113 | - | 341.91 | 139.01 |
| Menengah | 89 | 905,370 | 4,376.04 | 130,052.74 | 52,638.70 |
| Asas | 15,719 | 6,303,681 | 13,072.61 | 35,500.45 | 11,783.16 |
| JUMLAH | 15,809 | 7,220,164 | 17,448.65 | 165,895.10 | 64,560.87 |

LAPORAN **TAHUNAN**

# SEKTOR PEMBANGUNAN



# SEKTOR PEMBANGUNAN

## TRANSFORMASI SEABAD GERAKAN KOPERASI

### LANDSKAP GERAKAN KOPERASI TAHUN 2023

Setelah menempuh fasa sukar semasa pandemik Covid-19 dan fasa pasca pandemik, gerakan koperasi telah berjaya bangkit semula dan beradaptasi dengan cabaran semasa. Usaha yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam menyediakan inisiatif bagi mengurangkan kesan semasa pasca pandemik telah berjaya merancakkan kembali prestasi perniagaan koperasi. Pada tahun 2023, jumlah koperasi berdaftar 15,809 dengan keanggotaan 7.22 juta orang dan nilai perolehan yang dicatatkan berjumlah RM64.56 bilion. Peningkatan drastik melebihi 40% berbanding perolehan tahun 2022 (RM45.50 bilion) membuktikan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi semakin meningkat terutama dalam sektor perkhidmatan kewangan. Manakala sektor lain juga telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dan mendapat sambutan baik oleh masyarakat.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa segala cabaran dan perubahan semasa yang memberi kesan terhadap perniagaan koperasi telah dapat ditangani dengan sokongan Kerajaan melalui Suruhanjaya dan badan sokongan lain. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), dua (2) program diteruskan pada tahun 2023 iaitu Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 berjumlah RM5 juta dan Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi *[Supply Chain Empowerment For Co-operatives (SCOPE)]* dengan peruntukan RM3 juta yang memberi manfaat kepada 68 koperasi. Di samping itu, sejumlah RM100 juta peruntukan Tabung Modal Pusingan (TMPSKM) telah disediakan oleh Kementerian Kewangan kepada gerakan koperasi yang mana telah memberi manfaat kepada 80 koperasi dengan nilai pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM133.56 juta.

### PENJAJARAN KERANGKA EKONOMI MADANI DALAM EKOSISTEM KOPERASI

MADANI yang membawa maksud kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan amat selari dengan nilai dan prinsip berkoperasi. Nilai-nilai berkoperasi yang baik iaitu berdikari, kesaksamaan, kesedaran tanggungjawab diri, amanah, ketelusan, tanggungjawab sosial dan prihatin, amat selari dengan Kerangka Ekonomi MADANI dalam membangunkan tanah air yang mampan dan makmur. Ia seharusnya menjadi teras dalam membentuk kelestarian gerakan koperasi bagi mencapai kesejahteraan hidup anggota yakni rakyat umumnya, dalam konteks berkongsi kemakmuran dan kesejahteraan hidup.

Pemberdayaan semula institusi yang melibatkan semua pemegang taruh dalam gerakan koperasi harus serentak supaya infrastruktur tersedia dapat memudahcara program kawal selia dan pembangunan koperasi. Justeru pengubahsuaian dasar dan pelan berdasarkan kajian-kajian yang dilaksanakan terhadap kumpulan sasar hendaklah menjadi input penting dalam merangka program intervensi yang berimpak tinggi.

## Penjajaran Strategi DaKoM 2030 Dengan Nilai Teras Malaysia MADANI

| Strategi DaKoM 2030 | Nilai Teras Malaysia MADANI |
|---|---|
| **TERAS 2 Strategi 5:**<br>Membentuk pemikiran berteraskan koperasi | **KEMAMPANAN**<br>Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan |
| **TERAS 2 Strategi 6:**<br>Memupuk amalan ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus) | **KESEJAHTERAAN**<br>Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan |
| **TERAS 3**<br>**Strategi 13:**<br>Memajukan koperasi ke era digital<br><br>**Strategi 14 :**<br>Memperkasakan semula daya saing koperasi melalui inovasi | **DAYA CIPTA**<br>Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia |
| **TERAS 1 Strategi 2:**<br>Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan koperasi<br><br>**TERAS 2 Strategi 7:**<br>Membangunkan generasi baharu pemimpin koperasi<br><br>**TERAS 2 Strategi 9:**<br>Mendorong keterangkuman melalui model koperasi | **HORMAT**<br>Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia |
| **TERAS 1 Strategi 1:**<br>Memperkasakan peranan badan kawal selia dan pembangunan koperasi<br><br>**TERAS 4 Strategi 20:**<br>Membina sektor koperasi yang berdaya maju dan mandiri | **KEYAKINAN**<br>Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan |
| **TERAS 1 Strategi 4:**<br>Memantapkan peranan sosial koperasi melalui sokongan bersasar<br><br>**TERAS 4 Strategi 16:**<br>Memupuk impak koperasi dalam sosioekonomi | **IHSAN**<br>Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan |

## DASAR-DASAR UTAMA PEMANGKIN GERAKAN KOPERASI

### Dasar Koperasi Malaysia 2030 Memacu Pembangunan Gerakan Koperasi

Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030 adalah inisiatif strategik yang dilancarkan oleh Kerajaan untuk memperkukuh sektor koperasi sehingga tahun 2030. Dasar ini bertujuan untuk menjadikan koperasi sebagai entiti perniagaan yang berdaya saing dan berinovasi serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi serta sosial negara. Selaras dengan pelancaran DaKoM 2030 pada 12 Oktober 2023, DaKoM 2030 menyasarkan perolehan sebanyak RM60 bilion pada 2025 dan RM73 bilion pada 2030. DaKoM 2030 akan bertindak sebagai pemangkin kepada aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.




> "DaKoM 2030 merupakan hala tuju strategik bagi pembangunan koperasi dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya dengan visi untuk menjadikan sektor ini sebagai pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia."

Kerangka DaKoM 2030 ini dibentuk bagi mencapai tiga (3) objektif:

1. Menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.
2. Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia.
3. Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Empat (4) prinsip asas yang digariskan di bawah DaKoM 2030 adalah Menyatukan, Mendidik, Membangun dan Berkembang.

**Visi**

**Sektor koperasi pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia**

**Objektif Dasar**

- **A — Pertumbuhan ekonomi**: Menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia
- **B — Produktif dan aktif**: Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima oleh rakyat Malaysia
- **C — Model perniagaan pilihan**: Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia

**Prinsip Asas**

MENYATUKAN | MENDIDIK | MEMBANGUN | BERKEMBANG

**Teras Dasar**

1. Mentransformasikan sokongan koperasi ke arah pembangunan ekosistem yang lebih holistik dan kondusif
2. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan prinsip koperasi
3. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi
4. Memajukan sektor koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonomi utama

**20 STRATEGI**

**Fokus Industri**

Hospitaliti | Makanan & Minuman | Pembuatan | Pengangkutan | Penjagaan Kesihatan | Perkhidmatan Kewangan | Perkhidmatan Perniagaan | Pertanian | Peruncitan & Pengguna

Bagi memeta hala tuju gerakan koperasi sehingga tahun 2030, sebanyak empat (4) teras dasar utama dan 20 strategi telah ditetapkan sebagai panduan utama pelaksanaan program pembangunan koperasi di negara ini yang mana ia adalah hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh KUSKOP dengan mengambil kira pencapaian Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

Pemetaan hala tuju DaKoM 2030 ini juga bagi menyokong dan melengkapi dasar-dasar negara yang sedia ada, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019 – 2030 dan lain-lain.

DaKoM 2030 menyasarkan tiga (3) KPI utama yang perlu dicapai menjelang tahun 2030:

**PEROLEHAN SEKTOR KOPERASI**

| | |
|---|---|
| Pencapaian **RM60 bilion** Pada tahun 2025 | Pencapaian **RM73 bilion** Pada tahun 2030 |
| **62%** **Koperasi Aktif** Pada tahun 2025 | **65%** **Koperasi Aktif** Pada tahun 2030 |
| **75%** **Skor IndeKA** Pada tahun 2025 | **80%** **Skor IndeKA** Pada tahun 2030 |

*Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA), petunjuk yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi.*



> “Dokumen strategik menggariskan **langkah-langkah transformasi** yang akan diambil bagi memperkasakan **gerakan koperasi** di Malaysia sebagai ***pemangkin (catalyst)*** kepada **pertumbuhan sosioekonomi** Malaysia yang **seimbang, inklusif, progresif dan mampan.**”

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 adalah bertepatan dalam menjadi paksi transformasi kepada gerakan koperasi di Malaysia. Usaha berterusan pelaksanaan anjakan transformasi gerakan koperasi diteruskan lagi dalam pelan pelaksanaan Fasa 2 bermula tahun 2022-2023. Berdasarkan rekod, 38 daripada 46 aktiviti bagi tahun 2023 telah mencatatkan pencapaian 100% dan lapan (8) aktiviti pencapaian kurang daripada 100%. Ini menunjukkan Suruhanjaya komited dalam melaksanakan aktiviti dan program yang dirancang bagi mencapai KPI yang ditetapkan.

## PENCAPAIAN TAHUN 2023

**46 AKTIVITI** | 100%: **38 AKTIVITI** | KURANG 100%: **8 AKTIVITI**

| | BIDANG TUJAHAN | AKTIVITI | PENCAPAIAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 100% | KURANG 100% | |
| 1 | Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama | 4 | 4 | 0 | 100% |
| 2 | Pemantapan Sistem Perundangan Dan Struktur Governan | 11 | 9 | 2 | 99% |
| 3 | Pengukuhan Bakat Dan Pembangunan Modal Insan | 6 | 6 | 0 | 100% |
| 4 | Pembentukan Persekitaran Perniagaan Yang Mampan Dan Lestari | 17 | 13 | 4 | 98% |
| 5 | Pemerkasaan Badan Induk Dan Sistem Penyampaian Koperasi | 8 | 6 | 2 | 91% |

### PERATUSAN KESELURUHAN
Semua Bidang Tujahan



Capai
**98%**

Dalam Pelaksanaan
**2%**

*Nota: Prestasi peratusan pencapaian setiap Bidang Tujahan berdasarkan Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam*

## PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2021-2025

Pelan Strategik SKM (PS SKM) 2021-2025 disediakan berasaskan Bidang Tujahan Lima (5) (Pemerkasaan Badan Induk & Sistem Penyampaian) Pelan TransKoM 2021-2025 bagi memperkasakan peranan Suruhanjaya sebagai agensi induk kawal selia dan pembangunan koperasi. Pemantauan berterusan pelaksanaan PS SKM sentiasa dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan PS SKM dalam memastikan agenda pemerkasaan Suruhanjaya dapat dijayakan walaupun berdepan cabaran.

| TERAS STRATEGIK | SASARAN | PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | <100% | 100% | CAPAI | BELUM CAPAI |
| 1 Transformasi Organisasi | 21 | 5 | 16 | 84% | 16% |
| 2 Pemantapan Modal Insan | 21 | 4 | 17 | 86% | 14% |
| 3 Penyampaian Perkhidmatan Berkesan | 26 | 5 | 21 | 91% | 9% |
| 4 Pengukuhan Daya Tahan Kewangan | 12 | 2 | 10 | 89% | 11% |
| 5 *Visibility* Organisasi | 14 | 2 | 12 | 94% | 6% |

### KESELURUHAN TERAS STRATEGIK



Capai
89%

Belum Capai
11%

*Nota: Prestasi peratusan pencapaian setiap Teras Strategik berdasarkan Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam*

## PENDIGITALAN BERSEPADU PEMACU KECEMERLANGAN GERAKAN KOPERASI

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030 telah dilancarkan pada 10 Julai 2023. Pelan ini menggariskan rancangan untuk membantu koperasi dalam proses adaptasi digital serta pembudayaan e-dagang dalam perniagaan dan tadbir urus. Pelan digitalisasi ini memperincikan rangka tindakan dan hala tuju untuk menjadikan sektor koperasi di Malaysia berdaya saing berdepan dengan cabaran alaf baharu.

DigiKOP 2030 ialah panduan strategik yang perlu diguna pakai oleh koperasi untuk melaksanakan agenda pendigitalan pada peringkat koperasi. Matlamat utama DigiKOP 2030 adalah untuk memastikan koperasi di Malaysia bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dunia. Justeru, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya gerakan koperasi menjadi lebih maju, berdaya saing dan mampan. Selari dengan aspirasi gerakan koperasi Malaysia untuk membina masyarakat digital, DigiKOP 2030 mempunyai visi untuk memacu gerakan koperasi yang lebih moden, sistematik dan berdaya saing.

## PENGIKTIRAFAN KOPERASI SEBAGAI PERUSAHAAN SOSIAL

Kerajaan amat menggalakkan koperasi dalam menyokong usaha pembangunan sosioekonomi dengan menyumbang sekurang-kurangnya 30% bagi membantu golongan yang memerlukan dan seterusnya memohon supaya mendapat akreditasi sebagai perusahaan sosial. Penglibatan koperasi dalam aktiviti perusahaan sosial ini turut memberi imej yang baik kepada gerakan koperasi yang beroperasi untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik. Di bawah Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030), Suruhanjaya telah melaksanakan program bagi menggalakkan koperasi terlibat dalam aktiviti perusahaan sosial.

Bagi koperasi yang memohon untuk mendapat penarafan Perusahaan Sosial (SE) setelah dinilai dan memenuhi kriteria akan diberikan penarafan Perusahaan Sosial Asas (SE.B) dan selanjutnya Perusahaan Sosial Diakreditasi (SE.Ac). Pada tahun 2023, sebanyak 46 koperasi telah mendapat pengiktirafan SE menjadikan keseluruhan jumlah terkumpul koperasi SE.B 92 koperasi dan satu (1) koperasi mendapat pengiktirafan SE.Ac. Peningkatan ini adalah hasil daripada pelaksanaan program kesedaran bersama koperasi yang giat dilaksanakan Suruhanjaya bagi menggalakkan lebih banyak koperasi mendapat penarafan SE. Aktiviti SE ini memberi impak terhadap masyarakat dan persekitaran khususnya dalam menyediakan peluang ekonomi kepada golongan penerima manfaat. Antaranya peluang pekerjaan, pendidikan, kesihatan, kelestarian alam sekitar dan jaminan makanan.

### STATISTIK KOPERASI MENDAPAT PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL

| BIL | SKM NEGERI | JUMLAH PENDAFTARAN SEHINGGA 2022 | JUMLAH PENDAFTARAN SEHINGGA 2023 | JUMLAH PENDAFTARAN TERKUMPUL |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Wilayah Persekutuan | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Johor | 2 | 2 | 4 |
| 3 | Sabah | 6 | 5 | 11 |
| 4 | Sarawak | 22 | 24 | 46 |
| 5 | Selangor | 2 | 4 | 6 |
| 6 | Pahang | 0 | 1 | 1 |
| 7 | Kedah | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Pulau Pinang | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Kelantan | 2 | 1 | 3 |
| 10 | Perak | 0 | 0 | 0 |
| 11 | Terengganu | 8 | 3 | 11 |
| 12 | Melaka | 0 | 6 | 6 |
| 13 | Negeri Sembilan | 3 | 0 | 3 |
| 14 | Perlis | 1 | 0 | 1 |
| | **JUMLAH** | **46** | **46** | **92** |

## LIBERALISASI PERUNDANGAN KOPERASI

Dalam usaha memudahcara perniagaan koperasi, Suruhanjaya telah melaksanakan kajian bagi menilai kesesuaian perundangan sedia ada dengan perubahan dalam persekitaran politik, ekonomi, sosial, teknologi, alam sekitar dan perundangan lain yang berkaitan. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan pasukan penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dijadikan input awal proses semakan semula Akta Koperasi 1993 *[Akta 502]*.

Pada tahun 2023, Jawatankuasa Kerja Semakan Semula Akta 502 telah dibentuk di peringkat Suruhanjaya bagi melaksanakan kajian yang lebih terperinci terhadap peruntukan-peruntukan di dalam Akta ini untuk mencadangkan penetapan dasar baharu Akta 502 yang dijangka selesai pada tahun 2024. Hasrat Suruhanjaya adalah untuk membentangkan RUU Akta 502 pada tahun 2025 setelah penetapan dasar ini diluluskan di peringkat KUSKOP. Melalui pindaan Akta yang akan dilaksanakan, matlamat bagi meliberalisasikan perundangan perniagaan koperasi dapat dicapai dan dalam masa yang sama memperkasa Suruhanjaya sebagai agensi pengawal selia koperasi yang berwibawa. Selaras dengan pindaan Akta 502 yang dilaksanakan, Suruhanjaya juga sedang memperhalusi dan menambah baik peraturan-peraturan koperasi sedia ada untuk disesuaikan dengan persekitaran semasa khususnya dalam memudahcara aktiviti perniagaan koperasi.

## PRESTASI SEKTOR EKONOMI UTAMA KOPERASI

Perubahan persekitaran ekonomi serta politik tempatan dan antarabangsa memerlukan gerakan koperasi bergerak seiringan. Matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi merupakan cabaran yang perlu disokong secara bersama oleh gerakan koperasi. Sektor perkhidmatan kewangan yang merupakan nadi gerakan koperasi negara, perlu diperkukuh untuk memastikan perkembangan sektor koperasi yang mantap. Di samping itu, sektor lain dalam rantaian ekonomi seperti pemborongan dan peruncitan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, pertanian industri asas tani, perladangan, pembangunan hartanah dan industri pembinaan perlu terus dikembangkan. Gerakan koperasi terus mendokong saranan Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan bagi memenuhi permintaan negara. Bagi sektor pertanian, koperasi yang terlibat dalam pengeluaran makanan dan ternakan perlu mengaplikasikan teknologi hijau dan *artificial intelligence* (AI) untuk meningkatkan produktiviti ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan amalan terbaik dalam persekitaran, sosial dan tadbir urus *(Environmental, Social and Governance [ESG])* yang menjadi konsep penting dalam perniagaan.

Selain itu, dalam usaha untuk memperkasakan gerakan koperasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, pembangunan sektor koperasi akan diperhebat sebagai medium untuk meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi masyarakat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Galakan berterusan akan diberi bagi menangani isu berkaitan peningkatan kos sara hidup bagi menambahbaik kesejahteraan anggota koperasi serta memudahcara perniagaan yang boleh menghasilkan pulangan yang tinggi.

## Sektor Perkhidmatan Kewangan

Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad (FedKew) didaftarkan pada 1 April 2021 dengan tujuan untuk menggembleng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional yang dimiliki oleh koperasi kredit bagi menyediakan perkhidmatan kewangan pada skala yang lebih besar. Sehingga 31 Disember 2023, FedKew mempunyai 15 anggota dengan modal syer sebanyak RM560,000.

Pada Jun 2023, FedKew telah memperoleh lesen pengoperasian sebagai Takaful Kaptif dan usaha mempromosi perkhidmatan ini sedang giat dilaksanakan dengan sasaran minimum *cumulative premium* sebanyak RM5 juta. Selain itu, FedKew sedang membangunkan Sistem Pengurusan Bersepadu (Fed-Digital) yang merangkumi modul pengurusan, modul keanggotaan, modul pembiayaan dan modul perakaunan.

Keupayaan FedKew untuk mempromosikan perkhidmatan Takaful Kaptif serta usaha membangunkan Fed-Digital dalam menyediakan penyelesaian holistik dan inovatif untuk anggota. Usaha ini tidak hanya memperkukuh kedudukan koperasi anggota dalam sektor kewangan, tetapi berpotensi meningkatkan daya saing melalui akses kepada teknologi dan perkhidmatan yang lebih komprehensif.

## Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Antara peranan Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad (FedBorong) ialah mengukuh dan memantapkan penguasaan rantaian bekalan serta rantaian nilai pada harga yang lebih kompetitif untuk dibekalkan kepada *outlet* koperasi. Sehingga 31 Disember 2023, FedBorong mempunyai 49 anggota dengan jumlah modal syer sebanyak RM137,500. Ini menunjukkan komitmen yang kuat untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan dalam sektor pemborongan dan peruncitan.

FedBorong melaksanakan projek pembekalan 10 SKU produk jenama "COOP Sejak 1922". Produk ini mula dipasarkan pada bulan September 2022 dengan harga lebih rendah antara 2% hingga 8% berbanding harga pasaran. Produk "COOP Sejak 1922" ini boleh diperolehi di sebahagian rangkaian COOP Mart milik koperasi. FedBorong dalam usaha mempelbagaikan produk jenama "COOP Sejak 1922" dan memiliki gudang bagi memudahkan aktiviti pengedaran barangan.

FedBorong telah memulakan langkah yang baik dalam memantapkan operasi melalui pengurusan rantaian bekalan yang efektif, pengenalan produk dengan harga berpatutan dan perancangan strategik. Langkah-langkah ini membantu mengukuhkan kedudukan dalam pasaran serta memberikan manfaat kepada anggota dan masyarakat.








## Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani

Federasi Koperasi Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad (FedIAT) ditubuhkan untuk mengintegrasikan modal, kepakaran, dan tenaga profesional dalam sektor pertanian bagi meningkatkan skala operasi dan penguasaan rantaian bekalan. Sehingga 31 Disember 2023, FedIAT ini mempunyai enam (6) anggota dengan modal syer berjumlah RM85,000. FedIAT ini dalam perancangan untuk melaksanakan aktiviti pengedaran input pertanian dan memasarkan hasil keluaran pertanian dan industri asas tani kepada anggota.

Objektif pewujudan FedIAT ini adalah untuk mencapai skala ekonomi yang dapat menurunkan kos dan menyediakan bahan input yang diperlukan oleh anggota bagi meningkatkan hasil pertaniannya.

## Sektor Perladangan

Federasi Koperasi Perladangan Berhad (FedLadang) memainkan peranan penting dalam menyokong dan memajukan koperasi perladangan di Malaysia. Dengan kekuatan 21 anggota dan modal syer sebanyak RM63,000, FedLadang jelas mempunyai asas yang kukuh untuk melaksanakan aktiviti bermanfaat kepada anggota antaranya:

(a) Khidmat nasihat perladangan termasuk memberikan panduan dan nasihat mengenai teknik dan amalan terbaik dalam perladangan seterusnya meningkatkan hasil dan efisiensi operasi perladangan;

(b) Pemudahcara pengambilan pekerja asing yang melibatkan pemprosesan dokumentasi dan koordinasi dengan pihak berkuasa untuk memastikan pengambilan pekerja asing berjalan lancar. Program ini bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja tempatan dalam sektor perladangan supaya melancarkan operasi perladangan, meningkatkan hasil pengeluaran dan mengurangkan kesulitan dalam mencari tenaga kerja tempatan; dan

(c) Membangun ladang yang bertujuan untuk menunjukkan amalan perladangan yang berkesan dan boleh dicontohi oleh semua pihak.

Dengan langkah-langkah ini, peranan FedLadang dapat terus menyokong dan memajukan koperasi perladangan di Malaysia seterusnya memastikan anggota dapat beroperasi dengan lebih efektif dan efisien.










## Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Federasi Koperasi Pelancongan Penjagaan Diri Dan Kesihatan Malaysia Berhad (FedPelancongan) didaftarkan untuk menggembleng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan pada skala yang lebih besar. Pada 2023, Federasi Koperasi ini mempunyai 31 anggota dengan modal syer sebanyak RM107,000.

Antara aktiviti yang sedang dilaksanakan adalah menyediakan khidmat nasihat dan mempromosi pakej pelancongan serta perancangan untuk pengeluaran pek kembara, pek kosmetik dan pek fisioterapi.

Aktiviti ini berpotensi dalam memajukan sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan walaupun terdapat cabaran modal dan koordinasi, langkah-langkah ini dapat meningkatkan skala operasi dan memberikan manfaat yang lebih besar kepada anggota koperasi dan pelanggan.













## Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan

Federasi Koperasi Hartanah Dan Industri Pembinaan Malaysia Berhad (FedHartanah) bertujuan untuk menggembleng sumber modal, kepakaran, kemahiran dan tenaga profesional bagi melaksanakan aktiviti berkaitan pembangunan hartanah dan industri pembinaan pada skala yang lebih besar. Sehingga 31 Disember 2023, FedHartanah ini mempunyai 34 anggota dengan modal syer berjumlah RM195,000.

Antara aktiviti FedHartanah ini adalah ejen jualan hartanah, khidmat nasihat teknikal dan pemudahcara anggota melaksanakan perniagaan dalam aktiviti ini. FedHartanah dalam perancangan untuk membangunkan projek hartanah secara usahasama dengan anggota.





### Status Keanggotaan dan Caruman Modal Syer Federasi Koperasi Tahun 2023

| BIL | FEDERASI KOPERASI | JUMLAH KEANGGOTAAN | JUMLAH MODAL SYER DITERIMA (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | FEDERASI KOPERASI PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN MALAYSIA BERHAD | 49 | RM137,500.00 |
| 2 | FEDERASI KOPERASI PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN MALAYSIA BERHAD | 31 | RM107,000.00 |
| 3 | FEDERASI KOPERASI PERKHIDMATAN KEWANGAN MALAYSIA BERHAD | 15 | RM560,000.00 |
| 4 | FEDERASI KOPERASI HARTANAH DAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA BERHAD | 34 | RM195,000.00 |
| 5 | FEDERASI KOPERASI PERLADANGAN BERHAD | 21 | RM63,000.00 |
| 6 | FEDERASI KOPERASI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA BERHAD | 6 | RM85,000.00 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **156** | **RM1,147,500.00** |

## AKSES KEPADA SUMBER KEWANGAN

Sebagai usaha menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi, Suruhanjaya menyediakan beberapa insentif kewangan seperti bantuan pembangunan dan pembiayaan pada koperasi. Inisiatif ini adalah selaras dengan Langkah Strategik 1: Menyediakan akses pembiayaan inklusif di bawah Bidang Tujahan 4: Pembentukan persekitaran perniagaan yang mampan dan Lestari, TransKoM 2021-2025.

Geran bantuan pembangunan adalah salah satu inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk menyokong perkembangan dan kelangsungan operasi koperasi terutama dalam menghadapi cabaran ekonomi selepas pasca pandemik Covid-19. Pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan Teras Dasar Ketiga, DaKoM 2030 meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi dan Langkah Strategik 2: Pelan TransKoM 2021-2025, menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi.

## Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0

Bagi tahun 2023, sebanyak 53 koperasi telah diluluskan bantuan pembangunan dengan jumlah RM5,000,000 di bawah peruntukan RMKe-12 bagi membangun dan menaik taraf infrastruktur perniagaan, pembelian peralatan dan kelengkapan termasuk pembelian peralatan ICT perniagaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16 koperasi dalam Sektor Perkhidmatan telah diluluskan bantuan dengan jumlah RM1,820,000 (36%).

| SEKTOR EKONOMI UTAMA | BILANGAN KOPERASI | AMAUN (RM) |
|---|---|---|
| Pemborongan dan Peruncitan | 14 | 1,305,000.00 |
| Pertanian dan Industri Asas Tani | 4 | 350,000.00 |
| Perladangan | 7 | 540,000.00 |
| Perkhidmatan | 16 | 1,820,000.00 |
| Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan | 4 | 285,000.00 |
| Perkhidmatan Kewangan | 1 | 150,000.00 |
| Hartanah dan Industri Pembinaan | 2 | 360,000.00 |
| Sekolah (Kedai Koperasi) | 5 | 190,000.00 |
| **JUMLAH** | **53** | **5,000,000.00** |

## Program Sektor Peneraju Ekonomi Koperasi

Program Sektor Peneraju Ekonomi Koperasi (PROSPEK) merupakan satu inisiatif penting dalam memperkasa koperasi dengan menekankan penglibatan dalam aktiviti perniagaan berpotensi tinggi dan mampu memberikan pulangan yang signifikan.

Geran padanan ini disediakan bagi membantu koperasi yang menjalankan projek berdaya maju dengan menfokuskan kepada enam (6) sektor peneraju utama iaitu Sektor Pemborongan & Peruncitan, Pembangunan Hartanah & Industri Pembinaan, Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan, Perladangan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Perkhidmatan Kewangan. Pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan Strategi 11, DaKoM 2030 untuk meningkatkan pertumbuhan dalam industri utama koperasi.

Peruntukan sebanyak RM2,907,000 kepada 34 koperasi adalah langkah awal dalam merancakkan aktiviti ekonomi. Kesan daripada pelaksanaan program ini dapat meningkatkan perolehan koperasi dan memberi manfaat yang berpanjangan kepada anggota dan masyarakat secara keseluruhan.

## Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi

Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK) yang diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010 untuk memberi kemudahan kewangan kepada koperasi akibat daripada bencana alam dan faktor luar kawalan termasuk serangan serangga ke atas tanaman.

Objektif TBKK adalah untuk memberi bantuan bagi membolehkan koperasi mengambil tindakan segera menyelamatkan perniagaan yang sedang terjejas, mengurangkan kesan negatif dan meringankan beban yang dialami oleh koperasi akibat bencana alam dan faktor luar kawalan. Sebanyak RM810,700 telah diluluskan kepada

47 koperasi yang memerlukan bantuan bagi memulihkan aktiviti ekonomi yang terjejas. Bantuan ini telah memainkan peranan penting dalam memastikan koperasi dapat meneruskan operasi. Inisiatif ini menunjukkan komitmen Suruhanjaya dalam menyokong koperasi untuk kekal berdaya saing dan terus memberi manfaat kepada anggota serta komuniti, terutama dalam situasi kecemasan dan ketidaktentuan.

### *CO-OPERATIVE EMERGENCY RELIEF FUND*

*Co-operative Emergency Relief Fund* (CERF) merupakan dana bantuan secara *one-off* sehingga RM3,000 kepada koperasi yang terjejas akibat bencana alam dan faktor luar kawalan yang dibiayai daripada peruntukan tambahan Kumpulan Wang Pusat.

Pelaksanaan CERF adalah untuk menyediakan bantuan segera yang telah dikenalpasti bagi membolehkan koperasi mengambil tindakan menyelamatkan aset serta perniagaan yang terjejas, mengurangkan kesan negatif bencana dan meringankan bebanan yang dialami oleh koperasi serta mengurangkan persepsi birokrasi awam. CERF juga menzahirkan keprihatinan Suruhanjaya terhadap musibah yang dialami koperasi.

Pada tahun 2023, sebanyak RM13,000 telah disalurkan kepada lima (5) koperasi yang terjejas akibat bencana alam dan faktor luar kawalan.

## INSENTIF PEMBANGUNAN KOPERASI MELALUI PEMBIAYAAN TABUNG MODAL PUSINGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Dalam usaha merancakkan pembangunan perniagaan koperasi, Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tahun 2023 untuk disalurkan kepada koperasi dalam bentuk dana pembiayaan. Pada masa ini, koperasi berdepan masalah kekurangan modal dalam usaha meningkatkan nilai tambah kepada projek atau perniagaan yang diceburi. Melalui dana pembiayaan yang disediakan ini, ia dijangka dapat merangsang pembangunan koperasi untuk mengembang atau memperluas aktiviti perniagaan sekaligus membantu menyumbang lebih RM60 bilion kepada KDNK pada tahun 2023.

Sektor koperasi berpeluang untuk menceburi perniagaan berskala besar dan meningkatkan pendapatan perniagaan dengan adanya modal yang mencukupi. Seterusnya, dana ini juga dapat diperluas kepada koperasi bersaiz mikro seperti koperasi komuniti, kariah masjid atau penternak yang memerlukan modal tambahan bagi mengembangkan perniagaan.

Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) diwujudkan pada 28 November 1985 di bawah subseksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi menawarkan pembiayaan kepada koperasi sebagai suntikan modal untuk menjalankan projek yang berdaya maju. Semua koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 *[Akta 502]* yang diselia oleh Suruhanjaya adalah layak untuk memohon. Tabung ini dikendalikan mengikut Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Amanah TMPSKM dan ditadbir oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah TMPSKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KUSKOP. Sumber dana bagi TMPSKM adalah daripada Kementerian Kewangan (MOF).

Bagi tahun 2023, Suruhanjaya telah menyasarkan peruntukan yang diterima sebanyak RM100 juta kepada koperasi yang layak dan mematuhi syarat-syarat pembiayaan. Kemudahan yang disediakan melalui TMPSKM merangkumi lapan (8) skim pembiayaan.

1. **Pembiayaan Bercagar**
2. **Pembiayaan Khas Tanpa Cagaran (PKTC)**
3. **Pembiayaan Koperasi Mikro atau *Micro Coop Financing (MicCoopFi-1)***
4. **Pembiayaan Lestari atau *Lestari Financing (LesFi-1)***
5. **Pembiayaan Permulaan atau *Startup Financing (SuFi-1)***
6. **Pembiayaan 100 Koperasi Terbaik atau *Best 100 Financing (Best100Fi-1)***
7. **Pembiayaan Pembayar Yang Baik atau *Good Paymaster Financing (GPMFi-1)***
8. **Pembiayaan Agromakanan (Afi-1)**

Kepelbagaian manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan kepada koperasi dengan kadar keuntungan serendah 1% dan tidak melebihi 6% berdasarkan kategori dan syarat yang ditetapkan telah menarik minat lebih banyak koperasi untuk memohon pembiayaan TMPSKM.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 218 permohonan koperasi telah diterima dengan jumlah RM479.58 juta. Prestasi bilangan permohonan TMPSKM yang diterima daripada koperasi menunjukkan peningkatan sebanyak 18% daripada 185 permohonan diterima pada tahun 2022 kepada 218 permohonan diterima ada tahun 2023.

**Prestasi Permohonan TMPSKM Tahun 2019-2023**

| TAHUN | PERMOHONAN DITERIMA | |
|---|---|---|
| | BILANGAN | AMAUN (RM) |
| 2019 | 71 | 122,486,538.00 |
| 2020 | 227 | 101,255,274.00 |
| 2021 | 130 | 158,195,982.00 |
| 2022 | 185 | 480,530,182.00 |
| 2023 | 218 | 479,582,364.00 |

**Prestasi Kelulusan TMPSKM Tahun 2019-2023**

| TAHUN | PERMOHONAN DILULUSKAN | |
|---|---|---|
| | BILANGAN | AMAUN (RM) |
| 2019 | 47 | 60,562,900.00 |
| 2020 | 173 | 70,556,800.00 |
| 2021 | 104 | 73,894,434.00 |
| 2022 | 130 | 323,600,696.00 |
| 2023 | 189 | 301,781,180.00 |

Selari dengan peningkatan bilangan permohonan diterima, bilangan permohonan yang diluluskan turut meningkat sebanyak 45% daripada 130 permohonan diluluskan pada tahun 2022 kepada 189 permohonan diluluskan pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, peratusan amaun pembiayaan yang diluluskan pada tahun 2023 menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 4% berbanding tahun 2022.

### Prestasi Permohonan dan Kelulusan TMPSKM Tahun 2019-2023

| TAHUN | PERMOHONAN DITERIMA | | PERMOHONAN DILULUSKAN | |
|---|---|---|---|---|
| | BILANGAN | AMAUN (RM) | BILANGAN | AMAUN (RM) |
| 2019 | 71 | 122,486,538.00 | 47 | 60,562,900.00 |
| 2020 | 227 | 101,255,274.00 | 173 | 70,556,800.00 |
| 2021 | 130 | 158,195,982.00 | 104 | 73,894,434.00 |
| 2022 | 185 | 480,530,182.00 | 130 | 323,600,696.00 |
| 2023 | 218 | 479,582,364.00 | 189 | 301,781,180.00 |

### Perbandingan Bilangan Permohonan Diterima dan Diluluskan Tahun 2019-2023




### Perbandingan Amaun Permohonan Diterima dan Diluluskan Bagi Tahun 2019 - 2023



Melalui inisiatif pembiayaan tanpa cagaran sehingga RM200,000 kepada koperasi yang masih terjejas akibat daripada penularan pandemik Covid-19 turut mempengaruhi trend peningkatan bilangan permohonan dan kelulusan pada tahun 2023. Kemudahan yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat membantu koperasi untuk memulihkan perniagaannya.

Dari segi sektor ekonomi utama, Sektor Perkhidmatan Kewangan mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 52.79% bagi kelulusan pembiayaan TMPSKM berbanding sektor ekonomi yang lain. Seterusnya Sektor Pembangunan Hartanah & Industri Pembinaan turut menarik minat gerakan koperasi dengan kelulusan 39.92% diikuti oleh Sektor Perladangan sebanyak 4.53%. Sektor-sektor lain yang turut diceburi ialah Sektor Pemborongan & Peruncitan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan.

**Kelulusan Pembiayaan TMPSKM Mengikut Sektor Ekonomi Utama Tahun 2023**

| SEKTOR EKONOMI UTAMA | BILANGAN KOPERASI | AMAUN (RM) |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Kewangan | 66 | 159,303,249.00 |
| Pembangunan Hartanah & Industri Pembinaan | 46 | 120,463,125.00 |
| Pemborongan & Peruncitan | 41 | 6,141,522.00 |
| Perladangan | 21 | 13,660,900.00 |
| Pertanian & Industri Asas Tani | 13 | 1,912,385.00 |
| Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan | 2 | 300,000.00 |
| **JUMLAH** | **189** | **301,781,180** |

**Kelulusan Pembiayaan TMPSKM Mengikut Sektor Ekonomi Utama Tahun 2023**



**Aktiviti Koperasi menggunakan kemudahan pembiayaan TMPSKM**



*Projek Taman Perumahan Nesa Delima milik Koperasi Nesa Pelbagai Berhad*



*Ladang sawit milik Koperasi Pesara Negeri Johor Berhad*

### Tindakan Ke Atas Pembiayaan Tidak Berbayar

Bagi memastikan kadar *Non Performing Financing* (NPF) berada pada tahap yang rendah, Suruhanjaya telah mengambil langkah memantapkan pemantauan ke atas koperasi yang menerima pembiayaan TMPSKM. Antara langkah yang diambil adalah:

(a) Menambah baik dan memperkukuhkan Prosedur Operasi Standard (SOP) permohonan pembiayaan seperti memastikan koperasi mengemukakan cagaran tambahan dalam bentuk aset tak alih atau Sijil Simpanan Tetap bagi pembiayaan modal pusingan inden kerja dan pembiayaan kenderaan;

(b) Mengenakan jaminan dalam bentuk Sijil Simpanan Tetap sebanyak 10% bagi pembiayaan bernilai RM50,000 dan ke bawah;

(c) Memperkukuhkan kaedah analisis risiko bagi permohonan pembiayaan;

(d) Melaksanakan penjadualan dan penstrukturan semula bayaran balik pembiayaan selepas kajian kesesuaian dibuat ke atas koperasi; dan

(e) Mencairkan aset yang dijadikan cagaran pembiayaan melalui tindakan undang undang.

## AKSES KEPADA PASARAN

### Program Pembangunan Keusahawanan Halal

Pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan Halal (PPKH) bertujuan untuk meningkatkan kemampuan koperasi dalam memacu industri halal selari dengan strategi KUSKOP dalam membudaya halal sebagai satu jenama dalam ekosistem keusahawanan, memantapkan keupayaan rantaian bekalan halal, menghasilkan produk melalui adaptasi teknologi dan inovasi halal serta meneroka pasaran secara bersasar dengan mengoptimumkan sumber.

Bagi membangunkan keusahawanan halal di Malaysia, sektor koperasi turut diberi peranan menjayakan program ini bagi menyokong komitmen KUSKOP dalam melahirkan bangsa usahawan dengan menggalakkan penyertaan inklusif perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan koperasi serta mewujudkan budaya perniagaan inovatif dan mampan.

Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2021 sehingga Disember 2023, Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM2,228,800 bagi melaksanakan Program PPKH seperti berikut:

| NAMA PROGRAM | BILANGAN KOPERASI / SKU | PERUNTUKAN (RM) |
|---|---|---|
| Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal (Bantuan Pematuhan Pensijilan Halal) | 12 Koperasi | 16,800.00 |
| Program Pembangunan Kapasiti Produk Halal (PKPH) | 31 Koperasi (51 SKU) | 612,000.00 |
| Program Pembangunan Inovasi dan Teknologi Halal (PITH) | 8 Koperasi | 1,600,000.00 |
| **JUMLAH** | | **2,228,800.00** |

Sebanyak 51 koperasi telah terlibat dalam program ini bagi meningkatkan nilai komersial dan pengeluaran produk halal supaya tampil lebih kompetitif dalam pasaran terbuka dan berpotensi untuk menembusi pasaran baharu.

Dalam menjayakan pelaksanaan program tersebut, seramai 39 pegawai Suruhanjaya telah diberikan Kursus Pensijilan Profesional Eksekutif Halal dan telah ditauliahkan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) sebagai *Halal Development Officer* (HDO). Pegawai ini bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan membimbing koperasi mendapatkan pensijilan halal.

## PROGRAM PEMASARAN PRODUK/PERKHIDMATAN KOPERASI

### Program Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian

Program Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT) adalah satu langkah strategik yang penting dalam membantu koperasi memperluaskan pasaran melalui platform digital. Dengan peruntukan sehingga RM138,500 kepada sembilan (9) koperasi, program ini bukan sahaja menyokong kos promosi dan pemasaran tetapi turut memastikan koperasi dapat mengatasi halangan kewangan yang mungkin dihadapi dalam memasuki pasaran atas talian.

Inisiatif ini mengakui bahawa era digital memerlukan koperasi untuk bergerak melangkaui model perniagaan tradisional yang bergantung kepada kedai fizikal. Dengan memanfaatkan pelbagai platform atas talian, koperasi dapat menjangkau pelanggan yang lebih luas dan meningkatkan jualan. Penyediaan bahan promosi, pemasaran, dan pengiklanan adalah elemen kritikal untuk memastikan produk atau perkhidmatan koperasi dapat disampaikan dan dikenali dalam pasaran digital yang kompetitif.

Selain itu, sokongan untuk bayaran fi penyertaan platform atas talian dan kos lain yang berkaitan memberi peluang kepada koperasi untuk melabur dalam digitalisasi. Ini membolehkan koperasi yang terpilih untuk mengakses saluran jualan dan promosi yang lebih efektif tanpa perlu menanggung beban kos yang besar.

Secara keseluruhannya, Program e-DAPAT adalah satu langkah yang sangat positif dalam mendigitalisasi operasi koperasi dan memperluaskan kehadiran di pasaran digital. Dengan sokongan kewangan yang disediakan, koperasi berpeluang untuk memanfaatkan peluang pemasaran dalam talian secara lebih berkesan, yang boleh membawa kepada peningkatan jualan dan pertumbuhan perniagaan yang lebih mampan. Kejayaan program ini juga boleh menjadi model untuk inisiatif serupa di masa hadapan, membantu lebih banyak koperasi untuk beralih kepada model perniagaan digital.







*Contoh : Koperasi Kumpulan Halagel Kedah Berhad telah dilantik oleh syarikat Halagel (M) Sdn. Bhd. sebagai pengedar tunggal untuk memasarkan produk-produk keluaran Halagel bagi pasaran jualan secara langsung (single level / direct sales channel).*

## Program *Onboarding* Produk Koperasi Melalui Platform *Online*

KUSKOP telah membangunkan platform digital MyMall yang dilancarkan oleh YB Menteri KUSKOP pada 12 April 2022. Platform digital MyMall ini merupakan inisiatif KUSKOP untuk mewujudkan pembangunan ekosistem keusahawanan yang lebih inklusif dikhususkan kepada usahawan dan koperasi memasarkan produk secara dalam talian. Sebanyak empat (4) siri sesi pengenalan dan *onboarding* produk koperasi dalam platform MyMall telah diadakan pada tahun 2023 dan sebanyak 60 SKU produk koperasi telah *onboard* dalam platform MyMall.



## PEMERKASAAN RANTAIAN BEKALAN

Rantaian bekalan merupakan satu ekosistem bagi memastikan produk dan perkhidmatan sampai ke tangan pelanggan melalui saluran pengedaran. Ini termasuk proses pengumpulan, pengedaran, pembekalan pengeluaran atau pengilangan bahan mentah serta pengurusan logistik.

## PROGRAM PEMERKASAAN RANTAIAN BEKALAN KOPERASI

Selaras dengan itu, sejumlah RM3 juta telah diluluskan pada tahun 2023 di bawah peruntukan RMKe-12 bagi melaksanakan Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) yang bertujuan mengukuhkan DC/Sub-DC koperasi sedia ada dan penambahan baharu supaya dapat memperluaskan lagi perkhidmatan tersebut di kawasan lain.

Objektif program adalah untuk mewujudkan perniagaan yang bersistematik, meningkatkan pembelian secara pukal oleh gerakan koperasi, mengurangkan pemeringkatan *(tier)* orang tengah, mengekang aktiviti manipulasi serta membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup dan menstabilkan harga barang.

Pelaksanaan program ini akan mengukuhkan lagi sumber bekalan barangan keperluan harian serta dapat memperkasakan perkhidmatan logistik supaya bekalan dapat dihantar ke pusat pengedaran DC/Sub-DC koperasi untuk memenuhi permintaan peruncit dan penduduk setempat.

**Senarai Koperasi Diluluskan di Bawah Program SCOPE Tahun 2023**

| BIL | KOPERASI | AMAUN (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad | 80,000.00 |
| 2 | Koperasi Kakitangan Penjara Melaka Berhad | 250,000.00 |
| 3 | Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad | 132,840.00 |
| 4 | Koperasi Indah Raya Kemaman Berhad | 300,000.00 |
| 5 | Koperasi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia Berhad | 287,000.00 |
| 6 | Koperasi Penternak Akuakultur Pantai Kundor Kelantan Berhad | 236,000.00 |
| 7 | Koperasi Lembah Judah Machang Berhad | 169,000.00 |
| 8 | Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad | 250,000.00 |
| 9 | Koperasi Pengusaha Melon Manis Terengganu Berhad | 200,000.00 |
| 10 | Koperasi Keluarga Haji Salleh Bersatu Terengganu Berhad | 260,000.00 |
| 11 | Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis Berhad | 260,000.00 |
| 12 | Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad | 246,000.00 |
| 13 | Koperasi Peserta Felda Sungai Koyan Dua Berhad | 90,000.00 |
| 14 | Koperasi Kariah Masjid Jamek Sultan Ibrahim Kuala Selangor Berhad | 110,000.00 |
| 15 | Koperasi Pengusaha Dan Pemandu Kereta Sewa/ Teksi dan Limosin Langkawi Berhad | 129,160.00 |
| | **JUMLAH** | **3,000,000.00** |

## PROGRAM PEMERKASAAN FEDERASI KOPERASI

Selaras dengan Strategi 8, DaKoM 2030 untuk meningkatkan pengetahuan koperasi melalui pengukuhan peranan Federasi Koperasi, Suruhanjaya telah menyediakan insentif khusus di bawah Program Pemerkasaan Federasi Koperasi (*Launching Grant)* bertujuan melancarkan pembentukan dan pengurusan federasi, menggalakkan penyertaan koperasi anggota serta menyuntik modal permulaan perniagaan federasi.

Sumber dana program tersebut dibiayai daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) dengan jumlah RM1.6 juta pada tahun 2023. Enam (6) Federasi Koperasi yang mewakili sektor peneraju utama telah diluluskan peruntukan berjumlah RM400,000 untuk membiayai sebahagian perbelanjaan operasi (OPEX), perbelanjaan pempromosian keanggotaan serta membiayai modal permulaan perniagaan/pembangunan produk dan perkhidmatan.

## ADAPTASI TEKNOLOGI & DIGITALISASI KOPERASI

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 (DigiKOP) adalah satu langkah penting dalam mempersiapkan koperasi di Malaysia untuk menghadapi cabaran ekonomi digital. Dengan kerjasama antara Suruhanjaya, KUSKOP, IKMa dan ANGKASA, inisiatif ini mempamerkan komitmen kuat pihak berkepentingan dalam mentransformasi sektor koperasi ke arah pendigitalan.

Pendekatan ini amat relevan dalam konteks pasca pandemik Covid-19, di mana banyak perniagaan perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu. DigiKOP bukan sahaja menyasarkan untuk meningkatkan kecekapan koperasi melalui teknologi, tetapi juga memberi tumpuan kepada pemulihan perniagaan yang terjejas. Program intervensi yang dirangka memberikan koperasi peluang untuk kekal berdaya saing dan relevan dalam era digital.

Usaha untuk menggalakkan koperasi menggunakan platform media sosial adalah suatu strategi yang perlu dipertingkatkan. Media sosial menawarkan kos promosi yang rendah dengan capaian yang meluas, menjadikannya alat yang efektif untuk meningkatkan kesedaran dan menarik pelanggan kepada produk atau perkhidmatan koperasi. Ini sangat sesuai dengan keperluan koperasi kecil yang mungkin mempunyai sumber terhad untuk promosi tradisional.

Inisiatif DigiKOP adalah satu usaha strategik yang berpotensi mengubah landskap koperasi di Malaysia. Dengan pelaksanaan yang cekap, pelan ini mampu menjadikan koperasi lebih mampan, kompetitif, dan relevan dalam ekonomi yang semakin didorong oleh teknologi.

Pelancaran Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 (DigiKOP 2030) pada 10 Julai 2023 oleh KUSKOP bersama Suruhanjaya, IKMa, dan ANGKASA adalah satu langkah proaktif dan strategik untuk memastikan koperasi di Malaysia tidak ketinggalan dalam era digital. Pelan ini menggariskan empat (4) Teras Strategik utama yang menjadi sumber dalam memacu agenda transformasi digitalisasi koperasi di Malaysia iaitu:

(a) Pembangunan ekosistem digital dan data raya bersepadu serta inklusif;
(b) Pemerkasaan modal insan dan bakat digitalisasi dalam gerakan koperasi;
(c) Pemerkasaan penggunaan digitalisasi dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi; dan
(d) Peningkatan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan koperasi.





## PROGRAM ADAPTASI TEKNOLOGI KOPERASI/ *CO-OPERATIVE TECHNOLOGY ADOPTION PROGRAM*

Program Adaptasi Teknologi Koperasi/ *Co-operative Technology Adoption Program* (C-TAP) adalah untuk mempertingkatkan adaptasi teknologi digitalisasi dan automasi dalam operasi perniagaan koperasi. Objektif program ini juga untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan koperasi melalui adaptasi solusi teknologi industri 4.0 dan solusi digital serta membantu menyelesaikan permasalahan teknikal yang dihadapi oleh koperasi dalam operasi perniagaannya.

Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Pelan TransKoM 2021-2025 dalam bidang tujahan 4 melalui Langkah Strategik untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi merangkumi pengadaptasian teknologi, digitalisasi dan automasi.

Dana bagi pelaksanaan program ini telah diperuntukan melalui Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) berjumlah RM1.35 juta dan telah dijayakan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 60 koperasi telah menerima program tersebut.

## PROGRAM PENDIGITALAN KOPERASI BERSAMA MYNIC BERHAD

Suruhanjaya telah melaksanakan kerjasama strategik bersama MyNIC Berhad (MyNIC) menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangan dengan memperkenalkan domain COOP.MY sebagai identiti digital khas kepada koperasi di seluruh Malaysia.

Penggunaan domain ini bertujuan untuk memperkasa koperasi dalam meningkatkan kapasiti serta keupayaan perniagaannya dari dalam talian ke luar talian. Pelaksanaannya adalah dengan menyediakan pelbagai latihan termasuk Latihan Pembangunan Premis Digital yang bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada koperasi dalam menerajui cabaran pendigitalan perniagaannya.

Antara pengisiannya adalah dengan menganjurkan seminar untuk memberi pendedahan yang komprehensif mengenai kepentingan penggunaan salah satu aset digital negara iaitu domain COOP.MY. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 86 koperasi telah mendaftar dan menggunakan domain hasil daripada program dan seminar yang telah dianjurkan sepanjang tahun.

**Bilangan Koperasi Yang Mendaftar Domain COOP.MY Bagi Tahun 2023**

| BIL | NEGERI | BILANGAN DOMAIN |
|---|---|---|
| 1 | Johor | 10 |
| 2 | Kedah | 7 |
| 3 | Kelantan | 8 |
| 4 | Melaka | 6 |
| 5 | Pahang | 4 |
| 6 | Perak | 5 |
| 7 | Perlis | 2 |
| 8 | Pulau Pinang | 3 |
| 9 | Selangor | 12 |
| 10 | Terengganu | 9 |
| 11 | Wilayah Persekutuan | 14 |
| 12 | Ibu Pejabat | 2 |
| 13 | Negeri Sembilan | 2 |
| 14 | Sabah | 2 |
| | **Jumlah** | **86** |

**Laman Web Koperasi Menggunakan Domain COOP.MY**



## PROGRAM *MAPPING OF SUPPLY CHAIN*

Program *Mapping of Supply Chain* (MOSC) merupakan satu strategi bagi mendigitalisasi rantaian bekalan koperasi menerusi sistem pengurusan pemborongan dan peruncitan yang efisien. Pendigitalan rantaian bekalan ini akan memastikan pengurusan Pusat Pengedaran (DC) gerakan koperasi lebih sistematik dan seterusnya menyumbang kepada pembekalan produk yang stabil ke *outlet* COOP Mart dan kedai runcit lain.

Program ini selaras dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan koperasi sebagai entiti dalam membantu menangani isu kos sara hidup. Dengan memperkukuhkan rantaian bekalan dan menstabilkan harga, gerakan koperasi dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong kestabilan ekonomi rakyat.

Program ini bagi membiayai sebahagian kos pembangunan sistem pengurusan Sektor Pemborongan & Peruncitan koperasi termasuk perkakasan, perisian serta kerja-kerja perkhidmatan kepada 24 buah DC koperasi serta satu (1) pusat pengedaran utama (CDC) yang diuruskan oleh FedBorong. Program ini dilaksanakan dengan hasrat untuk membentuk sinergi gerakan koperasi yang terlibat dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan.

Operasi CDC mengguna pakai serta mengaplikasikan *warehouse management system* yang akan menghubungkan pembekal, DC dan *outlet* jualan koperasi.

**Jualan Melalui Program MOSC Pada Tahun 2023**

| BIL | NEGERI | BILANGAN KOPERASI | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 3 | 52,332.00 |
| 2 | Kedah | 1 | 26,028.00 |
| 3 | Kelantan | 6 | 91,920.00 |
| 4 | Negeri Sembilan | 2 | 13,368.00 |
| 5 | Pahang | 4 | 90,845.00 |
| 6 | Perak | 4 | 9,598.00 |
| 7 | Perlis | 1 | 77,033.00 |
| 8 | Pulau Pinang | 3 | 24,031.00 |
| 9 | Sabah | 5 | 53,585.00 |
| 10 | Selangor | 22 | 263,368.00 |
| 11 | Terengganu | 4 | 29,078.00 |
| 12 | Wilayah Persekutuan | 10 | 59,188.00 |
| 13 | Selain Koperasi | 4 | 127,200.00 |
| | **JUMLAH** | **69** | **917,574.00** |




## PROGRAM PROMOSI, PEMBUDAYAAN DAN PENGGALAKAN KOPERASI

Selaras dengan objektif ke-2, iaitu meningkatkan kefahaman dan penghayatan prinsip koperasi di bawah DaKoM 2030 Suruhanjaya telah meneruskan penganjuran program-program promosi, pembudayaan dan pendidikan kepada gerakan koperasi bagi memenuhi objektif seperti yang dinyatakan di dalam DaKoM 2030. Program promosi, pembudayaan dan pendidikan gerakan koperasi telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jayanya serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

**Program Promosi, Pembudayaan dan Pendidikan Bagi Tahun 2023**

| BIL | PROGRAM | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Program Pembangunan Kapasiti dan Penggalakan Koperasi | 45 |
| 2 | Program Promosi, Ekspo, Pameran dan Karnival | 199 |
| 3 | Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) dan Jualan MADANI Koperasi (JMK) | 86 |
| 4 | Program publisiti yang meliputi penulisan artikel dan terbitan majalah koperasi | 24 |

## PELANCARAN BULAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023

Majlis Pelancaran Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 (BKK'23) telah diadakan pada 10 Julai 2023 bertempat di Dewan Bandaraya, Kompleks MBK, Kuantan, Pahang. Majlis Pelancaran BKK'23 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang. Sebanyak 33 reruai agensi dan booth jualan koperasi telah mengambil bahagian dalam program pelancaran BKK'23 dengan jumlah jualan serta potensi jualan yang direkodkan sebanyak RM740,000.

Antara intipati utama program adalah aktiviti JMK, Jualan *Food Truck* dan Ekspo Perkhidmatan Produk Koperasi. Jumlah pengunjung adalah seramai 600 orang yang terdiri daripada pemimpin negeri dan koperator di sekitar Negeri Pahang.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Suruhanjaya bagi mempromosi perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh gerakan koperasi di seluruh negara dalam membantu mengembangkan ekonomi usahawan dan koperasi.

Secara keseluruhan, program BKK'23 telah mendapat sambutan daripada para pengunjung dan koperator yang hadir. Program ini juga telah mencapai objektif yang ditetapkan dan secara tidak langsung dapat mengumpul, mengetengah serta mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi ke pasaran yang lebih meluas.

YAB Menteri Besar Pahang juga telah menyempurnakan pelancaran Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 (DigiKOP 2030) dan penyampaian *mock cheque* bantuan pembangunan serta pembiayaan TMPSKM kepada koperasi terpilih.









## HARI KOPERASI NEGARA 2023

Penganjuran Hari Koperasi Negara (HKN) adalah selaras dengan sambutan Hari Koperasi Antarabangsa *(International Day of Co-operatives)* yang disambut pada Sabtu minggu pertama bulan Julai setiap tahun oleh gerakan koperasi di seluruh dunia. Sambutan HKN di negara kita telah bermula pada tahun 2002 dan disambut setiap tahun berikutnya pada setiap bulan Julai.

Pada tahun 2023, Hari Koperasi Negara 2023 (HKN'23) telah diadakan pada 21 hingga 23 Julai 2023 bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah. Sambutan HKN'23 telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dengan tema Malaysia MADANI Teras Kecemerlangan Koperasi. Antara objektif pelaksanaan HKN'23 adalah:

i. Memberi pengiktirafan sumbangan sektor koperasi kepada pembangunan sosioekonomi negara;
ii. Mengiktiraf koperasi sebagai entiti *Social Solidarity Enterprise* (SSE) sebagai ejen penyatuan sosial dan masyarakat; dan
iii. Mempromosikan konsep berkoperasi sebagai satu institusi keusahawanan.

Penganjuran HKN'23 telah disambut meriah dengan kehadiran pengunjung seramai 10,070 orang. Pelbagai pengisian antaranya ialah JMK, pameran produk serta padanan perniagaan dengan jumlah 215 pavilion kementerian, agensi serta reruai federasi, koperasi dan usahawan. Jumlah jualan tunai direkodkan sebanyak RM1.2 juta dan potensi jualan sepanjang tiga (3) hari program adalah berjumlah RM46.9 juta.

Majlis Perasmian HKN'23 telah disempurnakan pada 22 Julai 2023 dengan penyampaian tiga (3) anugerah koperasi di peringkat nasional seperti berikut:

| BIL | ANUGERAH | KOPERASI |
|---|---|---|
| 1 | Koperasi Kariah Masjid Terbaik 2023 | Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad |
| 2 | Koperasi Pengajian Tinggi 2023 | Koperasi Politeknik Merlimau Melaka Berhad |
| 3 | Koperasi Sekolah 2023 | Koperasi Sekolah Menengah Meru Klang Berhad |







## MAJLIS APRESIASI GERAKAN KOPERASI SEMPENA BULAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023

Suruhanjaya juga telah mengadakan Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi sempena Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 bertempat di The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu, Sabah pada 20 Julai 2023. Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi sempena BKK'23 telah dihadiri dan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Kehadiran tetamu adalah seramai 550 orang yang terdiri daripada ketua-ketua kementerian dan agensi, kerajaan negeri, koperator dan media. Sebanyak 2 (dua) anugerah telah disampaikan pada majlis ini iaitu Tokoh Koperasi Negara 2023 dan Anugerah Koperasi Premier 2023.

| BIL | NAMA ANUGERAH | NAMA TOKOH/ KOPERASI |
|---|---|---|
| 1 | Tokoh Koperasi 2023 | YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim |
| 2 | Koperasi Premier 2023 | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad |
| | | Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad |
| | | Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad |
| | | Koperasi NLFCS Berhad |
| | | Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad |











## MAJLIS PENUTUPAN BKK'23

Dilaksanakan pada 30 Julai 2023 di Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu, Sabah yang dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dengan kehadiran seramai 500 orang jemputan. Sebanyak lapan (8) anugerah telah disampaikan sewaktu Majlis Penutupan BKK'23.

| BIL | ANUGERAH | KOPERASI |
|---|---|---|
| 1 | Sektor Pembangunan Hartanah & Industri Pembinaan 2023 | Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad |
| 2 | Sektor Perkhidmatan Kewangan 2023 | Koperasi Koswip Malaysia Berhad |
| 3 | Sektor Pemborongan & Peruncitan 2023 | Koperasi Kakitangan Petronas Berhad |
| 4 | Sektor Pertanian & Industri Asas Tani 2023 | Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad |
| 5 | Sektor Perladangan 2023 | Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad |
| 6 | Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan 2023 | Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad |
| 7 | Anugerah Koperasi Harapan 2023 | Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau Sabah Berhad |
| 8 | Anugerah Koperasi Khidmat Masyarakat 2023 | Koperasi Al-Bait Sarawak Berhad |










## JUALAN HARGA PATUT, JUALAN MADANI KOPERASI DAN JUALAN MADANI KOPERASI DAN USAHAWAN

Jualan MADANI Koperasi (JMK) atau dahulunya dikenali sebagai Jualan Harga Patut Koperasi (JHP) telah dilaksanakan oleh KUSKOP melalui Suruhanjaya bermula pada tahun 2019 sehingga kini. Program jualan ini mula diperkenalkan secara menyeluruh pada tahun 2020 iaitu semasa pandemik Covid-19 di mana Suruhanjaya telah memperuntukan sebanyak RM1 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dengan penglibatan 200 koperasi yang dilantik sebagai operator jualan.

Program jualan ini bertujuan meringankan beban anggota masyarakat yang terdiri dalam kalangan B40 terutamanya warga koperasi yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup. Melalui program ini, koperasi yang terlibat dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan dapat membantu anggota koperasi dan masyarakat setempat mendapatkan barangan keperluan asas/harian seperti gula, tepung, beras, telur, minyak masak serta produk makanan dan minuman keluaran koperasi pada harga yang lebih murah sehingga 20% daripada harga pasaran tempatan.

Pada tahun 2023, Suruhanjaya telah memperluaskan Program JMK dan Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) di seluruh negara dengan jumlah insentif atau penjimatan harga barangan yang telah diberikan berjumlah RM1.82 juta. Sebanyak 86 program jualan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 di seluruh negara dengan jumlah jualan direkodkan melebihi RM7.15 juta serta jumlah insentif ataupun penjimatan harga barang melebihi RM1.82 juta.

| BIL | NAMA PROGRAM | JUMLAH PROGRAM | JUMLAH PENGURUS JUALAN | JUMLAH PENJIMATAN HARGA BARANG (RM) | JUMLAH JUALAN (RM) | JUMLAH PENERIMA MANFAAT |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Jualan MADANI Koperasi (JMK) | 55 | 91 | 633,500.00 | 2,373,716.00 | 38,885 |
| 2 | Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) | 31 | 93 | 1,191,000.00 | 4,781,185.00 | 457,952 |
| | **JUMLAH** | **86** | **184** | **1,824,500.00** | **7,154,900.00** | **496,837** |

*Nota : JMK adalah menggunakan bajet KWAPd manakala sumber dana JMKU adalah daripada peruntukan yang disalurkan oleh KUSKOP kepada Suruhanjaya.*










## PROGRAM *YOUNG ENTREPRENEURS STRIVE FOR SUCCESS*

Program pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah (PPKKS) telah bermula pada tahun 2008 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia bertujuan memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda di samping memantap dan memperkukuhkan peranan koperasi sekolah sebagai institusi kebudayaan keusahawanan koperasi.

Program PPKKS ini telah dijenamakan kepada *Young Entrepreneurs Strive For Success* (YESS) pada tahun 2017 dan yang terakhir diadakan adalah pada tahun 2019 dan terhenti akibat pandemik Covid-19.

Program YESS telah disambung semula pada tahun 2023 bermula dengan saringan di peringkat negeri yang dilaksanakan pada September hingga Oktober 2023. Program yang berkonsepkan pembentangan rancangan perniagaan produk oleh peserta koperasi sekolah telah mencatatkan penyertaan sebanyak 130 koperasi sekolah di seluruh negara. Johan di peringkat negeri akan mewakili negeri masing-masing ke peringkat kebangsaan pada 14-16 November 2023 di Hotel Mardhiyyah & Suites, Shah Alam, Selangor yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, TKSU (Pembangunan Usahawan) KUSKOP.

Kategori yang dipertandingkan adalah Anugerah Projek Terbaik, Persembahan Terbaik, Guru Pembimbing Terbaik, Pengurus Terbaik, *Booth* Terbaik dan Anugerah Khas Juri. Senarai pemenang kategori dan pemenang anugerah bagi YESS tahun 2023 seperti berikut:

| BIL | NEGERI | PEMENANG |
|---|---|---|
| 1 | Anugerah Projek Terbaik | |
| | • Johan | Koperasi SMK Desa Kencana Berhad |
| | • Naib Johan | Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad |
| | • Ketiga | Koperasi SMK Tengku Intan Zaharah Dungun Terengganu Berhad |
| | • Keempat | Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad |
| | • Kelima | Koperasi SMK Riam Miri Berhad |
| 2 | Anugerah Persembahan Terbaik | Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad |
| 3 | Anugerah Guru Pembimbing Terbaik | Mohd Raimi bin Rahim<br>(Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad) |
| 4 | Anugerah Pengurus Terbaik | Husna Imanina binti Zurodin<br>(Koperasi SMK Tengku Intan Zaharah Dungun Terengganu Berhad) |
| 5 | Anugerah Booth Terbaik | Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad |
| 6 | Anugerah Khas Juri | Koperasi SMK Sultan Badlishah Kulim Kedah Berhad |











Laporan Perangkaan Koperasi Malaysia telah diterbitkan sebanyak dua (2) kali iaitu menerusi penerbitan Laporan Perangkaan Interim sehingga Jun 2023 dan seterusnya Laporan Perangkaan Am sehingga Disember 2023. Laporan yang dihasilkan ini telah dijadikan sebagai sumber rujukan kepada banyak pihak untuk membuat keputusan, merancang dasar, sebagai informasi pihak kerajaan seterusnya kepada penyelidik dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Perbandingan prestasi gerakan koperasi secara perangkaan mendapati bilangan koperasi telah meningkat sebanyak 3.23% iaitu dari 15,315 koperasi pada tahun 2022 kepada 15,809 koperasi pada tahun 2023. Namun dari segi keanggotaan, terdapat penurunan sebanyak 1.23% iaitu dari 7.31 juta anggota pada tahun 2022 kepada 7.22 juta pada tahun 2023. Dari segi syer dan yuran, berlakunya peningkatan pada kadar 2.77% iaitu dari RM16.98 bilion kepada RM17.44 bilion. Bagi aset pula, terdapat peningkatan pada kadar 3.31% iaitu daripada RM159.61 bilion kepada RM165.85 bilion pada tahun 2023. Perolehan mencatatkan peningkatan yang sangat signifikan pada kadar 41.89% daripada RM45.50 bilion kepada RM64.56 bilion. Pencapaian perolehan yang luar biasa ini telah menjadikan sasaran pendapatan gerakan koperasi yang sepatutnya dicapai pada tahun 2025 telah direalisasikan lebih awal pada tahun 2023.

**Perangkaan Tahun 2023 dan 2022**

| TAHUN | BIL. KOPERASI | KEANGGOTAAN | SYER & YURAN | ASET | PEROLEHAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2023 | 15,809 | 7.22 Juta | RM17.45 Bilion | RM164.90 Bilion | RM64.56 Bilion |
| 2022 | 15,315 | 7.31 Juta | RM16.98 Bilion | RM159.61 Bilion | RM45.50 Bilion |
| ↑↓ | 3.23% | -1.23% | 2.77% | 3.31% | 41.89% |

Koperasi premier merupakan koperasi yang telah berjaya mengekalkan kedudukan carta lima (5) koperasi terbaik selama tiga (3) tahun berturut-turut. Kedudukan koperasi di peringkat premier dijadikan sebagai penanda aras dan ikon bagi gerakan koperasi di Malaysia.

Pencapaian Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia pada 2023 telah menyaksikan 77 koperasi mengekalkan kedudukan dalam senarai tahun 2022 disaingi oleh 14 koperasi yang menempatkan kembali ke dalam senarai sejak lima tahun lepas di samping sembilan (9) koperasi baharu yang terpilih ke dalam senarai. Koperasi yang mewakili Sektor Perkhidmatan Kewangan dengan fungsi kredit mengungguli carta iaitu 46 koperasi. Koperasi fungsi perkhidmatan pula diwakili oleh 14 koperasi manakala fungsi pengguna 10 koperasi dan fungsi pertanian pula menempatkan 18 koperasi. Pada kali ini, turut tersenarai adalah sembilan (9) koperasi fungsi pengangkutan diikuti dua (2) koperasi fungsi perumahan dan satu (1) koperasi fungsi pembinaan.




| BIL | FUNGSI | BILANGAN KOPERASI |
|---|---|---|
| 1 | Kredit | 46 |
| 2 | Perkhidmatan | 14 |
| 3 | Pengguna | 10 |
| 4 | Pertanian | 18 |
| 5 | Pengangkutan | 9 |
| 6 | Perumahan | 2 |
| 7 | Pembinaan | 1 |
| | **JUMLAH** | **100** |

BKK'23 telah menyaksikan penganugerahan kepada tokoh dan koperasi-koperasi yang telah dinobatkan sebagai koperasi premier dan koperasi terbaik dalam pelbagai sektor. Selain itu, DaKoM 2023 turut memberi pengiktirafan kepada 10 koperasi terbaik berdasarkan Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Anugerah Koperasi Terbaik boleh dijadikan sebagai penanda aras kepada koperasi-koperasi lain untuk berusaha meningkatkan imej, peningkatan aktiviti dan pengurusan berkualiti agar setara atau menjadi sebuah koperasi yang lebih cemerlang dan mendapat kedudukan yang lebih baik serta boleh dicalonkan sebagai penerima anugerah bagi tahun mendatang.

## Senarai Penerima Anugerah Koperasi Tahun 2023

| BIL | TARIKH | PROGRAM | SENARAI ANUGERAH | NAMA TOKOH / SENARAI KOPERASI |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 20 JULAI 2023 | MAJLIS APRESIASI SEMPENA BULAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023 (BKK'23) | 1. TOKOH KOPERASI NEGARA 2023 | YBHG. DATO' HAJI MAT REJAB BIN KASSIM |
| | | | 2. KOPERASI PREMIER MALAYSIA 2023 | 1. BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD<br>2. KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD<br>3. KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD<br>4. KOPERASI NLFCS BERHAD<br>5. KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD |
| 2 | 22 JULAI 2023 | MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI NEGARA 2023 (HKN'23) | 1. KOPERASI KARIAH MASJID TERBAIK 2023 | KOPERASI MASJID NURUL YAQIN KELANA JAYA BERHAD |
| | | | 2. KOPERASI PENGAJIAN TINGGI 2023 | KOPERASI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA BERHAD |
| | | | 3. KOPERASI SEKOLAH 2023 | KOPERASI SEKOLAH MENENGAH MERU KLANG BERHAD |
| 3 | 30 JULAI 2023 | MAJLIS PERASMIAN PENUTUP BULAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023 (BKK'23) | 1. SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH & INDUSTRI PEMBINAAN 2023 | KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD |
| | | | 2. SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN 2023 | KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD |
| | | | 3. SEKTOR PEMBORONGAN & PERUNCITAN 2023 | KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD |
| | | | 4. SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI 2023 | KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD |
| | | | 5. SEKTOR PERLADANGAN 2023 | KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD |
| | | | 6. SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI & KESIHATAN 2023 | KOPERASI GURU-GURU MELAYU KEDAH BERHAD |
| | | | 7. ANUGERAH KOPERASI HARAPAN 2023 | KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN DAERAH KENINGAU SABAH BERHAD |
| | | | 8. ANUGERAH KOPERASI KHIDMAT MASYARAKAT 2023 | KOPERASI AL-BAIT SARAWAK BERHAD |
| 4 | 12 OKTOBER 2023 | MAJLIS PELUNCURAN DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030 (DaKoM 2030) | KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2023 (10 TERBAIK) | 1. KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD<br>2. KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD<br>3. KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD<br>4. KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD<br>5. KOPERASI WAWASAN MALAYSIA BERHAD<br>6. KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD<br>7. KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD<br>8. KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD<br>9. KOPERASI LADANG BERHAD<br>10. KOPERASI KEMAJUAN TANAH NEGERI JOHOR BERHAD |

Kajian Indeks Gerak Koperasi (IGK) telah digerakkan pada tahun 2023 merupakan satu indeks bersifat holistik yang mengambilkira ekosistem dalam gerakan koperasi. Meskipun Suruhanjaya telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA), tetapi objektif indeks tersebut adalah untuk mengukur kesejahteraan anggota berdasarkan persepsi daripada anggota sahaja. Menerusi skor IGK, impak koperasi terhadap sosial dan persekitaran dapat ditentukan dan ini menjadi penanda aras keberkesanan dan kerelevanan gerakan koperasi. Pihak pemegang taruh dan pembuat polisi dapat merangka program intervensi yang bersesuaian sehingga ke akar umbi bagi memastikan kewujudan koperasi di negara ini tidak hanya menyumbang kepada kesejahteraan anggota dan gerakan sahaja, tetapi turut memberi impak kepada sosioekonomi negara.

Dalam Pelan TransKoM 2021-2025 menerusi Bidang Tujahan 4, pembentukan persekitaran perniagaan yang mampan dan lestari melalui Langkah Strategik 1 iaitu menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi. Satu inisiatif kajian telah dijalankan dengan kerjasama Sekolah Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Kajian Kekangan Koperasi sebagai Entiti Perniagaan. Kajian ini memfokuskan kepada penemuan kekangan perundangan yang menghalang penglibatan secara terus koperasi dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Antara kekangan yang ditemui seperti berikut:

| AKTA | KEKANGAN PERUNDANGAN |
|---|---|
| Akta Industri Pelancongan 1992 | Seksyen 5 Akta ini menyatakan bahawa pengendali pelancongan mestilah sebuah "syarikat" menurut definisi Akta Syarikat 2016. |
| Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 | Menafsirkan bahawa "Pertubuhan Perbadanan" ertinya pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016. |
| Akta Francais 1998 | Akta ini tidak membenarkan koperasi menjadi francaisor kerana tiada tafsiran koperasi di bawah Seksyen 4 Akta ini. |
| Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 | Seksyen 11 Akta ini memperuntukkan entiti selain daripada syarikat tidak dibenarkan untuk didaftarkan sebagai satu agensi pelaporan kredit (APK). |
| Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 | Koperasi perlu mendapatkan lesen pemaju dan mencarum deposit di dalam Akaun Pemaju Perumahan. |
| Akta Cukai Pendapatan 1967 | Jenis potongan yang dibenarkan adalah terpakai kepada syarikat sahaja. Potongan ini tidak boleh dituntut oleh koperasi. Contoh peruntukan terlibat adalah Seksyen 34(6)(ha). |
| Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 | Akta ini menghalang koperasi menjadi pemegang lesen jualan langsung kerana koperasi tidak tersenarai sebagai badan yang boleh diberi lesen untuk menjalankan aktiviti jualan langsung. |

Pada tahun 2023, Kajian Lanjutan ke atas IndeKA telah dilaksanakan dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM). Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk meneroka penambahbaikan program yang diperlukan berdasarkan hasil dapatan IndeKA 2021. Kajian ini turut mengenal pasti cabaran serta strategi untuk melaksanakan penambahbaikan berdasarkan kluster koperasi. Model intervensi yang bersesuaian dibentuk berdasarkan kluster koperasi dan seterusnya mencadangkan kaedah bagi menambahbaik kesejahteraan anggota koperasi dengan menyediakan satu pelan intervensi koperasi.

Kajian Pembangunan *Outcome*/Impak Bantuan juga dilaksanakan secara kaedah kuantitatif pada tahun 2023. Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengukur prestasi aktiviti koperasi yang menerima geran bantuan Program Pembangunan Perniagaan dari tempoh 2016 hingga 2020 di bawah peruntukan bajet pembangunan RMKe-11 merangkumi 505 bantuan yang diberikan kepada 489 koperasi. Kajian ini dikembangkan lagi kepada kaedah kualitatif dan akan dilaksanakan pada tahun 2024.

## PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KUMPULAN WANG

Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 memberi mandat kepada Suruhanjaya bagi mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Amanah selaras dengan prinsip pengurusan kewangan berteraskan integriti, perundangan dan akauntabiliti. Ekosistem dana yang diuruskan adalah sebagaimana berikut:




### Kumpulan Wang Amanah

Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) merupakan Kumpulan Wang Amanah utama yang ditadbir oleh Suruhanjaya selaras seksyen 41 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Sumber utama KWAPd dan KWAPb adalah sumbangan daripada koperasi yang memperoleh keuntungan bersih teraudit melebihi RM50,000 dan hasil yang dijana melalui pelaburan dana tersebut.

KWAPd ditubuhkan di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 dan ditadbir menurut Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010. Manakala, KWAPb ditubuhkan dan ditadbir menurut perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010. Kedua-dua Kumpulan Wang Amanah ini dikawal selia oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Kutipan pembayaran KWAPd yang diterima daripada koperasi mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 6.52% pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 dengan jumlah RM56.77 juta. Bagi dana KWAPb, kutipan yang diterima meningkat 7% pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 dengan jumlah RM28.39 juta. Peningkatan ini menunjukkan sektor koperasi berupaya mengatasi cabaran globalisasi dan mendepani kemajuan digitalisasi melalui pelbagai inisiatif perniagaan yang lebih kreatif.

Peruntukan KWAPd berfokus kepada menyokong pelaksanaan pelbagai dasar, inisiatif dan program melibatkan pendidikan dan promosi gerakan koperasi. JMK merupakan antara program utama yang diteruskan pada tahun 2023 melalui pemberian subsidi jualan kepada koperasi terpilih di semua peringkat negeri bagi memastikan masyarakat menerima manfaat penjimatan kos sara hidup. Inisiatif agenda memperkasa pendidikan gerakan koperasi adalah menerusi pelaksanaan program berbentuk penggalakan serta pengukuhan koperasi, seminar, penerbitan dan publisiti. Program seumpama ini dilaksanakan dengan matlamat meningkatkan imej, visibiliti dan keyakinan masyarakat terhadap koperasi serta memperkasa pembangunan kapasiti dan kemahiran gerakan koperasi.

Dana KWAPb yang diperuntukkan bagi memperkasa inisiatif, program dan polisi berbentuk pembangunan gerakan koperasi. Suruhanjaya komited bagi memantapkan dan memperkukuh peranan koperasi sekolah sebagai institusi kebudayaan keusahawanan koperasi melalui penganjuran Program YESS di peringkat negeri dan kebangsaan. Pelbagai program ditambahbaik di bawah peruntukan KWAPb melalui suntikan geran insentif kepada koperasi terlibat antaranya meneruskan Program PROSPEK, Program Pemasaran Produk dan Perkhidmatan Koperasi, Program Pemerkasaan Federasi Koperasi, program adaptasi teknologi dan digitalisasi koperasi serta pembangunan kapasiti.

## Kumpulan Wang Likuiditi Pusat

Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP) diwujudkan di bawah seksyen 42 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dan ditadbir menurut Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010. Objektif utama KWLP adalah bagi mengukuhkan kewangan sektor koperasi melalui pemberian pembiayaan kepada koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi luar biasa dan tidak dijangka. Pembiayaan dalam konteks KWLP adalah sebagai sokongan likuiditi jangka pendek untuk membantu kestabilan koperasi bagi memastikan operasi perkhidmatan dan perniagaannya tidak terjejas khususnya memelihara kepentingan anggota.

Sehingga kini Suruhanjaya telah menetapkan 26 koperasi bagi mencarum secara wajib dalam KWLP pada kadar 1% atas liabiliti layak atau RM200 juta (mengikut mana yang terendah) iaitu terdiri daripada komponen modal syer, yuran dan simpanan anggota.

Jumlah caruman KWLP yang diuruskan pada tahun 2023 adalah berjumlah RM331.16 juta. Bagi tahun 2023, Suruhanjaya telah membayar pengagihan pulangan atas caruman sebanyak 1% daripada jumlah caruman koperasi atau RM3.31 juta kepada koperasi terlibat.

## Akaun Pelikuidasian Koperasi

Akaun Pelikuidasian Koperasi (APK) ditubuhkan di bawah subseksyen 75(8) Akta Koperasi 1993 dan ditadbir berdasarkan peraturan 35 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. APK bertindak bagi menyimpan wang koperasi yang telah dibubarkan sementara menunggu pembahagiannya kepada benefisiari-benefisiari yang layak selaras dengan subseksyen 75(7) Akta Koperasi 1993.

Dana ini merupakan hasil daripada pencairan aset-aset koperasi dalam pelikuidasian sebelum skim pembahagian aset dilaksanakan dan penamatan kerja-kerja pelikuidasian diwartakan. Selaras dengan subseksyen 79(4) Akta Koperasi 1993, apa-apa baki wang sesuatu koperasi dalam APK selepas tempoh dua (2) tahun dari tarikh penamatan pelikuidasian diwartakan akan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Pusat Koperasi. Jumlah dana yang diuruskan di bawah APK sehingga 31 Disember 2023 adalah RM22.51 juta.

## Kumpulan Wang Pusat Koperasi

Kumpulan Wang Pusat Koperasi (KWPK) ditubuhkan menurut subseksyen 75(8) Akta Koperasi 1993 dan peraturan 36 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Sumber utama dana KWPK adalah daripada wang lebihan koperasi yang dibatalkan pendaftaran dan telah selesai proses pelikuidasian melebihi dua (2) tahun. KWPK juga merangkumi pendapatan daripada janaan pelaburan dana tersebut termasuk dana APK.

Fungsi utama KWPK boleh digunakan bagi pembelian tanah dan bangunan serta pelaksanaan program untuk faedah dan pembangunan gerakan koperasi. Jumlah dana KWPK yang diuruskan pada tahun 2023 adalah keseluruhannya bernilai RM19.66 juta. Pada tahun 2023, KWPK telah menerima pindahan dana daripada APK berjumlah RM1.50 juta hasil daripada pendapatan bersih dan baki koperasi pelikuidasian yang diwartakan. KWPK telah menyumbang peruntukan berjumlah RM500,000.00 kepada Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi bagi membiayai Program *Co-operative Emergency Relief Fund* (CERF).

# SEKTOR OPERASI DAN KAWAL SELIA



# SEKTOR OPERASI DAN KAWAL SELIA

## PEMANTAPAN SISTEM PERUNDANGAN DAN TADBIR URUS KOPERASI

Suruhanjaya diperbadankan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 *[Akta 665]* yang diberi mandat sebagai regulator bagi mengawal selia koperasi berlandaskan Akta Koperasi 1993 *[Akta 502]* dan perundangan subsidiari berkaitan. Suruhanjaya dipertanggungjawabkan untuk mengukuh sektor koperasi supaya ia boleh memberi sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ini diterjemahkan melalui pemantapan tindakan pengawalseliaan yang dirangka untuk meningkatkan kecekapan penyeliaan, tadbir urus dan daya saing, sekali gus memastikan kekukuhan sektor koperasi yang berterusan.

Dalam usaha untuk membina sebuah ekosistem koperasi yang teguh, inklusif dan mampan bagi ke arah kestabilan ekonomi negara, Suruhanjaya memfokuskan kepada pemantapan tindakan penyeliaan dan pengawal seliaan. Ini selari dengan konsep Malaysia MADANI, yang menekankan prinsip kesejahteraan sosial, keadilan dan inklusiviti dalam pembangunan ekonomi. Konsep Malaysia MADANI bertujuan untuk memperkukuh integriti, kecekapan dan keterangkuman dalam semua sektor, termasuk sektor koperasi.

Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan sektor koperasi negara, Suruhanjaya merumus tindakan pemantapan penyeliaan dan pengawal seliaan bagi memelihara kekukuhan sektor tersebut melalui –

- pengukuhan asas perundangan bagi mengawasi ekosistem koperasi;
- pemantapan standard tadbir urus korporat dalam kalangan koperasi;
- penelitian rangka kerja sedia ada;
- peningkatan aktiviti penguatkuasaan; dan
- pemerkasaan jati diri dan kesedaran dalam koperasi.

### PENGUKUHAN ASAS PERUNDANGAN BAGI MENGAWASI EKOSISTEM KOPERASI

Kerangka Perundangan Utama : Akta dan Perundangan Subsidiari Mengatur Operasi, Struktur dan Tanggungjawab

#### Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007

Akta 665 telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen bagi membolehkan Suruhanjaya ditubuhkan dengan matlamat untuk memperkukuh dan memantapkan pengurusan serta pengawasan sektor koperasi di negara ini.

Selari dengan perkembangan semasa, fungsi Suruhanjaya wajar terus diperkukuh dan dimantapkan sebagai agensi kawal selia dan pembangunan koperasi melalui pengasingan kuasa Lembaga Pengarah.

Rang Undang-Undang Akta 665 telah digubal dan diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 8 Jun 2023 dan selanjutnya dibahas dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Jun 2023. Bagi maksud pengasingan kuasa ini, ia mula dikuat kuasakan pemakaiannya pada 1 Oktober 2023 dan dikenali sebagai Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023.

Dengan penguatkuasaan Akta ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pembangunan sektor koperasi di negara ini.

## Akta Koperasi 1993

Akta 502 telah diwartakan dan mula berkuat kuasa pada 22 Januari 1994. Sejak itu, evolusi pindaan akta berlaku bagi memenuhi keperluan semasa untuk menjadikan koperasi sentiasa kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran yang berubah.

Akta 502 menetapkan peruntukan mengenai penubuhan, pendaftaran dan pengawalseliaan koperasi. Selain itu, Akta ini menggalakkan perkembangan koperasi berdasarkan prinsip kejujuran, kebolehpercayaan dan ketelusan. Matlamat utama Akta ini adalah untuk menyokong perkembangan koperasi dalam usaha mencapai objektif sosioekonomi negara serta memajukan kepentingan bersama.

Bagi memastikan Akta 502 yang telah digunapakai selama lebih daripada tiga dekad tetap relevan dengan perkembangan ekonomi moden, satu semakan menyeluruh perlu dilakukan. Semakan ini mengambil kira beberapa dasar dan strategi utama seperti berikut:

- Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM 2030);
- Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030;
- Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025;
- Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (PS) 2021-2025; dan
- Kajian Perundangan Berkaitan Koperasi.

Semakan terhadap Akta 502 menunjukkan komitmen berterusan Suruhanjaya dalam menyediakan persekitaran yang memupuk perkembangan koperasi. Objektif utama adalah untuk menghasilkan koperasi yang asli, berkualiti tinggi dan berdaya saing, dengan berpandukan prinsip berikut:

- mengekalkan Akta ini kekal sebagai rangka kerja utama pengawalseliaan untuk koperasi, keunikan dan identiti koperasi;
- memastikan koperasi beroperasi dengan kukuh dan teratur mengikut prinsip koperasi yang ditetapkan; dan
- mengelakkan sebarang bentuk *regulatory arbitrage* peraturan dalam pasaran dan memastikan pematuhan terhadap kehendak Syariah.

Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan koperasi beroperasi dengan berintegriti dan mematuhi standard yang ditetapkan, demi kemajuan dan kejayaan sektor koperasi secara keseluruhan.



## Pemantapan Rejim Perundangan Subsidiari

Dalam usaha memastikan sektor koperasi terus berkembang dengan stabil dan efektif, Suruhanjaya telah menekankan keperluan pengukuhan rangka kerja perundangan subsidiari. Langkah ini melibatkan penyemakan dan pemantapan peraturan, arahan, garis panduan serta Undang-Undang Kecil yang berkaitan. Matlamat utama adalah untuk menempatkan koperasi sebagai pemangkin utama dalam pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan.

Antara perundangan subsidiari yang sedang dalam pemerhatian adalah termasuk:

- Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010; dan
- Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010.

Sebagai tambahan, Suruhanjaya telah mengeluarkan arahan berikut di bawah seksyen 86B Akta 502 untuk meningkatkan tadbir urus koperasi:

- Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023 - Arahan Menyerah Simpan Dokumen kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen 14(1) Akta Koperasi 1993.
  - ▷ Arahan ini menggariskan kewajipan koperasi untuk menyimpan dan menyerahkan maklumat Lembaga koperasi, minit mesyuarat agung, serta modul latihan dan pendidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 - Arahan Pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori.
  - ▷ Arahan ini bertujuan untuk menyokong pembangunan koperasi yang berterusan dengan menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 13% daripada untung bersih teraudit, mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 hingga 30 November 2025, perlu dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Rizab Statutori. Ini adalah langkah untuk memperbaiki aliran tunai koperasi dan memastikan kestabilan kewangan jangka panjang.

Suruhanjaya turut menggalas tanggungjawab untuk menyelaras serta menyeragam pemakaian Undang-Undang Kecil (UUK) koperasi yang tidak konsisten dengan perundangan semasa. Pada tahun 2023, Suruhanjaya dan pihak berkepentingan telah berjaya menyemak dan menyeragamkan UUK bagi:

- UUK Koperasi Kariah Masjid Negeri Sembilan;
- UUK Koperasi Penanam Sawit Mampan; dan
- Pindaan sebahagian Undang-undang Kecil yang digunapakai oleh koperasi.

Dengan langkah ini, Suruhanjaya beriltizam untuk memperkukuh pengawasan dan mempromosikan pertumbuhan yang mampan dalam sektor koperasi.

**Statistik Pendaftaran Koperasi**




Koperasi terus mengekalkan daya tahan dengan peningkatan sebanyak 3.22% kepada 15,809 koperasi pada 2023, didorong oleh pemantapan pengawal seliaan dan tadbir urus koperasi.

Prestasi Pendaftaran Koperasi




Pendaftaran koperasi baharu yang didaftarkan di bawah Akta 502 terus meningkat secara purata sebanyak 45.50% setahun yang disokong dengan keyakinan masyarakat terhadap pendaftaran koperasi sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi Negara.

## PENINGKATAN STANDARD TADBIR URUS KORPORAT DALAM KALANGAN KOPERASI

Kemampanan tadbir urus korporat yang baik mestilah menjadi tunjang utama dalam sesuatu koperasi. Suruhanjaya melaksanakan pelbagai tindakan untuk menggalakkan pematuhan, tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang kukuh dalam kalangan sektor koperasi.

### Memperkukuh Nilai Standard Tadbir Urus Korporat Koperasi

Suruhanjaya telah menyemak semula beberapa garis panduan bagi tujuan memperkukuh nilai standard tadbir urus korporat koperasi, iaitu dengan menekankan perkara berikut:

| GARIS PANDUAN | INTIPATI |
|---|---|
| **GP3: GARIS PANDUAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (PINDAAN) 2012** | • Menjelaskan kriteria layak dan sesuai (*fit and proper*) bagi dilantik sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK)<br>• Menekankan syarat jenis koperasi yang perlu penentusahan (*verification*) ke atas ALK<br>• Menetapkan kriteria yang perlu dimiliki oleh seseorang itu bagi membolehkan dia dilantik menjadi ALK |
| **GP4: GARIS PANDUAN PELANTIKAN DAN FUNGSI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN** | • Meningkatkan pemahaman, kebertanggungjawaban dan akauntabiliti Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) yang hendaklah diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil<br>• Memastikan JAD sewajarnya dilantik oleh ALK dan JAD menjalankan fungsi dengan cekap dan berkesan |
| **GP26: GARIS PANDUAN JURUAUDIT YANG DIBERI KELULUSAN MENGAUDIT DI BAWAH SEKSYEN 61 AKTA KOPERASI 1993 (PINDAAN) 2017** | • Menetapkan terma dan syarat kelulusan serta pemantauan dan pengawalan ke atas juruaudit yang diberi kelulusan mengaudit koperasi<br>• Menjelaskan kuasa Suruhanjaya boleh mengambil tindakan pengawal seliaan, penggantungan dan penamatan ke atas juruaudit |

Dalam usaha untuk memantapkan akauntabiliti ALK, Suruhanjaya menumpukan kriteria utama antaranya kejujuran, reputasi dan integriti peribadi, keupayaan dan kompeten serta integriti kewangan calon ALK bagi sesuatu koperasi. Perkara ini dilaksanakan melalui tatacara penentusahan sebelum pelantikan atau pelantikan semula ALK sebagaimana kehendak subseksyen 43(2) Akta 502.

Pada tahun 2023, Suruhanjaya telah melaksanakan proses penentusahan ke atas 629 calon ALK yang terdiri daripada 117 koperasi yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya. Proses penentusahan ini memastikan pematuhan piawaian kesusilaan dan akauntabiliti yang tinggi, dalam kalangan ALK sekaligus menyokong profesionalisme dan perkembangan koperasi.

## Penyeliaan Koperasi secara Bersasar Dalam Memperkukuh Daya Tahan Koperasi

Matlamat Suruhanjaya untuk memperkasakan gerakan koperasi menuntut kepada penambahbaikan dalam pengawalseliaan koperasi. Bagi tujuan pengukuhan sektor koperasi, fungsi pengawalseliaan Suruhanjaya telah ditambahbaik melalui penyeliaan koperasi secara bersasar.

Rangka Kerja Penyeliaan dan Kaedah Penilaian Risiko Koperasi (PRISKOP) memberi penekanan polisi dan instrumen penyeliaan bersasar ke atas pengurusan aktiviti perniagaan koperasi bagi memastikan kelestarian aktiviti utama koperasi. PRISKOP menekankan langkah pemeriksaan secara berkala dan tersusun bermula dari langkah penentuan aktiviti yang menyumbang kepada perolehan utama kepada koperasi, proses penilaian risiko, pelaporan dan tindakan intervensi.

Suruhanjaya telah melaksanakan penyeliaan bersasar melalui PRISKOP dengan penumpuan ke atas koperasi perbankan dan koperasi kredit yang merupakan penyumbang utama kepada perolehan gerakan koperasi seperti berikut:

| BIL | NAMA KOPERASI | PEROLEHAN TAHUN 2023 (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 46,413,319,142.00 |
| 2 | Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad | 5,343,357,107.00 |
| 3 | Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad | 1,165,903,570.00 |
| 4 | Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad | 407,669,000.00 |
| 5 | Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad | 139,010,542.00 |

Suruhanjaya memberi tumpuan kepada pengendalian dan pengurusan co-opbank dalam pematuhan aspek seperti kewangan, risiko dan tadbir urus untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada anggota serta pelanggan. Selaras dengan garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan GP 11: Garis Panduan Penubuhan dan Pengendalian Co-opbank (Pindaan) 2019 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, telah menetapkan elemen dan piawaian kehematan dalam memastikan pengurusan dan operasi co-opbank mematuhi semua prosedur dan polisi pengurusan risiko serta nisbah kehematan yang ditetapkan oleh BNM.

Penyeliaan berterusan bagi koperasi berkluster besar dan sederhana diselia dan dipantau secara *on-site.* Malahan penyeliaan *off-site* merangkumi penggunaan kaedah Z-Skor untuk mengukur daya tahan kewangan koperasi. Pengesanan isu penyeliaan sebagai *"early warning system"* dan menganalisis prestasi koperasi, termasuk penilaian maklumat kewangan dan bukan kewangan untuk mengenalpasti profil risiko koperasi. Laporan penilaian risiko yang memberi tumpuan ke atas analisis nisbah kewangan utama berdasarkan penyata kewangan teraudit serta penyeliaan berkala oleh Suruhanjaya menggunakan penemuan atau indikator penilaian risiko bagi menyasarkan pemulihan koperasi, bimbingan dan tindakan penambaikan oleh koperasi.

Penyeliaan dan pemantauan Suruhanjaya ke atas koperasi juga termasuk pemantauan projek koperasi yang menerima geran bantuan pembangunan. Semua koperasi yang telah menerima geran bantuan pembangunan adalah tertakluk kepada pemantauan di peringkat Kementerian dan Suruhanjaya bagi memastikan geran bantuan pembangunan yang disalur dibelanjakan mengikut skop dan projek yang telah diluluskan. Pemantauan berkesan ke atas geran bantuan pembangunan melibatkan pemantauan penggunaan geran, pematuhan syarat penggunaan dan penilaian impak ke atas koperasi yang menerima geran bantuan pembangunan.

Bagi tahun 2023, pemantauan ditekankan ke atas koperasi telah menerima bantuan pembangunan di bawah Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER), Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 yang telah diluluskan dalam tahun 2022 dan Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi/ *Supply Chain Empowerment for Co-operatives* (SCOPE).

| BIL | NAMA PROGRAM | BILANGAN KOPERASI | BANTUAN PEMBANGUNAN DILULUSKAN TAHUN 2022 (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) | 220 | 12,776,104.00 |
| 2 | Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 | 10 | 2,000,000.00 |
| 3 | Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi/ *Supply Chain Empowerment for Co-operatives* (SCOPE) | 7 | 1,000,000.00 |
| | **JUMLAH** | **237** | **15,776,104.00** |

*Bilangan koperasi yang menerima Bantuan Pembangunan dalam tahun 2022*




Bantuan pembangunan bagi membiayai pembelian rak pameran dan papan tanda Koperasi Komuniti Cakna Wakaf Tapai Marang Berhad



Kandang ternakan lembu Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad yang telah dinaiktaraf selepas menerima bantuan pembangunan

## PENELITIAN RANGKA KERJA PENGURUSAN KEWANGAN KOPERASI

### Kesinambungan Usaha Dalam Memperkasa Integriti Penyata Kewangan Koperasi

Usaha dan sumber terus digembleng untuk memperkukuh pemantauan dan penyeliaan dalam memastikan maklumat kewangan sektor koperasi yang disedia dan dilaporkan adalah berkualiti dan berintegriti. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, usaha berterusan melalui pengauditan ke atas penyata kewangan koperasi telah dijalankan sepertimana kehendak di bawah seksyen 60 Akta 502.

**Pengauditan Akaun Koperasi Tahun 2021 - 2023**



Berdasarkan rekod pengauditan, jumlah keseluruhan koperasi yang layak diaudit bagi tahun 2023 adalah sebanyak 8,239 koperasi berbanding 8,170 koperasi pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,740 (69.7%) akaun koperasi telah berjaya diaudit berbanding 5,273 (64.5%) akaun koperasi dalam tahun sebelumnya. Prestasi keseluruhan ini adalah impak daripada keberkesanan program penyeliaan dan pengauditan akaun koperasi yang dilaksanakan secara bersepadu di peringkat wilayah, negeri dan ibu pejabat serta usaha yang berterusan oleh Suruhanjaya dalam menilai keberkesanan dan segera menyelaraskan strategi dan intervensi yang sesuai.

## Meningkatkan Prestasi Audit dan Integriti Penyata Kewangan Koperasi, Strategi Bersepadu dan Berobjektif

Suruhanjaya menumpukan usaha secara proaktif dan agresif dalam memastikan penggemblengan usaha dan sumber bagi meningkatkan prestasi pengauditan dan memperkasakan integriti penyata kewangan koperasi dengan menumpukan kepada beberapa strategi antaranya:

(a) memantau pematuhan terhadap penyenggaraan akaun koperasi serta proses pengauditan secara efektif melalui pendekatan penyeliaan bersepadu;

(b) menyedia bantuan kewangan kepada koperasi kecil dan mikro yang mempunyai tunggakan audit melalui Program Bantuan Perakaunan dan Pengauditan Koperasi (PAKAR);

(c) memfokuskan pengauditan oleh juruaudit Suruhanjaya ke atas koperasi baharu serta koperasi kecil dan mikro yang kurang berkemampuan;

(d) mendorong koperasi kluster kecil dan mikro untuk menggunakan teknologi dalam penyediaan penyata kewangan melalui *Excel Accounting System for Co-operative Societies (Easy Co-op)*; dan

(e) mengoptimum pelaksanaan Program Pemerkasaan Akaun Koperasi (PKASA) dengan pendekatan yang seragam di peringkat negeri dan wilayah mengikut skala yang bersesuaian.

Suruhanjaya melaksanakan pengauditan secara bersasar terhadap 18 koperasi kluster besar dan sederhana pada tahun 2023 berbanding 11 koperasi pada tahun 2022. Peningkatan kutipan fi audit 10% dengan jumlah keseluruhan kutipan mencapai RM3.41 juta pada tahun 2023 berbanding RM3.10 juta pada tahun 2022.




## Sistem Perakaunan Koperasi *Excel Accounting System for Co-operative Societies*

Sistem Perakaunan Koperasi *Excel Accounting System for Co-operative Societies (Easy Co-op)* yang diperkenalkan pada tahun 2022, telah diteruskan pada tahun 2023 sebagai langkah proaktif untuk menyelesaikan isu penyenggaraan akaun serta memastikan pematuhan terhadap seksyen 58, 60 dan 39 Akta 502 dalam kalangan koperasi kecil dan mikro. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan koperasi tersebut mematuhi kewajipan penyenggaraan akaun, melaksanakan pengauditan dan menjalankan mesyuarat agung tahunan dengan cara yang berkesan, sistematik dan teratur.

Bengkel *Easy Co-op* yang dilaksanakan pada tahun 2023 melibatkan 700 koperasi terpilih di seluruh Malaysia dan menghasilkan statistik yang sangat positif. Daripada 12 negeri yang terlibat, 100% responden melaporkan kepuasan ke atas keberkesanan sistem *Easy Co-op* serta bersetuju bahawa sistem ini membantu dalam pematuhan seksyen 58 Akta 502 berkaitan penyediaan penyata kewangan. Di samping itu, 97% mendapati bahawa kemasukan data dalam *Easy Co-op* adalah mudah dan tidak membebankan. Seterusnya, 98% responden menunjukkan minat untuk memperkenalkan *Easy Co-op* kepada koperasi lain.

Keberkesanan sistem *Easy Co-op* dalam memudahkan penyediaan penyata kewangan jelas dapat dilihat melalui kejayaan Program Pemerkasaan Akaun Koperasi (PKASA), yang turut memberikan sokongan kepada koperasi dalam memastikan penyenggaraan akaun yang lengkap agar penyata kewangan koperasi dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2023 sebanyak 98 sesi PKASA telah dilaksanakan melibatkan 1,442 koperasi. Program ini telah berjaya membantu 996 koperasi atau 69% daripada jumlah koperasi yang terlibat dalam penyediaan penyata kewangan koperasi.

## Meningkatkan Keyakinan Dalam Kualiti dan Kebolehpercayaan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi

Pelaporan penyata kewangan koperasi yang telus, berinformasi dan berintegriti adalah asas yang membantu proses perancangan dan membuat keputusan yang tepat oleh koperasi dalam memeta hala tuju koperasi.

Suruhanjaya memberi kelulusan mengaudit akaun koperasi di bawah subseksyen 61(1) Akta 502 kepada mana-mana orang yang berwibawa untuk mengaudit akaun koperasi. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 262 permohonan telah diterima oleh Suruhanjaya merangkumi 17 permohonan baharu manakala 245 permohonan adalah pembaharuan kelulusan mengaudit. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 241 permohonan telah diberi kelulusan dengan hasil kutipan berjumlah RM48,200.00. Jumlah kelulusan yang diberikan adalah sebanyak 251 juruaudit swasta. Suruhanjaya terus menggalakkan mana-mana juruaudit berwibawa untuk berdaftar dengan Suruhanjaya bagi meningkatkan prestasi pengauditan penyata kewangan koperasi.

Suruhanjaya turut melaksanakan semakan ke atas kertas kerja pengauditan oleh 24 juruaudit swasta yang bertujuan menilai kecekapan dan kesaksamaan pelaporan kewangan koperasi. Sebagai tambahan kepada tindakan yang lebih berobjektif, Suruhanjaya telah membuat semakan ke atas 578 penyata kewangan koperasi yang diaudit oleh juruaudit swasta dan memberi pandangan Suruhanjaya di bawah subseksyen 59(2) Akta 502. Antara pandangan Suruhanjaya ke atas penyata kewangan koperasi adalah ketidakpatuhan terhadap pematuhan perundangan koperasi, kesilapan pengiraan pembahagian berkanun dan persembahan akaun yang tidak selaras dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

Hasil daripada semakan tersebut, Suruhanjaya boleh mengambil tindakan ke atas juruaudit swasta seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 61(3) Akta 502.

## Pemberian Kelulusan Dividen, Honorarium dan Syer Bonus Koperasi

Bagi melaksanakan mandat Suruhanjaya seperti mana termaktub di dalam Akta 665 dalam memastikan kestabilan kewangan dan kemampanan sektor koperasi, Suruhanjaya bertanggungjawab memantau peruntukan berkaitan pengurusan kewangan koperasi sepertimana peruntukan berikut:

(a) pembayaran dividen bagi koperasi yang menggunakan mana-mana sumber di bawah perenggan 57(5)(b) Akta 502;
(b) pembayaran dividen melebihi kadar 10% sebagaimana Arahan Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2011;
(c) pembayaran dividen bagi bank koperasi iaitu Bank Rakyat dan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad;
(d) pembayaran dividen bagi koperasi yang mempunyai kerugian terkumpul di bawah subseksyen 57(8) Akta 502;
(e) pembayaran honorarium di bawah perenggan 57(5) Akta 502; dan
(f) penerbitan syer bonus di bawah subseksyen 55(1) Akta 502 dan perenggan 57(1B)(b) Akta 502.

## Pemberian Kelulusan Dividen, Honorarium dan Syer Bonus Koperasi

Bagi melaksanakan mandat Suruhanjaya seperti mana termaktub di dalam Akta 665 dalam memastikan kestabilan kewangan dan kemampanan sektor koperasi, Suruhanjaya bertanggungjawab memantau peruntukan berkaitan pengurusan kewangan koperasi sepertimana peruntukan berikut:

(a) pembayaran dividen bagi koperasi yang menggunakan mana-mana sumber di bawah perenggan 57(5)(b) Akta 502;
(b) pembayaran dividen melebihi kadar 10% sebagaimana Arahan Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2011;
(c) pembayaran dividen bagi bank koperasi iaitu Bank Rakyat dan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad;
(d) pembayaran dividen bagi koperasi yang mempunyai kerugian terkumpul di bawah subseksyen 57(8) Akta 502;
(e) pembayaran honorarium di bawah perenggan 57(5) Akta 502; dan
(f) penerbitan syer bonus di bawah subseksyen 55(1) Akta 502 dan perenggan 57(1B)*(b)* Akta 502.

**Prestasi Kelulusan Dividen, Honorarium dan Syer Bonus**

| PERKARA | 2021 | | 2022 | | 2023 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | BIL. KOPERASI | AMAUN (RM JUTA) | BIL. KOPERASI | AMAUN (RM JUTA) | BIL. KOPERASI | AMAUN (RM JUTA) |
| **Dividen** | 364 | 411.84 | 494 | 262.08 | 528 | 366.22 |
| - Melebihi 10% | 292 | 38.96 | 414 | 82.59 | 445 | 62.19 |
| - Co-opbank | 1 | 58.26 | 1 | 58.94 | 1 | 60.91 |
| - Mana-Mana Sumber | 64 | 313.31 | 72 | 114.24 | 69 | 240.09 |
| - Kerugian terkumpul | 7 | 1.32 | 7 | 6.32 | 13 | 3.03 |
| **Honorarium** | 903 | 13.98 | 1514 | 17.67 | 1,507 | 17.35 |
| **Syer Bonus** | 7 | 1.01 | 6 | 5.44 | 8 | 7.2 |

Secara keseluruhannya, Suruhanjaya telah memberi kelulusan dividen sebanyak RM366.22 juta pada tahun 2023 berbanding RM262.08 juta pada tahun 2022 kepada 528 koperasi. Ini membuktikan pertumbuhan positif dan kestabilan sektor koperasi yang didukung oleh asas ekonomi yang kukuh, kecairan domestik yang mencukupi dan persekitaran dasar yang menyokong. Suruhanjaya juga telah meluluskan 1,507 permohonan pembayaran honorarium berjumlah RM17.35 juta bagi menghargai usaha ALK.

Prestasi Kelulusan Dividen dan Honorarium Tahun 2021 - 2023




## PENINGKATAN KEBERKESANAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Pemantapan integriti dan akauntabiliti koperasi secara menyeluruh dan konsisten kekal menjadi keutamaan dan penumpuan usaha berterusan Suruhanjaya. Inisiatif ini adalah demi memastikan kestabilan sektor koperasi serta meningkatkan keyakinan anggota dan masyarakat awam terhadap peranan Suruhanjaya sebagai agensi pengawal selia sektor koperasi.

### Pengendalian Aduan Berkesan

Suruhanjaya komited untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan aduan demi memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti, telus dan berkesan. Pada tahun 2023, berlaku peningkatan ketara trend aduan yang diterima oleh Suruhanjaya iaitu 823 aduan berbanding 340 aduan pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 98.5% aduan atau sejumlah 806 daripada 823 bilangan aduan telah diselesaikan oleh Suruhanjaya.

Pada masa kini, anggota koperasi semakin cakna dengan perkembangan mutakhir koperasi. Platform aduan menjadi wadah semak dan imbang kepada tata kelola koperasi demi kelangsungan perniagaan. Peningkatan jumlah aduan meliputi pelbagai aspek antaranya tadbir urus, perkhidmatan, hal ehwal pengurusan dan aktiviti perniagaan koperasi secara keseluruhan. Pengendalian aduan yang berkesan berperanan dalam membantu ke arah pemerkasaan kawal seliaan koperasi.

Trend Bilangan Aduan dari Tahun 2021 - 2023

| TAHUN | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|
| Aduan Diterima | 291 | 340 | 823 |
| Aduan Selesai | 287 | 332 | 806 |
| Peratusan Aduan Selesai | 98.6% | 97.6% | 97.9% |




## Pengukuhan Keupayaan Tindakan Penguatkuasaan dan Perundangan

Bagi aduan yang mempunyai elemen kelemahan tadbir urus, pemeriksaan dijalankan di bawah seksyen 64 Akta 502 bagi menambah baik ketelusan, kecekapan dan keberkesanan koperasi dalam menjalankan operasinya seterusnya membantu meningkatkan keyakinan anggota koperasi dan masyarakat. Bagi tahun 2023 sebanyak 15 Kertas Pemeriksaan (KP) telah dibuka dan 11 KP diselesaikan.

**Penyediaan Kertas Pemeriksaan**

Hasil pemeriksaan di bawah seksyen 64 Akta 502 membolehkan Suruhanjaya mengeluarkan Perintah Bertulis di bawah seksyen 67 Akta 502 dan tindakan punitif di bawah seksyen 69 Akta yang sama. Sepanjang tahun 2023, Suruhanjaya telah mengeluarkan 11 pewartaan di bawah Akta 502 berhubung Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan), Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan Semula), Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Penamatan Pelantikan) dan Perintah Koperasi (Pengecualian).




**Penyediaan Kertas Siasatan / *Investigation Paper***

Suruhanjaya juga menjalankan penyiasatan di bawah seksyen 45 Akta 665 terhadap koperasi bagi memastikan permasalahan dalam tadbir urus koperasi dapat dibendung. Tindakan penyiasatan yang dijalankan ini adalah bagi tujuan pendakwaan dan kompaun. Sebanyak 188 *Investigation Paper* (IP) telah dibuka sepanjang tahun 2023.

| TAHUN | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|
| Siasatan : IP kesalahan lain yang dikeluarkan | 48 | 20 | 61 |
| IP Kesalahan ketat | 9 | - | - |
| IP Kesalahan ketat (SL) Negeri | 239 | 216 | 188 |
| Siasatan : Bilangan IP selesai dalam tahun | 41 | 17 | 24 |
| *Bilangan IPSL Negeri selesai | 239 | 216 | 188 |

Nota : * *Investigation Paper Strict Liability* (*IPSL*)




Tahun 2023, berlakunya peningkatan ketara iaitu sejumlah 572 izin kompaun dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi kes *strict liability* terhadap koperasi atas kegagalan mengadakan mesyuarat agung, mengaudit akaun, mengemukakan minit mesyuarat agung serta senarai Lembaga koperasi kepada Suruhanjaya dan kes-kes kesalahan Akta 502 yang lain.

Suruhanjaya juga bertanggungjawab dalam urusan kompaun hasil daripada siasatan yang dijalankan. Tindakan kompaun ini bukanlah suatu punitif bahkan untuk memastikan koperasi bergerak mengikut perundangan yang ditetapkan dan dalam masa yang sama memberi pendidikan dan pengajaran kepada gerakan koperasi secara kolektif. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, pelaksanaan kompaun ke atas koperasi telah dilaksanakan dan sejumlah RM364,350.00 kompaun ke atas koperasi telah berjaya dikutip.

**Statistik Bilangan Kes Kompaun Koperasi**

**BILANGAN TAWARAN KOMPAUN**

| 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|
| 87 | 103 | 572 |

**Statistik Jumlah Kutipan Kompaun**

**JUMLAH KUTIPAN KOMPAUN (RM)**

| 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|
| 201,175 | 151,600 | 364,350 |

Di samping tindakan perundangan, Suruhanjaya terus melaksanakan langkah komprehensif dan proaktif melalui program kesedaran dan pendidikan berkaitan pematuhan perundangan koperasi bukan sahaja kepada para koperator malah meliputi setiap lapisan masyarakat.

Suruhanjaya juga telah berjaya menyelesaikan empat (4) kes litigasi sivil yang melibatkan Suruhanjaya di peringkat Mahkamah Persekutuan Malaysia, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Shah Alam dan Kuantan berkenaan permohonan semakan kehakiman dan deklarasi.

## Tribunal Koperasi

Lanskap ekosistem sektor koperasi dilengkapkan dengan penubuhan Tribunal Koperasi di bawah seksyen 83 Akta 502 bermula tahun 1998. Tribunal ini berfungsi untuk mendengar dan menentukan apa-apa pertikaian yang berbangkit di antara dua pihak yang terlibat dan mempunyai *locus standi* di bawah subseksyen 82(1) dan 82(2) Akta 502.

Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 22,013 kes telah didaftarkan di bawah seksyen 82 Akta 502. Daripada jumlah tersebut sebanyak 21,715 kes telah diselesaikan.

Pendaftaran kes baharu di Tribunal Koperasi telah meningkat iaitu daripada 824 kes pada tahun 2022 kepada 1,290 kes pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut sebanyak 125 kes telah didaftarkan di bawah subseksyen 82(1) dan sebanyak 1,165 kes didaftarkan di bawah subseksyen 82(2) Akta 502.

Secara keseluruhannya Tribunal Koperasi telah menyelesaikan 1,219 kes iaitu sebanyak 72 kes di bawah subseksyen 82(1) dan 1,147 di bawah subseksyen 82(2) Akta 502.

**Prestasi Kes Tribunal Koperasi**

| STATUS KES / TAHUN | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|
| Belum selesai tahun sebelum | 665 | 553 | 221 |
| Daftar tahun semasa | 633 | 824 | 1,290 |
| Kes berdaftar | 1,298 | 1,377 | 1,511 |
| Selesai dalam tahun | 747 | 1,148 | 1,219 |
| Bawa ke tahun berikut | 551 | 229 | 292 |
| Peratus (%) kes selesai dalam tahun | 57.55% | 83.37% | 80.68% |

**Perbandingan Jumlah Kes Didaftarkan dan Diselesaikan**




> Peningkatan pemfailan pertikaian di Tribunal Koperasi menggambarkan kecekapan pengurusan serta pengukuhan kepercayaan masyarakat terutamanya anggota koperasi terhadap Tribunal Koperasi khususnya dalam melindungi hak anggota.

## Pemantauan Pematuhan Syariah

Pematuhan Syariah dalam sektor koperasi merujuk kepada prinsip dan amalan yang mematuhi hukum Syariah sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 84A Akta 502. Pemantauan pematuhan Syariah penting bagi memastikan koperasi tidak terlibat dalam aktiviti yang bertentangan dengan Syariah dan untuk melindungi kepentingan anggota serta masyarakat umum.

Suruhanjaya sebagai agensi kawal selia sektor koperasi dalam usaha memantau pematuhan Syariah koperasi telah mengambil langkah memperkasakan ekosistem Syariah koperasi termasuk tadbir urus Syariah, audit Syariah dan aspek lain yang berkaitan pematuhan Syariah.

Selaras dengan GP28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah, Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan Jawatankuasa Syariah (JKS) bagi 145 koperasi termasuk JKS Kumpulan dan Luaran yang diiktiraf dengan tempoh kelulusan sehingga tiga (3) tahun.

Koperasi besar dan sederhana adalah digalakkan untuk mewujudkan JKS berdasarkan produk pembiayaan Islam atau kemudahan kredit yang ditawarkan di bawah subseksyen 51(1) Akta 502.

Suruhanjaya telah memberi pengiktirafan kepada enam (6) organisasi yang dilantik sebagai JKS termasuklah secara dalaman, kumpulan dan luaran. Antara senarai Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| JKS Kumpulan | ANGKASA |
| JKS Luaran | IBFIM |
| | AFSHA SHARIAH ADVISORY |
| | BIMB SECURITIES SDN BHD |
| | TAWAFUQ CONSULTANCY |
| | MASRYEF ADVISORY SDN BHD |

Koperasi yang menjalankan aktiviti Ar-Rahnu adalah sebanyak 104 buah dengan 658 buah cawangan di seluruh Malaysia dengan jumlah perolehan adalah sebanyak RM5 bilion. Bagi memperkasakan industri Ar-Rahnu dalam gerakan koperasi, Suruhanjaya telah mengambil inisiatif dengan menetapkan kriteria yang bertujuan melancarkan urusan Pemeriksaan Patuh Syariah yang menjurus khusus untuk aktiviti Ar-Rahnu. Tatacara Seragam Pemeriksaan Patuh Syariah ini siap sepenuhnya pada Mei 2023. Tatacara ini telah mengambil kira semua resolusi Syariah yang digunapakai di Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dan amalan terbaik industri yang berkaitan dengan kepatuhan Syariah.

Dalam hal ini, Suruhanjaya telah membuat penyeliaan dan pengawal seliaan ke atas koperasi yang telah disenarai dalam jadual pemeriksaan secara berkala. Pada tahun 2023, sebanyak lima (5) koperasi telah dilaksanakan pemeriksaan pematuhan Syariah. Hasil penemuan mendapati terdapat beberapa isu yang perlu diambil perhatian berkaitan ketidakpatuhan Syariah dalam aktiviti koperasi dan pematuhan perundangan koperasi.

Suruhanjaya sentiasa melaksanakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dalam membentuk Kerangka Ekosistem Pematuhan Syariah termasuklah pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan ANGKASA serta pakar industri yang lain.

## Memantapkan Jati Diri dan Kesedaran Dalam Koperasi



**Program kesedaran untuk memberi pemahaman kepada pegawai Suruhanjaya mengenai Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil. 2/2022**



**Persidangan Juruaudit Koperasi Tahun 2023**



**Taklimat *Refresher* Perundangan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010**

# SEKTOR PENGURUSAN



# SEKTOR PENGURUSAN

## KEMAMPANAN PENGURUSAN, KESEJAHTERAAN MODAL INSAN

Pengurusan dan organisasi merupakan satu hubungan yang tidak dapat dipisahkan. Perjalanan sesebuah organisasi serta pengendalian modal insan adalah elemen utama dalam sektor pengurusan. Sektor pengurusan bertanggungjawab memberi khidmat sokongan berkaitan pengurusan kewangan, pembangunan bakat modal insan, mengadaptasi teknologi maklumat dan hal ehwal pentadbiran Suruhanjaya termasuklah penyediaan penyata kewangan tahunan yang memenuhi piawaian perakaunan ditetapkan. Pengurusan Suruhanjaya juga memberi fokus kepada keselamatan pejabat serta bangunan dan juga rekod-rekod rasmi Kerajaan demi memastikan ianya terpelihara dan dilindungi secara sepatutnya. Penekanan terhadap sistem kawalan dan amalan tata kelola berintegriti diterapkan bagi memastikan Suruhanjaya terus melonjak sebagai peneraju kecemerlangan koperasi.

Sektor pengurusan telah memberi tumpuan terhadap tujuh (7) strategi utama iaitu:

1. Pengurusan bakat sumber manusia;
2. Pembangunan kapasiti modal insan melalui latihan dan pembelajaran berterusan;
3. Amalan tata kelola berintegriti;
4. Pembangunan fasiliti dan prasarana yang kondusif;
5. Kecekapan pengurusan kewangan;
6. Pembangunan dan kecekapan teknologi maklumat yang mampan; dan
7. Sistem kawalan dalaman operasi Suruhanjaya.

### PENGURUSAN BAKAT SUMBER MANUSIA

Penstrukturan perjawatan sentiasa dikemaskini dalam memastikan Suruhanjaya mempunyai keupayaan dalam melaksanakan peranannya dengan berkesan. Maklumat perjawatan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

| BIL. PERJAWATAN | | |
|---|---|---|
| 1,206 | | |
| PENGISIAN | KEKOSONGAN | PERATUS (%) |
| 985 | 221 | 82 |

*Jadual 1: Peratus Pengisian Tahun 2023*

Dalam tahun 2023, Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) yang diluluskan adalah sebanyak 1,206 jawatan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 985 jawatan telah diluluskan untuk pengisian sementara 221 jawatan masih menunggu kelulusan pengisian daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Jadual 2 menunjukkan pengisian perjawatan bagi tahun 2023:

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERJAWATAN | PENGISIAN | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi (VU7 - VU5) | 5 | 5 | 0 |
| Pengurusan dan Profesional (41 - 54) | 271 | 237 | 34 |
| Pelaksana I | 839 | 662 | 177 |
| Pelaksana II | 91 | 81 | 10 |
| JUMLAH | 1,206 | 985 | 221 |

*Jadual 2 : Pengisian Jawatan Mengikut Kategori*

Pengambilan pegawai kontrak turut dilaksanakan bagi menyokong perjalanan operasi Suruhanjaya lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, sejumlah 138 pegawai kontrak telah dilantik sehingga 2023.

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | JUMLAH PEGAWAI |
|---|---|
| Pengurusan Tertinggi (VU7 - VU5) | 1 |
| Pengurusan dan Profesional (41 - 54) | 34 |
| Pelaksana I | 92 |
| Pelaksana II | 11 |

*Jadual 3 : Pengisian Jawatan Pegawai Kontrak*

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Suruhanjaya Tahun 2023 telah diadakan pada 18 Julai 2023 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre, Bangi, Selangor. Seramai 81 orang warga Suruhanjaya yang layak telah terpilih menerima anugerah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap prestasi kerja yang cemerlang serta sumbangan dalam perkhidmatan. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.

## Program Jasamu Dikenang

Pada tahun 2023, seramai 24 orang pegawai Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan sama ada bersara wajib, bersara pilihan atau telah meninggal dunia. Seramai 102 orang pegawai telah diraikan bagi menghargai tempoh perkhidmatan melebihi 25 tahun. Ini adalah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai yang telah menyumbang usaha, tenaga dan komited dalam pembangunan dan kejayaan Suruhanjaya. Suruhanjaya merakamkan penghargaan atas sumbangan jasa bakti pegawai sepanjang berkhidmat di Suruhanjaya.

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | JUMLAH PEGAWAI |
|---|---|
| Pengurusan Tertinggi (VU7 - VU5) | 2 |
| Pengurusan dan Profesional (41 - 54) | 7 |
| Pelaksana I | 12 |
| Pelaksana II | 3 |

*Jadual 4 : Pegawai yang menamatkan perkhidmatan*

## Pengurniaan Darjah Kebesaran

Pengurniaan Darjah Kebesaran dianugerahkan kepada pegawai Suruhanjaya yang menunjukkan kecemerlangan dalam tugas pembangunan gerakan koperasi dan sumbangan di luar tugas rasmi. Pada tahun 2023 seorang pegawai Suruhanjaya telah dianugerahkan Darjah Kebesaran.



ENCIK ABDULLAH BIN SALLEH
PEMBANTU EHWAL EKONOMI
GRED E26 (KUP)
**PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K)**

## Bengkel Semakan Buku Rekod Perkhidmatan

Bengkel Semakan Buku Rekod Perkhidmatan telah dilaksanakan pada 14-17 Ogos 2023 yang melibatkan semua pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Ibu Pejabat, bertujuan untuk menyemak dan mengemaskini rekod perkhidmatan pegawai.





## Program *Wellness Day* 2023 @ Hari Terbuka AKRAB Suruhanjaya

*Wellness Day* 2023 @ Hari Terbuka AKRAB Suruhanjaya telah diadakan pada 15 Jun 2023 bertempat di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan produktiviti pegawai dalam menguruskan emosi negatif secara berkesan bagi memenuhi keperluan organisasi dan memantapkan kemahiran berkaitan psikologi dalam bimbingan kaunseling. Pelbagai aktiviti diadakan seperti Pameran Kesejahteraan Psikologi, Konsultasi Psikologi, Ujian DASS, Ujian Personaliti, Terapi Corak NLP dan *Chit Chat* bersama AKRAB.






## PEMBANGUNAN KAPASITI MODAL INSAN MELALUI LATIHAN DAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Pembangunan kapasiti warga Suruhanjaya merupakan salah satu aktiviti organisasi yang penting kerana pengaruhnya mempunyai kesan terhadap produktiviti dan kecemerlangan modal insan. Penelitian dan perancangan latihan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan warga Suruhanjaya tidak ketinggalan untuk mendapat ilmu dan kemahiran yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2023, Suruhanjaya telah melaksanakan 91 latihan dan program pembangunan kapasiti, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.56 juta. Seramai 825 orang (73%) pegawai dan kakitangan berjaya mencapai sekurang-kurangnya tujuh (7) hari latihan sepanjang tahun. Latihan dan program yang dilaksanakan adalah berdasarkan Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021 - 2025, Pelan Anti Rasuah Organisasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2023 - 2025, Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021 - 2025 dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) 2.0.

Perbandingan latihan dan program bagi pembangunan kapasiti tahun 2023, 2022, 2021 adalah seperti berikut:

| BIL | TAHUN | JUMLAH PROGRAM/ LATIHAN | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 2023 | 91 | 1.56 juta |
| 2 | 2022 | 98 | 1.99 juta |
| 3 | 2021 | 102 | 1.06 juta |

Selain itu, pengukuhan pasukan warga kerja Suruhanjaya diperkemaskan lagi melalui program pemantapan jati diri dan *team building* yang dapat menambah kerjasama serta kesepakatan dalam meningkatkan kompetensi modal insan. Suruhanjaya telah melaksanakan program *team building* kepada warga kerja di peringkat negeri dan ibu pejabat melibatkan tujuh (7) zon dan diadakan secara berperingkat bermula dari bulan Februari hingga April 2023 melibatkan seramai 870 orang.









## Peningkatan Kompetensi Pegawai

Suruhanjaya juga menyokong dan menggalakkan warganya untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Pada tahun 2023, seramai 18 pegawai dan kakitangan telah diberi peluang melanjutkan pelajaran secara sepenuh atau separuh masa di institusi pengajian tinggi awam.

| MOD PENGAJIAN | DIPLOMA | | |
|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2021 |
| Sepenuh masa | - | - | - |
| Separuh masa | 1 | - | - |
| **JUMLAH** | **1** | **-** | **-** |

| MOD PENGAJIAN | IJAZAH SARJANA MUDA | | |
|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2021 |
| Sepenuh masa | 10 | - | - |
| Separuh masa | - | 5 | 3 |
| **JUMLAH** | **10** | **5** | **3** |

| MOD PENGAJIAN | SARJANA | | |
|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2021 |
| Sepenuh masa | 2 | 2 | 3 |
| Separuh masa | 2 | - | - |
| **JUMLAH** | **4** | **2** | **3** |

| MOD PENGAJIAN | DOKTOR FALSAFAH | | |
|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2021 |
| Sepenuh masa | 3 | - | - |
| Separuh masa | - | 2 | 2 |
| **JUMLAH** | **3** | **2** | **2** |

Suruhanjaya juga menyediakan kemudahan biasiswa kepada mereka yang layak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sebagai *visibility* dan tanda penghargaan kepada gerakan koperasi. Pada tahun 2023, Jawatankuasa Penilaian Biasiswa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi telah meluluskan 20 permohonan daripada 32 permohonan yang diterima (Diploma – 4, Ijazah Sarjana Muda – 10 dan Sarjana – 6).

### AMALAN TATA KELOLA BERINTEGRITI

Jika kita telusuri sejarah pentadbiran Kerajaan Malaysia, para pemimpin terdahulu dan juga pemimpin kini menjadikan integriti sebagai dasar terpenting dalam memacu dan memandu arah pentadbiran Kerajaan. Kenyataan ini dibuktikan dengan pelaksanaan dasar-dasar utama Kerajaan seperti Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, Pelan Integriti Nasional (PIN), Pendekatan Islam Hadhari, Pendekatan Wasatiyyah dan juga Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta dasar Kerajaan yang terkini iaitu Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP). Dasar-dasar ini secara langsung telah memberikan penekanan terhadap isu-isu yang melibatkan integriti dan tadbir urus yang baik.

Tahun 2023, pelbagai program pendidikan kesedaran bagi memupuk dan membentuk budaya kerja berintegriti dalam kalangan warga kerja Suruhanjaya telah dilaksanakan dengan kaedah penghayatan, pengukuhan, pencegahan, punitif dan pengiktirafan.

Di antara program yang telah dianjurkan adalah taklimat berkenaan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) kepada semua pegawai-pegawai Suruhanjaya yang telah diadakan pada 14 April 2023 secara dalam talian. Selain itu taklimat berkenaan pelanggaran tatakelakuan dan larangan terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya sebagaimana peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] juga diberikan kepada pegawai Suruhanjaya mengikut negeri iaitu di Suruhanjaya Cawangan Negeri Pahang pada 15 Mei 2023, Suruhanjaya Cawangan Negeri Melaka pada 16 Jun 2023 dan juga Suruhanjaya Cawangan Negeri Johor pada 4 Oktober 2023.

Selain itu, Taklimat Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Suruhanjaya Cawangan Negeri Terengganu telah diadakan pada 28 Ogos 2023. Pendedahan berkenaan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] diberikan kepada pegawai-pegawai lantikan baharu Suruhanjaya melalui Ceramah Integriti Kursus Asas yang diadakan pada 6 Oktober 2023.

Hebahan integriti telah dilaksanakan dengan mengeluarkan poster-poster berbentuk peringatan, makluman dan nasihat bagi memastikan warga Suruhanjaya sentiasa meletakkan nilai-nilai integriti dalam diri. Antara tajuk hebahan integriti yang dikeluarkan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

1. **Itqan Dalam Pekerjaan**
2. **Keterhutangan Kewangan Yang Serius**
3. **Ramadan Memupuk Integriti**
4. **Menjaga Batas Pergaulan**
5. **Hindari Rasuah**
6. **Integriti Media Sosial**
7. **Larangan Melakukan Pekerjaan Sambilan**
8. **Larangan Membuat Pernyataan Awam**

Tahun 2023, azam dan iltizam Suruhanjaya adalah untuk memastikan semua warga kerja menjauhi kegiatan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang, melindungi kerahsiaan maklumat dan tatakelakuan baik. Tunjang kelestarian ini digubal kerana pengurusan Suruhanjaya memahami bahawa integriti dan etika dalam pekerjaan dan organisasi bukan sekadar penglibatan diri individu untuk menyediakan keperluan dirinya sahaja sebaliknya melibatkan tindakan baik yang dilakukan dalam kerja yang mana semuanya mempunyai kaitan erat dengan ajaran agama dan tanggungjawab sebagai manusia.

Hakisan nilai integriti dalam kalangan pekerja akan mengakibatkan kepincangan pentadbiran dan salah laku dalam organisasi. Justeru, pengamalan dan pemahaman terhadap integriti dan etika dalam kalangan warga kerja Suruhanjaya amat diperlukan selari dengan usaha-usaha pemerkasaan pengurusan tatatertib dan pengukuhan tadbir urus Suruhanjaya. Ini bagi memastikan warga kerja Suruhanjaya memiliki sifat jati diri, berintegriti dan amanah dalam menyampaikan perkhidmatan terhadap orang awam.

## PEMBANGUNAN FASILITI DAN PRASARANA YANG KONDUSIF

Projek menaik taraf ruang pejabat di Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan menyusun atur, penstrukturan bilik dan menyediakan ruang kerja yang lebih selesa dan kondusif kepada pegawai dan kakitangan Suruhanjaya.

Pengubahsuaian ini adalah berpandukan kepada garis panduan ruang bangunan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.





## Tatacara Pengurusan Kenderaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TPKSKM)

Suruhanjaya menggunakan kandungan sedia ada yang terdapat dalam Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia di bawah WP 4.1 : Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Pekeliling tersebut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan bermula pindaan secara keseluruhan 1PP, Pekeliling Perbendaharaan pada tahun 2018. Beberapa penambahbaikan kepada kandungan Pengurusan Kenderaan dicadangkan bagi memantapkan pengurusan kenderaan Suruhanjaya secara keseluruhan.

*”Pewujudan Tatacara Pengurusan Kenderaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TPKSKM) ini adalah bertujuan mewujudkan Garis Panduan untuk menguruskan Kenderaan Suruhanjaya bagi mengikut kesesuaian ekosistem pengurusan, dasar dan struktur organisasi Suruhanjaya bagi menggantikan WP4.1 : Pengurusan Kenderaan Kerajaan”*




## Kursus Pengurusan Aset Tak Ketara

Kursus Pengurusan Aset Tak Ketara Suruhanjaya Tahun 2023 merupakan usaha untuk memberikan pemahaman dan pemantapan pengurusan aset tak ketara Suruhanjaya Ibu Pejabat. Kursus ini telah diadakan pada 11-12 Mei 2023 bertempat di Hotel Mardhiyah, Shah Alam, Selangor. Ia merupakan salah satu usaha untuk memberikan pemahaman dan pemantapan pengurusan aset tak ketara di Suruhanjaya Ibu Pejabat. Skop pentauliahan adalah meliputi semua aspek pengurusan aset tak ketara Suruhanjaya. Objektif dan tujuan utama kursus ini diadakan adalah bagi:

i. Menerangkan aspek penting dalam pengurusan aset tak ketara dengan menggunapakai Tatacara Pengurusan Aset Tak Ketara Kerajaan (AM 7.1-7.8) dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa;
ii. Menerangkan cara mendaftarkan harta intelek, cap dagangan, paten dan lain-lain melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO); dan
iii. Menerangkan amalan-amalan pengurusan aset tak ketara melalui perkongsian ilmu dan pengalaman.





Kerajaan juga menggalakkan pendaftaran aset tak ketara melalui badan yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi melindungi aset tak ketara yang mempunyai potensi ekonomi. Sebagai contoh, kepentingan pendaftaran cap dagangan akan menjadikannya asas untuk membina jenama dan reputasi Suruhanjaya. Ia memberikan hak eksklusif untuk menghalang orang lain daripada memasarkan produk/ logo/*trademark* yang serupa di bawah tanda cap dagangan yang sama.

## KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN

Penyata kewangan Suruhanjaya disediakan sepenuhnya berdasarkan piawaian *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) sejajar dengan dasar perakaunan kerajaan.

Suruhanjaya telah mendapat sijil audit bersih sepanjang 16 tahun penubuhan iaitu sejak tahun 2008 yang diberikan oleh Jabatan Audit Negara. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi diberikan oleh semua pihak khususnya Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya. Pengurusan kewangan yang cekap dan telus menjadi amalan tadbir urus pengoperasian kewangan Suruhanjaya.

Pada tahun 2023, Suruhanjaya telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM150.38 juta seperti pecahan berikut:




*Rajah 1: Pendapatan Suruhanjaya bagi tahun 2023*

Pendapatan yang dijana meningkat sebanyak 27% berbanding tahun 2022 hasil daripada prestasi yang baik daripada keuntungan portfolio pelaburan berjumlah RM8.3 juta pada tahun 2023.

| BIL | PENDAPATAN | 2023 | 2022 | % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Geran dan Pemberian | 130,037,280.00 | 139,926,977.00 | -7% |
| 2 | Lesen dan Pendaftaran | 193,380.00 | 169,700.00 | 14% |
| 3 | Fi Audit | 3,495,710.00 | 3,074,326.00 | 14% |
| 4 | Klinik Akaun | 111,570.00 | 123,060.00 | -9% |
| 5 | Bayaran Pengurusan Dana | 6,886,428.00 | 6,408,705.00 | 7% |
| 6 | Perkhidmatan dan Bayaran Proses | 246,600.00 | 176,165.00 | 40% |
| 7 | Sewaan dan Jualan Barang-Barang | 275,905.00 | 228,837.00 | 21% |
| 8 | Hibah dan Keuntungan Pelaburan | 8,298,249.00 | 5,162,800.00 | 61% |
| 9 | Keuntungan Pembiayaan Kakitangan | 3,274.00 | 4,530.00 | -28% |
| 10 | Kompaun | 361,850.00 | 158,350.00 | 129% |
| 11 | Lain - lain | 466,763.00 | 204,320.00 | 128% |
| | **JUMLAH** | **150,377,009.00** | **155,637,770.00** | **-3%** |




*Rajah 2: Pecahan Perbelanjaan Suruhanjaya bagi tahun 2023*

| BIL | PERBELANJAAN | 2023 | % | 2022 | % |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Emolumen | 73,601,415 | 56% | 73,475,567 | 52% |
| 2 | Perkhidmatan dan Bekalan | 34,510,353 | 26% | 28,985,266 | 21% |
| 3 | Program Pembangunan | 18,885,971 | 15% | 34,500,887 | 25% |
| 4 | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 2,978,305 | 2% | 1,903,248 | 1% |
| 5 | Lain-lain | 1,632,318 | 1% | 1,548,148 | 1% |
| | **JUMLAH** | **131,608,362** | **100** | **140,413,116** | **100** |

Suruhanjaya melaksanakan kewajipan sebagai pembayar cukai dengan membayar RM3.64 juta bagi tahun taksiran 2023. Jumlah bayaran ini meningkat sebanyak 31% dari tahun sebelumnya berikutan dengan peningkatan pendapatan pasif Suruhanjaya terutama keuntungan pelaburan. Suruhanjaya juga melaksanakan pembayaran zakat perniagaan berjumlah RM280,000 pada tahun 2023.

Sebahagian daripada zakat ini telah dikembalikan semula kepada Suruhanjaya dibawah Program Wakalah Agihan Zakat. Dengan adanya program ini, Suruhanjaya berpeluang menyantuni asnaf-asnaf yang layak untuk diberikan bantuan zakat.

Pada tahun 2023, seramai 93 penerima dari golongan asnaf individu dan institusi yang layak menerima manfaat yang berjumlah RM97,028 untuk dana wakalah tersebut.

| DANA WAKALAH | BILANGAN PENERIMA | RM |
|---|---|---|
| Zakat Perniagaan - Lembaga Zakat Selangor | 87 | 82,500.00 |
| Zakat Potongan Majikan - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | 6 | 14,528.00 |
| **JUMLAH AGIHAN** | **93** | **97,028.00** |









## PEMBANGUNAN DAN KECEKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG MAMPAN

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021 - 2025 Bidang Tujahan 5: Pemerkasaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian, Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025 Teras III: Strategi 4: Mengadaptasi Penggunaan Teknologi dan Digitalisasi Operasi Organisasi serta Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025 akan menjadi panduan dan rujukan untuk pelaksanaan secara terancang dan teratur.

## Pencapaian dan Aktiviti Pengurusan Maklumat

Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025 Teras III: Strategi 4: Mengadaptasi Penggunaan Teknologi dan Digitalisasi Operasi Organisasi

| BIL | PROGRAM | INDIKATOR SASARAN | PENCAPAIAN 2023 (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | Program pendigitalan organisasi dan koperasi | Pelan pendigitalan organisasi dan koperasi | 75 |
| 2 | Penyediaan prasarana ICT yang mencukupi | Bilangan peralatan/ perkakasan | 100 |
| 3 | Pembangunan *software* dan aplikasi yang mesra pengguna | Bilangan *software*/ aplikasi dibangunkan | 82 |

**Pelaksanaan dibuat secara berperingkat mengikut aktiviti bagi setiap skop program utama*

Berikut adalah Projek Pembangunan/ Penyelenggaraan Sistem dan Integrasi Data yang dilaksanakan pada tahun 2023:

### 1. Integrasi antara Agensi

#### a) Gerbang MyGDX (MAMPU/JDN)

MyGDX ialah ekosistem perkongsian data yang merangkumi tadbir urus digital dan *platform* perkongsian data terjamin untuk memperkasa dan meningkatkan perkhidmatan dalam talian sepenuhnya (E2E) ke arah kerajaan berpacukan data.

Pelaksanaan MyGDX membolehkan maklumat diselaras dan dikongsi dengan lebih efisien. Secara tidak langsung agensi berupaya mengurangkan kos penyediaan infrastruktur dan pengintegrasian sistem. Melalui MyGDX juga, peranan agensi dalam menjalankan bidang kuasanya dapat diperkukuhkan.

#### b) Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan - iSPKP (Agensi Pengangkutan Awam Darat - APAD)

Proses integrasi dengan data di Suruhanjaya adalah bertujuan untuk membolehkan sistem iSPKP menyemak kesahihan permohonan data koperasi yang memohon lesen kenderaan perdagangan di Malaysia secara atas talian tanpa perlu kepada semakan dokumen secara manual dan ini sekaligus dapat menjimatkan masa dan mengelakkan berlakunya kesilapan dan keraguan data.

### 2. Penyelenggaraan/ Penambahbaikan Sistem Oleh Pihak Luar

a) Perluasan Modul Kehadiran, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sistem MySKM

Sistem MySKM ini mempunyai empat (4) modul utama iaitu Modul Kehadiran, Modul Aduan, Modul Tempahan Bilik Mesyuarat dan Modul Tempahan Kenderaan. Pada masa ini kesemua modul di dalam sistem MySKM ini hanya digunakan di Suruhanjaya Ibu Pejabat dan Suruhanjaya Cawangan Wilayah Persekutuan.

Perluasan Modul Kehadiran sistem MySKM kepada dua Pejabat Suruhanjaya Cawangan Negeri (Selangor dan Negeri Sembilan). Menaiktaraf modul-modul sedia ada di dalam sistem MySKM bagi mengatasi isu-isu di dalam sistem sedia ada. Menyelenggara sistem sedia ada bagi memastikan sistem boleh berfungsi dengan baik.









b) Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Sistem Pemantauan Co-opbank dan Koperasi Kredit (SPCC)

Sistem SPCC digunakan untuk melaksanakan penyeliaan ke atas co-opbank, koperasi berpotensi menjadi co-opbank dan koperasi kredit yang terpilih. Memastikan SPCC perlu berada di dalam keadaan yang baik dengan kawalan serta pemantauan oleh pihak pembekal setiap masa bagi mengelakkan proses kerja kawalselia terganggu/ terhenti dan seterusnya memberi kesan kepada bahagian lain yang memerlukan data yang berkaitan.

Sistem ini menyimpan pelbagai maklumat lain yang berguna kepada Suruhanjaya seperti status pengauditan sesuatu koperasi, penyata kewangan, pelanggaran perundangan koperasi, juruaudit swasta, dan digunakan untuk proses permohonan dividen, honorarium dan syer bonus.

Menjadikan SPCC supaya lebih mesra pelanggan dengan mengambilkira penambahbaikan yang perlu bagi memudahkan koperasi menginput data ke dalam Modul Maklumat Akaun Pengurusan (MAP) dan Modul Maklumat Audit Kewangan (MAK).




c) Penambahan Modul Baru dan Penyambungan Kontrak Penyelenggaraan Sistem Pengurusan Aset dan Stor (SPA&SPS)

Sistem Pengurusan Aset (SPA) meliputi semua aspek pengurusan aset alih termasuk harta modal dan aset alih bernilai rendah berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset (TPA) Suruhanjaya dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan aset alih.

Manakala Sistem Pengurusan Stor (SPS) meliputi semua aspek pengurusan stor berdasarkan Tatacara Pengurusan Stor (TPS) dan pekeliling lain yang berkaitan dengan pengurusan stor.

Memenuhi keperluan semasa sistem bagi memastikan sistem SPA dan SPS yang digunakan oleh Suruhanjaya mematuhi TPA dan TPS yang berkuat kuasa pada 3 Februari 2022.





d) Penyelenggaraan Sistem Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM-FS)

SKM-FS merupakan sistem pengurusan kewangan dan akaun Suruhanjaya. Sistem ini telah berjaya mengekalkan prestasi pematuhan SAGA dengan menerima pengiktirafan Sijil Pematuhan bagi Sistem Kewangan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Dalam memastikan SKM-FS sentiasa dalam ketersediaan dan mematuhi pematuhan kriteria SAGA, Suruhanjaya telah melaksanakan simulasi pemulihan bencana setahun sekali.

### Pelaksanaan Simulasi Pemulihan Bencana *(Disaster Recovery)* Bagi Sistem Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM-FS)

Suruhanjaya telah berjaya mengekalkan prestasi pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) dengan menerima pengiktirafan Sijil Pematuhan bagi Sistem Kewangan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Berikut adalah jadual pelaksanaan simulasi DR bagi memastikan Sistem SKM-FS sentiasa dalam ketersediaan dan mematuhi pematuhan kriteria SAGA:

| BIL | MESYUARAT/ AKTIVITI | PENCAPAIAN | TARIKH DILAKSANAKAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Persediaan Pelaksanaan Aktiviti Simulasi | 1 Kali Setahun | 21 Ogos 2023 |
| 2 | Pelaksanaan Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR) | 1 Kali Setahun | 29 Ogos 2023 |

Berikut adalah Projek Infrastruktur, Keselamatan dan Rangkaian Suruhanjaya yang dilaksanakan pada tahun 2023:

| BIL | PELAN/ TERAS | PROJEK | STATUS |
|---|---|---|---|
| 1 | Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025<br>Teras Strategik 3: Pemerkasaan Perkhidmatan ICT<br>TS3.1: Aplikasi Keselamatan ICT | Pengukuhan Peralatan Keselamatan Rangkaian [*Intrusion Prevention System* (IPS)] Di Pusat Data Suruhanjaya Koperasi Malaysia | 100% |
| 2 | Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025<br>Teras Strategik 3: Pemerkasaan Perkhidmatan ICT<br>TS3.1: Aplikasi Keselamatan ICT | Pemantapan Keselamatan Aplikasi Sistem [*Web Application Firewall* (WAF)] Suruhanjaya Koperasi Malaysia | 100% |
| 3 | Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025<br>Teras Strategik 3: Pemerkasaan Perkhidmatan ICT<br>TS3.7: Rangkaian Jaringan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri & Wilayah | Peningkatan Rangkaian Dalaman Di Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri | 100% |
| 4 | Pelan Pendigitalan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021-2025<br>Teras Strategik 3: Pemerkasaan Perkhidmatan ICT<br>TS3.7: Rangkaian Jaringan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri & Wilayah | Peningkatan Rangkaian Tanpa Wayar Di Suruhanjaya Koperasi Malaysia Ibu Pejabat | 100% |

## Pengukuhan Peralatan Keselamatan Rangkaian [*Intrusion Prevention System* (IPS)] Pusat Data Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Suruhanjaya telah melaksanakan pengukuhan peralatan keselamatan rangkaian [*Intrusion Prevention System* (IPS)] di Pusat Data Suruhanjaya. Pelaksanaan ini bertujuan untuk melindungi rangkaian dalaman Suruhanjaya daripada serangan siber dengan mengawal serta menyekat sebarang aliran trafik yang mencurigakan di rangkaian dalaman Suruhanjaya.

Impak pelaksanaan ini membolehkan tahap keselamatan rangkaian dalaman yang lebih terjamin dan selamat bagi memastikan operasi Suruhanjaya tidak terganggu dari sebarang ancaman keselamatan. Pelaksanaan ini bertepatan dengan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) bertujuan untuk melindungi maklumat dan infrastruktur digital Kerajaan daripada ancaman siber.

## Pemantapan Keselamatan Aplikasi Sistem [*Web Application Firewall* (WAF)]

Suruhanjaya telah melaksanakan projek pemantapan keselamatan aplikasi sistem [*Web Application Firewall* (WAF)] Suruhanjaya. Pelaksanaan ini bertujuan untuk melindungi sistem aplikasi Suruhanjaya daripada serangan siber seperti *cross-site forgery*, *cross-site scripting* (XSS), *file inclusion SQL injection* dan sebagainya. Impak pelaksanaan ini membolehkan bukan sahaja tahap keselamatan aplikasi sistem dan data yang lebih terjamin dan selamat malah memastikan aplikasi sistem sentiasa dalam ketersediaan.

## Peningkatan Rangkaian Dalaman Pejabat Suruhanjaya Cawangan Negeri

Suruhanjaya telah melaksanakan projek peningkatan rangkaian dalaman bagi 12 pejabat Suruhanjaya Cawangan Negeri secara berperingkat (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Sarawak). Pelaksanaan ini bertujuan untuk menyokong perkembangan teknologi terkini dan memastikan Suruhanjaya tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi ICT semasa. Penggunaan teknologi sambungan rangkaian *Gigabit Ethernet Switch* dan *Wi-Fi 6* dapat meningkatkan kelajuan akses yang lebih tinggi di samping dapat mempercepatkan proses kerja dan pada masa yang sama dapat meningkatkan produktiviti Suruhanjaya keseluruhannya.







## Peningkatan Rangkaian Tanpa Wayar

Suruhanjaya telah melaksanakan projek peningkatan rangkaian dalaman tanpa wayar di Suruhanjaya Ibu Pejabat. Pelaksanaan ini bertujuan untuk menyokong perkembangan teknologi terkini dan memastikan Suruhanjaya tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi ICT semasa. Penggunaan teknologi sambungan rangkaian tanpa wayar *Wi-Fi 6* dapat meningkatkan kelajuan akses yang lebih tinggi sehingga 2.4 Gbps dan lebih stabil di samping dapat mempercepatkan proses kerja dan pada masa yang sama dapat meningkatkan produktiviti Suruhanjaya keseluruhan.







## Kursus dan Latihan Yang Dianjurkan

Suruhanjaya juga telah menganjurkan Kursus/ Latihan/ Perkongsian Ilmu/ *Technology Update* seperti berikut:

| BIL | KURSUS/ LATIHAN/ PERKONGSIAN ILMU/ *TECHNOLOGY UPDATE* | PROJEK |
|---|---|---|
| 1 | Latihan Microsoft Office 2019 - *Tips and Tricks* Suruhanjaya Koperasi Malaysia | 11 - 12 Mei 2023<br>17 - 18 Mei 2023 |
| 2 | Kursus *Adobe Certified Professional In Graphic Design And Illustration Using Adobe Illustrator 2021 (V 25.X)* Dan Yang Berkaitan (Multimedia) | 19 - 21 Jun 2023 |
| 3 | Bengkel Pemurnian Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Suruhanjaya Koperasi Malaysia bersama Pegawai Maklumat (IO) | 12 - 13 Disember 2023 |

**Bengkel Pemurnian Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bersama Pegawai Maklumat (IO)**






**Latihan Microsoft Office 2019 - *Tips and Tricks***






## Penghargaan Perkongsian Data Antara Agensi Melalui *Platform* Atas Talian MyGDX

MyGDX ialah ekosistem perkongsian data yang merangkumi tadbir urus digital dan *platform* perkongsian data terjamin untuk memperkasa dan meningkatkan perkhidmatan dalam talian sepenuhnya (E2E) ke arah kerajaan berpacukan data.

Pelaksanaan MyGDX membolehkan maklumat diselaras dan dikongsi dengan lebih efisien. Secara tidak langsung agensi berupaya mengurangkan kos penyediaan infrastruktur dan pengintegrasian sistem. Melalui MyGDX juga, peranan agensi dalam menjalankan bidang kuasanya dapat diperkukuhkan.

Pada 19 Disember 2023 bertempat di Le Meridien Putrajaya, Suruhanjaya yang diwakili oleh Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauta, Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Agensi telah menerima sijil penghargaan perkongsian data antara agensi melalui *platform* atas talian MyGDX yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).





Sijil Penghargaan

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

MyGDX

## SISTEM KAWALAN DALAMAN OPERASI SURUHANJAYA

Tahun 2023, Suruhanjaya telah melaksanakan aktiviti pengauditan seperti berikut:

**(i) Audit Pematuhan**

Merupakan pengauditan ke atas fungsi utama Suruhanjaya iaitu Kajian Audit Utama Pematuhan Proses Pendaftaran Koperasi di Suruhanjaya Cawangan Negeri dan Wilayah. Kajian audit ini bertujuan untuk mengkaji tahap pematuhan dan kecekapan proses pendaftaran koperasi dan tahap kualiti koperasi yang didaftarkan sebelum dan selepas Suruhanjaya diperbadankan.

**(ii) Audit Prestasi**

Pengauditan Prestasi ke atas fungsi sokongan Suruhanjaya iaitu Kajian Audit Utama Prestasi Pengurusan Hartanah Suruhanjaya di Negeri Sembilan dan Terengganu. Kajian audit ini bertujuan untuk menilai tahap pematuhan pengurusan hartanah Suruhanjaya berdasarkan peraturan semasa yang berkuatkuasa serta mengkaji tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan hartanah Suruhanjaya.

**(iii) Audit Khas**

Pengauditan Khas terhadap Pengurusan Geran Bantuan Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR) di Suruhanjaya Cawangan Wilayah Persekutuan. Kajian audit ini bertujuan untuk mendapatkan kesahihan dan menentukan sama ada wujud ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana peraturan atau garis panduan berkaitan pemberian Bantuan Pembangunan kepada koperasi melalui Program Penubuhan KPR.

**(iv) Semakan Audit Kendiri**

Program Semakan Audit Kendiri (SAK) merupakan inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi menambahbaik kaedah, skop dan liputan audit selaras dengan transformasi yang dilaksanakan. SAK bertujuan untuk membudayakan urus tadbir yang baik serta meningkatkan tahap pematuhan peraturan oleh warga kerja Suruhanjaya terutamanya bagi aktiviti sokongan yang bersifat rutin terutamanya di peringkat cawangan Negeri dan Wilayah. SAK tahun 2023 melibatkan aktiviti Pengurusan Hasil Kumpulan Wang Operasi (KWO) dan Kumpulan Wang Amanah (KWA). Unit Audit Dalam merupakan moderator bagi pelaksanaan SAK ini dan bertanggungjawab untuk:

a. Merangka sistem pelaksanaan SAK;
b. Menyediakan Terma Rujukan SAK;
c. Memberi latihan kepada Pegawai Pemeriksa yang dilantik;
d. Menilai pelaksanaan SAK yang telah dibuat oleh Pegawai Pemeriksa; dan
e. Memberikan laporan akhir berkaitan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) kepada urus setia KPI.

# DIARI KORPORAT



# DIARI KORPORAT

## JANUARI





### TEMASYA PERKAMPUNGAN WARNA-WARNI 2023

4 JANUARI 2023

DYTM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail telah perkenan mencemar duli bagi merasmikan Temasya Perkampungan Warna-Warni 2023 yang telah berlangsung di Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis, Perlis. Program telah diadakan oleh Persatuan Pacuan Empat Roda Malaysia bersama Majlis Agama dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dengan kerjasama Suruhanjaya. YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP telah menyerahkan Sijil Pendaftaran Koperasi Pacuan Empat Roda Malaysia Berhad dan Koperasi Perkampungan Warna-Warni Kampung Tengah Berhad. Temasya ini turut dimeriahkan lagi dengan program Jualan Harga Patut (JHP) yang menawarkan barangan keperluan pada harga berpatutan.







### LAWATAN DELEGASI KUSKOP KE SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

12 JANUARI 2023

Lawatan YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP dan delegasi KUSKOP ke Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur.











## PROGRAM PEMBERIAN BAKUL MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR

### 13 JANUARI 2023

Program Pemberian Bakul Makanan kepada Mangsa Banjir di Kelantan dan Terengganu di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) KUSKOP dan Suruhanjaya yang disampaikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP.








## PROGRAM RAMAH MESRA DENGAN KOMUNITI BESUT BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI KUSKOP

### 13 JANUARI 2023

Program Ramah Mesra YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP bersama dengan Komuniti Besut di Aji Aji Seafood, Besut, Terengganu.






### SESI *WALKABOUT* YB TIMBALAN MENTERI KUSKOP BERSAMA GERAKAN KOPERASI NEGERI PERAK DAN JUALAN HARGA PATUT KOPERASI PERINGKAT PARLIMEN TAPAH, PERAK

21 JANUARI 2023

Sesi *Walkabout* YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP bersama gerakan koperasi Negeri Perak dan Jualan Harga Patut Koperasi Peringkat Parlimen Tapah, Perak di Dewan Arena TN50, Tapah, Perak.




## FEBRUARI









### BICARA INTERAKTIF PENYELIAAN BERSAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA

15 FEBRUARI 2023

Bicara interaktif Penyeliaan bersama Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya telah diadakan di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi, Selangor.






## TAKLIMAT SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
### 20 FEBRUARI 2023

DYMM Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah telah perkenan mencemar duli bagi menghadiri sesi Taklimat Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Yayasan Diraja Sultan Mizan di The Westin Kuala Lumpur.





## PROGRAM EKSPLORASI
### 25 FEBRUARI 2023

Program Eksplorasi YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ke Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad.



# MAC







## SEMINAR PEMERKASAAN AR-RAHNU KOPERASI

2 MAC 2023

Seminar Pemerkasaan Ar-Rahnu Koperasi dirasmikan oleh YBhg. Datuk Umar Sarim bin Saidin, Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Summit Hotel USJ, Subang Jaya, Selangor.






## PROGRAM CSR SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

22 MAC 2023

Program CSR Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Mangsa Banjir di Dewan Serbaguna Labis, Segamat, Johor yang disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP.

# APRIL










## MAJLIS PERASMIAN COOPMART KOPERASI LS 2 SELANGOR BERHAD DAN JUALAN MADANI KOPERASI & USAHAWAN NEGERI SELANGOR 2023

### 15 APRIL 2023

Majlis Perasmian Coopmart Koperasi LS 2 Selangor Berhad dan Jualan MADANI Koperasi & Usahawan Negeri Selangor 2023 bertempat di PPR Lembah Subang 2, Subang, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.

# MEI







## PROGRAM USAHAWAN DAN KOPERASI MADANI BERSEMPENA PESTA KAAMATAN

### 8 MEI 2023

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Usahawan dan Koperasi MADANI Bersempena Pesta Kaamatan bertempat di Dewan Masyarakat Tun Hamdan, Tamparuli, Tuaran, Sabah.










## MAJLIS APRESIASI GERAKAN KOPERASI NEGERI PERAK TAHUN 2023

### 9 MEI 2023

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak di Hotel Casuarina Meru, Ipoh, Perak. Majlis turut dihadiri oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP dan YB Puan Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak.












## SEMINAR PEMERKASAAN EKONOMI KOPERASI NEGERI SARAWAK DALAM SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI 2023

### 15 - 16 MEI 2023

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP di Imperial Hotel, Kuching, Sarawak. Sesi taklimat telah disampaikan oleh pihak M-Ficord, Jabatan Pertanian Sarawak, Bahagian Pembangunan Koperasi dan Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit Suruhanjaya.













## MAJLIS PERASMIAN STESEN MINYAK PCS (PETRONAS ROVR)

16 MEI 2023

Majlis Perasmian Stesen Minyak PCS (Petronas ROVR) milik Koperasi Permodalan SALCRA Sarawak Berhad telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP sempena dengan Program Pemerkasaan Peluang Perniagaan Koperasi Melalui Perdagangan Petroleum bertempat di Persimpangan BAPOM (Bau Palm Oil Mill), Bau, Sarawak.







## MAJLIS RAMAH MESRA GERAKAN KOPERASI

23 MEI 2023

Majlis Ramah Mesra Gerakan Koperasi bersama YB Menteri KUSKOP telah diadakan di Dewan Perdana Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur. Majlis telah dihadiri YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, Ketua Agensi, Pemimpin Koperasi dan Mantan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya.










## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BIL.2/2023

### 26 MEI 2023

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil.2/2023 telah diadakan di Hotel Tamu, Kuala Lumpur. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Umar Sarim bin Haji Saidin, Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya.



# JUN










## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JELAJAH USAHAWAN & KOPERASI MADANI NEGERI SELANGOR 2023

### 11 JUN 2023

Majlis Perasmian Program Jelajah Usahawan & Koperasi MADANI (PJUKM) Negeri Selangor 2023 oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Negeri Selangor bertempat di Dewan Raja Muda Musa Kompleks Belia & Kebudayaan Negeri Selangor, Seksyen 7, Shah Alam, Selangor.






## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

14 JUN 2023

KUSKOP dan Suruhanjaya telah mengadakan kunjungan hormat Kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri (Dr.) Panglima Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin.





## KUNJUNGAN HORMAT KUSKOP DI PEJABAT MENTERI BESAR PAHANG

20 JUN 2023

Kunjungan Hormat KUSKOP beserta Suruhanjaya Kepada YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang di Pejabat Menteri Besar di Wisma Seri Pahang, Kuantan, Pahang.



# JULAI





## PERASMIAN PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KOPERASI KEBANGSAAN

### 10 JULAI 2023

Perasmian Pelancaran Sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan (BKK'23) yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang bertempat di Dewan Bandaraya, Kompleks Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang.







## MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### 13 JULAI 2023

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah diadakan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Watikah telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP turut disaksikan oleh YB Puan Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP dan delegasi KUSKOP.












## MAJLIS APRESIASI GERAKAN KOPERASI SEMPENA BULAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023

### 20 JULAI 2023

Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Sempena Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 telah disempurnakan dengan perasmian oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin di The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu, Sabah.









## MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI NEGARA 2023

### 22 JULAI 2023

Majlis Perasmian Hari Koperasi Negara 2023 telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah. Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Seri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah Suruhanajaya.







## MAJLIS PENUTUP HARI KOPERASI NEGARA 2023

23 JULAI 2023

Majlis Penutup Hari Koperasi Negara 2023 telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP. Turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya.











## MAJLIS PENUTUPAN BULAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023 (BKK'23)

30 JULAI 2023

Majlis Penutupan Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 (BKK'23) telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah.

# OGOS






## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH MAMPU MILIK KEPADA KELUARGA ANGGOTA KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

4 OGOS 2023

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Mampu Milik Kepada Keluarga Anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP di Taman Tunas Muda, Bayan Lepas, Pulau Pinang.





## SESI *WALKABOUT* YB DATUK EWON BENEDICK, MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) KE LADANG BUAH MELON MANIS

9 OGOS 2023

Sesi *Walkabout* YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP ke Ladang buah melon manis milik Koperasi Pengusaha Melon Manis Terengganu Berhad. Turut hadir YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya, YBrs. Encik AwangRuslli bin Mohammad dan Pengarah SKM Cawangan Negeri Terengganu.











## PELANCARAN AR-RAHNU KOGURU, TAMU *HOMESTAY* DAN *ROOMSTAY* KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD

10 OGOS 2023

Pelancaran Ar-Rahnu KOGURU, Tamu *Homestay* dan *Roomstay* Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP di Kuala Terengganu, Terengganu.












## MAJLIS TEPUNG TAWAR & PERASMIAN VAN SEKOLAH RENDAH ISLAM AZ-ZAHRAWI PUNCAK ALAM

13 OGOS 2023

Majlis Tepung Tawar & Perasmian Van Sekolah Rendah Islam Az-Zahrawi Puncak Alam yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya di Puncak Bestari, Puncak Alam.










## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL.3/2023 SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA DAN PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN 2023 PERINGKAT SURUHANJAYA

### 24 OGOS 2023

Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.3/2023 Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Pelancaran Bulan Kebangsaan 2023 peringkat Suruhanjaya telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya di Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia.







## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BIL. 3/2023

### 28 - 29 OGOS 2023

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil. 3/2023 dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya di Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

# SEPTEMBER





## TINJAUAN PROGRAM CSR KAWASAN DUN KADAMAIAN

### 8 SEPTEMBER 2023

Lawatan Kerja telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya ke koperasi di Kawasan DUN Kadamaian iaitu Koperasi Kemajuan Komuniti Sayap Kota Belud Berhad, Koperasi SMK Tambulion KB Berhad, Koperasi SMK Narinang Berhad dan Koperasi Usahawan Wanita Sayap (Pra Pendaftaran).








## SESI LAWATAN KE KOPERASI SMK LIMBANAK BERHAD

### 9 SEPTEMBER 2023

Lawatan dihadiri oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya ke kedai koperasi dan sesi taklimat perkembangan koperasi oleh ALK Koperasi SMK Limbanak Berhad.







## SAMBUTAN HARI KOPERASI SMK TANSAU PENAMPANG

### 14 SEPTEMBER 2023

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP telah merasmikan Sambutan Hari Koperasi Sekolah SMK Tansau Penampang, Sabah.





## SAMBUTAN JUBLI EMAS KOPERASI KAKITANGAN BERNAS BERHAD

### 16 SEPTEMBER 2023

Majlis Sambutan Jubli Emas Tahun Penubuhan Koperasi Kakitangan Bernas Berhad telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang bertempat di Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang.







## MAJLIS PERASMIAN MINI KARNIVAL HARI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL 2023

### 22 SEPTEMBER 2023

Majlis Perasmian Mini Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil 2023 telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP. Turut hadir YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya.








## PERASMIAN PEJABAT SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH KUDAT

### 23 SEPTEMBER 2023

Perasmian Pejabat Suruhanjaya Wilayah Kudat, Sabah oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP. Turut hadir YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya.







## MAJLIS PERASMIAN MINI KARNIVAL KOPERASI DAN USAHAWAN PERINGKAT DAERAH KUDAT TAHUN 2023

### 23 SEPTEMBER 2023

Majlis Perasmian Mini Karnival Koperasi dan Usahawan Peringkat Daerah Kudat Tahun 2023 telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP bertempat di Dataran Tomborungus, Kudat, Sabah.





## LAWATAN KERJA PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA KE KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN SIKUATI BERHAD

### 23 SEPTEMBER 2023

Lawatan Kerja YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya ke Koperasi Penanam Sawit Mampan Sikuati Berhad di Kudat, Sabah. Turut hadir Encik Rozdeen bin Mohd Jaafar, Pengarah Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi Korporat dan Encik Matias Kundapin, Pengarah Suruhanjaya Cawangan Negeri Sabah.







## LAWATAN KERJA PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA KE PEJABAT WILAYAH RANAU, SABAH

### 24 SEPTEMBER 2023

Lawatan Kerja YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya ke Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Ranau, Sabah.








## LAWATAN KERJA PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### 24 SEPTEMBER 2023

Lawatan Kerja YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya ke Kinabalu Park yang mana Koperasi Kakitangan Taman-Taman Sabah Berhad merupakan operator rasmi Kinabalu Park.






## KUNJUNGAN HORMAT KOPERASI TNB BERHAD KE KUSKOP

27 SEPTEMBER 2023

Kunjungan Hormat dimeriahkan dengan gimik membuka buah durian iaitu produk koperasi TNB oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP dan YBhg. Dato' Sri Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP.






## MAJLIS MAKAN MALAM BERSEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS 2023 KOPERASI UNIKEB BERHAD

27 SEPTEMBER 2023

Perasmian Majlis Makan Malam Bersempena Sambutan Jubli Emas Koperasi Unikeb Berhad disempurnakan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya di Hotel Tenera Bangi, Selangor








## MAJLIS PERASMIAN HARI BERANDAU & KOPERASI KLUSTER KOKO SARAWAK 2023

### 30 SEPTEMBER 2023

Majlis Perasmian Hari Berandau & Koperasi Kluster Koko Sarawak 2023 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan & Komoditi (KPK) bertempat di Kompleks Lembaga Koko Malaysia Cawangan Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak.

# OKTOBER






## MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN MOA DAN MOU RAKYAT TRUSTEE BERHAD

### 6 OKTOBER 2023

Majlis Perasmian dan Penyerahan MoA dan MoU antara Rakyat Trustee Berhad bersama Koperasi dan Rakan Strategik anjuran Rakyat Trustee Berhad yang disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.

Turut hadir YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.











## MESYUARAT MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN 2023

### 10 OKTOBER 2023

Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK) 2023 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP telah diadakan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.












## PELUNCURAN DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030 DAN PELUNCURAN PROFIL 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2023

### 12 OKTOBER 2023

Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dan Peluncuran Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2023 telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP bertempat di Hotel Tenera, Bangi, Selangor.

Turut hadir ialah YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.








## SESI KUNJUNG HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### 19 OKTOBER 2023

Sesi Kunjung Hormat YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya kepada YBhg. Datuk Hajah Sapiah binti Dato' Mohd Nor, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).













## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MEMPERKASA *CRAFTER* TEMPATAN

### 21 OKTOBER 2023

Majlis Perasmian Program Memperkasa *Crafter* Tempatan melalui Craft and Art Expo yang bertemakan "The Tunku Azizah Handmade Market: A Home for Malaysian Crafters," bertempat di Pavilion Bukit Jalil Exhibition Center, Kuala Lumpur.












## MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI USAHA BERSAMA BERHAD

### 30 OKTOBER 2023

Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Usaha Bersama Berhad (KOSAMA) Kali Ke-37 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

# NOVEMBER








## MESYUARAT JAWATANKUASA TABUNG MODAL PUSINGAN TMP-SKM BIL.10/2023

### 7 NOVEMBER 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Modal Pusingan TMP-SKM Bil.10/2023 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP di Kangar, Perlis.












## LAWATAN PEMANTAUAN PEMBIAYAAN TABUNG MODAL PUSINGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### 8 NOVEMBER 2023

Lawatan Pemantauan Pembiayaan TMPSKM oleh Ketua Setiausaha KUSKOP dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya serta Jawatankuasa TMP SKM ke Koperasi Guru Quran - Tajwid Kedah Berhad dan Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad bertempat di Alor Setar, Kedah.












## MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PELANCONGAN DESA KOPERASI PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2023

### 11 NOVEMBER 2023

Majlis Perasmian Karnival Pelancongan Desa Koperasi Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2023 Anjuran Bersama Suruhanjaya dan Koperasi Desa Lestari Kg Seterpa Kota Bahru Berhad yang disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi (EXCO) Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keuahawanan, YB Haji Mohamad Nasriff bin Daud @ Daud Yatimee bertempat di Kota Bharu, Kelantan.










## LAWATAN KERJA KE PUSAT DIALISIS LESTARI DAN KLINIK LESTARI MILIK KOPERASI WARGA USM KELANTAN BERHAD

11 NOVEMBER 2023

YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya telah mengadakan lawatan kerja Ke Pusat Dialisis dan Klinik Lestari kendalian Koperasi Warga USM Kelantan Berhad di Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.







## LAWATAN PEMANTAUAN PEMBANGUNAN PROGRAM *FOOD SECURITY* (PERIKANAN) KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KE KOPERASI PENTERNAK AKUAKULTUR PANTAI KUNDOR KELANTAN BERHAD

12 NOVEMBER 2023

Lawatan Pemantauan bagi Pembangunan Koperasi Penternak Akuakultur Pantai Kundor Kelantan Berhad oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya di Pulau Kundor, Kota Bharu, Kelantan.









## MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM *YOUNG ENTREPRENEURS STRIVE FOR SUCCESS* PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

### 16 NOVEMBER 2023

Majlis Perasmian Penutupan Program *Young Entrepreneurs Strive For Success* (YESS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor.







## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BIL.4/2023

### 20 NOVEMBER 2023

Mesyuarat Pengarah-Pengarah (MPP) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil.4/2023 di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia.






## MAJLIS SANJUNGAN BUDI JASAMU DIKENANG TAHUN 2023

### 23 NOVEMBER 2023

Majlis Sanjungan Budi Jasamu Dikenang Tahun 2023 Suruhanjaya telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia.





## PROGRAM SEMBANG SANTAI TREK KOMODITI KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI BERSAMA PEKEBUN KECIL NEGERI SARAWAK DAN PERASMIAN PUSAT TIMBANG KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN DAERAH ASAJAYA BERHAD

### 25 NOVEMBER 2023

Program Sembang Santai Trek Komoditi Kementerian Perladangan dan Komoditi bersama Pekebun Kecil Negeri Sarawak dan Perasmian Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Asajaya Berhad telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri & Menteri Perladangan dan Komiditi bertempat di  Asajaya, Sarawak.








## MAJLIS MAKAN MALAM KOPERASI KEADILAN BERHAD

25 NOVEMBER 2023

Majlis Makan Malam Koperasi Keadilan Berhad (KIRA) yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di InterContinental Hotel, Kuala Lumpur. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Ewon Benedick, YB Menteri KUSKOP, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, YB Timbalan Menteri KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.



# DISEMBER






## MAJLIS PERASMIAN CAWANGAN KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD

1 DISEMBER 2023

Majlis Perasmian Cawangan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya bertempat di Miri, Sarawak.







## MAJLIS PERASMIAN BAS MILIK MIRI TRANSPORT COMPANY SDN BHD (MTC) - SUBSIDIARI KOPERASI SERBAGUNA MIRI BERHAD

### 2 DISEMBER 2023

Majlis Perasmian dua (2) buah bas milik Miri Transport Company Sdn Bhd (MTC) - Subsidiari Koperasi Serbaguna Miri Berhad telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya bertempat di Eastwood Valley Golf & Country Club, Miri, Sarawak.





## SESI *WALKABOUT* KE KOPERASI KOMUNITI SITI PAYUNG MIRI BERHAD

### 2 DISEMBER 2023

Sesi *Walkabout* ke Koperasi Komuniti Siti Payung Miri Berhad oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya bertempat di Wisma IANA, Jalan Airport, Miri, Sarawak.











## KARNIVAL HARI PENJAJA & PENIAGA KECIL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

### 7 DISEMBER 2023

Program ini dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang turut disaksikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah telah diadakan di Buhavan Square Penampang, Sabah. Turut hadir YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.










## SESI PENYERAHAN *MOCK CHEQUE* PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

### 9 DISEMBER 2023

Sesi penyerahan *mock cheque* Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Suruhanjaya kepada tujuh (7) badan NGO berjumlah RM35,000.00 telah disampaikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP di Kawasan Kadamaian, Kota Belud, Sabah.












## MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI

### 10 DISEMBER 2023

Majlis Perasmian Penutupan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang diadakan di Bukit Jalil, Selangor. Turut hadir YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya.










## PERJUMPAAN BERSAMA YB MENTERI KUSKOP

### 11 DISEMBER 2023

Perjumpaan YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP bersama Lembaga Pengarah Suruhanjaya di KUSKOP.








## SEMINAR PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM

### 19 DISEMBER 2023

YBrs. Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauta, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia) mewakili Suruhanjaya menerima sijil penghargaan perkongsian data antara agensi melalui platform atas talian MyGDX yang disediakan pihak MAMPU bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya.











## SESI PERBINCANGAN BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA TUN DAN NAIB CANSELOR UTEM BERKENAAN KOPERASI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA BERHAD

### 19 DISEMBER 2023

Sesi perbincangan bersama YBhg. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Canselor UTeM bersama Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin Naib Canselor UTEM telah diadakan di Ayer Keroh, Melaka.

# PROGRAM ANTARABANGSA



# PROGRAM ANTARABANGSA





## PERSIDANGAN MINI KERAJAAN DIGITAL *(DIGITAL GOVERNMENT MINI CONFERENCE)* SAGA 2022/2023

21 FEBRUARI 2023

Persidangan ini dihadiri oleh YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar, Pengerusi Eksekutif dan Puan Roshidah binti Abu Bakar, Pengarah Kewangan Suruhanjaya di Switzerland. Persidangan Mini Kerajaan Digital *(Digital Government Mini Conference)* SAGA 2022/2023 telah dianjurkan oleh Century Software (M) Sdn. Bhd iaitu pembekal sistem kewangan yang berasaskan *Standard Accounting for Government Agencies* (SAGA) yang digunapakai oleh Suruhanjaya. Antara objektif persidangan ini adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan ke atas perkembangan teknologi di dalam aspek pengurusan kewangan kepada pihak Suruhanjaya berserta badan-badan berkanun kerajaan yang menggunapakai sistem kewangan yang dibekalkan oleh pihak pembekal Century Software (M) Sdn. Bhd. (CENSOF). Pihak CENSOF juga telah menghantar surat bahawa versi aplikasi kewangan yang seterusnya adalah dibangunkan sepenuhnya oleh pihak Acumatica di atas faktor kekangan teknologi yang dihadapi di versi sedia ada. Persidangan ini juga bertujuan sebagai satu platform untuk berkongsi kaedah pengurusan kewangan yang menjadi contoh terbaik. Daripada sesi ini, Suruhanjaya juga dapat mengambil contoh amalan terbaik daripada agensi-agensi lain dan berkongsi pengalaman dalam aspek pengurusan kewangan.





## MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM KARNIVAL PRODUK KOPERASI MALAYSIA – INDONESIA 2023

19 MEI 2023

Mesyuarat Penyelarasan Program Karnival ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Umar Sarim bin Saidin, Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya dan Ketua DEKOPIN Batam bertempat di Pejabat Kadin Daerah Kota Batam, Riau Islands, Indonesia.

Mesyuarat ini bagi menyelaras program karnival yang akan diadakan pada 23 – 25 Jun 2023 di Atrium, Nagoya Hill Mall, Batam, Indonesia. Program ini akan melibatkan 18 pempamer koperasi daripada Malaysia. Antara pengisian program ini adalah pertukaran MoU ANGKASA - DEKOPIN, *business matching*, demonstrasi produk dan malam kesenian.

# KERATAN AKHBAR



# Hampir RM50 juta jualan, prospek perniagaan sempena HKN di Sabah



# Negeri kedua tertinggi di M'sia

## *Koperasi Sabah catat pendapatan RM570 juta - Hajiji*



# Aset koperasi cecah RM156.18 bilion



# 200 reruai meriahkan HKN 2023









# Koperasi catat perolehan cecah RM45.5 bilion

## Menjadikannya penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi negara, kata Ewon







# Ewon cadang peruntukan negeri untuk koperasi



# KUSKOP cadang Sabah sediakan inisiatif pembangunan koperasi



# Koop Sahabat umum 10 peratus dividen

SEBERANG JAYA - Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad, mengumumkan agihan keuntungan sebanyak 10 peratus bersamaan RM6.5 juta kepada 452,728 orang anggotanya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 berbanding 5.8 Juta pada tahun 2021.

Agihan keuntungan itu bersandarkan pencapaian keuntungan sebelum cukai berjumlah RM12.6 juta, melonjak 25 peratus berbanding 10.1 juta pada tahun 2021.

Pengerusi Koop Sahabat, Mohd Najib Mohd Noor berkata, prestasi ini merupakan komitmen Koop Sahabat dalam menjaga kebajikan anggotanya yang merupakan usahawan wanita dalam kalangan B40 di samping dapat memberi keyakinan yang kukuh kepada bakal anggota daripada kalangan Sahabat Usahawan AIM.

"Kami percaya perniagaan Koop Sahabat yang kini meliputi perniagaan dalam Perkhidmatan Kewangan seperti Ar Rahnu, Pembangunan Hartanah, Pelaburan Korporat, Pelaburan Strategik serta pelaburan di dalam ekuiti awam akan terus berkembang dengan sokongan daripada anggotanya.", katanya ketika berucap pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali ke-10 di sini, pada Ahad.



Mohd Najib (dua dari kanan) menunjukkan plakad agihan dividen Koop Sahabat bagi tahun 2022 semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-10 di Seberang Jaya, pada Ahad.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Naib Pengerusi (Operasi dan Kawal Selia) Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Siti Azlin Ahmad Dauta.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Koop Sahabat, Mazri Mahmood.

Pada majlis sama, Koop Sahabat juga melancarkan produk i-Gold Personal Account (i-GPA) satu produk emas digital patuh syariah dengan kerjasama KAB Goldynamic Sdn. Bhd. yang mampu membantu serta mengukuhkan kewangan masyarakat.

Beliau menambah, i-GPA memberi peluang kepada semua anggota masyarakat untuk memiliki simpanan emas digital mereka sendiri dan boleh ditukar kepada emas fizikal apabila simpanan telah mencukupi.

"i-GPA merupakan kaedah terbaharu kepada pekerja gig dan anak-anak anggota koperasi untuk membuat tabungan masa hadapan dengan memiliki emas dalam bentuk digital bagi membina dana kecemasan.

"Pembelian emas digital serendah RM 10, melayakkan anggota dan anak-anak anggota serta pengguna memiliki simpanan mereka," tambahnya.

LAPORAN **TAHUNAN**

2023

# PENYATA KEWANGAN
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*].

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Koperasi Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia hendaklah memastikan geran pemilikan bagi 12 lot tanah yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia diperoleh dalam masa terdekat. Perkara ini penting bagi memastikan Hartanah, Loji dan Peralatan yang direkodkan adalah menepati MPSAS 17 dan polisi perakaunan di Nota 4.a kepada penyata kewangan.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
7 OKTOBER 2024

## PENYATA PENGERUSI LEMBAGA DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Kami, **LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)** dan **SUHARA BINTI HUSNI**, yang merupakan Pengerusi Lembaga dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Ahli Lembaga Pengarah

..................................................

**LEFTENAN JENERAL**
**DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)**
PENGERUSI SURUHANJAYA

Tarikh : 04 JUN 2024
Kuala Lumpur

Bagi Pihak Ahli Lembaga Pengarah

..................................................

**SUHARA BINTI HUSNI**
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tarikh : 04 JUN 2024
Kuala Lumpur

2

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

## PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Saya, **RUSLI BIN JAAFAR**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas di
Kuala Lumpur
pada - 4 JUN 2024

**RUSLI BIN JAAFAR**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W971
SHOBANA SHALLENI
01.12.2022 - 31.12.2024
MALAYSIA

..............................................
PESURUHJAYA SUMPAH
Unit 50-10-1, Tingkat 10
Wisma UOA Damansara
No. 50, Jalan Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

3

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

# PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 5 | 75,275,927 | 76,790,717 |
| Aset Tak Ketara | 6 | 776,680 | 152,138 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 7 | 40,217 | 64,935 |
| | | 76,092,824 | 77,007,790 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 7 | 2,775,592 | 1,722,578 |
| Deposit dan Prabayar | 8 | 423,531 | 410,729 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 9 | 223,096,214 | 223,193,866 |
| Aset Sedia Untuk Dipindahmilik | 10 | 1,927,000 | - |
| | | 228,222,337 | 225,327,173 |
| **JUMLAH ASET** | | **304,315,161** | **302,334,963** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 11 | 3,631,782 | 3,981,867 |
| Peruntukan Cukai | | 1,452,551 | 710,184 |
| Deposit dan Terimaan Terdahulu | 12 | 181,860 | 254,250 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 13 | 1,175,687 | 780,330 |
| Geran dan Pemberian Belum Dilunaskan | 14 | 50,507,614 | 65,655,522 |
| | | 56,949,494 | 71,382,153 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 13 | 12,187,065 | 10,594,979 |
| | | 12,187,065 | 10,594,979 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **69,136,559** | **81,977,132** |
| **ASET BERSIH** | | **235,178,602** | **220,357,831** |
| **EKUITI** | | | |
| Manfaat Peletakhakan | 15 | 30,884,012 | 30,884,012 |
| Kumpulan Wang Rizab Am | 16 | 177,967,838 | 161,426,777 |
| Kumpulan Wang Pembiayaan Kakitangan | 17 | 1,100,000 | 1,100,000 |
| Tabung Kebajikan Perkhidmatan SKM | 18 | 25,226,752 | 26,947,042 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **235,178,602** | **220,357,831** |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

4

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| Urus Niaga Pertukaran | 19 | 19,511,116 | 15,348,123 |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran | 20 | 130,399,130 | 140,085,327 |
| Pendapatan Lain | 21 | 466,763 | 204,320 |
| | | 150,377,009 | 155,637,770 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | 22 | 73,601,415 | 73,475,567 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 23 | 34,510,353 | 28,985,266 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 24 | 2,978,305 | 1,903,248 |
| Program Pembangunan | 25 | 18,885,971 | 34,500,887 |
| Perbelanjaan Lain | 26 | 210,452 | 216,788 |
| Susutnilai dan Pelunasan | | 1,421,866 | 1,331,360 |
| | | 131,608,362 | 140,413,116 |
| **LEBIHAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI** | | 18,768,647 | 15,224,654 |
| Zakat | | (280,000) | (220,000) |
| Cukai | 27 | (3,667,876) | (2,775,438) |
| **LEBIHAN BAGI TAHUN** | | **14,820,771** | **12,229,216** |
| **DIPEGANG OLEH:** | | | |
| **Pemilik Entiti Yang Mengawal** | | **14,820,771** | **12,229,216** |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

5

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### DISEBABKAN OLEH PEMILIK ENTITI YANG MENGAWAL

| | Manfaat Peletakhakan | Kumpulan Wang Rizab Am | Kumpulan Wang Pembiayaan Kakitangan | Tabung Kebajikan Perkhidmatan SKM | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **PADA 1 JANUARI 2023** | 30,884,012 | 161,426,777 | 1,100,000 | 26,947,042 | 220,357,831 |
| Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun | - | 16,541,061 | - | (1,720,290) | 14,820,771 |
| **PADA 31 DISEMBER 2023** | 30,884,012 | 177,967,838 | 1,100,000 | 25,226,752 | 235,178,602 |
| **PADA 1 JANUARI 2022** | 30,884,012 | 147,732,708 | 1,100,000 | 28,411,895 | 208,128,615 |
| Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun | - | 13,694,069 | - | (1,464,853) | 12,229,216 |
| **PADA 31 DISEMBER 2022** | 30,884,012 | 161,426,777 | 1,100,000 | 26,947,042 | 220,357,831 |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

6

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Lebihan Sebelum Zakat dan Cukai | | 18,768,647 | 15,224,654 |
| **Pergerakan Bukan Tunai :** | | | |
| Keuntungan atas Jualan Aset | | (7,364) | (81,153) |
| Keuntungan Pelaburan | | (8,281,818) | (5,144,366) |
| Susutnilai dan Pelunasan | | 1,421,866 | 1,331,360 |
| Pembalikan Rosotnilai Aset Kewangan | | (69,653) | (95,866) |
| Rosotnilai Aset Kewangan | | 97,550 | 91,902 |
| Pembalikan Manfaat Kakitangan | | - | - |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | | 2,970,805 | 1,815,036 |
| **Lebihan sebelum perubahan modal kerja** | | **14,900,033** | **13,141,567** |
| Perubahan Bersih Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | | (291,766) | 2,487 |
| Perubahan Bersih Deposit dan Prabayar | | (12,802) | (50,865) |
| Perubahan Bersih Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | | (350,085) | 2,669,359 |
| Perubahan Bersih Deposit dan Terimaan Terdahulu | | (72,390) | 75,293 |
| Perbelanjaan Manfaat Kakitangan | | (983,362) | (1,865,626) |
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi** | | 13,189,628 | 13,972,215 |
| Perbelanjaan Zakat dan Cukai | | (3,205,509) | (3,096,577) |
| **Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi** | | **9,984,119** | **10,875,638** |
| | | | |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan | | (1,879,230) | (1,244,681) |
| Terimaan Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | 105,282 | 81,159 |
| Perolehan Aset Tak Ketara | | (677,306) | (59,592) |
| Terimaan Keuntungan Pelaburan | | 7,517,391 | 5,626,198 |
| **Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan** | | **5,066,137** | **4,403,084** |
| | | | |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Terimaan Dana Program-Program Pembangunan | | 21,486,679 | 56,899,063 |
| Pengeluaran Dana Program-Program Pembangunan | | (36,867,057) | (57,571,529) |
| Terimaan Keuntungan Dana Kepentingan Lain | | 371,977 | 342,155 |
| Pengeluaran Dana Kepentingan Lain | | (139,507) | (249,999) |
| **Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan** | | **(15,147,908)** | **(580,309)** |
| | | | |
| **Pergerakan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai** | | **(97,652)** | **14,698,413** |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | | **223,193,866** | **208,495,453** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun** | 9 | **223,096,214** | **223,193,866** |
| **Sebagai Pemegang Amanah untuk Kepentingan Lain** | 9 | **(8,183,172)** | **(10,752,865)** |
| | | **214,913,042** | **212,441,001** |

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | Jumlah Bajet Asal RM | Jumlah Bajet Akhir RM | Jumlah Sebenar RM | ^Varian Bajet RM | % |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **PENERIMAAN** | | | | | | |
| Pemberian Kerajaan-Geran Mengurus | | 74,800,000 | 74,800,000 | 74,800,000 | - | - |
| Jumlah Penerimaan | | 74,800,000 | 74,800,000 | 74,800,000 | - | - |
| **PEMBAYARAN** | | | | | | |
| Gaji dan Upah | | 49,200,000 | 47,200,000 | 47,018,546 | 181,454 | 0.4 |
| Elaun-Elaun Tetap | | 13,300,000 | 12,200,000 | 12,006,182 | 193,818 | 1.6 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | | 8,700,000 | 8,350,000 | 8,114,025 | 235,975 | 2.8 |
| Elaun Lebih Masa Kakitangan | | 600,000 | 450,000 | 404,830 | 45,170 | 10.0 |
| Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain | | 3,000,000 | 1,600,000 | 1,537,301 | 62,699 | 3.9 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | - | 5,000,000 | 5,503,644 | (503,644) | (10.1) |
| Jumlah Pembayaran | | 74,800,000 | 74,800,000 | 74,584,528 | 215,472 | 0.3 |
| **PENERIMAAN BERSIH** | 33 | **-** | **-** | **215,472** | **215,472** | |

^ Merujuk kepada varian di antara Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

8

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. MAKLUMAT AM

Penyata Kewangan Suruhanjaya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 10 Mei 2024.

Penyata Kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") iaitu mata wang fungsian dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

## 2. KEGIATAN UTAMA SURUHANJAYA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan pengendalian Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan untuk keperluan koperasi yang berdaftar. Agenda utama Suruhanjaya adalah untuk memantau urus tadbir baik Gerakan Koperasi ke arah pembentukan koperasi sebagai badan ekonomi yang mampan, produktif dan berdaya tahan.

Tiada sebarang perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama Suruhanjaya di dalam tahun kewangan semasa.

## 3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyediaan Penyata Kewangan ini adalah berasaskan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Penyata Kewangan Suruhanjaya tahun kewangan semasa disediakan mengikut asas akruan menurut kelaziman kos sejarah melainkan jika didedahkan sebaliknya dalam nota kepada Penyata Kewangan.

Penyediaan Penyata Kewangan melibatkan pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi dasar perakaunan terhadap pelaporan amaun aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan oleh pihak pengurusan. Pertimbangan ini dilaksanakan berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa yang terbaik, tanpa prejudis. Oleh yang demikian keputusan pelaporan sebenar mungkin berbeza daripada yang sepatutnya. Pendedahan berkaitan dengan pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran dinyatakan pada nota 4 (u) kepada Penyata Kewangan.

Anggaran dan andaian dipantau dan disemak secara berterusan bagi memastikan Penyata Kewangan mencerminkan pelaporan yang benar dan saksama.

Tiada piawaian/pindaan baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang telah digunapakai oleh Suruhanjaya.

## 3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

Pindaan-pindaan berikut telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa dan digunakan oleh Suruhanjaya:

Pindaan MPSAS 1, *Presentation of Financial Statements*
Pindaan MPSAS 2, *Cash Flow Statements*
Pindaan MPSAS 3, *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors*
Pindaan MPSAS 9, *Revenue From Exchange Transactions*
Pindaan MPSAS 12, *Inventories*
Pindaan MPSAS 13, *Leases*
Pindaan MPSAS 14, *Events After The Reporting Date*
Pindaan MPSAS 17, *Property, Plant and Equipment*
Pindaan MPSAS 19, *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*
Pindaan MPSAS 20, *Related Party Disclosure*
Pindaan MPSAS 21, *Impairment of Non-Cash-Generating Assets*
Pindaan MPSAS 23, *Revenue From Non-Exchange Transactions Taxes & Transfers*
Pindaan MPSAS 24, *Presentation of Budget Information in Financial Statements*
Pindaan MPSAS 25, *Employee Benefits*
Pindaan MPSAS 26, *Impairment of Cash-Generating Assets*
Pindaan MPSAS 28, *Financial Instruments: Presentation*
Pindaan MPSAS 29, *Financial Instruments : Recognition And Measurement*
Pindaan MPSAS 30, *Financial Instruments: Disclosure*
Pindaan MPSAS 31, *Intangible Assets*

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya berpendapat bahawa pemakaian pindaan-pindaan di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas Penyata Kewangan Suruhanjaya apabila ia berkuatkuasa kelak.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### a) Kos Dan Nilai Bawaan Hartanah

Hartanah merujuk kepada tanah, bangunan atau tanah dan bangunan. Kos hartanah dinyatakan pada nilai kos sejarah iaitu nilai hartanah semasa perolehan hartanah dibuat. Nilai bawaan hartanah adalah kos hartanah selepas menolak susutnilai terkumpul hartanah tersebut dan rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Tanah, tanah pajakan dan bangunan diklasifikasi di bawah MPSAS 17 : Hartanah, Loji dan Peralatan memandangkan hartanah tersebut adalah untuk kegunaan Suruhanjaya atau disewakan kepada pegawai Suruhanjaya atau Kerajaan pada kadar rendah daripada harga pasaran.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### b) Kos Dan Nilai Bawaan Loji dan Peralatan

Kos loji dan peralatan seperti kenderaan dan jentera, komputer dan perkakasan ICT, perabot dan lengkapan serta mesin dan peralatan pejabat dinyatakan pada nilai semasa, iaitu kos belian ditolak dengan susutnilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada bagi aset tetap yang berkenaan. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, yang mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

### c) Susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan adalah tertakluk kepada susutnilai kecuali tanah pegangan bebas. Kenaan susutnilai adalah dikira mengikut kaedah garis lurus di sepanjang jangka hayat penggunaan aset tersebut.

**Kadar – kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:**

| | |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Baki tempoh pajakan |
| Bangunan | 2% / 10% |
| Kenderaan dan Jentera | 20% |
| Komputer dan Perkakasan ICT | 20% |
| Perabot dan Lengkapan | 20% |
| Mesin dan Peralatan Pejabat | 20% |

Susutnilai dikenakan secara bulanan bermula pada bulan perolehan atau pembelian sehingga bulan pelupusan atau penjualan.

Nilai bawaan aset tetap selepas kenaan penuh susutnilai iaitu nilai skrap (*scrap value*) hendaklah tidak kurang dari RM1.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

### d) Kadar Permodalan Aset

Set aset tetap yang kosnya melebihi RM2,000 atau unit aset tetap yang kosnya melebihi RM2,000 dengan usia gunanya melebihi 1 tahun adalah dipermodalkan. Set aset tetap dengan kos kurang dari RM2,000 atau unit aset tetap yang kosnya kurang dari RM2,000 tidak dipermodalkan tetapi direkod di dalam buku Daftar Inventori.

Aset yang tidak dapat dipastikan usia guna ekonomi tidak dipermodalkan walaupun kos aset tersebut melebihi RM2,000 dan perlu direkod di dalam buku Daftar Inventori.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### e) Penambahbaikan Dan Ubah Suai Bangunan Dan Infrastruktur Serta Kos Penggantian

Perbelanjaan penambahbaikan dan ubah suai bangunan dan infrastruktur akan dipermodalkan jika perbelanjaan tersebut meningkatkan usia guna aset berkenaan dan perbelanjaan tersebut melebihi RM50,000 daripada kos asal aset yang berkenaan.

Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

### f) Penyahiktirafan Hartanah, Loji dan Peralatan

Nilai bawaan item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai bawaan aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

### g) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai bawaan bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Suruhanjaya menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang terbaik.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan yang boleh diperolehi semula sekiranya aset dicairkan, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### g) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Suruhanjaya akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Suruhanjaya akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Suruhanjaya telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai bawaan aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Suruhanjaya menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad setakat nilai bawaan aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

### h) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### h) Aset Kewangan (sambungan)

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

***Pinjaman dan Belum Terima***
Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan efektif dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar keuntungan efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

***Pelaburan Dipegang Hingga Matang***
Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan efektif dan ditolak rosotnilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar keuntungan efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

***Penyahiktirafan Aset Kewangan***
Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### i) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:
i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; atau
ii) pembayaran tertunggak

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai bawaan aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### j) Hutang Lapuk

Penghutang akan hanya dilunaskan sebagai hutang lapuk setelah mendapat kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif bagi amaun sehingga RM25,000 atau kelulusan Lembaga Pengarah Suruhanjaya bagi amaun yang melebihi RM25,000.

### k) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan, deposit dengan bank berlesen serta pelaburan Al-Mudharabah di bank-bank berlesen yang mempunyai tempoh matang kurang daripada satu tahun yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### l) Manfaat Kakitangan

***Manfaat Jangka Pendek***
Gaji, elaun, bantuan khas kewangan dan PERKESO adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja Suruhanjaya.

***Pelan Caruman Wajib***
Suruhanjaya mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim pencen Kerajaan. Caruman diambil kira dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh di mana ia berkait. Tanggungan Suruhanjaya selesai setelah caruman dibayar.

***Manfaat Jangka Panjang***
Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Pengiraan gantian cuti rehat (GCR) Suruhanjaya dikira dengan menggunakan kaedah anggaran unit kredit (*projected unit credit*) di mana ia melibatkan beberapa andaian seperti gaji akhir di gred jawatan sehingga pekerja berumur 60 tahun tanpa mengambil kira kenaikan pangkat serta jumlah maksima GCR yang dikumpul dan baki tempoh perkhidmatan sebelum bersara. Pengiraan ini diperolehi selepas mendiskaunkan jumlah pembayaran GCR dengan menggunakan kadar diskaun tertentu.

### m) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengiktiraf liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### m) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

***Pinjaman dan Belum Bayar***
Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah keuntungan efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan keuntungan ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

***Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan***
Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### n) Peruntukan-Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### o) Pengiktirafan Hasil

***Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran***
Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

**4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)**

**o) Pengiktirafan Hasil (sambungan)**

***i) Geran dan Pemberian***

Geran dan Pemberian terdiri daripada Geran Mengurus dan Geran Pembangunan. Geran Mengurus adalah untuk membiayai perbelanjaan operasi tahun semasa Suruhanjaya. Geran Pembangunan adalah untuk pembiayaan kos projek pembangunan dan program pembangunan tahun semasa Suruhanjaya.

Kedua-dua geran diiktiraf pada nilai saksama, apabila terdapat kemungkinan munasabah geran tersebut akan diterima dengan semua prasyarat geran dapat dipenuhi dan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran dan Pemberian yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran dan Pemberian yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf di dalam liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti tersebut yang telah memenuhi syarat.

***ii) Kompaun***

Kompaun merupakan terimaan yang berpunca daripada kenaan ke atas koperasi kerana kegagalan mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 yang berkaitan. Hasil ini akan diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan apabila hak penerimaan telah dapat ditentukan kerana kompaun adalah tawaran pelunasan yang tertakluk kepada tindakan perundangan susulan sekiranya tawaran kompaun tidak dijelaskan oleh koperasi.

***Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran***

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

***i) Pendapatan Perkhidmatan***

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada lesen dan bayaran pendaftaran koperasi, fi audit, klinik akaun, carian koperasi, perkhidmatan dan bayaran prosesan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Koperasi 1993 serta bayaran pengurusan dana, jualan barang-barang, hibah bank dan keuntungan pembiayaan kakitangan. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

***ii) Keuntungan Dari Pelaburan***

Keuntungan dari pelaburan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan.

Keuntungan daripada pelaburan bagi sebahagian program akan diagihkan sebagai pendapatan program berkenaan, sekiranya pelaburan dibuat daripada peruntukan program tersebut. Bagi pelaburan Mudharabah yang lain, pendapatan diambilkira dalam penyata prestasi kewangan.

***iii) Pajakan dan Sewaan***

Pajakan dan sewaan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa mengikut kadar pajakan dan sewaan yang dipersetujui.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### p) Cukai dan Zakat

Cukai dan zakat di dalam penyata prestasi kewangan adalah merupakan cukai yang perlu dibayar dan zakat yang dibayar ke atas pendapatan-pendapatan pasif Suruhanjaya seperti keuntungan pelaburan, caj pengurusan, sewaan dan keuntungan pembiayaan kakitangan yang dikira mengikut kadar cukai korporat dan zakat yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

### q) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diperoleh secara berasingan adalah diukur pada kos awal manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian dan aplikasi dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai bawaan aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Sistem dalam pelaksanaan tidak dilunaskan sehingga proses *Final Acceptance Test* (FAT) selesai dan boleh digunakan.

### r) Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### s) Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### t) Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Suruhanjaya sahaja dan tidak mengambilkira bajet lain-lain kumpulan wang dan tabung kerana ia tidak perlu didedahkan kepada umum. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

### u) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan Penyata Kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

***Pengukuran peruntukan***
Suruhanjaya sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

***Penentuan kerugian rosotnilai aset kewangan***
Suruhanjaya mengiktiraf kerugian rosotnilai bagi aset-aset kewangannya dengan menggunakan model kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*). Mana-mana siberhutang yang signifikan akan disemak secara berasingan bagi melihat keperluan untuk membuat rosotnilai dengan cara menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Manakala siberhutang yang lain pula akan disemak secara berkumpulan mengikut risiko kredit dengan menggunakan pengalaman yang lepas, hutang yang telah melangkaui tempoh dan keadaan ekonomi semasa.

***Susutnilai hartanah, loji dan peralatan***
Sesuatu kos hartanah, loji dan peralatan akan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu hartanah, loji dan peralatan itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

***Penentuan kerugian rosotnilai aset bukan kewangan***
Sesuatu aset bukan kewangan akan dirosotnilaikan apabila terdapat petunjuk di mana Suruhanjaya tidak boleh mendapat manfaat ekonomi ataupun potensi perkhidmatan daripada aset-asetnya. Suruhanjaya akan menggunakan pertimbangannya di dalam menentukan amaun boleh pulih atau jumlah perkhidmatan boleh pulih daripada aset-asetnya.

***Pelunasan aset tak ketara***
Sesuatu kos aset tak ketara akan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah pelunasan, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu aset tak ketara itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

## 4. DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### v) Pajakan

***Pajakan Kewangan***

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan ganjaran bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Suruhanjaya.

Suruhanjaya pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah keuntungan efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar keuntungan tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Suruhanjaya akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam tempoh pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

***Pajakan Operasi***

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kontrak Sewaan Peralatan ICT dan kenderaan dikelaskan sebagai pajakan operasi memandangkan pemilikan aset tidak dipindahkan kepada Suruhanjaya pada akhir tempoh kontrak dan tiada risiko berkaitan dengan pemilikan aset pajakan dipindahkan kepada Suruhanjaya.

## 5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| 2023 | Tanah * | Tanah Pajakan | Bangunan * | Kenderaan dan Jentera | Komputer dan Perkakasan ICT | Perabot dan Lengkapan | Mesin dan Peralatan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2023 | 33,966,200 | 21,993,000 | 24,227,399 | 2,366,644 | 7,888,600 | 1,261,640 | 2,646,651 | 94,350,134 |
| Tambahan | - | - | - | 383,260 | 941,480 | 205,612 | 348,878 | 1,879,230 |
| Pelupusan | - | - | - | (367,101) | (96,340) | - | - | (463,441) |
| Pindahan kepada aset sedia untuk dipindahmilik (Nota 10) | (1,927,000) | - | - | - | - | - | - | (1,927,000) |
| Pada 31 Disember 2023 | **32,039,200** | **21,993,000** | **24,227,399** | **2,382,803** | **8,733,740** | **1,467,252** | **2,995,529** | **93,838,923** |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2023 | - | 1,881,825 | 3,099,092 | 1,888,602 | 7,745,444 | 809,472 | 2,134,982 | 17,559,417 |
| Susutnilai semasa | - | 277,798 | 493,571 | 151,052 | 56,341 | 173,720 | 216,620 | 1,369,102 |
| Pelupusan | - | - | - | (269,208) | (96,315) | - | - | (365,523) |
| Pada 31 Disember 2023 | **-** | **2,159,623** | **3,592,663** | **1,770,446** | **7,705,470** | **983,192** | **2,351,602** | **18,562,996** |
| **Nilai Bawaan** Pada 31 Disember 2023 | **32,039,200** | **19,833,377** | **20,634,736** | **612,357** | **1,028,270** | **484,060** | **643,927** | **75,275,927** |

* Termasuk di dalam nilai bawaan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah nilai bawaan tanah dan bangunan di mana Suruhanjaya masih dalam proses pendaftaran peletakhakan dengan nilai bawaan masing-masing berjumlah RM8,116,000 dan RM1,831,712 (2022: RM8,116,000 dan RM1,874,232).

## 5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

| 2022 | Tanah<br>RM | Tanah Pajakan<br>RM | Bangunan<br>RM | Kenderaan dan Jentera<br>RM | Komputer dan Perkakasan ICT<br>RM | Perabot dan Lengkapan<br>RM | Mesin dan Peralatan Pejabat<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2022 | 33,966,200 | 21,993,000 | 24,157,349 | 2,300,538 | 7,851,755 | 915,384 | 2,326,389 | 93,510,615 |
| Tambahan | - | - | 70,050 | 381,893 | 126,220 | 346,256 | 320,262 | 1,244,681 |
| Pelupusan | - | - | - | (315,787) | (89,375) | - | - | (405,162) |
| Pada 31 Disember 2022 | **33,966,200** | **21,993,000** | **24,227,399** | **2,366,644** | **7,888,600** | **1,261,640** | **2,646,651** | **94,350,134** |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2022 | - | 1,604,026 | 2,606,804 | 2,080,227 | 7,708,450 | 702,366 | 1,985,047 | 16,686,920 |
| Susutnilai semasa | - | 277,799 | 492,288 | 124,159 | 126,366 | 107,106 | 149,935 | 1,277,653 |
| Pelupusan | - | - | - | (315,784) | (89,372) | - | - | (405,156) |
| Pada 31 Disember 2022 | **-** | **1,881,825** | **3,099,092** | **1,888,602** | **7,745,444** | **809,472** | **2,134,982** | **17,559,417** |
| **Nilai Bawaan**<br>Pada 31 Disember 2022 | **33,966,200** | **20,111,175** | **21,128,307** | **478,042** | **143,156** | **452,168** | **511,669** | **76,790,717** |

22

## 6 ASET TAK KETARA

| | *Perisian dan Aplikasi Sistem* | *Sistem Dalam Pelaksanaan* | *Jumlah* |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **2023** | | | |
| **Kos** | | | |
| Baki pada awal tahun | 5,123,930 | - | 5,123,930 |
| Tambahan dalam tahun | 416,779 | 260,527 | 677,306 |
| Baki pada akhir tahun | 5,540,709 | 260,527 | 5,801,236 |
| **Pelunasan terkumpul** | | | |
| Baki pada awal tahun | 4,971,792 | - | 4,971,792 |
| Pelunasan dalam tahun | 52,764 | - | 52,764 |
| Baki pada akhir tahun | 5,024,556 | - | 5,024,556 |
| **Nilai dibawa** | 516,153 | 260,527 | 776,680 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **2022** | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | |
| Baki pada awal tahun | 5,064,338 | - | 5,064,338 |
| Tambahan dalam tahun | 59,592 | - | 59,592 |
| Baki pada akhir tahun | 5,123,930 | - | 5,123,930 |
| **Pelunasan terkumpul** | | | |
| Baki pada awal tahun | 4,918,085 | - | 4,918,085 |
| Pelunasan dalam tahun | 53,707 | - | 53,707 |
| Baki pada akhir tahun | 4,971,792 | - | 4,971,792 |
| **Nilai dibawa** | 152,138 | - | 152,138 |

## 7 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Penghutang | i) | 705,266 | 406,469 |
| Pelbagai Penghutang | ii) | 2,046,859 | 1,282,432 |
| Pembiayaan Kenderaan | iii) | 61,432 | 91,947 |
| Pembiayaan Komputer | iv) | 2,252 | 6,665 |
| | | 2,815,809 | 1,787,513 |
| Dianalisa seperti berikut: | | | |
| Terimaan dalam tempoh 12 bulan | | 2,775,592 | 1,722,578 |
| Terimaan melebihi 12 bulan | | 40,217 | 64,935 |
| | | 2,815,809 | 1,787,513 |

i) Butiran penghutang adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Penghutang Fi Audit | 979,094 | 829,946 |
| Penghutang Sewaan | 73,782 | 64,945 |
| Penghutang Lain | 181,616 | 19,696 |
| | 1,234,492 | 914,587 |
| Tolak : Elaun Rosotnilai | (529,226) | (508,118) |
| | 705,266 | 406,469 |
| Penyesuaian elaun rosotnilai adalah seperti berikut: | | |
| Baki pada awal tahun | 508,118 | 512,082 |
| Tambahan dalam tahun | 97,550 | 91,902 |
| Hapuskira dalam tahun | (6,789) | - |
| Pembalikan semula | (69,653) | (95,866) |
| Baki pada akhir tahun | 529,226 | 508,118 |
| Analisa pengumuran penghutang Fi Audit pada 31 Disember adalah seperti berikut: | | |
| Dalam tempoh kena bayar 30 hari | 219,370 | 134,880 |
| Melepasi tempoh kena bayar 01 sehingga 30 hari | 103,420 | 61,600 |
| Melepasi tempoh kena bayar 31 sehingga 60 hari | 51,430 | 39,550 |
| Melepasi tempoh kena bayar 61 hari | 604,874 | 593,916 |
| | 979,094 | 829,946 |

ii) Butiran pelbagai penghutang adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Keuntungan Pelaburan Belum Terima | 2,046,859 | 1,282,432 |

iii) Butiran pembiayaan kenderaan adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 91,947 | 106,230 |
| Pengeluaran Pembiayaan | - | 24,900 |
| Bayaran Balik Pembiayaan | (30,515) | (39,183) |
| Baki pada akhir tahun | 61,432 | 91,947 |
| Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan : | | |
| Terimaan dalam tempoh 12 bulan | 22,215 | 30,515 |
| Terimaan melebihi 12 bulan | 39,217 | 61,432 |
| | 61,432 | 91,947 |

24

**7 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (sambungan)**

iii) Butiran pembiayaan kenderaan adalah seperti berikut: (sambungan)

Dana Pembiayaan Kenderaan sebanyak RM1 juta diterima daripada Kumpulan Wang Pusat Koperasi. Pembiayaan ini diberikan kepada pegawai dan kakitangan Suruhanjaya berdasarkan prinsip Al-Bai' Bithaman Ajil dengan tempoh bayaran balik maksima sembilan (9) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 4% setahun. Tiada rosotnilai dibuat ke atas pembiayaan kenderaan kerana ia dibayar melalui potongan gaji.

iv) Butiran pembiayaan komputer adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 6,665 | 16,343 |
| Pengeluaran Pembiayaan | - | - |
| Bayaran Balik Pembiayaan | (4,413) | (9,678) |
| Baki pada akhir tahun | 2,252 | 6,665 |
| | | |
| Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan : | | |
| Terimaan dalam tempoh 12 bulan | 1,253 | 3,162 |
| Terimaan melebihi 12 bulan | 999 | 3,503 |
| | 2,252 | 6,665 |

Dana Pembiayaan Komputer sebanyak RM100,000 diterima daripada Kumpulan Wang Rizab Am Suruhanjaya. Pembiayaan ini diberikan kepada pegawai dan kakitangan Suruhanjaya berdasarkan prinsip Al-Bai' Bithaman Ajil dengan tempoh bayaran balik maksima empat (4) tahun dan kadar keuntungan sebanyak 4% setahun. Tiada rosotnilai dibuat ke atas pembiayaan komputer kerana ia dibayar melalui potongan gaji.

**8 DEPOSIT DAN PRABAYAR**

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit Sewa Pejabat | 151,500 | 148,108 |
| Deposit Elektrik | 105,000 | 106,000 |
| Deposit Air | 8,184 | 6,783 |
| Deposit Lain | 63,180 | 64,172 |
| Deposit Prabayar Tol | 95,667 | 85,666 |
| | 423,531 | 410,729 |

**9 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Tunai di Tangan | 20,500 | 20,500 |
| Baki di Bank | 384,339 | 851,863 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 222,691,375 | 222,321,503 |
| Baki seperti di Penyata Aliran Tunai | 223,096,214 | 223,193,866 |
| **Sebagai Pemegang Amanah untuk pihak lain** | | |
| - **Baki di Bank** | 12,697 | 67,262 |
| - **Pelaburan Al-Mudharabah** | 8,170,475 | 10,685,603 |
| | (8,183,172) | (10,752,865) |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai** | 214,913,042 | 212,441,001 |

Termasuk dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah baki di bank dan Pelaburan Al-Mudharabah yang dibuat melalui dana HIPER di mana Suruhanjaya bertindak sebagai pemegang amanah. Pelaburan Al-Mudharabah di institusi-institusi kewangan mempunyai tempoh matang di antara satu (1) hingga 12 bulan dengan purata kadar keuntungan 3.72% setahun (2022: 2.31%).

25

## 10 ASET SEDIA UNTUK DIPINDAHMILIK

Di dalam tahun kewangan semasa, Suruhanjaya telah memulakan proses pindahmilik 3 lot tanah iaitu Lot 3436, Mukim Kijal, Kemaman, Terengganu serta Lot 3660 dan 3661, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Proses pindah milik ini dibuat selaras dengan perbincangan dan persetujuan bersama dengan Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan pada 29 Mei 2023. Sehingga tarikh laporan ini disediakan, proses pindah milik masih berjalan dan akan disempurnakan setelah mendapat pengesahan dengan pihak berkaitan.

## 11 URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Terakru | 3,622,581 | 3,891,577 |
| Pelbagai Belum Bayar | 9,201 | 90,290 |
| | 3,631,782 | 3,981,867 |

## 12 DEPOSIT DAN TERIMAAN TERDAHULU

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Audit Terdahulu | 113,598 | 118,373 |
| Deposit Sewa Bangunan dan Kuarters | 38,980 | 30,240 |
| Deposit Sewa Tanah | 1,800 | 1,800 |
| Deposit Utiliti | 8,320 | 5,800 |
| Wang Jaminan Pelaksanaan | 19,162 | 98,037 |
| | 181,860 | 254,250 |

## 13 PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 11,375,309 | 11,425,899 |
| Tambahan dalam tahun | 3,289,576 | 2,365,271 |
| Terlebih peruntukan terdahulu | (318,771) | (550,235) |
| Pembayaran dalam tahun | (983,362) | (1,865,626) |
| Baki pada akhir tahun | 13,362,752 | 11,375,309 |
| | | |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Bayaran dalam tempoh 12 bulan | 1,175,687 | 780,330 |
| Bayaran melebihi 12 bulan | 12,187,065 | 10,594,979 |
| | 13,362,752 | 11,375,309 |

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN

| | | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Geran Bantuan Pembangunan Koperasi | a) | 28,525,813 | 44,754,267 |
| Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya | b) | 21,981,801 | 20,901,255 |
| | | 50,507,614 | 65,655,522 |

**Tahun 2023**

| | Geran Bantuan Pembangunan Koperasi RM | Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya RM |
|---|---|---|
| **Baki pada awal tahun** | 44,754,267 | 20,901,255 |
| Terimaan Geran | 10,699,077 | 11,086,374 |
| Pulangan Peruntukan Tahun Semasa | 73,205 | - |
| Pindahan Peruntukan Pembangunan | (4,000,000) | 4,000,000 |
| Pemulangan Peruntukan Pembangunan | (3,648,871) | (150,200) |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (19,351,865) | (13,855,628) |
| **Baki pada akhir tahun** | 28,525,813 | 21,981,801 |

**Tahun 2022**

| | Geran Bantuan Pembangunan Koperasi RM | Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya RM |
|---|---|---|
| **Baki pada awal tahun** | 54,714,947 | 11,520,884 |
| Terimaan Geran Tahun Semasa | 46,733,632 | 10,507,586 |
| Pindahan Peruntukan Pembangunan | (18,516,162) | 10,934,000 |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (38,178,150) | (12,061,215) |
| **Baki pada akhir tahun** | 44,754,267 | 20,901,255 |

**a) Geran Bantuan Pembangunan Koperasi**

| | | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Program Pembangunan Rancangan Malaysia | i) | 4,822,721 | 1,705,277 |
| Program Pembangunan Negeri | ii) | 34,972 | 63,815 |
| Program Pembangunan Kementerian/Agensi | iii) | 23,275,821 | 35,961,690 |
| Kumpulan Wang Covid-19 Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi | iv) | 392,299 | 7,023,485 |
| | | 28,525,813 | 44,754,267 |

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### a) Geran Bantuan Pembangunan Koperasi (sambungan)

i) Butiran Program Pembangunan Rancangan Malaysia:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Rancangan Malaysia Ke 12 (2021-2025) | 4,440,599 | 1,198,155 |
| Rancangan Malaysia Ke 11 (2016-2020) | 147,845 | 272,845 |
| Rancangan Malaysia Ke 10 (2011-2015) | 234,277 | 234,277 |
| | 4,822,721 | 1,705,277 |

| | | |
|---|---|---|
| Pergerakan Program Pembangunan Rancangan Malaysia adalah seperti berikut: | | |
| Baki pada awal tahun | 1,705,277 | 10,014,995 |
| Terimaan Peruntukan Pembangunan | 9,350,000 | 3,150,000 |
| Pindahan Peruntukan Pembangunan | - | (6,082,162) |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (6,232,556) | (5,377,556) |
| Baki pada akhir tahun | 4,822,721 | 1,705,277 |

Suruhanjaya menerima geran pembangunan tahunan di bawah Rancangan Malaysia (RM) bagi melaksanakan objektif fungsi pembangunan koperasi dan sektor koperasi sebagaimana yang digariskan dalam Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Geran ini akan disalurkan kepada koperasi-koperasi terpilih dalam program-program pembangunan yang masih berjalan atau digunakan untuk pembangunan sistem yang memanfaatkan koperasi seperti berikut:

- Program Pembangunan Sistem Pengurusan Koperasi (SPK) berjumlah RM1.5 juta di bawah RMK-12. Sejumlah RM150,000 telah diterima pada 10 Jun 2022 manakala baki RM1,350,000 diterima pada 12 April 2023.
- Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 berjumlah RM25 juta untuk tempoh 5 tahun (2021-2025) di bawah RMK-12. Sebanyak RM5 juta diterima dalam tahun 2023.
- Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) berjumlah RM10 juta untuk tempoh 5 tahun (2021-2025) di bawah RMK-12. Sebanyak RM3 juta diterima dalam tahun 2023.
- Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi dan Pembudayaan Koperasi Melalui Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan masing-masing berjumlah RM25 juta dan RM5 juta untuk tempoh 5 tahun (2016-2020) di bawah RMK-11 memberi manfaat kepada 520 koperasi.
- Program Kedai Harga Patut berjumlah RM8 juta pada tahun 2018 yang memberi manfaat kepada 29 koperasi. Baki program berjumlah RM1,450,796 telah dipindahkan ke Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA di bawah kategori Program Pembangunan Kementerian/Agensi.
- Projek Meroboh dan Membina Semula Pekan Rabu untuk Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad berjumlah RM55.6 juta yang bermula pada tahun 2013 dan siap sepenuhnya pada tahun 2017. Baki program berjumlah RM4,631,366 telah dipindahkan ke Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA di bawah kategori Program Pembangunan Kementerian/ Agensi.

Lebihan Peruntukan Program Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan 11 akan dipulangkan atau dipohon kegunaannya untuk program-program lain.

**14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)**

**a) Geran Bantuan Pembangunan Koperasi (sambungan)**

ii) Butiran Program Pembangunan Negeri:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Pulau Pinang | 34,922 | 63,767 |
| Terengganu | 50 | 48 |
| | 34,972 | 63,815 |

Pergerakan Program Pembangunan Negeri adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 63,815 | 140,720 |
| Terimaan Peruntukan Pembangunan | 20,000 | 22,960 |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (48,843) | (99,865) |
| Baki pada akhir tahun | 34,972 | 63,815 |

Suruhanjaya cawangan negeri menerima peruntukan pembangunan dari kerajaan negeri/agensi negeri bagi membiayai program-program pembangunan koperasi di peringkat negeri.

iii) Butiran Program Pembangunan Kementerian/Agensi:

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Program *High Performing and Enhancement Co-operative* (HIPER) | *a)* | 8,234,206 | 10,810,607 |
| Program *My Farm Outlet* (MFO) | *b)* | 66 | 66 |
| Program Penyediaan Tapak Perniagaan *Food Truck Hotspot / Pitstop* (FTM) | *c)* | 1,750,000 | 1,750,000 |
| Program Transformasi Produk Koperasi (PUTRA) | *d)* | - | 47,500 |
| Program Pengukuhan Koperasi Siri 1 | *e)* | 320,000 | 250,000 |
| Program Pengukuhan Koperasi Siri 2 | *f)* | 62,500 | 145,000 |
| Program Pengilangan Jus Nanas | *g)* | 750,000 | 750,000 |
| Program *Halal Technology Transformation* (HTTP) | *h)* | 160,000 | 1,600,000 |
| Program *e-Showcase* Koperasi dan Usahawan Wanita (eBiznita) | *i)* | 33,000 | 33,000 |
| Program *Reach Out To Entrepreneurs* (ROTE) | *j)* | 15,400 | 16,600 |
| Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) | *k)* | 5,641,307 | 11,015,255 |
| Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA | *l)* | 5,543,662 | 9,543,662 |
| Program Inisiatif Pendapatan Rakyat - UT (IPR-INTAN) | *m)* | 765,680 | - |
| | | 23,275,821 | 35,961,690 |

Pergerakan Program Pembangunan Kementerian/Agensi adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 35,961,690 | 36,171,981 |
| Terimaan Peruntukan | 1,329,077 | 24,408,572 |
| Pulangan Peruntukan | 70,000 | - |
| Pindahan Peruntukan | (4,000,000) | (12,434,000) |
| Pemulangan Peruntukan | (3,648,871) | - |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (6,436,075) | (12,184,863) |
| Baki pada akhir tahun | 23,275,821 | 35,961,690 |

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### a) Geran Bantuan Pembangunan Koperasi (sambungan)

iii) Butiran Program Pembangunan Kementerian/Agensi (sambungan)

*a)* Suruhanjaya telah menerima geran khusus sebanyak RM50 juta daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi membiayai Program HIPER pada tahun 2016. HIPER adalah merupakan program pembangunan koperasi bumiputera dalam projek-projek berimpak tinggi yang tertumpu kepada keseluruhan rantaian sektor Pemborongan dan Peruncitan serta sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan.

Di bawah program ini, koperasi-koperasi yang dikenal pasti dan memenuhi kriteria serta syarat yang ditetapkan akan dibantu dalam bentuk geran sepadan atau/dan pembiayaan mudah untuk mengembangkan perniagaan. Dana yang diperuntukan dibahagikan kepada dana cagaran RM20 juta, bantuan RM20 juta, pembangunan produk RM5 juta, pembangunan kapasiti dan latihan RM3 juta serta pembangunan keusahawanan siswa RM2 juta. Keuntungan yang diterima daripada simpanan tetap dan pelaburan daripada dana ini akan digunakan bagi tujuan kos pengurusan dan pelaksanaan program HIPER.

Pada 4 Januari 2019, perjanjian di antara TERAJU dan Suruhanjaya bagi program HIPER tersebut telah berakhir. Suruhanjaya telah memulangkan sebahagian baki wang yang tidak digunakan tersebut kepada TERAJU. Baki geran adalah merangkumi wang jaminan pembiayaan (geran sepadan) dan baki hibah yang akan dipulangkan setelah selesai segala obligasi berkaitan. Perjanjian bagi pengurusan baki peruntukan program tersebut telah dimuktamadkan pada tahun 2021.

*b)* Suruhanjaya telah dilantik sebagai agensi pelaksana Program MFO pada tahun 2017 di bawah inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup. Sejumlah RM5.5 juta peruntukan telah diterima dari pihak FAMA untuk pelaksanaan program MFO tersebut. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah RM5.5 juta telah disalurkan kepada koperasi-koperasi yang terlibat di dalam program tersebut dengan sebanyak 56 outlet koperasi dan empat pusat pengedaran koperasi berjaya dibangunkan.

*c)* Suruhanjaya telah dilantik oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 12 Oktober 2018 sebagai agensi pelaksana bagi Program *Foodtruck* Malaysia (FTM). Sejumlah RM1.75 juta peruntukan telah diterima daripada KPDNHEP untuk pelaksanakan Program FTM. Pada 23 Disember 2021, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan penggunaan peruntukan Program Food Truck - KPDNHEP untuk Program Penyediaan Tapak Perniagaan *Food Truck Hotspot / Pitstop* di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan Suruhanjaya sebagai agensi pelaksana. Kelulusan ini adalah di bawah Kelulusan Peruntukan Bagi Inisiatif-inisiatif Yang Diumumkan Dalam Ucapan Bajet 2022.

*d)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM492 ribu bagi membiayai pelaksanaan Program PUTRA di bawah Program Peningkatan Prestasi / Keupayaan dan Daya Saing (PKPKS).

*e)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM1.42 juta bagi membiayai pelaksanaan Program Pengukuhan Perniagaan Koperasi Siri I di bawah Program Peningkatan Prestasi / Keupayaan dan Daya Saing (PKPKS).

*f)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM1 juta bagi membiayai pelaksanaan Program Pengukuhan Perniagaan Koperasi Siri II di bawah Program Peningkatan Prestasi / Keupayaan dan Daya Saing (PKPKS).

*g)* Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah meluluskan dan memperuntukkan sejumlah RM1 juta kepada Suruhanjaya di bawah Program Projek-projek Kecil / Berimpak Tinggi / People Centric untuk tahun 2020 bagi membiayai projek KOSAS - Pengilangan Jus Nanas pada 16 Februari 2021.

*h)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM1 juta dalam tahun 2021 dan RM600,000 dalam tahun 2022 bagi membiayai pelaksanaan Program HTTP di bawah Program Inovasi dan Teknologi Halal.

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### a) Geran Bantuan Pembangunan Koperasi (sambungan)

iii) Butiran Program Pembangunan Kementerian/Agensi (sambungan)

*i)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM70 ribu pada 6 Oktober 2021 bagi membiayai pelaksanaan Program e-Showcase eBiznita.

*j)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM16,800 pada 12 Oktober 2021 bagi membiayai pelaksanaan Program ROTE di bawah Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal (*Halal Outreach Programme For Entrepreneurs* - HOPE).

k) Suruhanjaya menerima peruntukan daripada KUSKOP berjumlah RM16,264,254 dalam tahun 2022 bagi membiayai pelaksanaan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM).

*l)* Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA merupakan baki Program Kedai Harga Patut berjumlah RM1,450,796, baki Projek Meroboh dan Membina Semula Pekan Rabu berjumlah RM4,631,366 dan baki Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) / Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) berjumlah RM15,895,500. Suruhanjaya seterusnya telah memohon pindaan kegunaan baki geran-geran tersebut kepada Kementerian Kewangan. Pada tahun 2022, Kementerian Kewangan telah meluluskan kegunaan baki program-program tersebut untuk perbelanjaan menaik taraf dan pembaikan bangunan pejabat/ kuarters SKM Negeri Sabah di Kompleks Pusat Latihan Kecemerlangan Koperasi (PULAKOP) (RM8,732,000), SKM Negeri Kedah Wilayah Langkawi (RM2,202,000) dan belanja mengurus bagi penebusan awal untuk ganjaran cuti rehat (RM1,500,000). Pada tahun 2023, Kementerian Kewangan telah memberikan kelulusan tambahan kegunaan baki program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA untuk pembelian harta modal Suruhanjaya berjumlah RM2 juta manakala RM2 juta lagi untuk belanja mengurus bagi penebusan awal ganjaran cuti rehat.

*m)* Suruhanjaya menerima peruntukan daripada Kementerian Ekonomi berjumlah RM957,100 dalam tahun 2023 bagi membiayai pelaksanaan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat - Inisiatif Usahawan Tani (IPR INTAN) untuk pertanian fertigasi yang dilaksanakan oleh Koperasi Kebuniti Selangor Berhad.

iv) Butiran Kumpulan Wang Covid-19 Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---:|---:|
| Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) | 130,000 | 3,719,794 |
| Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR) | 55,299 | 59,721 |
| Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR) | 207,000 | 1,882,970 |
| Program Dagang Produk / Perkhidmatan Koperasi (eDapat) | - | 1,361,000 |
| | 392,299 | 7,023,485 |

Pergerakan Kumpulan Wang Covid-19 Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---:|---:|
| Baki pada awal tahun | 7,023,485 | 8,387,251 |
| Terimaan Peruntukan | - | 19,152,100 |
| Pulangan Peruntukan | 3,205 | - |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (6,634,391) | (20,515,866) |
| Baki pada akhir tahun | 392,299 | 7,023,485 |

Suruhanjaya menerima peruntukan di bawah Kumpulan Wang Covid-19 bagi Inisiatif Belanjawan 2021, Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 10 September 2021. Peruntukan ini akan disalurkan kepada koperasi-koperasi terpilih di bawah program-program yang tersenarai.

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### b) Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya

| | | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | i) | 2,769,181 | 3,868,347 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | ii) | 4,992,328 | 3,066,933 |
| Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia | iii) | 269,654 | 158,197 |
| Kumpulan Wang Covid-19 Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi | iv) | - | 2,873,778 |
| Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA - Sabah, Kedah dan Harta Modal | v) | 12,934,000 | 10,934,000 |
| Program Baki NKEA - Ganjaran Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Penebusan Awal Gantian Cuti Rehat | vi) | 1,016,638 | - |
| | | 21,981,801 | 20,901,255 |

i) Butiran Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi:

| | | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Program Pentadbiran - KWAPd | *a)* | 2,432,712 | 3,358,379 |
| Program Pembangunan Modal Insan | *b)* | 336,469 | 509,968 |
| | | 2,769,181 | 3,868,347 |

Pergerakan Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi adalah seperti berikut:

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 3,868,347 | 5,492,751 |
| Terimaan Peruntukan | 1,300,000 | 1,342,000 |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (2,399,166) | (2,966,404) |
| Baki pada akhir tahun | 2,769,181 | 3,868,347 |

*a)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) bagi perbelanjaan Program Pentadbiran - KWAPd : pengurusan pentadbiran Suruhanjaya (penyelenggaraan bangunan, pembelian harta modal, bekalan dan inventori). Tiada terimaan diterima daripada KWAPd bagi Program Pentadbiran - KWAPd dalam tahun 2023.

*b)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPd bagi tujuan pelaksanaan program pembangunan modal insan di bawah Akademi SKM. Sejumlah RM1.3 juta diterima bagi tahun 2023.

ii) Butiran Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi:

| | | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Program Penyelenggaraan Sistem SKM-FS (SAGA) | *a)* | 572,765 | 1,070,965 |
| Program Penambahbaikan Sistem SKM-FS (SAGA) | *b)* | 283,317 | 283,317 |
| Projek Menaiktaraf Sistem SPA dan SPS | *c)* | 105,000 | 35,000 |
| Program Peningkatan Keselamatan Rangkaian Tapisan Kandungan 2021 | *d)* | - | 500,000 |
| Program Sewaan Peralatan ICT | *e)* | 85,130 | 144,752 |
| Program Penyewaan Tablet | *f)* | 120,825 | 217,485 |
| Program Pembaharuan Lesen Microsoft | *g)* | 254,150 | - |
| Program Pembaharuan Lesen ICT | *h)* | 8,575 | 292,631 |
| Program Pembangunan Laman Web | *i)* | 230,834 | 230,834 |

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### b) Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya (sambungan)

ii) Butiran Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi: (sambungan)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Program ICT Pejabat TMO PMO | *j)* | 300 | 300 |
| Program Sewaan Peralatan ICT Fasa 2 | *k)* | 91,649 | 91,649 |
| Program Perolehan Aksesori ICT | *l)* | 86,443 | 200,000 |
| Program Penyelenggaraan Sistem MySKM | *m)* | 209,880 | - |
| Program Peningkatan Rangkaian Dalaman SKM Negeri | *n)* | 472,954 | - |
| Program Pembekalan Peralatan Intrusion Prevention System (IPS) | *o)* | 466,506 | - |
| Program Pentadbiran - KWAPb | *q)* | 2,004,000 | - |
| | | 4,992,328 | 3,066,933 |

Pergerakan Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 3,066,933 | 3,786,006 |
| Terimaan Peruntukan | 9,193,740 | 3,658,041 |
| Pemulangan Peruntukan | (150,200) | - |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (7,118,145) | (4,377,114) |
| Baki pada akhir tahun | 4,992,328 | 3,066,933 |

*a)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) bagi perbelanjaan penyelenggaraan Sistem SKM-FS tahunan. Sejumlah RM498,200 untuk program tahun 2022 diterima pada tahun 2021 dan RM1 juta untuk program tahun 2023 dan 2024 diterima pada tahun 2022.

*b)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi program penambahbaikan SKM-FS sejumlah RM385,700 pada 2019 yang merupakan lebihan daripada Program Penyelenggaraan Sistem SKM-FS tahun 2018-2020.

*c)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai perbelanjaan menaiktaraf dan menyelenggara Sistem Pengurusan Aset (SPA) dan Sistem Pengurusan Stor (SPS) di bawah Program Pembangunan Sistem Koperasi berjumlah RM200 ribu pada 14 September 2020 dan RM100 ribu pada 12 Julai 2023.

*d)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Peningkatan Keselamatan Rangkaian Tapisan Kandungan 2021 berjumlah RM350,000 pada 10 Februari 2021 dan menerima tambahan peruntukan berjumlah RM150,000 yang dipindahkan daripada Program Penggantian Perkakasan Keselamatan Rangkaian pada tahun 2022. Bagaimana pun sejumlah RM150,200 telah dipulangkan semula kepada KWAPb pada tahun 2023.

*e)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Sewaan Peralatan ICT berjumlah RM1,000,000, RM106,690 dan RM961,938 masing-masing pada 10 Februari 2021, 24 Februari 2022 dan 8 Februari 2023. Selain itu, Suruhanjaya telah membuat pindahan peruntukan daripada Program Pembaharuan Lesen Selain Microsoft berjumlah RM0.04 pada tahun 2023.

*f)* Suruhanjaya menerima pindahan peruntukan bagi membiayai Program Penyewaan Tablet berjumlah RM289,980 daripada Program Perkongsian Data dan Peningkatan Kapasiti Storan pada tahun 2022.

*g)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Pembaharuan Lesen Microsoft berjumlah RM2,000,000, RM1,232,444 dan RM1,621,310 masing-masing pada 26 Mac 2021, 29 April 2022 dan 13 Februari 2023.

*h)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Pembaharuan Lesen ICT berjumlah RM627,000, RM349,801 dan RM562,570 masing-masing pada tahun 2021, 2022 dan 2023.

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### b) Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya (sambungan)

ii) Butiran Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi: (sambungan)

*i)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Pembangunan Laman Web berjumlah RM275,000 pada 27 Januari 2022.

*j)* Suruhanjaya telah membuat pindahan peruntukan daripada Program Peralatan ICT Webcam Video Conferencing SKM bagi membiayai Program ICT Pejabat TMO PMO berjumlah RM100,000 pada 3 Jun 2022.

*k)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Sewaan Peralatan ICT Fasa 2 berjumlah RM356,420 pada 22 Julai 2022 dan RM1,099,788 pada 9 Februari 2023.

*l)* Suruhanjaya telah membuat pindahan peruntukan daripada Perkongsian Data dan Peningkatan Kapasiti Storan berjumlah RM60,023, RM120,000 daripada Peralatan ICT Webcam dan RM19,977 daripada Program Pembangunan Laman Web bagi membiayai Program Perolehan Aksesori ICT pada 9 November 2022. Selain itu, Suruhanjaya telah menerima pemberian dari KWAPb bagi membiayai Program Perolehan Aksesori ICT berjumlah RM336,317 pada 27 Julai 2023.

*m)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Penyelenggaraan Sistem MySKM berjumlah RM259,626 pada 27 Jun 2023.

*n)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Peningkatan Rangkaian Dalaman SKM Negeri berjumlah RM472,954 pada 15 November 2023.

*o)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Pembekalan Peralatan Intrusion Prevention System (IPS) berjumlah RM466,506 pada 21 Disember 2023.

*p)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Penggantian Perkakasan Storan Berpusat di Ibu Pejabat berjumlah RM921,950 pada 11 Oktober 2023.

*q)* Suruhanjaya menerima pemberian daripada KWAPb bagi membiayai Program Pentadbiran - KWAPb : pengurusan pentadbiran Suruhanjaya (penyelenggaraan bangunan, pembelian harta modal, bekalan dan inventori) berjumlah RM1,000,000 pada 12 Januari 2023 dan RM1,004,000 pada 27 November 2023.

iii) Butiran Pemberian Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan operasi (kakitangan kontrak Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit (BPKK)) | 247,829 | 158,197 |
| Tuntutan perjalanan, mesyuarat dan latihan kakitangan tetap BPKK | 21,825 | - |
| | 269,654 | 158,197 |

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 158,197 | 93,427 |
| Terimaan Peruntukan | 592,634 | 246,245 |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (481,177) | (181,475) |
| Baki pada akhir tahun | 269,654 | 158,197 |

Suruhanjaya menerima peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) bagi perbelanjaan operasi bagi kakitangan kontrak Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit (BPKK) berjumlah RM469,293 (2022: RM246,245) dan tuntutan perjalanan, mesyuarat dan latihan kakitangan tetap BPKK berjumlah RM123,340 (2022: Tiada) pada tahun 2023 .

## 14 GERAN DAN PEMBERIAN BELUM DILUNASKAN (sambungan)

### b) Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya (sambungan)

iv) Butiran Pemberian Kumpulan Wang Covid-19 Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 2,873,778 | 2,148,700 |
| Terimaan Peruntukan | - | 5,261,300 |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (2,873,778) | (4,536,222) |
| Baki pada akhir tahun | - | 2,873,778 |

Suruhanjaya menerima peruntukan di bawah Kumpulan Wang Covid-19 bagi Inisiatif Belanjawan 2021, Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 24 Mei 2021. Peruntukan ini adalah untuk pelaksanaan projek kecil di bawah Suruhanjaya (pembaikan dan penyelenggaraan bangunan dan kuarters Suruhanjaya). Sejumlah RM5,261,300 telah diterima pada tahun 2022. Keseluruhan baki peruntukan telah digunakan dan dilunaskan sepenuhnya dalam tahun 2023.

v) Butiran Pemberian Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA - SKM Sabah dan Kedah serta Harta Modal SKM

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 10,934,000 | - |
| Pindahan Peruntukan | 2,000,000 | 10,934,000 |
| Baki pada akhir tahun | 12,934,000 | 10,934,000 |

Program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA - SKM Sabah dan Kedah serta harta modal SKM merupakan pindahan sebahagian dari keseluruhan baki Program Kedai Harga Patut, baki Projek Meroboh dan Membina Semula Pekan Rabu dan baki Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) / Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) yang masing-masing berjumlah RM1,450,796, RM4,631,366 dan RM15,895,500. Sebanyak RM10,934,000 telah dipindahkan daripada baki tersebut pada tahun 2022 bagi tujuan menaik taraf dan pembaikan bangunan pejabat/ kuarters SKM Negeri Sabah di Kompleks Pusat Latihan Kecemerlangan Koperasi (PULAKOP) (RM8,732,000) dan SKM Negeri Kedah Wilayah Langkawi (RM2,202,000) manakala RM2,000,000 lagi dipindahkan dari baki tersebut pada tahun 2023 bagi pembelian harta modal SKM.

vi) Butiran Pemberian Program Baki NKEA - Ganjaran Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Penebusan Awal Gantian Cuti Rehat

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | - | - |
| Pindahan Peruntukan | 2,000,000 | - |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | (983,362) | - |
| Baki pada akhir tahun | 1,016,638 | - |

Suruhanjaya telah mendapat kelulusan kegunaan tambahan daripada Kementerian Kewangan untuk belanja mengurus bagi penebusan awal Ganjaran Gantian Cuti Rehat berjumlah RM2 juta daripada baki program Baki Tunai Dana RMK-10, 11 dan NKEA.

## 15 MANFAAT PELETAKHAKAN

Manfaat peletakhakan adalah merupakan nilai daripada segala harta, hak dan liabiliti yang telah berjaya mendapat taraf peletakhakan kepada Suruhanjaya mengikut subseksyen 5(1), Akta 665.

## 16 KUMPULAN WANG RIZAB AM SURUHANJAYA

Kumpulan Wang Rizab Am Suruhanjaya ditubuhkan di bawah subseksyen 32(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akta 665). Lebihan bagi tahun diletakkan dalam kredit Kumpulan Wang Rizab Am Suruhanjaya mengikut subseksyen 32(3), Akta 665.

## 17 KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KAKITANGAN

| | | 2023 | 2022 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| Penghutang Pembiayaan Kenderaan | Nota 7 iii | 61,432 | 91,947 |
| Penghutang Pembiayaan Komputer | Nota 7 iv | 2,252 | 6,665 |
| Baki Boleh Guna | i) | 1,036,316 | 1,001,388 |
| | | 1,100,000 | 1,100,000 |

i) Butiran Baki Boleh Guna adalah seperti berikut:

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada awal tahun | 1,001,388 | 977,427 |
| Pengeluaran pembiayaan | - | (24,900) |
| Terimaan bayaran balik pembiayaan | 34,928 | 48,861 |
| Baki pada akhir tahun | 1,036,316 | 1,001,388 |

Kumpulan Wang Pembiayaan Kakitangan ini telah diwujudkan untuk memberi bantuan pembiayaan komputer dan kenderaan kepada semua kakitangan Suruhanjaya. Sumber dana bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan RM100,000 dari Kumpulan Wang Rizab Am Suruhanjaya bagi pembiayaan komputer dan pemberian daripada Kumpulan Wang Pusat Koperasi berjumlah RM1 juta untuk pembiayaan kenderaan.

## 18 TABUNG KEBAJIKAN PERKHIDMATAN SKM

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada awal tahun | 26,947,042 | 28,411,895 |
| Pendapatan | 1,117,405 | 379,147 |
| Perbelanjaan | (2,837,695) | (1,844,000) |
| Baki pada akhir tahun | 25,226,752 | 26,947,042 |

Tabung Kebajikan Perkhidmatan SKM ini telah diluluskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 5 Februari 2020 untuk memberi manfaat kepada pegawai dan pesara Suruhanjaya berkaitan perbelanjaan perkhidmatan perubatan. Sumber dana bagi tabung ini adalah peruntukan sejumlah RM30 juta daripada Kumpulan Wang Rizab Am Suruhanjaya.

## 19 URUS NIAGA PERTUKARAN

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Lesen dan Bayaran Pendaftaran Koperasi | 193,380 | 169,700 |
| Fi Audit | 3,495,710 | 3,074,326 |
| Klinik Akaun | 111,570 | 123,060 |
| Bayaran Pengurusan Dana | 6,886,428 | 6,408,705 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Prosesan | 189,351 | 131,564 |
| Carian Koperasi | 57,249 | 44,601 |
| Sewaan | 262,574 | 224,468 |
| Jualan Barang-Barang | 13,331 | 4,369 |
| Hibah Bank | 16,431 | 18,434 |
| Keuntungan Pelaburan | 8,281,818 | 5,144,366 |
| Keuntungan Pembiayaan Kakitangan | 3,274 | 4,530 |
| | 19,511,116 | 15,348,123 |

## 20 URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Kompaun Koperasi | 361,850 | 158,350 |
| Geran Mengurus Dilunas | 74,800,000 | 73,320,000 |
| Geran Baki NKEA - Ganjaran Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran Penebusan Awal Gantian Cuti Rehat (GCR) Dilunas | 983,362 | 1,500,000 |
| Geran Pembangunan Rancangan Malaysia Dilunas | 6,232,556 | 5,377,556 |
| Geran Pembangunan Negeri Dilunas | 48,843 | 99,865 |
| Geran Pembangunan Kementerian/Agensi Dilunas | 9,100,345 | 13,043,822 |
| Geran Kumpulan Wang Covid-19 PEMULIH | 6,631,186 | 20,515,866 |
| Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | | |
| - Dilunaskan | 2,399,166 | 2,966,404 |
| - Mengurus | 14,000,000 | 12,025,125 |
| Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | | |
| - Dilunaskan | 7,118,145 | 4,377,114 |
| - Mengurus | 8,242,500 | 6,519,750 |
| Pemberian Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) | 481,177 | 181,475 |
| | 130,399,130 | 140,085,327 |

## 21 PENDAPATAN LAIN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Keuntungan Atas Jualan Aset | 7,364 | 81,153 |
| Lain-Lain Pendapatan | 6,742 | 890 |
| Bayaran Balik Perbelanjaan | 383,004 | 26,411 |
| Pembalikan Rosotnilai Aset Kewangan | 69,653 | 95,866 |
| | 466,763 | 204,320 |

## 22 EMOLUMEN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Gaji dan Upahan | 47,018,546 | 45,493,602 |
| Elaun-Elaun Tetap | 12,006,182 | 12,353,327 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 8,114,025 | 7,869,620 |
| Elaun Lebih Masa | 504,763 | 567,997 |
| Faedah Kewangan Lain | 5,957,899 | 7,191,021 |
| | 73,601,415 | 73,475,567 |

## 23 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 4,497,643 | 3,716,367 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 151,028 | 137,240 |
| Perhubungan dan Utiliti | 3,271,669 | 2,629,158 |
| Sewaan | 5,433,962 | 4,331,666 |
| Bahan Makanan dan Minuman | 35,574 | 36,571 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti | 318,016 | 273,800 |
| Bekalan dan Bahan Lain | 1,787,260 | 1,313,749 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 7,230,662 | 8,139,521 |
| Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti | 11,784,539 | 8,407,194 |
| | 34,510,353 | 28,985,266 |

## 24 PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Pemberian dan Bantuan | 7,500 | 9,010 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | - | 79,202 |
| Peruntukan Gantian Cuti Rehat | 2,970,805 | 1,815,036 |
| | 2,978,305 | 1,903,248 |

## 25 PROGRAM PEMBANGUNAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi | 4,238,080 | 2,842,262 |
| Pembudayaan Koperasi Melalui Pembangunan Modal Insan | 125,000 | 564,250 |
| Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi | 1,616,295 | 1,971,044 |
| Perbelanjaan Pembangunan Agensi dan Negeri | 12,906,596 | 29,123,331 |
| | 18,885,971 | 34,500,887 |

## 26 PERBELANJAAN LAIN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Cukai Tanah dan Perkhidmatan | 109,590 | 117,258 |
| Rosotnilai Aset Kewangan | 97,550 | 91,902 |
| Caj Bank | 3,312 | 7,628 |
| | 210,452 | 216,788 |

## 27 CUKAI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Peruntukan cukai tahun semasa | 3,702,550 | 2,810,184 |
| Tolak: Terlebih peruntukan terdahulu | (34,674) | (34,746) |
| | 3,667,876 | 2,775,438 |

Berdasarkan Pengecualian Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006, pemberian atau subsidi yang diterima oleh mana-mana orang daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan pendapatan Pihak Berkuasa Berkanun dikecualikan cukai. Walau bagaimanapun, sebarang pendapatan lain seperti sewa, keuntungan simpanan dan lain-lain adalah tertakluk kepada cukai.

Pengiraan cukai adalah berdasarkan kepada kadar korporat sebanyak dua puluh empat peratus (24%) daripada jumlah pendapatan boleh dikenakan cukai. Penyesuaian numerik antara perbelanjaan cukai dan lebihan perakaunan didarabkan dengan kadar cukai semasa sebanyak dua puluh empat peratus (24%) seperti berikut:

| | Tahun Taksiran 2023<br>RM | Tahun Taksiran 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Lebihan bagi tahun | 18,768,647 | 15,224,654 |
| | | |
| Cukai pada 24% | 4,504,475 | 3,653,917 |
| Pendapatan Yang Tidak Dikenakan Cukai Pada 24% | (32,382,357) | (34,515,140) |
| Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan Pada 24% | 31,580,432 | 33,671,407 |
| Terlebih peruntukan terdahulu | (34,674) | (34,746) |
| | 3,667,876 | 2,775,438 |

## 28 KOMITMEN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Komitmen sewaan dan pajak peralatan: | | |
| Sebagai pemajak | 6,680,628 | 7,442,102 |
| Bayaran pajakan minimum masa hadapan: | | |
| - tidak melebihi 1 tahun | 2,991,575 | 2,948,364 |
| - melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 2 tahun | 2,071,278 | 2,578,310 |
| - melebihi 2 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun | 1,587,175 | 1,862,690 |
| - melebihi 5 tahun | 30,600 | 52,738 |
| | 6,680,628 | 7,442,102 |
| Komitmen sewaan dan pajak perkhidmatan: | | |
| Sebagai pemajak | 1,634,801 | 2,012,503 |
| Bayaran pajakan minimum masa hadapan: | | |
| - tidak melebihi 1 tahun | 1,135,196 | 1,415,140 |
| - melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 2 tahun | 414,189 | 408,372 |
| - melebihi 2 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun | 85,416 | 188,991 |
| | 1,634,801 | 2,012,503 |
| Komitmen pembangunan dan penambahbaikan sistem | | |
| Sebagai pemajak | 1,456,699 | - |
| Bayaran pajakan minimum masa hadapan: | | |
| - tidak melebihi 1 tahun | 1,456,699 | - |

## 29 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

***Risiko Kredit***

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi tunai dan keserataan tunai, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi dasar Suruhanjaya bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

***Risiko Kecairan***

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Suruhanjaya kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti kewangan Suruhanjaya pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

## 29 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

| | Dalam tempoh setahun RM |
|---|---|
| **Pada 31 Disember 2023** | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | 3,631,782 |
| **Pada 31 Disember 2022** | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | 3,981,867 |

***Nilai Saksama***

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

## 30 TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| *Dengan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi:* | | |
| - Pemberian pembangunan | 1,300,000 | 1,342,000 |
| - Pemberian mengurus | 14,000,000 | 12,025,125 |
| - Caj pengurusan dana | 3,755,520 | 3,391,590 |
| *Dengan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi:* | | |
| - Pemberian pembangunan | 9,211,160 | 3,647,866 |
| - Pemberian mengurus | 8,242,500 | 6,519,750 |
| - Caj pengurusan dana | 2,375,340 | 2,431,740 |
| - Pemulangan Program Peningkatan Keselamatan Rangkaian Tapisan Kandungan 2021 | (150,200) | - |
| - Penyaluran/(Pemulangan) Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) | (840,000) | 840,000 |
| *Dengan Akaun Pelikuidasian Koperasi:* | | |
| - Caj pengurusan dana | 310,210 | 309,855 |
| *Dengan Kumpulan Wang Pusat Koperasi:* | | |
| - Caj pengurusan dana | 288,742 | 275,520 |
| *Dengan Tabung Modal Pusingan SKM:* | | |
| - Pemberian mengurus | 592,633 | 246,245 |
| | 39,085,905 | 31,029,691 |

## 31 KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Jumlah ganjaran | 413,525 | 527,957 |
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 12 | 12 |

40

## 32 ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu telah diselaraskan di mana perlu untuk disesuaikan dengan keadaan dan dinyatakan semula supaya mengikut pengkelasan tahun semasa.

| | Seperti di Laporan Teraudit 31 Disember 2022 RM | Reklasifikasi dan Pelarasan RM | Seperti di Penyata Kewangan 31 Disember 2023 RM |
|---|---|---|---|
| **Penyata Prestasi Kewangan** | | | |
| **Hasil: Urusniaga Bukan Pertukaran** | | | |
| Pemberian Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - Dilunaskan | 4,352,926 | 24,188 | 4,377,114 |
| **Belanja: Perkhidmatan dan Bekalan** | | | |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil | 8,115,333 | 24,188 | 8,139,521 |
| **Nota – Nota Kepada Penyata Kewangan** | | | |
| **Liabiliti:** | | | |
| Geran Bantuan Pembangunan Koperasi | 44,604,267 | 150,000 | 44,754,267 |
| Geran / Pemberian Pembangunan Suruhanjaya | 21,051,255 | (150,000) | 20,901,255 |

## 33 NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Suruhanjaya telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Bajet tahun 2023 telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM74.8 juta bagi tujuan pembayaran emolumen dan pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Bajet dan Penyata Kewangan Suruhanjaya disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan Penyata Kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan semasa adalah seperti di bawah:

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar seperti di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar | 215,472 | - | - | 215,472 |
| Perbezaan asas | 9,768,647 | 5,066,137 | (15,147,908) | (313,124) |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | **9,984,119** | **5,066,137** | **(15,147,908)** | **(97,652)** |

LAPORAN **TAHUNAN**

2022

# PENYATA KEWANGAN

## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

## MAKLUMAT KORPORAT

| | | |
|---|---|---|
| **PENGERUSI** | | Rusli bin Jaafar<br>(Mulai 1 Oktober 2023)<br>Ketua Pegawai Eksekutif |
| | | Rusli bin Jaafar<br>(Sehingga 3 Mac 2023)<br>Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **TIMBALAN PENGERUSI** | | Amran bin Haji Abd Kadir<br>(Mulai 1 Ogos 2023)<br>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif |
| | | Datuk Umar Sarim bin Saidin<br>(Sehingga 28 Mei 2023)<br>Timbalan Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **AHLI JAWATANKUASA** | 1. | Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 2. | Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 3. | Siti Azlin binti Ahmad Dauta<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 4. | Azizul bin Alias<br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) |
| | 5. | Hajah Rahazawati binti Abdul Hamid<br>Pengarah Bahagian Pengurusan Pelaburan<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 6. | Marcellinus Andreas<br>Pengarah Bahagian Audit Koperasi<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 7. | Datuk Mohd Ali bin Mansor<br>Institut Koperasi Malaysia (IKMa) |
| | 8. | Hasrin bin Ismail<br>Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad |

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

### MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)

**AHLI JAWATANKUASA (SAMBUNGAN)**

9. Dato' Abdul Basir bin Ahmad
   (Mulai 30 September 2023)
   Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad

10. Datuk Mohd Irwan bin Mohd Mubarak
    (Mulai 30 September 2023)
    Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

11. Mejar Jeneral Roba'i bin Rahmat
    (Mulai 30 September 2023)
    Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad

12. Syahrudin bin Hanib
    (Sehingga 29 September 2023)
    Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi MARA Berhad

13. Haji Mohd Damanhuri bin Mohd Jamli
    (Sehingga 29 September 2023)
    Koperasi Ladang Berhad

**PEJABAT BERDAFTAR**

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

**JURUAUDIT**

MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)
Akauntan Bertauliah (M)
No. 8-3B, Tingkat 3 Plaza Citra, Jalan Citra
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

**BANK UTAMA**

CIMB Bank Berhad
Wisma UOA II, No 6, Changkat Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

CIMB Bank Berhad
Lorong Api-Api
88000 Kota Kinabalu,Sabah

CIMB Bank Berhad
Wisma Satok, Jalan Satok
93400 Kuching, Sarawak

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Jalan Tangsi, Bangunan Bank Rakyat
Tingkat Bawah, Cawangan Jalan Tangsi
50480 Kuala Lumpur

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

## PENYATA AHLI JAWATANKUASA

Kami, Rusli bin Jaafar dan Siti Azlin binti Ahmad Dauta iaitu dua orang daripada Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para ahli jawatankuasa, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Jawatankuasa

**RUSLI BIN JAAFAR**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA**
Naib Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi dan Kawal Selia)
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah

No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

4

MNC
MOHD NIZARUDDIN & CO.
Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (Suruhanjaya), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 46.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan, dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010.

### Asas Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan *(Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements)* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Professional) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Jawatankuasa adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010 di Malaysia. Para Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Jawatankuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para ahli jawatankuasa berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Jawatankuasa pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)

MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 02102/10/2024 J
Akauntan Bertauliah

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406019

8

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023 | 2022 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 5 | 274,522,630 | 253,094,905 |
| Caruman belum diterima | 6 | 507,218 | 807,339 |
| Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi | 7 | 574,496 | 707,022 |
| Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 8 | 13,102,595 | 18,797,754 |
| Pelbagai penghutang | 9 | 4,083,961 | 2,010,316 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 292,790,900 | 275,417,336 |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi | 7 | 61,230 | 105,771 |
| Hartanah, loji dan peralatan | 10 | 114,306,993 | 116,869,100 |
| Hartanah pelaburan | 11 | 2,656,573 | 2,719,825 |
| Kerja dalam kemajuan | 12 | 4,582,101 | 2,004,101 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 121,606,897 | 121,698,797 |
| **Jumlah Aset** | | **414,397,797** | **397,116,133** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Caruman terdahulu | 13 | 492,737 | 452,471 |
| Pelbagai pemiutang | 14 | 1,686,277 | 945,835 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 2,179,014 | 1,398,306 |
| **Jumlah Liabiliti** | | **2,179,014** | **1,398,306** |
| **Aset Bersih** | | **412,218,783** | **395,717,827** |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan Wang Terkumpul | | 412,218,783 | 395,717,827 |
| | | **412,218,783** | **395,717,827** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

9

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 | 2022 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| **Hasil** | | | |
| ***Urus niaga bukan pertukaran*** | | | |
| Caruman dari koperasi | 15 | 56,770,368 | 53,297,151 |
| Caj ta'widh (denda lewat) | | - | 43 |
| ***Urus niaga pertukaran*** | | | |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Akaun Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | | 703,935 | 939,094 |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | | 10,509,238 | 6,114,512 |
| Keuntungan atas akaun semasa | | 48,589 | 44,819 |
| Keuntungan atas pinjaman Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi | | 2,484 | 5,178 |
| Sewaan bangunan menara SKM | | 518,980 | 487,080 |
| Sewaan bangunan Trigon | | 174,000 | 174,000 |
| | | 68,727,594 | 61,061,877 |
| ***Lain-lain pendapatan*** | | | |
| Pembalikan elaun rosotnilai | | 532,169 | 31,497 |
| Pelbagai bayaran balik | | 163,419 | - |
| Pelbagai terimaan | | 49,688 | 87,851 |
| **Jumlah hasil** | | **69,472,870** | **61,181,225** |
| **Tolak: Belanja** | | | |
| Bayaran audit - fi | | 17,500 | 17,500 |
| Bayaran audit - lain-lain caj: | | | |
| - Caj semasa | | 2,226 | 1,862 |
| Bayaran caj pengurusan dana | | 3,755,520 | 3,391,590 |
| Baki bawa ke hadapan | | 3,775,246 | 3,410,952 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023 | 2022 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| **Tolak: Belanja (Sambungan)** | | | |
| Belanja pengurusan Kumpulan Wang Amanah | | 32,520 | 41,960 |
| Biasiswa IPTA/IPTS | | 79,969 | 88,889 |
| Caj bank | | 959 | 1,040 |
| Cukai tanah dan taksiran | | 17,688 | 27,734 |
| Elaun rosotnilai | | 128,093 | 20,007 |
| Geran belanja mengurus Institut Koperasi Malaysia (IKMa) | 16 | 22,000,000 | 15,800,000 |
| Lain-lain belanja | | - | 31,915 |
| Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi | 17 | 15,300,000 | 13,367,125 |
| Mesyuarat dan Jawatankuasa Khas Koperasi Peringkat Nasional | 18 | 1,869,394 | 2,012,713 |
| Pempromosian koperasi | | 3,090,949 | 2,615,891 |
| Pemerkasaan akaun koperasi | | 483,762 | 510,730 |
| Penyelenggaraan aset milik KWAPd | | 1,665,824 | 1,461,223 |
| Perhubungan awam gerakan koperasi | | 1,306,835 | 3,092,455 |
| Program penyiasatan dan tadbir urus koperasi | | 301 | - |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 3,157,122 | 3,113,638 |
| Susutnilai hartanah pelaburan | | 63,252 | 63,252 |
| | | 49,196,668 | 42,248,572 |
| **Jumlah Belanja** | | **52,971,914** | **45,659,524** |
| **Lebihan bagi tahun** | | **16,500,956** | **15,521,701** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Kumpulan Wang Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Baki pada 1 Januari 2022** | 380,196,126 | 380,196,126 |
| Lebihan bagi tahun | 15,521,701 | 15,521,701 |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | **395,717,827** | **395,717,827** |
| **Baki pada 1 Januari 2023** | 395,717,827 | 395,717,827 |
| Lebihan bagi tahun | 16,500,956 | 16,500,956 |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **412,218,783** | **412,218,783** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | 2023<br>RM | *Seperti Dinyatakan Semula*<br>2022<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:** | | |
| Lebihan bagi tahun | 16,500,956 | 15,521,701 |
| Pelarasan untuk: | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 3,157,122 | 3,113,638 |
| Susutnilai hartanah pelaburan | 63,252 | 63,252 |
| Keuntungan atas pinjaman Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi | (2,484) | (5,178) |
| Pembalikan elaun rosot nilai | (532,169) | (31,497) |
| Tambahan elaun rosot nilai | 128,093 | 20,007 |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | (10,509,238) | (6,114,512) |
| Keuntungan atas akaun semasa | (48,589) | (44,819) |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Akaun Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | (703,935) | (939,094) |
| **Tunai dihasilkan sebelum perubahan dalam modal kerja** | **8,053,008** | **11,583,498** |
| Perubahan bersih: | | |
| Pinjaman Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi | 89,183 | 162,585 |
| Pembiayaan kepada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 5,460,000 | 8,197,600 |
| Caruman belum terima | 809,565 | 548,349 |
| Pelbagai penghutang | (100,147) | (27,022) |
| Caruman terdahulu | 40,266 | (103,970) |
| Pelbagai pemiutang | 740,442 | 397,223 |
| **Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi** | **15,092,317** | **20,758,263** |
| Keuntungan atas akaun semasa | 48,589 | 44,819 |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Akaun Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 939,094 | 1,329,186 |
| **Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi** | **16,080,000** | **22,132,268** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

| | 2023 | *Seperti Dinyatakan Semula* 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN:** | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (595,015) | (195,081) |
| Penambahan kerja dalam kemajuan | (2,578,000) | (1,830,401) |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | 8,520,740 | 6,395,117 |
| **Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan** | **5,347,725** | **4,369,635** |
| | | |
| **Peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai** | 21,427,725 | 26,501,904 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 253,094,905 | 226,593,001 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **274,522,630** | **253,094,905** |
| | | |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 274,215,000 | 250,368,000 |
| Tunai di bank | 307,630 | 2,726,905 |
| | **274,522,630** | **253,094,905** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Jumlah Bajet | | Jumlah Sebenar | Varian Bajet | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | | | |
| | RM | RM | RM | RM | % |
| **Pembayaran** | | | | | |
| Belanja Pengurusan KWA | 354,480 | 54,480 | 51,882 | 2,598 | 5% |
| Biasiswa IPTA/IPTS | 220,000 | 220,000 | 79,969 | 140,031 | 64% |
| Caj Pengurusan Dana | 3,345,520 | 3,755,520 | 3,755,520 | - | 0% |
| Geran Belanja Mengurus IKMa | 22,000,000 | 22,000,000 | 22,000,000 | - | 0% |
| Pempromosian Koperasi | 4,041,695 | 4,041,695 | 3,090,949 | 950,746 | 24% |
| Pemerkasaan Akaun Koperasi | 618,068 | 618,068 | 483,762 | 134,306 | 22% |
| Mesyuarat dan Jawatankuasa Khas Koperasi | 3,553,271 | 3,553,271 | 1,869,394 | 1,683,877 | 47% |
| Perhubungan Awam Gerakan Koperasi | 4,019,970 | 3,609,970 | 1,306,835 | 2,303,136 | 64% |
| Program Penyiasatan dan Tadbir Urus Koperasi | 32,000 | 32,000 | 301 | 31,699 | 99% |
| Penyelenggaran Aset Milik KWAPd | 2,813,060 | 2,813,060 | 1,769,062 | 1,043,998 | 37% |
| Penyeliaan Koperasi | 6,500,000 | 6,500,000 | 6,500,000 | - | 0% |
| Pembangunan Kapasiti | 1,100,000 | 1,400,000 | 1,300,000 | 100,000 | 7% |
| Pembangunan Modal Insan | 8,677,837 | 8,677,837 | 7,500,000 | 1,177,837 | 14% |
| **Jumlah keseluruhan** | **57,275,901** | **57,275,901** | **49,707,674** | | |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

15

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| Pembayaran | Varian | Ulasan |
|---|---|---|
| Biasiswa IPTA/IPTS | -64% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagiannya adalah disebabkan oleh penggunaan dana biasiswa tertakluk kepada jumlah komitmen kelayakan yuran dan kategori pengajian dalam tempoh satu (1) tahun sepanjang pengajian penerima biasiswa. Penggunaan dana biasiswa adalah berdasarkan kepada jumlah sebenar invois/ bil pengajian yang dikemukakan. |
| Program Majlis Perundingan Koperasi | -47% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagiannya adalah disumbangkan oleh Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK) hanya dilaksanakan satu kali sahaja dan Majlis Perundingan Koperasi Negeri (MPKN) hanya dilaksanakan di enam (6) buah negeri bagi tahun 2023. Pengurangan ini juga adalah disebabkan oleh Majlis Pembangunan Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah (MPUKPPD) hanya dilaksanakan di Negeri Sabah yang merupakan negeri rintis dan negeri pertama pelaksanaan MPUKPPD. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelaksana Pembangunan Sosioekonomi Koperasi dan Kajian Pembangunan Outcome/ Impak Bantuan telah diadakan secara dalaman. |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| Pembayaran | Varian | Ulasan |
|---|---|---|
| Perhubungan Awam Gerakan Koperasi | -64% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagiannya adalah disumbangkan oleh pengurangan penggunaan dana bagi sub bajet Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu lantikan bermula pada 1 Julai 2023. Perbelanjaan bagi pelan Promosi dan Publisiti untuk Hari Koperasi Negara (HKN 2023) telah diselaraskan di bawah bajet HKN 2023 bagi Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) – Skop Utama Program: Pembangunan Gerakan Koperasi Nasional. Promosi Publisiti Tahun 2023 juga menggunakan sebahagian daripada baki peruntukan 100 Tahun Gerakan Koperasi Tahun 2022. |
| Program Penyiasatan Dan Tadbir Urus Koperasi | -99% | Jumlah sebenar dan jumlah bajet mengalami pengurangan sebahagian besar adalah disebabkan oleh operasi serbuan adalah tertakluk kepada keperluan, aduan dan salah laku yang dilakukan oleh koperasi dan bukan dirancang. Penggunaan dana bagi operasi serbuan menjadi pengurangan disebabkan oleh pelaksanaan pada bulan Ramadhan yang tidak melibatkan kos makanan, saksi dan tahanan. Penyampaian Perintah kepada beberapa koperasi dilaksanakan di Pejabat SKM Cawangan Negeri dan Wilayah Negeri yang tidak memerlukan kawalan Polis Diraja Malaysia serta memadai dengan kehadiran Inspektor Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan. |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

17

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi telah ditubuhkan di bawah peruntukan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dan Peraturan - Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini diwujudkan adalah untuk membiayai program dan aktiviti yang akan dilaksanakan mana – mana atau kesemua maksud seperti yang terdapat di Peraturan 4, Peraturan – Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010.

Penetapan peratusan bagi pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) adalah berdasarkan kuasa yang ditetapkan di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 melalui Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa.

Sehingga 31 Disember 2023, penetapan pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) adalah sebanyak 2% daripada untung bersih teraudit koperasi selaras dengan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 1 Tahun 2021 iaitu berkaitan Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) yang bertarikh 13 April 2021. Arahan tersebut telah memberi pengecualian kepada koperasi – koperasi yang untung bersih terauditnya kurang daripada RM50,000 mulai tahun berakhir 31 Disember 2021. Selain dari itu, koperasi sekolah juga adalah dikecualikan daripada pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd).

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dalam tahun kewangan semasa.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024.**

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) Peraturan – Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010 melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Piawaian baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

i. *MPSAS 1* : *Presentation of Financial Statements*
ii. *MPSAS 2* : *Cash Flow Statements*
iii. *MPSAS 3* : *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors*
iv. *MPSAS 9* : *Revenue From Exchange Transactions*
v. *MPSAS 13* : *Leases*
vi. *MPSAS 14* : *Events After The Reporting Date*
vii. *MPSAS 16* : *Investment Property*
viii. *MPSAS 17* : *Property, Plant and Equipment*
ix. *MPSAS 19* : *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*
x. *MPSAS 20* : *Related Party Disclosure*
xi. *MPSAS 21* : *Impairment of Non-Cash-Generating Assets*
xii. *MPSAS 23* : *Revenue From Non-Exchange Transactions Taxes & Transfers*
xiii. *MPSAS 24* : *Presentation of Budget Information in Financial Statements*
xiv. *MPSAS 26* : *Impairment of Cash-Generating Assets*
xv. *MPSAS 28* : *Financial Instruments: Presentation*
xvi. *MPSAS 29* : *Financial Instruments : Recognition And Measurement*
xvii. *MPSAS 30* : *Financial Instruments: Disclosure*

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan di atas dalam penyata kewangan tahun semasa.

Suruhanjaya berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

### 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua item-item hartanah, loji dan peralatan pada awalnya direkod pada kos. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun buku aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana berpatutan, hanya apabila manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan bersangkutan dengan item tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai buku bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua penyelenggaraan dan membaik pulih dicaj ke penyata prestasi kewangan dalam tahun kewangan di mana ianya dibelanjakan.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Dasar pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah mengikut dasar kemerosotan aset. Susutnilai bagi harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :

| | **Kadar** |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Kenderaan | 20% |
| Peralatan Pejabat | 20% |
| Komputer | 20% |
| Kelengkapan Keselamatan lain | 20% |
| Alat kelengkapan hawa dingin | 20% |
| Lif | 5% |
| Aset infrastruktur – sistem perpaipan | 5% |

Susutnilai aset bermula apabila aset tersedia untuk digunakan, iaitu apabila aset berada di lokasi dan dalam keadaan yang perlu untuk membolehkan aset beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Tiada susutnilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas.

Nilai baki, jangka hayat dan kaedah susut nilai aset dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan bagi memastikan mereka menggambarkan anggaran manfaat – manfaat ekonomi masa depan dan potensi perkhidmatan yang dikecapi dari aset – aset tersebut. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penjualan sesuatu aset ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan penjualan bersih yang dianggarkan dan nilai dibawa, dan akan direkodkan dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.2 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua – duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh permerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul (jika ada).

Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan, Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

Kadar susutnilai tahunan bagi hartanah pelaburan adalah 2%.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan hendaklah ditentukan sebagai perbezaan antara terimaan pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset tersebut, dan hendaklah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan semasa tempoh penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah itu.

### 3.3 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.4 Aset Kewangan (sambungan)

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai.

Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa – apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Pelaburan Dipegang Hingga Matang*

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos penulasan dikira dengan mengambil kira apa – apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan pelaburan Al-Mudharabah yang mempunyai tempoh matang kurang daripada setahun dan tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

### 3.5 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.5 Liabiliti Kewangan (sambungan)

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.6 Pengiktirafan Hasil

3.6.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

*Caruman dari Koperasi*

Caruman dari koperasi diiktiraf dalam penyata kewangan berdasarkan kaedah akruan dan dilaraskan dengan terlebih atau terkurang caruman.

*Denda Lewat (Caj Ta'widh)*

Denda lewat (caj ta'widh) diiktiraf ke dalam penyata kewangan semasa apabila hak untuk menerima denda lewat tersebut telah dipastikan kerana gantirugi kelewatan pembayaran yang dikira dari tarikh ansuran kena dibayar sehingga bayaran diterima oleh Suruhanjaya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.6 Pengiktirafan Hasil (sambungan)

3.6.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

*Keuntungan atas Pelaburan*

Pelaburan Suruhanjaya terdiri daripada pelaburan Al-Mudharabah, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) dan Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi (TPSMK-Suntik).

Keuntungan atas pelaburan diiktiraf di dalam penyata kewangan mengikut kaedah perkadaran masa dengan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

*Hasil Sewa*

Hasil sewa diiktiraf mengikut tempoh penyewaan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

*Keuntungan atas Akaun Semasa*

Keuntungan atas akaun semasa akan diiktiraf di dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

### 3.7 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

**(i) Aset Penjanaan Tunai**

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset – asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.7 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

(i) **Aset Penjanaan Tunai (sambungan)**

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan yang boleh diperolehi semula sekiranya aset dicairkan, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

(ii) **Aset Penjanaan Bukan Tunai**

Suruhanjaya akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Suruhanjaya akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Suruhanjaya telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai.

Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.7 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

#### (ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai (sambungan)

Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyate prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

### 3.8 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah merujuk kepada kerja-kerja modal yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun. Kos-kos bagi kerja ini akan dipermodalkan apabila ia telah selesai sepenuhnya. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

### 3.9 Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

i. kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

ii. pembayaran tertunggak

iii. kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

iv. data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.9 Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

### 3.10 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 3.11 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### 3.12 Maklumat Bajet

Suruhanjaya menyediakan bajet secara dalaman bagi kumpulan wang ini. Bajet ini disediakan untuk tujuan memantau prestasi kumpulan wang ini. Walau bagaimanapun, bajet kumpulan wang ini tidak didedahkan secara umum.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.13 Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan ini kecuali yang dinyatakan di bawah:

*Penentuan Hartanah Pelaburan*

Sebahagian daripada hartanah Suruhanjaya adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya manakala sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Suruhanjaya akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

*Penentuan Kerugian Rosotnilai Aset Kewangan*

Suruhanjaya mengiktiraf kerugian rosotnilai bagi aset-aset kewangannya dengan menggunakan model kerugian yang telah berlaku (incurred loss model). Mana-mana siberhutang yang signifikan akan disemak secara berasingan bagi melihat keperluan untuk membuat rosotnilai dengan cara menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Manakala siberhutang yang lain pula akan disemak secara berkumpulan mengikut risiko kredit dengan menggunakan pengalaman yang lepas, hutang yang telah melangkaui tempoh dan keadaan ekonomi semasa.

*Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dan Hartanah Pelaburan*

Sesuatu kos aset akan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu aset itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.13 Pajakan

**Sebagai Pemberi Pajak**

Pajakan-pajakan dimana Suruhanjaya secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan aset bagi aset tersebut diklasifikasikan sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan hasil sewa. Dasar perakaunan bagi hasil sewa dibentang dalam Nota 3.6.2.

### 3.14 Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya, atau sebaliknya.

### 3.15 Ekuiti

Ekuiti adalah faedah sisa dalam aset selepas menolak semua liabiliti Suruhanjaya.

## 4. NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi pada tarikh penyata kedudukan kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai tempoh masa yang pendek.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Tunai di bank | a) | 307,630 | 2,726,905 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | b) | 274,215,000 | 250,368,000 |
| | | **274,522,630** | **253,094,905** |

### a) Tunai di bank

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| CIMB Bank Berhad (Bayaran) | 164,665 | 108,359 |
| CIMB Bank Berhad (Terimaan) | 3,650 | 2,495,296 |
| CIMB Bank Berhad (Pelaburan) | 165 | 852 |
| CIMB Bank Berhad (Sabah) | 3,889 | 8,795 |
| CIMB Bank Berhad (Sarawak) | 4,139 | 28,162 |
| CIMB Islamic Bank Berhad (Bayaran) | 976 | 985 |
| CIMB Islamic Bank Berhad (Terimaan) | 976 | 985 |
| CIMB Islamic Bank Berhad (Sabah) | 1,136 | 985 |
| CIMB Islamic Bank Berhad (Sarawak) | 976 | 985 |
| CIMB Islamic Bank Berhad (Pelaburan) | 1,000 | - |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Terimaan) | 126,058 | 81,501 |
| | 307,630 | 2,726,905 |

### b) Pelaburan Al-Mudharabah

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd | 11,550,000 | 7,700,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 13,593,000 | 73,920,000 |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad | 120,449,000 | 18,200,000 |
| KAF Investment Bank Berhad | 877,000 | - |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad | 68,357,000 | 77,100,000 |
| Kuwait Finance House Malaysia Berhad | 17,056,000 | 37,050,000 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)

### b) Pelaburan Al-Mudharabah

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| MBSB Bank Berhad | 15,282,000 | 5,000,000 |
| MIDF Amanah Investment Bank Berhad | 15,888,000 | 31,398,000 |
| RHB Bank Berhad | 11,163,000 | - |
| | 274,215,000 | 250,368,000 |

Pelaburan Al-Mudharabah dibuat untuk pelbagai tempoh antara 1 bulan sehingga 12 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Suruhanjaya, dan memperoleh keuntungan pada kadar pelaburan Al-Mudharabah. Purata wajaran kadar faedah berkesan pada 31 Disember 2023 adalah 3.83% setahun (2022: 2.44% setahun).

## 6. CARUMAN BELUM TERIMA

Caruman belum terima merupakan urus niaga bukan pertukaran belum terima.

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Caruman koperasi Semenanjung | 1,086,094 | 1,921,522 |
| Caruman koperasi Sabah | 252,253 | 189,477 |
| Caruman koperasi Sarawak | 43,221 | 83,744 |
| | 1,381,568 | 2,194,743 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | (874,350) | (1,387,404) |
| | **507,218** | **807,339** |

Analisa pengumuran caruman belum terima pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Semasa | - | - |
| Kurang 1 tahun | 258,737 | 354,615 |
| 1 hingga 3 tahun | 64,828 | 261,537 |
| 3 hingga 6 tahun | 121,747 | 99,719 |
| Lebih 6 tahun | 936,256 | 1,478,872 |
| | 1,381,568 | 2,194,743 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 6. CARUMAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

Butiran pergerakan akaun elaun rosotnilai adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 1,387,404 | 1,400,117 |
| Pelarasan dalam tahun | (3,610) | (1,223) |
| Tambahan dalam tahun | 22,725 | 20,007 |
| Pembalikan dalam tahun | (532,169) | (31,497) |
| Baki pada 31 Disember | 874,350 | 1,387,404 |

## 7. TABUNG PINJAMAN SUNTIKAN MODAL KOPERASI

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Tempoh pembayaran balik adalah seperti berikut: | | |
| - Dibayar dalam tempoh setahun | 574,496 | 707,022 |
| - Selepas setahun dan tidak melebihi lima tahun | 61,230 | 105,771 |
| | **635,726** | **812,793** |
| | | |
| Baki pada 1 Januari | 812,793 | 970,200 |
| Keuntungan diterima atas pinjaman | 2,484 | 5,178 |
| | 815,277 | 975,378 |
| Pembayaran balik pinjaman dalam tahun semasa | (89,183) | (162,585) |
| Pindahan ke pelbagai penghutang (Nota 9) | (16,500) | - |
| Elaun rosotnilai | (73,868) | - |
| Baki pada 31 Disember | 635,726 | 812,793 |

Ringkasan kepada Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi (TPSMK-Suntik) adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pinjaman | 709,594 | 812,793 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | (73,868) | - |
| | 635,726 | 812,793 |

Butiran pergerakan akaun elaun rosotnilai adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | - | - |
| Tambahan dalam tahun | 73,868 | - |
| Baki pada 31 Disember | 73,868 | - |

33

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 7. TABUNG PINJAMAN SUNTIKAN MODAL KOPERASI (SAMBUNGAN)

Tabung Pinjaman Suntikan Modal Koperasi (TPSMK-Suntik) ini diwujudkan adalah bertujuan untuk memperkasakan koperasi di bawah program atau projek pengukuhan dan pembangunan koperasi.

Peruntukan sebanyak RM10,000,000 untuk TPSMK-Suntik telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (Bil. 1/2016) pada 19 Februari 2016.

## 8. TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Dana dipinjamkan ke Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) | (a) | 11,846,200 | 17,306,200 |
| Agihan pendapatan bersih daripada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) | (b) | 1,256,395 | 1,491,554 |
| | | **13,102,595** | **18,797,754** |

a) **Dana dipinjamkan ke Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK)**

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 17,306,200 | 25,503,800 |
| Pengurangan dalam tahun | (5,460,000) | (8,197,600) |
| Baki pada 31 Disember | 11,846,200 | 17,306,200 |

b) **Agihan pendapatan bersih dari Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK)**

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 1,491,554 | 1,881,646 |
| Tambahan dalam tahun | 703,935 | 939,094 |
| Penerimaan tahun semasa | (939,094) | (1,329,186) |
| Baki pada 31 Disember | 1,256,395 | 1,491,554 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT (SAMBUNGAN)

Tabung Pinjaman Koperasi Kredit ini merupakan Tabung Pinjaman yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb). Jawatankuasa Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) telah ditubuhkan untuk pengurusan permohonan dan kelulusan pinjaman. Dana tersebut akan dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Peruntukan sebanyak RM50,000,000 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Bil. 2/2010 pada 26 Oktober 2010. Manakala tambahan peruntukan sebanyak RM30,000,000 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil. 2/2015 pada 3 Disember 2015 untuk dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Pindahan sementara dana berjumlah RM14,000,000 dari Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) ke Akaun Induk Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi telah diluluskan oleh Ybhg. Timbalan Pengerusi Eksekutif pada 6 Jun 2018 bagi tujuan pelaburan.

Datuk Pengerusi Eksekutif melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil.22/2019 bertarikh 23 Mei 2019 telah mengarahkan lebihan tunai yang terkumpul di akaun semasa Tabung Pinjaman Koperasi Kredit hendaklah dipindahkan semula ke akaun induk di Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) bagi tujuan pemulangan modal dan pelaburan.

Keuntungan atas pinjaman TPKK dikenakan pada kadar 1% hingga 6% berdasarkan jumlah pinjaman yang diluluskan.

## 9. PELBAGAI PENGHUTANG

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pelbagai penghutang terdiri daripada: | | | |
| Urus niaga pertukaran belum terima | (a) | 4,079,426 | 2,008,658 |
| Urus niaga bukan pertukaran belum terima | (b) | 4,535 | 1,658 |
| | | **4,083,961** | **2,010,316** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 9. PELBAGAI PENGHUTANG (SAMBUNGAN)

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| a) **Urus niaga pertukaran belum terima:** | | | |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah belum terima | | 3,825,996 | 1,837,498 |
| Penghutang TPSMK- Suntik (Nota 7) | | 16,500 | - |
| Penghutang sewaan | (i) | 236,930 | 171,160 |
| | | 4,079,426 | 2,008,658 |
| (i) Penghutang sewaan | | | |
| Baki pada 31 Disember | | 268,430 | 171,160 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | | (31,500) | - |
| Baki bersih pada 31 Disember | | 236,930 | 171,160 |
| Butiran pergerakan akaun elaun rosotnilai adalah seperti berikut: | | | |
| Baki pada 1 Januari | | - | - |
| Tambahan dalam tahun | | 31,500 | - |
| Baki pada 31 Disember | | 31,500 | - |
| b) **Urus niaga bukan pertukaran belum terima:** | | | |
| Penghutang pelbagai | | 4,535 | 1,658 |

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah | Bangunan | Kenderaan | Peralatan Pejabat | Komputer | Kelengkapan Keselamatan Lain | Alat Kelengkapan Hawa Dingin | Lif | Aset Infrastruktur | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Nilai dibawa** | | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2023 | 1,125,220 | 110,737,023 | 1 | 258,932 | 102,280 | 1 | 6,117 | 2,651,803 | 1,987,722 | 116,869,100 |
| Tambahan | - | - | - | 530,815 | 64,200 | - | - | - | - | 595,015 |
| Susutnilai semasa | - | (2,700,903) | - | (132,530) | (51,763) | - | (5,509) | (155,988) | (110,429) | (3,157,122) |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **1,125,220** | **108,036,120** | **1** | **657,217** | **114,717** | **1** | **608** | **2,495,815** | **1,877,293** | **114,306,993** |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | | | | | | | | | | |
| Kos | 1,125,220 | 135,045,150 | 603,959 | 1,298,377 | 380,259 | 3,100 | 32,740 | 3,119,770 | 2,208,580 | 143,817,156 |
| Susutnilai terkumpul | - | (27,009,030) | (603,958) | (641,160) | (265,542) | (3,099) | (32,132) | (623,955) | (331,287) | (29,510,163) |
| Nilai dibawa | 1,125,220 | 108,036,120 | 1 | 657,217 | 114,717 | 1 | 608 | 2,495,815 | 1,877,293 | 114,306,993 |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | | | | | | | | | | |
| Kos | 1,125,220 | 135,045,150 | 603,959 | 767,560 | 316,059 | 3,100 | 32,740 | 3,119,770 | 2,208,580 | 143,222,139 |
| Susutnilai terkumpul | - | (24,308,127) | (603,958) | (508,628) | (213,779) | (3,099) | (26,623) | (467,967) | (220,858) | (26,353,039) |
| Nilai dibawa | 1,125,220 | 110,737,023 | 1 | 258,932 | 102,280 | 1 | 6,117 | 2,651,803 | 1,987,722 | 116,869,100 |
| Susutnilai – 2022 | - | 2,700,903 | - | 89,077 | 50,693 | - | 6,547 | 155,989 | 110,429 | 3,113,638 |

37

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah bangunan pegangan bebas yang dibeli dengan harga belian sebanyak RM138,000,000 melalui perjanjian jual beli di antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Alloy Properties Sdn. Bhd. yang bertarikh 15 Mei 2014.

Bahagian Pengurusan Dana dan Pelaburan telah menerima surat kelulusan pembelian Bangunan Shell Malaysia Berhad yang terletak di Lot 51452, Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan daripada YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui surat bilangan KPDN(D&P)(S)26/626/1/6 bertarikh 4 April 2014 dan YB Menteri Kewangan melalui surat bilangan KK/BSBB(S) 10/72-1 Jld.1 sk.4(11) bertarikh 5 Mei 2014.

Manakala, pembelian hartanah pegangan bebas di Lot 4A, Bandar Meru Raya, Mukim Hulu Kinta, Negeri Perak telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil. 1/2012 pada 9 Julai 2012. Perolehan tanah telah dibuat oleh Suruhanjaya pada 21 November 2013 untuk Kompleks Pejabat SKM Negeri Perak.

Aset infrastruktur adalah merujuk kepada sistem perpaipan dalaman milik Suruhanjaya.

## 11. HARTANAH PELABURAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Nilai dibawa** | | |
| Baki pada 1 Januari | 2,719,825 | 2,783,077 |
| Susutnilai semasa | (63,252) | (63,252) |
| **Baki pada 31 Disember** | **2,656,573** | **2,719,825** |
| | | |
| **Baki pada 31 Disember** | | |
| Kos | 3,162,588 | 3,162,588 |
| Susutnilai terkumpul | (506,015) | (442,763) |
| Nilai dibawa | 2,656,573 | 2,719,825 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 11. HARTANAH PELABURAN (SAMBUNGAN)

Hasil sewa yang diperolehi dari hartanah pelaburan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM174,000 (2022:RM 174,000).

Pada pandangan Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya, nilai saksama hartanah pelaburan di atas adalah melebihi nilai bawaannya.

## 12. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Ubahsuai Ruang Kerja** | | |
| Baki pada 1 Januari | 2,004,101 | 173,700 |
| Tambahan dalam tahun | 2,578,000 | 1,830,401 |
| Baki pada 31 Disember | **4,582,101** | **2,004,101** |

## 13. CARUMAN TERDAHULU

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Caruman koperasi Semanjung | 467,266 | 423,167 |
| Caruman koperasi Sabah | 4,185 | 3,188 |
| Caruman koperasi Sawarak | 21,286 | 26,116 |
| | **492,737** | **452,471** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 14. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pelbagai pemiutang terdiri daripada: | | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | **1,686,277** | **945,835** |
| Urus niaga pertukaran belum bayar: | | |
| Bayaran audit – Fi | 17,500 | 17,500 |
| Bayaran audit – Lain-lain | 2,226 | 1,862 |
| Caruman tidak dapat dikenalpasti | - | 4,060 |
| Deposit diterima | 65,380 | 64,800 |
| Lain – lain perbelanjaan terakru | 1,269,441 | 563,332 |
| Lain-lain pemiutang | 79,950 | 94,101 |
| Wang jaminan pelaksanaaan | 251,780 | 200,180 |
| | 1,686,277 | 945,835 |

## 15. CARUMAN DARI KOPERASI

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Caruman dari koperasi Semenanjung | 55,854,688 | 52,357,857 |
| Caruman dari koperasi Sabah | 485,415 | 420,550 |
| Caruman dari koperasi Sarawak | 430,265 | 518,744 |
| | **56,770,368** | **53,297,151** |

Caruman ini merupakan caruman 2% daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperolehi oleh setiap koperasi selaras dengan Arahan Suruhanjaya yang telah dikeluarkan dibawah peruntukan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) [Akta 502], Peraturan 3, Peraturan – Peraturan Koperasi (Koperasi Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi) 2010.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 16. BELANJA MENGURUS INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bayaran suku tahun pertama | 5,500,000 | 4,000,000 |
| Bayaran suku tahun kedua | 5,500,000 | 4,000,000 |
| Bayaran suku tahun ketiga | 5,500,000 | 4,000,000 |
| Bayaran suku tahun keempat | 5,500,000 | 3,800,000 |
| | **22,000,000** | **15,800,000** |

Peruntukan Geran Belanja Mengurus Institut Koperasi Malaysia (IKMa) berjumlah RM22,000,000 pada tahun 2023 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) Bilangan 3/2022 bertarikh 23 November 2022.

## 17. PEMBERIAN KEPADA KUMPULAN WANG OPERASI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Penyeliaan koperasi | 6,500,000 | 7,000,000 |
| Pembangunan modal insan koperasi | 7,500,000 | 5,067,125 |
| Pembangunan kapasiti | 1,300,000 | 1,300,000 |
| | **15,300,000** | **13,367,125** |

Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi pada tahun 2023 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Bilangan 3/2022 bertarikh 23 November 2022.

Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Bilangan 2/2023 bertarikh 25 Ogos 2023, telah bersetuju dan meluluskan peruntukan tambahan KWAPd dibawah Skop Utama Program: Pembangunan Kapasiti dengan jumlah siling peruntukan RM300,000 bagi membiayai program atau latihan dalam tempoh suku akhir tahun 2023.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 18. MESYUARAT DAN JAWATANKUASA KHAS KOPERASI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Mesyuarat dan Jawatankuasa Khas Koperasi Peringkat Nasional | 1,788,475 | 1,177,170 |
| Mesyuarat dan Jawatankuasa Khas Koperasi Peringkat Negeri | 80,919 | 835,543 |
| | **1,869,394** | **2,012,713** |

## 19. KOMITMEN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Modal** | | |
| Ubahsuai ruang kerja | **1,207,544** | **3,325,094** |

Komitmen modal adalah merujuk kepada baki kos kerja-kerja pengubahsuaian ruang kerja.

## 20. PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti – aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi merupakan pihak pengurusan utama.

Jumlah ganjaran yang dibayar kepada pihak pengurusan utama di dalam tahun semasa adalah RM3,600 (2022: RM4,200).

## 21. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

*Risiko Kredit*

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendekatan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi baki di bank dan pelaburan Al-Mudharabah, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERAS**
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 21. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

*Risiko Kredit (sambungan)*

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik.

*Risiko Kecairan*

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana Suruhanjaya. Risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Suruhanjaya pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | **Dalam tempoh setahun RM** | **Jumlah RM** |
|---|---|---|
| Pada 31 Disember 2023 | | |
| Pelbagai pemiutang | 1,686,277 | **1,686,277** |
| Pada 31 Disember 2022 | | |
| Pelbagai pemiutang | 945,835 | **945,835** |

*Risiko Kadar Faedah*

Suruhanjaya terdedah kepada risiko kadar faedah kerana Suruhanjaya melabur dana pada kadar faedah tetap. Risiko ini diuruskan di peringkat Suruhanjaya mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko.

Suruhanjaya tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

*Pengurusan Risiko Modal*

Objektif utama pengurusan modal Suruhanjaya adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya, termasuk perbelanjaan modal untuk memastikan bahawa Suruhanjaya kekal kukuh dari segi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 22. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK)** | | |
| Agihan pendapatan bersih diterima | **703,935** | **939,094** |
| | | |
| **Kumpulan Wang Operasi** | | |
| Caj pengurusan dana | (3,755,520) | (3,391,590) |
| Pemberian | (15,300,000) | (13,367,125) |
| | **(19,055,520)** | **(16,758,715)** |

## 23. PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Bajet tahun 2023 telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil.6/2022 pada 22 Disember 2022 dan disyorkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil.3/2022 bertarikh 23 November 2022. Peruntukan yang diluluskan sebanyak RM57,275,901 (termasuk baki 2022 yang dibawa ke hadapan) bagi tujuan pembayaran perbelanjaan berkaitan program-program yang dilaksanakan di bawah Skop Utama Program.

Peruntukan tambahan bagi Skop Utama Program: Pembangunan Kapasiti berjumlah RM300,000 bagi membiayai program/ latihan dalam tempoh suku akhir tahun 2023 adalah daripada pelarasan peruntukan sedia ada di bawah Skop Utama Program: Pengurusan KWAPd telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil.2/2023 bertarikh 25 Ogos 2023. Peruntukan ini tidak melibatkan peruntukan tambahan baharu.

Peruntukan tambahan bagi Skop Utama Program: Pengurusan KWAPd berjumlah RM410,000 bagi membiayai caj pengurusan dana Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dan pelarasan peruntukan sedia ada daripada Skop Utama Program: Perhubungan Awam Gerakan Koperasi telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil.3/2023 bertarikh 4 Disember 2023. Peruntukan ini tidak melibatkan peruntukan tambahan baharu.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 23. PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)

Belanjawan dan penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia disediakan dengan menggunakan asas tunai berbanding dengan Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan. Pembentangan bajet ini melibatkan perbelanjaan berkaitan program-program sahaja dan ianya tidak termasuk belanja pentadbiran dan tiada pelarasan dan pengelasan perlu dibuat bagi tujuan perbandingan. Lebihan atau varian bajet akhir berbanding perbelanjaan sebenar disebabkan:

(i) Bajet yang diperuntukkan merupakan projek berterusan dan melangkaui tahun seperti Ubahsuai Menara SKM;

(ii) Baki peruntukan yang diluluskan dalam tahun semasa untuk dibawa ke tahun 2023 adalah tertakluk kepada baki pada 31 Disember 2022 atau jumlah kontrak yang telah diluluskan; dan

(iii) Penetapan dasar perbelanjaan berhemah dan langkah penjimatan dilaksanakan menjadi amalan dalam pengurusan penggunaan Kumpulan Wang Amanah (KWA).

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar seperti di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar | 49,707,674 | - | 49,707,674 |
| Perbezaan asas | (33,627,674) | 5,347,725 | (28,279,949) |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | **16,080,000** | **5,347,725** | **21,427,725** |

45

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 24. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun semasa.

| **Penyata Aliran Tunai** | **Seperti diaudit RM** | **Klasifikasi semula RM** | **Seperti dinyatakan semula RM** |
|---|---|---|---|
| Perubahan bersih: | | | |
| Pembiayaan kepada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 8,587,692 | (390,092) | 8,197,600 |
| Agihan pendapatan bersih daripada Akaun Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 939,094 | 390,092 | 1,329,186 |

LAPORAN **TAHUNAN**

2023

# PENYATA KEWANGAN

## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI



## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

### MAKLUMAT KORPORAT

**PENGERUSI**

Rusli bin Jaafar
(Mulai 1 Oktober 2023)
Ketua Pegawai Eksekutif

Rusli bin Jaafar
(Sehingga 3 Mac 2023)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**TIMBALAN PENGERUSI**

Amran bin Haji Abd Kadir
(Mulai 1 Ogos 2023)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Datuk Umar Sarim bin Saidin
(Sehingga 28 Mei 2023)
Timbalan Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**AHLI JAWATANKUASA**

1. Ketua Pegawai Eksekutif
   Suruhanjaya Koperasi Malaysia

2. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
   Suruhanjaya Koperasi Malaysia

3. Siti Azlin binti Ahmad Dauta
   Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)
   Suruhanjaya Koperasi Malaysia

4. Azizul bin Alias
   Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

5. Dato'Haji Che Mohd Shukree bin Che Isa
   Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

6. Datuk Baharom bin Embi
   Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad

7. Mohd Najib bin Haji Mohd Noor
   Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad

8. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik
   (sehingga 29 September 2023)
   Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)**

| | |
|---|---|
| **AHLI JAWATANKUASA (SAMBUNGAN)** | 9. Rahazawati binti Abdul Hamid<br>Pengarah Bahagian Pengurusan Pelaburan<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 10. Marcellinus Andreas<br>Pengarah Bahagian Audit Koperasi<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 11. Dato' Shaharudin bin Mohd Sa'ad<br>(sehingga 29 September 2023)<br>Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad |
| | 12. Dr. Mohd Azlan bin Yahya<br>(sehingga 29 September 2023)<br>Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad |
| **PEJABAT BERDAFTAR** | Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Changkat Semantan<br>Off Jalan Semantan, Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur |
| **JURUAUDIT** | MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)<br>Akauntan Bertauliah<br>No. 8-3B, Tingkat 3 Plaza Citra<br>Jalan Citra, 43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan |
| **BANK UTAMA** | Malayan Banking Berhad<br>Cawangan Utama<br>Tingkat 1, Menara Maybank, Jalan Tun Perak<br>50050 Kuala Lumpur |
| | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad<br>Jalan Tangsi, Bangunan Bank Rakyat<br>Tingkat Bawah, Cawangan Jalan Tangsi<br>50480 Kuala Lumpur |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PENYATA AHLI JAWATANKUASA**

Kami, Rusli bin Jaafar dan Siti Azlin binti Ahmad Dauta iaitu dua orang daripada Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para ahli jawatankuasa, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Jawatankuasa

| | |
|---|---|
| **RUSLI BIN JAAFAR** | **SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA** |
| Ketua Pegawai Eksekutif | Naib Ketua Pegawai Eksekutif |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia | (Operasi dan Kawal Selia) |
| | Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah
No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

4

MNC

**MOHD NIZARUDDIN & CO.**

Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

---

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (Suruhanjaya), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 46.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan, dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010.

### Asas Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan *(Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements)* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Professional) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Jawatankuasa adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Koperasi) 2010 di Malaysia. Para Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Jawatankuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para ahli jawatankuasa berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

6

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Jawatankuasa pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI
(*SAMBUNGAN*)**

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

| | |
|---|---|
| MOHD NIZARUDDIN & CO.<br>AF 1312<br>Akauntan Bertauliah (M) | MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA<br>No. 02102/10/2024 J<br>Akauntan Bertauliah |

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406020

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 RM | *Seperti Dinyatakan Semula* 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 5 | 164,078,877 | 159,620,359 |
| Caruman belum terima | 6 | 239,603 | 400,464 |
| Pelbagai penghutang | 7 | 2,142,867 | 2,327,116 |
| Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 8 | 7,843,051 | 10,283,833 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 174,304,398 | 172,631,772 |
| | | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 9 | 102,406 | 302,435 |
| Hartanah pelaburan | 10 | 5,547,053 | 5,700,934 |
| Aset tak ketara | 11 | 193,673 | 387,345 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 5,843,132 | 6,390,714 |
| **Jumlah Aset** | | 180,147,530 | 179,022,486 |
| | | | |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Caruman terdahulu | 12 | 247,363 | 231,320 |
| Pelbagai pemiutang | 13 | 709,927 | 1,872,615 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 957,290 | 2,103,935 |
| **Aset Bersih** | | 179,190,240 | 176,918,551 |
| | | | |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan wang terkumpul | | 179,190,240 | 176,918,551 |
| **Jumlah Ekuiti** | | 179,190,240 | 176,918,551 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 RM | *Seperti Dinyatakan Semula* 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **Hasil** | | | |
| ***Urus niaga bukan pertukaran*** | | | |
| Caruman dari koperasi | 14 | 28,390,915 | 26,636,538 |
| ***Urus niaga pertukaran*** | | | |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | | 6,528,099 | 4,126,287 |
| Keuntungan atas akaun semasa | | 25,142 | 23,831 |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) | | 301,687 | 402,469 |
| Sewaan bangunan pejabat Jalan Medan Tuanku | | 324,530 | 232,150 |
| | | 35,570,373 | 31,421,275 |
| ***Lain-lain pendapatan*** | | | |
| Pembalikan elaun rosotnilai | | 300,609 | 4,865 |
| Pelbagai terimaan | | 148,359 | - |
| **Jumlah Hasil** | | 36,019,341 | 31,426,140 |
| **Tolak: Belanja** | | | |
| Bayaran caj pengurusan dana | | 2,375,340 | 2,431,740 |
| Belanja pengurusan Kumpulan Wang Amanah | | 18,438 | 6,000 |
| Caj bank | | 1,301 | 1,215 |
| Cukai tanah dan taksiran | | 41,796 | 43,598 |
| Elaun rosotnilai | | 30,275 | 6,662 |
| Pemantauan Audit Koperasi | | 271,750 | 322,802 |
| Pembangunan Perniagaan Koperasi dan Apex | 15 | 4,843,453 | 9,419,423 |
| Pembangunan Gerakan Koperasi Nasional | | 7,897,990 | 16,362,710 |
| Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi | 16 | 17,303,460 | 10,167,616 |
| Penyelenggaraan Aset milik KWAPb | | 42,606 | 45,721 |
| Penyelenggaraan Sistem ICT Koperasi | | 351,920 | 451,244 |
| Baki dibawa ke hadapan | | 33,178,329 | 39,258,731 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki dibawa dari hadapan | | 33,178,329 | 39,258,731 |
| | | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | | 200,029 | 266,858 |
| Susut nilai hartanah pelaburan | | 153,881 | 153,881 |
| Pelunasan aset tak ketara | | 193,672 | 197,272 |
| Bayaran audit - Fi | | 16,000 | 16,000 |
| Bayaran audit - Lain-lain caj: | | | |
| Caj semasa | | 2,106 | 1,772 |
| Lain-lain belanja | | 3,635 | 7,708 |
| **Jumlah Belanja** | | 33,747,652 | 39,902,222 |
| | | | |
| **Lebihan/(Kurangan) bagi tahun** | | 2,271,689 | (8,476,082) |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Kumpulan Wang Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Baki pada 1 Januari 2022** | 185,394,633 | **185,394,633** |
| Kurangan bagi tahun | (8,476,082) | **(8,476,082)** |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | **176,918,551** | **176,918,551** |
| Lebihan bagi tahun | 2,271,689 | **2,271,689** |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **179,190,240** | **179,190,240** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | 2023<br>RM | *Seperti Dinyatakan Semula*<br>2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Aliran tunai daripada aktiviti operasi** | | |
| Lebihan/(Kurangan) bagi tahun | 2,271,689 | (8,476,082) |
| Pelarasan untuk: | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | 200,029 | 266,858 |
| Susut nilai hartanah pelaburan | 153,881 | 153,881 |
| Pelunasan aset tak ketara | 193,672 | 197,272 |
| Pembalikan elaun rosotnilai | (300,609) | (4,865) |
| Elaun rosotnilai | 30,275 | 6,662 |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | (6,528,099) | (4,126,287) |
| Keuntungan atas akaun semasa | (25,142) | (23,831) |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | (301,687) | (402,469) |
| Tunai digunakan sebelum perubahan modal kerja | (4,305,991) | (12,408,861) |
| Perubahan dalam modal kerja | | |
| Perubahan bersih dalam caruman belum terima | 431,195 | 260,819 |
| Perubahan bersih dalam pelbagai penghutang | 814,960 | (892,954) |
| Perubahan bersih dalam Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 2,340,000 | 3,516,400 |
| Perubahan bersih dalam caruman terdahulu | 16,043 | (29,868) |
| Perubahan bersih dalam pelbagai pemiutang | (1,162,688) | 1,714,132 |
| **Tunai digunakan untuk aktiviti operasi** | (1,866,481) | (7,840,332) |
| Hasil pendapatan faedah: | | |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 402,469 | 594,703 |
| Keuntungan atas akaun semasa | 25,142 | 23,831 |
| **Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi** | (1,438,870) | (7,221,798) |

*Sambungan*

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)**

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan** | | |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | 5,897,388 | 4,525,202 |
| **Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan** | 5,897,388 | 4,525,202 |
| | | |
| **Peningkatan/(Pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai** | 4,458,518 | (2,696,596) |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan** | 159,620,359 | 162,316,955 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan** | 164,078,877 | 159,620,359 |
| | | |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | |
| Tunai di bank | 217,987 | 1,264,359 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 163,860,890 | 158,356,000 |
| | 164,078,877 | 159,620,359 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

### PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | Jumlah Bajet | | Jumlah Sebenar | Varian Bajet | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Asal | Akhir | | | |
| | | RM | RM | RM | RM | % |
| **Pembayaran** | | | | | | |
| Pembangunan Gerakan Koperasi Nasional | | 5,086,003 | 9,586,003 | 7,898,245 | 1,687,758 | 18% |
| Pemantauan Audit Koperasi | | 941,365 | 941,365 | 271,750 | 669,615 | 71% |
| Penyelenggaraan Aset Milik KWAPb | | 385,500 | 385,500 | 84,402 | 301,098 | 78% |
| Belanja Pengurusan Kumpulan Wang Amanah | | 224,660 | 224,660 | 36,210 | 188,450 | 84% |
| Pembangunan dan Penyelenggaraan ICT | 1 | 19,688,364 | 29,088,364 | 7,389,255 | 21,699,109 | 75% |
| Pembangunan Perniagaan Koperasi dan APEX | | 9,682,832 | 9,682,832 | 4,797,045 | 4,885,787 | 50% |
| Bayaran Caj Pengurusan Dana | | 2,375,340 | 2,375,340 | 2,375,340 | - | 0% |
| Penyeliaan Koperasi | | 8,000,000 | 9,555,000 | 9,555,000 | - | 0% |
| **Jumlah keseluruhan** | | **46,384,064** | **61,839,064** | **32,407,247** | | |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | [illegible] | [illegible] | | [illegible] | [illegible] | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | [illegible] | [illegible] | | | |
| | | RM | RM | RM | RM | % |
| [illegible] | 2 | [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] | [illegible] |

| BAJET | Akhir (RM) | Pindahan Pertama (RM) | Pindahan Kedua (RM) | Pindahan Ketiga (RM) | Pindahan Keempat (RM) | Keseluruhan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi** | 9,682,832 | 9,748,459 | 2,000,000 | 2,000,000 | 3,555,000 | 17,303,459 |
| **Penyeliaan Koperasi** | - | 2,000,000 | 2,000,000 | 2,000,000 | 3,555,000 | 9,555,000 |
| **Pembangunan Gerakan Koperasi Nasional:** | 9,682,832 | 708,920 | - | - | - | 708,920 |
| Elaun Kerja Lebih Masa dan Tiket Penerbangan Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Sempena Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 | | 97,500 | | | | |
| Belanja Mengurus Urus Setia Hari Koperasi Negara 2023 | | 454,000 | | | | |
| Belanja Mengurus Urus Setia Majlis Penutup Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 | | 140,000 | | | | |
| Mesyuarat J/K Teknikal Pra Sambutan BKK & HKN 2023 di Sabah | | 17,420 | | | | |
| **Pembangunan Dan Penyelenggaraan ICT:** | - | 7,039,539 | - | - | - | 7,039,539 |
| Bayaran Tahun Ketiga (2023) Untuk Kontrak Lesen Perisian Microsoft | | 1,621,310 | | | | |
| Pembaharuan Lesen Dan Khidmat Sokongan Antivirus Kaspersky SKM | | 73,140 | | | | |
| Projek Perluasan Modul Kehadiran, Penambahbaikan Dan Penyelenggaraan Sistem MYSKM | | 259,626 | | | | |
| Pembekalan Perkhidmatan Penambahan Dan Penyelenggaraan Modul Sistem Pengurusan Aset Dan Stor (SPS&SPS) Suruhanjaya Koperasi Malaysia-S001/2023 | | 100,000 | | | | |
| Kos Pembaharuan Lesen SSL Wildcard SKM Tahun 2023 | | 12,974 | | | | |
| Kos Projek Peningkatan Rangkaian Tanpa Wayar Di Menara SKM | | 336,317 | | | | |
| Kos Pembaharuan Lesen Perisian Alteryx | | 47,368 | | | | |
| Projek Penggantian Perkakasan Storan Berpusat Di Pusat Data Ibu Pejabat SKM | | 921,950 | | | | |
| Projek Pembekalan Peningkatan Rangkaian Dalaman Di SKM Negeri | | 472,954 | | | | |
| Projek Pemantapan Keselamatan Aplikasi Sistem SKM WEB Application Firewall (WAF) Di Pusat Data SKM Ibu Pejabat | | 386,780 | | | | |
| Kos Pembaharuan Lesen Perisian Backup Falconstor 2023 | | 429,088 | | | | |
| Projek Pembekalan Peralatan Pengukuhan Keselamatan Rangkaian (Intrusion Prevention System (IPS) Di Pusat Data SKM Ibu Pejabat | | 466,506 | | | | |
| Projek Sewaan Peralatan ICT Fasa 1 | | 961,938 | | | | |
| Projek Sewaan Peralatan ICT Fasa 2 | | 1,099,788 | | | | |
| **(-) Pemulangan Baki Keselamatan Rangkaian Content Filter 2021** | | **150,200** | | | | |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| Nota-1<br>Pembangunan Dan Penyelenggaraan ICT | RM | RM |
|---|---|---|
| **Kelulusan Bajet Asal** | 19,688,364 | |
| **Peruntukan Tambahan:** | | |
| Pembaharuan Lesen-Lesen Perisian dan Peralatan ICT Bagi Tahun 2024 | 250,000 | |
| Pembaharuan Lesen Perisian Microsoft bagi tempoh tiga (3) tahun (2024 – 2027) | 1,500,000 | |
| Projek Pembangunan Sistem Koperasi Bersepadu (SPKB) | 7,650,000 | |
| **Pindahan Peruntukan Ke AKWO** | | 7,039,539 |
| **Jumlah peruntukan keseluruhan** | **29,088,364** | **7,039,539** |

| Nota-2<br>Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi | Jumlah Bajet | Perbelanjaan |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Penyeliaan Koperasi** | 9,555,000 | 9,555,000 |
| **Pembangunan Gerakan Koperasi Nasional** | 9,586,003 | 708,920 |
| **Pembangunan Dan Penyelenggaraan ICT** | 29,088,364 | 7,039,539 |
| | **48,229,367** | **17,303,459** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

17

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Nota-3 Perbandingan Bajet dan Penggunaan Sebenar**

| Pembayaran | Varian | Ulasan |
|---|---|---|
| Pemantauan Audit Koperasi | -71% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagian besar adalah disumbangkan oleh pembayaran bagi Program Bantuan Perakaunan dan Pengauditan kepada Koperasi Kluster Kecil dan Mikro (PAKAR) adalah dibuat atas tuntutan apabila kerja-kerja penyediaan akaun dan pengauditan telah selesai dilaksanakan. Cabaran dalam Program PAKAR ini adalah kesukaran dan keterbatasan dalam mendapatkan dokumen daripada pihak koperasi yang rata-ratanya mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun tunggakan pengauditan dan menyebabkan kerja-kerja bagi maksud program memakan lebih masa dari yang sepatutnya. Oleh yang demikian, ia juga menjadi faktor utama penggunaan dana tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya dalam tahun. |
| Penyelenggaraan Aset Milik KWAPb | -78% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagian besar adalah disumbangkan oleh hanya kerja-kerja naiktaraf aset/ hartanah Wisma Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Medan Tuanku. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bercadang untuk menggunakan dana tersebut pada tahun 2024 kerana terdapat 22 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran di Wisma SKM. Bajet yang tidak digunakan juga adalah sebagai persediaan untuk memperuntukkan dana kecemasan bagi tujuan penyelenggaraan Aset/Hartanah milik KWAPb. |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

18

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Nota-3 Perbandingan Bajet dan Penggunaan Sebenar (sambungan)**

| Pembayaran | Varian | Ulasan |
|---|---|---|
| Belanja Pengurusan Kumpulan Wang Amanah | -84% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagian besar adalah disebabkan oleh pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah diadakan secara dalaman di Ibu Pejabat. |
| Pembangunan Dan Penyelenggaraan ICT | -75% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagian besar adalah disumbangkan oleh kebanyakan program/ projek dibayar secara tahunan/ *progress* (bukan *one-off*) seperti pembaharuan Lesen Microsoft, sewaan peralatan ICT dan pembayaran pelaksanaan projek. Terdapat beberapa peruntukan untuk projek seperti Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Koperasi Bersepadu (SPKB), lesen perisian, penambahbaikan sistem sedia ada untuk dibawa ke tahun 2024. Peruntukan untuk penambahbaikan sistem sedia ada akan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan pemilik sistem. Ianya juga perlu dinilai terlebih dahulu agar pelaksanaan tersebut tidak signifikan dan hanya utk memenuhi keperluan semasa/ mendesak bagi sistem-sistem yang terlibat dengan pembangunan SPKB. |
| Pembangunan Perniagaan Koperasi dan APEX | -50% | Jumlah sebenar mengalami pengurangan daripada jumlah bajet sebahagiannya adalah disebabkan oleh pengeluaran bantuan dan geran dikeluarkan tertakluk kepada tuntutan dan secara berperingkat selaras dengan laporan kemajuan yang dikawal selia oleh Suruhanjaya. Antara penyumbang terbesar adalah bantuan PROSPEK dan Launching Grant Federasi dibuat berdasarkan tuntutan daripada koperasi/ Federasi yang terlibat. Peruntukan bagi Program Sistem Pendigitalan/Teknologi [C-TAP] telah dibelanjakan dan dijangka akan dibayar kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) sebelum 30 Jun 2024. Manakala baki bersih akan dibawa ke tahun 2024 untuk dicadangkan program baharu. |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi telah ditubuhkan di bawah peruntukan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini diwujudkan adalah untuk membiayai program dan aktiviti yang akan dilaksanakan mana-mana atau kesemua maksud seperti yang terdapat di Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010.

Penetapan peratusan bagi pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) adalah berdasarkan kuasa yang ditetapkan di bawah perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 melalui Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa.

Sehingga 31 Disember 2023, penetapan pembayaran kepada KWAPb adalah sebanyak 1% daripada untung bersih teraudit koperasi selaras dengan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 1 Tahun 2021 iaitu berkaitan Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) yang bertarikh 13 April 2021. Arahan tersebut telah memberi pengecualian kepada koperasi-koperasi yang untung bersih teraudítnya kurang daripada RM50,000 mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Selain daripada itu, koperasi sekolah juga adalah dikecualikan daripada pembayaran kepada KWAPb.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dalam tahun semasa.

Penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024**.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) Peraturan – peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010 melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pindaan baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

i) MPSAS 1, *Presentation of Financial Statements*
ii) MPSAS 2, *Cash Flow Statements*
iii) MPSAS 3, *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors*
iv) MPSAS 9, *Revenue from Exchange Transactions*
v) MPSAS 13, *Leases*
vi) MPSAS 14, *Events After The Reporting Date*
vii) MPSAS 16, *Investment Property*
viii) MPSAS 17, *Property, Plant and Equipment*
ix) MPSAS 19, *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*
x) MPSAS 20, *Related Party Disclosures*
xi) MPSAS 21, *Impairment of Non-Cash-Generating Assets*
xii) MPSAS 23, *Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes and Transfers)*
xiii) MPSAS 24, *Presentation of Budget Information in Financial Statements*
xiv) MPSAS 26, *Impairment of Cash-Generating Assets*
xv) MPSAS 28, *Financial Instruments: Presentation*
xvi) MPSAS 29, *Financial Instruments: Recognition and Measurement*
xvii) MPSAS 30, *Financial Instruments: Disclosures*
xviii) MPSAS 31, *Intangible Assets*

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan-pindaan di atas di dalam tahun kewangan semasa.

Suruhanjaya juga berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

### a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua item-item hartanah, loji dan peralatan pada awalnya direkod pada kos. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### a) Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun buku aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana berpatutan, hanya apabila manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan bersangkutan dengan item tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai buku bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua penyelenggaraan dan membaik pulih dicaj ke penyata prestasi kewangan dalam tahun kewangan di mana ianya dibelanjakan.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Dasar pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah mengikut dasar kemerosotan aset. Susutnilai bagi harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susutnilai tahunan bagi pelbagai jenis hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| | Kadar |
|---|---|
| Alat kelengkapan audio | 20% |
| Alat kelengkapan fotografi | 20% |
| Alat kelengkapan pejabat | 20% |
| Perkakasan ICT | 20% |
| Perkakasan komputer | 20% |
| Server | 20% |

Susut nilai aset bermula apabila aset tersedia untuk digunakan, iaitu apabila aset berada di lokasi dan dalam keadaan yang perlu untuk membolehkan aset beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### a) Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

Nilai baki, jangka hayat dan kaedah susut nilai aset dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan bagi memastikan mereka menggambarkan anggaran manfaat-manfaat ekonomi masa depan dan potensi perkhidmatan yang dikecapi dari aset-aset tersebut. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penjualan sesuatu aset ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan penjualan bersih yang dianggarkan dan nilai buku aset, dan akan direkodkan dalam penyata prestasi kewangan.

### b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul (jika ada).

Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

Kadar susutnilai tahunan bagi hartanah pelaburan adalah 2% hingga 5% setahun.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan hendaklah ditentukan sebagai perbezaan antara terimaan pelupusan bersih dengan nilai di bawa aset tersebut, dan hendaklah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan semasa tempoh penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah itu.

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### c) Aset Kewangan (sambungan)

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Pelaburan Dipegang Hingga Matang*

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### c) Aset Kewangan (sambungan)

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### d) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan pelaburan Al-Mudharabah yang mempunyai tempoh matang kurang daripada setahun dan tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

### e) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### e) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### f) Pengiktirafan Hasil

*Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran*

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

*Caruman dari Koperasi*

Caruman dari koperasi diiktiraf dalam penyata kewangan berdasarkan kaedah akruan dan dilaraskan dengan terlebih atau terkurang caruman.

*Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Hasil daripada urus niaga diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### f) Pengiktirafan Hasil (sambungan)

*Keuntungan atas Pelaburan*

Pelaburan Suruhanjaya terdiri daripada pelaburan di dalam Al-Mudharabah dan Tabung Pinjaman Koperasi Kredit. Keuntungan atas pelaburan diiktiraf di dalam penyata kewangan berdasarkan asas tunai mengikut kaedah perkadaran masa dengan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

*Hasil Sewa*

Hasil sewa diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

*Keuntungan atas Akaun Semasa*

Keuntungan atas akaun semasa akan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

### g) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### g) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

i) Aset Penjanaan Tunai (sambungan)

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan yang boleh diperolehi semula sekiranya aset dicairkan, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Suruhanjaya akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Suruhanjaya akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Suruhanjaya telah menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Dibawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai.

Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### h) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti. Aset tak ketara diperoleh secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Sistem dan Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### i) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
ii) pembayaran tertunggak;
iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

### j) Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### j) Peruntukan (sambungan)

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### k) Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### l) Maklumat Bajet

Suruhanjaya menyediakan bajet secara dalaman bagi kumpulan wang ini. Bajet ini disediakan untuk tujuan memantau prestasi kumpulan wang ini. Walau bagaimanapun bajet kumpulan wang ini tidak didedahkan secara umum.

### m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan ini kecuali yang dinyatakan di bawah.

*Penentuan Hartanah Pelaburan*

Sebahagian daripada hartanah Suruhanjaya adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya manakala sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Suruhanjaya akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### m) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (sambungan)

*Penentuan Hartanah Pelaburan (sambungan)*

Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

*Penentuan Kerugian Rosotnilai Aset Kewangan*

Suruhanjaya mengiktiraf kerugian rosotnilai bagi aset-aset kewangannya dengan menggunakan model kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*). Mana-mana siberhutang yang signifikan akan disemak secara berasingan bagi melihat keperluan untuk membuat rosotnilai dengan cara menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula.

Manakala siberhutang yang lain pula akan disemak secara berkumpulan mengikut risiko kredit dengan menggunakan pengalaman yang lepas, hutang yang telah melangkaui tempoh dan keadaan ekonomi semasa.

*Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan, Hartanah Pelaburan dan Aset Tak Ketara*

Aset akan disusutnilai atau dilunaskan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai atau pelunasan, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu aset itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

### n) Pajakan

**Sebagai Pemajak**

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Suruhanjaya secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### n) Pajakan (sambungan)

**Sebagai Pemajak (sambungan)**

Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke penyata prestasi kewangan. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana ianya ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan atas kaedah garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

**Sebagai Pemberi Pajak**

Pajakan-pajakan di mana Suruhanjaya secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasikan sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan hasil sewa. Dasar perakaunan bagi hasil sewa dibentang dalam Nota 3 f).

### o) Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya, atau sebaliknya.

### p) Ekuiti

Ekuiti ialah faedah sisa dalam aset selepas menolak semua liabiliti Suruhanjaya.

## 4. NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pada tarikh penyata kedudukan kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai jangka masa yang pendek.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Tunai di bank | a) | 217,987 | 1,264,359 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | b) | 163,860,890 | 158,356,000 |
| | | **164,078,877** | **159,620,359** |

### a) Tunai di bank

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Malayan Banking Berhad (Bayaran) | 148,178 | 139,772 |
| Malayan Banking Berhad (Terimaan) | 1,000 | 1,070,148 |
| Malayan Banking Berhad (Pelaburan) | 514 | 471 |
| Malayan Banking Berhad (Akaun Sabah) | 1,638 | 1,000 |
| Malayan Banking Berhad (Akaun Sarawak) | 3,357 | 31,328 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Terimaan) | 63,300 | 21,640 |
| | 217,987 | 1,264,359 |

### b) Pelaburan Al-Mudharabah

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 2,976,000 | 70,153,000 |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad | 45,802,500 | 30,052,000 |
| Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd | 12,951,500 | 5,330,000 |
| MIDF Amanah Investment Bank Berhad | 17,120,000 | 10,151,000 |
| Kuwait Finance House Malaysia Berhad | 11,221,000 | 23,500,000 |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad | 71,062,100 | 19,170,000 |
| KAF Investment Bank Berhad | 2,727,790 | - |
| | 163,860,890 | 158,356,000 |

Pelaburan Al-Mudharabah dibuat untuk pelbagai tempoh antara 1 bulan sehingga 12 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, dan memperoleh keuntungan pada kadar pelaburan Al-Mudharabah. Purata wajaran kadar faedah berkesan pada 31 Disember 2023 adalah 3.98% setahun (2022:2.61% setahun).

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 6. CARUMAN BELUM TERIMA

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Caruman Koperasi Semenanjung | 415,879 | 867,307 |
| Caruman Koperasi Sabah | 117,305 | 97,270 |
| Caruman Koperasi Sarawak | 19,986 | 38,868 |
| | 553,170 | 1,003,445 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | (313,567) | (602,981) |
| | **239,603** | **400,464** |

Ini merupakan urus niaga bukan pertukaran belum terima.

Analisa pengumuran caruman belum terima pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Semasa | - | - |
| Kurang 1 tahun | 124,036 | 177,797 |
| 1 hingga 3 tahun | 52,173 | 114,734 |
| 3 hingga 6 tahun | 32,676 | 84,191 |
| Melebihi 6 tahun | 344,285 | 626,723 |
| | 553,170 | 1,003,445 |

Butiran pergerakan akaun elaun rosotnilai adalah seperti berikut:

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 602,981 | 602,742 |
| Tambahan dalam tahun | 11,195 | 6,662 |
| Pembalikan dalam tahun | (300,609) | (4,865) |
| Pelarasan dalam tahun | - | (1,558) |
| Baki pada akhir tahun | 313,567 | 602,981 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 7. PELBAGAI PENGHUTANG

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pelbagai penghutang terdiri daripada: | | | |
| Urus niaga pertukaran belum terima | a) | 2,136,667 | 2,320,916 |
| Urus niaga bukan pertukaran belum terima | b) | 6,200 | 6,200 |
| | | **2,142,867** | **2,327,116** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| a) Urus niaga pertukaran belum terima | | | |
| Penghutang sewaan | (i) | 416,852 | 391,812 |
| Keuntungan pelaburan Al-Mudharabah belum terima | | 1,719,815 | 1,089,104 |
| Lain-lain penghutang | | - | 840,000 |
| | | 2,136,667 | 2,320,916 |

| | | |
|---|---|---|
| (i) **Penghutang sewaan** | | |
| Baki pada 31 Disember | 435,932 | 391,812 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | (19,080) | - |
| Baki bersih pada 31 Disember | 416,852 | 391,812 |

| | | |
|---|---|---|
| Butiran pergerakan akaun elaun rosotnilai adalah seperti berikut: | | |
| Baki pada 1 Januari | - | - |
| Tambahan dalam tahun | 19,080 | - |
| Baki pada 31 Disember | 19,080 | - |

| | | |
|---|---|---|
| b) Urus niaga bukan pertukaran belum terima | | |
| Deposit elektrik bangunan Jalan Medan Tuanku | 6,200 | 6,200 |

## 8. TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Dana dipinjamkan ke TPKK | a) | 7,473,800 | 9,813,800 |
| Agihan pendapatan bersih dari TPKK | b) | 369,251 | 470,033 |
| | | **7,843,051** | **10,283,833** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT (SAMBUNGAN)

a) Dana dipinjamkan ke TPKK adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 9,813,800 | 13,330,200 |
| Pengurangan dalam tahun | (2,340,000) | (3,516,400) |
| Baki pada 31 Disember | 7,473,800 | 9,813,800 |

b) Agihan pendapatan bersih dari TPKK adalah seperti berikut:

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 470,033 | 662,267 |
| Tambahan dalam tahun | 301,687 | 402,469 |
| Penerimaan tahun semasa | (402,469) | (594,703) |
| Baki pada 31 Disember | 369,251 | 470,033 |

Tabung ini merupakan Tabung Pinjaman yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi. Jawatankuasa Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) telah ditubuhkan untuk pengurusan permohonan dan kelulusan pinjman. Dana tersebut akan dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Peruntukan sebanyak RM 20,000,000 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan (Bil. 2/2010) pada 28 Disember 2010. Manakala tambahan peruntukan sebanyak RM 20,000,000 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (Bil. 2/2015) pada 4 Disember 2015 untuk dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Permohonan pindahan sementara dana berjumlah RM 9,000,000 dari Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK) ke Akaun Induk KWAPb telah diluluskan oleh Ybhg. Timbalan Pengerusi Eksekutif pada 6 Jun 2018 bagi tujuan pelaburan. Rujukan surat SKM.IP(AM):8106JLD 3(32).

Datuk Pengerusi Eksekutif melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil.2/2019 bertarikh 23 Mei 2019 telah mengarahkan lebihan tunai yang terkumpul di akaun semasa Tabung Pinjaman Koperasi Kredit hendaklah dipindahkan semula ke akaun induk di Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) bagi tujuan pemulangan modal dan pelaburan.

Keuntungan atas pinjaman TPKK dikenakan pada kadar 1% hingga 6% berdasarkan jumlah pinjaman yang diluluskan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Alat Kelengkapan Audio RM | Alat Kelengkapan Fotografi RM | Alat Kelengkapan Pejabat RM | Perkakasan ICT RM | Perkakasan Komputer RM | Server RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Nilai dibawa** | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2023 | 1 | 859 | 3,814 | 21,779 | 4,000 | 271,982 | 302,435 |
| Susutnilai semasa | - | (858) | (3,813) | (10,890) | (3,999) | (180,469) | (200,029) |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **1** | **1** | **1** | **10,889** | **1** | **91,513** | **102,406** |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | | | | | | | |
| Kos | 13,183 | 23,920 | 19,070 | 264,329 | 262,467 | 902,342 | 1,485,311 |
| Susutnilai terkumpul | (13,182) | (23,919) | (19,069) | (253,440) | (262,466) | (810,829) | (1,382,905) |
| Nilai dibawa | 1 | 1 | 1 | **10,889** | 1 | **91,513** | **102,406** |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | | | | | | | |
| Kos | 13,183 | 23,920 | 19,070 | 264,329 | 262,467 | 902,342 | 1,485,311 |
| Susutnilai terkumpul | (13,182) | (23,061) | (15,256) | (242,550) | (258,467) | (630,360) | (1,182,876) |
| Nilai dibawa | 1 | 859 | 3,814 | 21,779 | 4,000 | 271,982 | 302,435 |
| Susutnilai 2022 | 2,636 | 858 | 3,814 | 40,661 | 38,421 | 180,468 | 266,858 |

38

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 10. HARTANAH PELABURAN

| | Bangunan RM | Lif RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| **Nilai dibawa** | | | |
| Baki pada 1 Januari 2023 | 5,329,234 | 371,700 | 5,700,934 |
| Susutnilai semasa | (133,231) | (20,650) | (153,881) |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **5,196,003** | **351,050** | **5,547,053** |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | | | |
| Kos | 6,661,543 | 413,000 | 7,074,543 |
| Susutnilai terkumpul | (1,465,540) | (61,950) | (1,527,490) |
| Nilai dibawa | **5,196,003** | **351,050** | **5,547,053** |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | | | |
| Kos | 6,661,543 | 413,000 | 7,074,543 |
| Susutnilai terkumpul | (1,332,309) | (41,300) | (1,373,609) |
| Nilai dibawa | 5,329,234 | 371,700 | 5,700,934 |
| Susutnilai 2022 | 133,231 | 20,650 | 153,881 |

Hasil sewa yang diperoleh daripada hartanah pelaburan diatas adalah berjumlah RM324,530 (2022:RM232,150).

Belanja operasi langsung yang timbul daripada hartanah pelaburan diatas adalah berjumlah RM84,402.25 (2022:RM89,319).

Pada pandangan ahli lembaga pengarah Suruhanjaya, nilai saksama hartanah pelaburan di atas adalah melebihi nilai bawaannya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 11. ASET TAK KETARA

| | Perisian Komputer | Sistem Pengurusan Maklumat Kewangan Koperasi | Sistem Pemantauan Dkoop | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| **Nilai dibawa** | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2023 | - | 1 | 387,344 | 387,345 |
| Pelunasan semasa | - | - | (193,672) | (193,672) |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **-** | **1** | **193,672** | **193,673** |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | | | | |
| Kos | 18,000 | 394,832 | 968,361 | 1,381,193 |
| Pelunasan terkumpul | (18,000) | (394,831) | (774,689) | (1,187,520) |
| Nilai dibawa | **-** | **1** | **193,672** | **193,673** |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | | | | |
| Kos | 18,000 | 394,832 | 968,361 | 1,381,193 |
| Pelunasan terkumpul | (18,000) | (394,831) | (581,017) | (993,848) |
| Nilai dibawa | - | 1 | 387,344 | 387,345 |
| Pelunasan 2022 | 3,600 | | 193,672 | 197,272 |

40

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 12. CARUMAN TERDAHULU

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Caruman Koperasi Semenanjung | 232,660 | 215,755 |
| Caruman Koperasi Sabah | 1,796 | 1,298 |
| Caruman Koperasi Sarawak | 12,907 | 14,267 |
| | **247,363** | **231,320** |

## 13. PELBAGAI PEMIUTANG

| Pelbagai pemiutang terdiri daripada: | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| <u>Urus niaga pertukaran belum bayar</u> | | |
| Lain-lain perbelanjaan terakru | 622,521 | 1,785,543 |
| Bayaran audit - yuran | 16,000 | 16,000 |
| Bayaran audit - caj-caj lain | 2,106 | 1,772 |
| Deposit sewaan dan utiliti | 69,300 | 69,300 |
| | **709,927** | **1,872,615** |

## 14. CARUMAN DARI KOPERASI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Caruman dari Koperasi Semenanjung | 27,933,725 | 26,175,989 |
| Caruman dari Koperasi Sabah | 242,710 | 209,562 |
| Caruman dari Koperasi Sarawak | 214,480 | 250,987 |
| | **28,390,915** | **26,636,538** |

Caruman ini merupakan caruman 1% daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperolehi oleh setiap koperasi selaras dengan Arahan Suruhanjaya yang telah dikeluarkan dibawah peruntukan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) [Akta 502], Peraturan 3 Peraturan-Peraturan (Koperasi Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) 2010.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 15. PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KOPERASI DAN APEX

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Geran Program Koperasi Apex | 1,159,523 | 6,000,000 |
| Program Pembangunan Perniagaan Koperasi | 3,683,930 | 3,419,423 |
| | **4,843,453** | **9,419,423** |

## 16. PEMBERIAN KEPADA KUMPULAN WANG OPERASI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Geran Penyeliaan Koperasi | 9,555,000 | 6,500,000 |
| Pembaharuan Lesen Perisian Microsoft SKM | 1,621,310 | 1,232,444 |
| Projek Sewaan Peralatan ICT Fasa 1 | 961,938 | 96,514 |
| Projek Sewaan Peralatan ICT Fasa 2 | 1,099,788 | - |
| Projek Penggantian Perkakasan Storan | 921,950 | - |
| Lain-lain Program | 3,143,474 | 2,338,658 |
| | **17,303,460** | **10,167,616** |

Selain daripada Geran Penyeliaan Koperasi adalah pindahan kepada Kumpulan Wang Operasi (Lain-lain Program) daripada bajet yang telah ditetapkan (secara *virement*) mengikut kelulusan untuk dilaksanakan di peringkat Kumpulan Wang Operasi bagi tujuan seperti yang dinyatakan.

## 17. PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli-ahli jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah merupakan pihak pengurusan utama. Jumlah ganjaran yang dibayar kepada pihak pengurusan utama dibayar dalam tahun semasa adalah sebanyak RM 3,300 (2022:RM 6,000).

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 18. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

*Risiko Kredit*

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi baki di bank dan pelaburan Al-Mudharabah, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik.

*Risiko Kecairan*

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana Suruhanjaya. Risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Suruhanjaya pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| Pada 31.12.2023 | | |
| Urus niaga bukan pertukaran belum bayar | 709,927 | 709,927 |
| Pada 31.12.2022 | | |
| Urus niaga bukan pertukaran belum bayar | 1,872,615 | 1,872,615 |

*Pengurusan Risiko Modal*

Objektif utama pengurusan risiko modal Suruhanjaya adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya, termasuk perbelanjaan modal untuk memastikan bahawa Suruhanjaya kekal kukuh dari segi kewangan.

*Risiko Kadar Faedah*

Suruhanjaya terdedah kepada Risiko Kadar Faedah kerana Suruhanjaya melabur pada kadar faedah tetap. Risiko ini diuruskan di peringkat Suruhanjaya mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko.

Suruhanjaya tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 19. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **Tabung Pinjaman Koperasi Kredit** | | |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada akaun Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | **301,687** | **402,469** |
| **Kumpulan Wang Operasi** | | |
| Bayaran caj pengurusan dana | 2,375,340 | 2,431,740 |
| Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi | 17,303,460 | 10,167,616 |
| | **19,678,800** | **12,599,356** |

## 20. PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Bajet tahun 2023 telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil.6/2022 pada 22 November 2022 dan disyorkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Bil.3/2022 bertarikh 22 November 2022. Peruntukan yang diluluskan sebanyak RM61,839,064 bagi tujuan pembayaran perbelanjaan berkaitan projek berterusan dan program-program yang dilaksanakan di bawah Skop Utama Program.

Peruntukan Khas bagi Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Koperasi Bersepadu (SPKB) bagi Pelan Pendigitalan SKM 2021-2025 di bawah Skop Utama Program: Pembangunan Dan Penyelenggaraan ICT berjumlah RM27,650,000 yang diluluskan merupakan program berterusan bagi tempoh 2023 hingga 2025.

Peruntukan tambahan bagi Skop Utama Program: Pembangunan Gerakan Koperasi Nasional berjumlah RM4,500,000 bagi membiayai kos penganjuran Bulan Koperasi Kebangsaan (BKK) dan Hari Koperasi Negara bagi tahun 2023 telah dipersetujui melalui edaran ketetapan bertulis Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 05 Julai 2023.

Peruntukan tambahan khas bagi Skop Utama Program: Penyeliaan Koperasi berjumlah RM1,555,000 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Bil.2/2023 pada 24 Ogos 2023.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 21. PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)

Belanjawan dan penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia disediakan dengan menggunakan asas tunai berbanding dengan Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan. Lebihan atau varian bajet akhir berbanding perbelanjaan sebenar disebabkan:

i) Bajet yang diperuntukkan merupakan projek berterusan dan melangkaui tahun seperti Pembangunan Dan Penyelenggaraan ICT;

ii) Baki peruntukan yang diluluskan dalam tahun semasa untuk dibawa ke tahun 2023 adalah tertakluk kepada baki pada 31 Disember 2022 atau jumlah kontrak yang telah diluluskan; dan

iii) Penetapan dasar perbelanjaan berhemah dan langkah penjimatan dilaksanakan menjadi amalan dalam pengurusan penggunaan Kumpulan Wang Amanah (KWA).

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar seperti di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar | 32,407,247 | - | 32,407,247 |
| Perbezaan asas | (33,846,117) | 5,897,388 | (27,948,729) |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | (1,438,870) | 5,897,388 | 4,458,518 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 22. ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun semasa.

| | Seperti diaudit RM | Klasifikasi semula RM | Seperti dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| **Penyata Kedudukan Kewangan** | | | |
| Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 10,283,832 | 1 | 10,283,833 |
| Kumpulan Wang Terkumpul | 176,918,550 | 1 | 176,918,551 |
| **Penyata Prestasi Kewangan** | | | |
| Pemberian kepada Kumpulan Wang Operasi | 9,796,102 | 371,514 | 10,167,616 |
| Penyelenggaraan Sistem ICT Koperasi | 822,758 | (371,514) | 451,244 |
| **Penyata Aliran Tunai** | | | |
| Perubahan bersih dalam Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 3,708,634 | (192,234) | 3,516,400 |
| Agihan pendapatan bersih diterima daripada Tabung Pinjaman Koperasi Kredit | 402,469 | 192,234 | 594,703 |

LAPORAN **TAHUNAN**

2023

# PENYATA KEWANGAN
## KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT



# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
# KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

## MAKLUMAT KORPORAT

| | | |
|---|---|---|
| **PENGERUSI** | | Rusli bin Jaafar<br>(Mulai 1 Oktober 2023)<br>Ketua Pegawai Eksekutif |
| | | Rusli bin Jaafar<br>(Sehingga 3 Mac 2023)<br>Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **TIMBALAN PENGERUSI** | | Amran bin Haji Abd Kadir<br>(Mulai 1 Ogos 2023)<br>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif |
| | | Datuk Umar Sarim bin Saidin<br>(Sehingga 28 Mei 2023)<br>Timbalan Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **AHLI JAWATANKUASA** | 1. | Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 2. | Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 3. | Siti Azlin binti Ahmad Dauta<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 4. | Azam bin Sulaiman<br>(Mulai 6 November 2023)<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Pembangunan) |
| | | Amran bin Haji Abd Kadir<br>(Sehingga 31 Julai 2023)<br>Naib Pengerusi Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)**

| | |
|---|---|
| **AHLI JAWATANKUASA (SAMBUNGAN)** | 5. Azizul bin Alias<br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) |
| | 6. Hajah Rahazawati binti Abdul Hamid<br>Pengarah Bahagian Pengurusan Pelaburan<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 7. Marcellinus Andreas<br>Pengarah Bahagian Audit Koperasi<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 8. Dato' Haji Abdul Fattah bin Haji Abdullah<br>Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad |
| **PEJABAT BERDAFTAR** | Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Changkat Semantan, Off Jalan Semantan<br>Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur |
| **JURUAUDIT** | MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)<br>Akauntan Bertauliah (M)<br>No. 8-3B, Tingkat 3<br>Plaza Citra Jalan Citra<br>43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan |
| **BANK UTAMA** | CIMB Bank Berhad<br>Wisma UOA II<br>No. 6, Changkat Semantan, Bukit Damansara<br>50490 Wilayah Persekutuan<br>Kuala Lumpur |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

## PENYATA AHLI JAWATANKUASA

Kami, Rusli bin Jaafar dan Siti Azlin binti Ahmad Dauta iaitu dua orang daripada Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Likuiditi Pusat dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para ahli jawatankuasa, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Likuiditi Pusat pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Jawatankuasa

| | |
|---|---|
| **RUSLI BIN JAAFAR** | **SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA** |
| Ketua Pegawai Eksekutif | Naib Ketua Pegawai Eksekutif |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia | (Operasi dan Kawal Selia) |
| | Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia,Kumpulan Wang Likuiditi Pusat dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah

No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

4

MNC

MOHD NIZARUDDIN & CO.
Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (Suruhanjaya), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 30.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Likuiditi Pusat pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysia Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan–Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010.

**Asas Pendapat**

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan (*Auditor's Responsibilities for the Audit of the Fiancial Statements*) dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain**

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia (Undang-undang Kecil) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (*"IESBA Code"*), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**
***(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Jawatankuasa adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahun tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya, mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang dijalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa bagi Penyata Kewangan**

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya untuk memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysia Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan–Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 di Malaysia. Para Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Jawatankuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para Ahli Jawatankuasa berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**
***(SAMBUNGAN)***

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Jawatankuasa pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**
***(SAMBUNGAN)***

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Likuiditi Pusat selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)

MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 2102/10/24 J
Akauntan Bertauliah

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406021

8

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
### PADA 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 4 | 401,856,829 | 376,680,925 |
| Pelbagai Penghutang | 5 | 6,652,644 | 2,935,243 |
| Caruman Koperasi Yang Belum Diterima | 6 | 337,123 | 658,228 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **408,846,596** | **380,274,396** |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Pelaburan | 7 | 9,785,805 | 9,912,246 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **9,785,805** | **9,912,246** |
| **Jumlah Aset** | | **418,632,401** | **390,186,642** |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pelbagai Pemiutang | 8 | 5,760,847 | 1,492,013 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Caruman Wajib Oleh Koperasi | 9 | 342,582,505 | 330,332,517 |
| **Jumlah Liabiliti** | | **348,343,352** | **331,824,530** |
| **Aset Bersih** | | **70,289,049** | **58,362,112** |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan Wang Terkumpul | | 67,324,058 | 55,601,013 |
| Rizab Pengurusan Kumpulan Wang (RPKW) | 10 | 5,809,894 | 5,479,561 |
| Rizab Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual | | (2,844,903) | (2,718,462) |
| **Jumlah Ekuiti** | | **70,289,049** | **58,362,112** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| **Urusniaga Pertukaran** | | | |
| Keuntungan Pelaburan dan Dividen | 11 | 15,373,673 | 9,864,133 |
| Pelbagai Terimaan | | 362 | - |
| **Jumlah Hasil** | | **15,374,035** | **9,864,133** |
| | | | |
| **BELANJA** | | | |
| Pulangan Atas Caruman | 12 | 3,311,591 | 1,980,699 |
| Caj Bank | | 560 | 754 |
| Elaun Mesyuarat | | 1,200 | 1,800 |
| Bayaran Audit - Fi | | 6,000 | 6,000 |
| Bayaran Audit Lain-lain - Caj Semasa | | 1,306 | 1,172 |
| **Jumlah Belanja** | | **3,320,657** | **1,990,425** |
| **Lebihan Bagi Tahun** | | **12,053,378** | **7,873,708** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

### PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Kumpulan Wang Terkumpul | Rizab Pengurusan Kumpulan Wang (RPKW) | Rizab Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | 48,052,883 | 5,153,983 | 57,801 | **53,264,667** |
| Rugi Pengukuran Semula Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual | - | - | (2,776,263) | **(2,776,263)** |
| Lebihan Bagi Tahun | 7,873,708 | - | - | **7,873,708** |
| Pindahan (ke)/dari | (325,578) | 325,578 | - | **-** |
| **Baki Pada 31 Disember 2022** | **55,601,013** | **5,479,561** | **(2,718,462)** | **58,362,112** |
| | | | | |
| **Baki Pada 1 Januari 2023** | 55,601,013 | 5,479,561 | (2,718,462) | **58,362,112** |
| Rugi Pengukuran Semula Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual | - | - | (126,441) | **(126,441)** |
| Lebihan Bagi Tahun | 12,053,378 | - | - | **12,053,378** |
| Pindahan (ke)/dari | (330,333) | 330,333 | - | **-** |
| **Baki Pada 31 Disember 2023** | **67,324,058** | **5,809,894** | **(2,844,903)** | **70,289,049** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

11

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada pendedahan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berikutan tiada sebarang bajet tahunan dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan Suruhanjaya ini yang khusus untuk memberi pembiayaan kepada koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi.

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010, Kumpulan Wang ini digunakan untuk:

(a) Memberi pembiayaan kepada koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi dalam keadaan yang berikut:

i. Keperluan sementara untuk mengurangkan aliran keluar kumpulan wang, sementara menunggu pelarasan semula aset dan tanggungan koperasi itu; atau

ii. Dalam keadaan luar biasa, di luar kawalan koperasi yang boleh memberi impak yang tidak menguntungkan terhadap aktiviti dan pengendalian operasi koperasi itu; dan

(b) Membayar apa-apa perbelanjaan yang berkenaan dengan pentadbiran KWLP.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) dalam tahun kewangan semasa.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024.**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

### 2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)]. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010 di Malaysia yang diterima pakai.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.1 Asas Peyediaan Penyata Kewangan (Sambungan)

Piawaian baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| i. | *MPSAS 1* | : | *Presentation of Financial Statements* |
| ii. | *MPSAS 2* | : | *Cash Flow Statements* |
| iii. | *MPSAS 3* | : | *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors* |
| iv. | *MPSAS 9* | : | *Revenue From Exchange Transactions* |
| v. | *MPSAS 14* | : | *Events After The Reporting Date* |
| vi. | *MPSAS 19* | : | *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets* |
| vii. | *MPSAS 20* | : | *Related Party Disclosure* |
| viii. | *MPSAS 21* | : | *Impairment of Non-Cash-Generating Assets* |
| ix. | *MPSAS 23* | : | *Revenue From Non-Exchange Transactions Taxes & Transfers* |
| x. | *MPSAS 26* | : | *Impairment of Cash-Generating Assets* |
| xi. | *MPSAS 28* | : | *Financial Instruments: Presentation* |
| xii. | *MPSAS 29* | : | *Financial Instruments: Recognition And Measurement* |
| xiii. | *MPSAS 30* | : | *Financial Instruments: Disclosure* |

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan-pindaan di atas dalam penyata kewangan tahun semasa.

Suruhanjaya juga berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas Penyata Kewangan Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

### 2.2 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di bank dan pelaburan Al-Mudharabah yang mempunyai tempoh matang kurang daripada setahun yang tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

### 2.3 Pelaburan

Pelaburan Suruhanjaya terdiri daripada pelaburan dalam unit amanah dinyatakan pada nilai aset bersih. Dasar perakaunan berhubung dengan pelaburan ini dinyatakan pada nota 2.5.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.4 Pulangan Atas Caruman

Pulangan atas caruman telah diperuntukan dibawah Seksyen 42(3) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan 10 Peraturan-peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat).

### 2.5 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunkan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset Kewangan (Sambungan)

*Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual*

Pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama ditambah dengan kos urus niaga. Berikutnya, instrumen tersebut direkodkan pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran disebut, sebarang perubahan nilai saksama menghasilkan untung atau rugi dan hendaklah diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti. Pengukuran berikutnya bagi instrumen yang tidak disebut harga dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan dibawa pada kos. Kerugian penjejasan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan. Pada penyahiktirafan, untung atau rugi nilai saksama kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti akan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Pelaburan Dipegang Hingga Tarikh Matang*

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.6 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
ii. Pembayaran tertunggak;
iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

### 2.7 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.8 Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan diiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 2.8 Pengiktirafan Hasil

*Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Ia diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

*Keuntungan Pelaburan Al-Mudharabah*

Keuntungan daripada pelaburan Al-Mudharabah diiktiraf di dalam penyata kewangan mengikut kaedah perkadaran masa dengan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.8 Pengiktirafan Hasil (Sambungan)

*Hasil Dividen*

Hasil dividen daripada pelaburan adalah diiktiraf apabila hak Suruhanjaya untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

### 2.9 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 2.10 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### 2.11 Maklumat Bajet

Suruhanjaya tidak menyediakan maklumat bajet bagi kumpulan wang ini kerana tiada sebarang bajet tahunan dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan yang khusus untuk memberi pembiayaan kepada koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi.

### 2.12 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 2.13 Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya, atau sebaliknya.

### 2.14 Ekuiti

Ekuiti ialah faedah sisa dalam aset selepas menolak semua liabiliti Suruhanjaya.

## 3. NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Kumpulan Wang Likuiditi Pusat pada tarikh penyata kedudukan kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai jangka masa yang pendek

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Tunai di bank | (a) | 53,829 | 64,925 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | (b) | 401,803,000 | 376,616,000 |
| Baki pada 31 Disember | | **401,856,829** | **376,680,925** |

| **(a) Tunai di Bank:** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Akaun Semasa (Terimaan) - CIMB Bank Berhad | 640 | 3,966 |
| Akaun Semasa (Bayaran) - CIMB Bank Berhad | 49,745 | 54,228 |
| Akaun Semasa (Pelaburan) - CIMB Bank Berhad | 492 | 4,761 |
| Akaun Semasa (Terimaan) - CIMB Islamic Bank Berhad | 976 | 985 |
| Akaun Semasa (Bayaran) - CIMB Islamic Bank Berhad | 976 | 985 |
| Akaun Semasa (Pelaburan) - CIMB Islamic Bank Berhad | 1,000 | - |
| | 53,829 | 64,925 |

| **(b) Pelaburan Al-Mudharabah:** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| MIDF Amanah Investment Bank Berhad | 30,805,000 | 27,890,000 |
| RHB Bank Berhad | 27,259,000 | - |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 17,921,000 | 148,051,000 |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad | 135,961,000 | 143,045,000 |
| Kuwait Finance House Malaysia Berhad | 1,942,000 | 14,000,000 |
| MBSB Bank Berhad | 41,305,000 | 43,630,000 |
| Bank Muamalat Berhad | 114,257,000 | - |
| Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad | 29,817,000 | - |
| KAF Investment Bank Berhad | 2,536,000 | - |
| | 401,803,000 | 376,616,000 |

Pelaburan Al-Mudharabah dibuat untuk pelbagai tempoh antara 1 bulan sehingga 12 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan Wang Likuiditi Pusat dan memperoleh keuntungan pada kadar Pelaburan Al-Mudharabah. Purata wajaran kadar faedah berkesan pada 31 Disember 2023 adalah **3.83%** setahun (2022: 2.55% setahun).

Pelaburan Al-Mudharabah ialah wang yang dipegang sebagai amanah dan dengan itu, penggunaan adalah terhad mengikut undang-undang.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. PELBAGAI PENGHUTANG

Pelbagai Penghutang adalah merupakan urusniaga pertukaran belum terima yang terdiri daripada keuntungan pelaburan Al-Mudharabah yang diakrukan bagi sesuatu tahun kewangan berakhir.

## 6. CARUMAN KOPERASI YANG BELUM DITERIMA

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Koperasi Tenaga Nasional Berhad | - | 176,173 |
| Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad | - | 119,364 |
| Koperasi Shamelin Berhad | - | 35,721 |
| Koperasi Wawasan Malaysia Berhad | 279,230 | 278,195 |
| Koperasi MCIS Berhad | 1,124 | - |
| Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad | 56,769 | 48,775 |
| | **337,123** | **658,228** |

Ini adalah merupakan urus niaga bukan pertukaran belum terima.

## 7. PELABURAN

*Pelaburan Unit Amanah*

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| PMB Investment Berhad | 12,630,707 | 12,630,707 |
| | **12,630,707** | **12,630,707** |

| **Nilai Aset Bersih *('Net Asset Value or NAV')*** | **2023<br>RM** | **2022<br>RM** |
|---|---|---|
| PMB Investment Berhad | 9,785,805 | 9,912,246 |
| | **9,785,805** | **9,912,246** |

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### 8. PELBAGAI PEMIUTANG

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Bayaran Audit - Fi | | 6,000 | 6,000 |
| Bayaran Audit - Lain-lain | | 1,306 | 1,172 |
| Caruman Koperasi Terlebih Bayar | (a) | 2,441,950 | 1,484,841 |
| Pulangan Atas Caruman | Nota 12 | 3,311,591 | - |
| | | **5,760,847** | **1,492,013** |

Ini adalah merupakan urusniaga pertukaran dan bukan pertukaran belum bayar.

| **(a) Caruman Koperasi Terlebih Bayar** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki 1 Januari | 1,484,841 | 5,288,497 |
| Tambahan / (Kurangan) dalam tahun | 957,109 | (3,803,656) |
| Baki pada 31 Disember | 2,441,950 | 1,484,841 |

| **Senarai caruman koperasi terlebih bayar:** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad | 513,692 | - |
| Koperasi Kakitangan Petronas Berhad | 43,608 | - |
| Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad | 1,391,892 | - |
| Koperasi National Land Finance Cooperative Society Berhad | 45,677 | 37,690 |
| Koperasi Pekerja-pekerja Kerajaan Negeri Sabah Berhad | 49,673 | 47,400 |
| Koperasi Kakitangan Felda Malaysia Berhad | 159,590 | 230,685 |
| Koperasi Serbaguna Kakitangan Mas Malaysia Berhad | - | 124,606 |
| Koperasi Koswip Malaysia Berhad | 17,051 | - |
| Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad | 19,613 | 15,353 |
| Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad | 25,571 | 19,615 |
| Koperasi Permodalan Felda Berhad | 42,430 | 816,180 |
| Koperasi Shamelin Berhad | 13,422 | - |
| Koperasi Serbausaha Makmur Berhad | 1,306 | 193,312 |
| Koperasi Telekom Malaysia Berhad | 111,715 | - |
| Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad | 6,710 | - |
| | 2,441,950 | 1,484,841 |

24

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 9. CARUMAN WAJIB OLEH KOPERASI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki 1 Januari | 330,332,517 | 325,577,779 |
| Tambahan dalam tahun | 14,473,303 | 5,930,611 |
| Tolak: Lebihan caruman | (2,223,315) | (1,175,873) |
| Baki pada 31 Disember | **342,582,505** | **330,332,517** |

| **Nama-nama Koperasi** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 200,000,000 | 200,000,000 |
| Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad | 22,384,427 | 22,898,119 |
| Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad | 70,031,180 | 56,068,290 |
| Koperasi Guru-Guru Sekolah Malaysia Berhad | 1,478,701 | 1,506,063 |
| Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad | 583,548 | 576,885 |
| Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad | 51,226 | 1,443,118 |
| Koperasi Kakitangan Felda Malaysia Berhad | 1,583,540 | 1,512,445 |
| Koperasi Kakitangan Petronas Berhad | 2,550,891 | 2,594,499 |
| Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi Mara Berhad | 843,162 | 851,188 |
| Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad | 1,438,413 | 1,392,636 |
| Koperasi Koswip Malaysia Berhad | 1,148,406 | 1,165,457 |
| Koperasi MCIS Berhad | 697,863 | 696,739 |
| Koperasi NLCFS Berhad | 3,415,631 | 3,423,618 |
| Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad | 640,344 | 647,053 |
| Koperasi Pekerja-pekerja Kerajaan Negeri Sabah Berhad | 500,397 | 502,670 |
| Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad | 22,817,440 | 22,859,870 |
| Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad | 5,629,794 | 5,335,513 |
| Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad | 393,851 | 399,808 |
| Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad | 211,326 | 203,333 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 9. CARUMAN WAJIB OLEH KOPERASI (SAMBUNGAN)

| **Nama-nama Koperasi (sambungan)** | **2023 RM** | **2022 RM** |
|---|---|---|
| Koperasi Serbaguna Kakitangan Mas Malaysia Berhad | 512,866 | 538,490 |
| Koperasi Serbausaha Makmur Berhad | 426,880 | 428,186 |
| Koperasi Shamelin Berhad | 288,928 | 302,351 |
| Koperasi Telekom Malaysia Berhad | 1,315,300 | 1,427,015 |
| Koperasi Tenaga Nasional Berhad | 2,228,604 | 2,146,158 |
| Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad | 117,906 | 122,167 |
| Koperasi Wawasan Malaysia Berhad | 1,291,881 | 1,290,846 |
| Jumlah Caruman Wajib | 342,582,505 | 330,332,517 |

Caruman wajib bagi 26 koperasi adalah berdasarkan penyata kewangan teraudit koperasi bagi tahun kewangan 2022 atau sekurang-kurangnya yang terkini diaudit.

Caruman wajib oleh koperasi ini adalah caruman yang melebihi tempoh setahun berdasarkan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010.

## 10. RIZAB PENGURUSAN KUMPULAN WANG (RPKW)

| | **2023 RM** | **2022 RM** |
|---|---|---|
| Baki 1 Januari | 5,479,561 | 5,153,983 |
| Tambahan Dalam Tahun | 330,333 | 325,578 |
| Bayaran dalam tahun | - | - |
| Baki pada 31 Disember | **5,809,894** | **5,479,561** |

Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP) Bilangan 1 Tahun 2018 pada 4 September 2018 telah meluluskan penukaran status caj pengurusan KWLP bagi tahun 2015 dan 2017 kepada akaun rizab yang dinamakan Rizab Pengurusan Kumpulan Wang (RPKW).

Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat Bilangan 3/2023 pada 4 Disember 2023 telah bersetuju atas cadangan pindahan ke akaun rizab RPKW : KWLP pada kadar 0.1% bagi tahun 2023 berdasarkan penyata kewangan teraudit 31 Disember 2022 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah SKM Bil. 1/2024 pada 2 April 2024.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 11. KEUNTUNGAN PELABURAN DAN DIVIDEN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Keuntungan Pelaburan Al-Mudharabah | 15,373,673 | 9,602,997 |
| Pendapatan Dividen | - | 261,136 |
| | **15,373,673** | **9,864,133** |

Ini adalah merupakan urusniaga pertukaran belum terima.

## 12. PULANGAN ATAS CARUMAN

Pulangan atas caruman diagihkan berdasarkan 1% (2022: 0.6%) daripada jumlah caruman koperasi (jumlah yang telah dibayar oleh koperasi termasuk lebihan caruman yang masih dikekalkan oleh koperasi sehingga tahun kewangan koperasi berakhir 31 Disember 2022). Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat Bilangan 3/2023 pada 4 Disember 2023 telah bersetuju atas cadangan pulangan caruman bagi tahun 2023 berdasarkan penyata kewangan teraudit 31 Disember 2022 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah SKM Bil. 1/2024 pada 2 April 2024.

Pulangan atas caruman telah diperuntukan dibawah Seksyen 42(3) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] dan Peraturan 10, Peraturan Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010.

| **Pulangan Atas Caruman** | **2023**<br>**RM** | **2022**<br>**RM** |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 2,000,000 | 1,200,000 |
| Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad | 228,981 | 127,922 |
| Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad | 560,683 | 318,133 |
| Koperasi Guru-Guru Sekolah Malaysia Berhad | 15,061 | 8,905 |
| Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad | 5,769 | 3,375 |
| Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad | 13,238 | 7,070 |
| Koperasi Kakitangan Felda Malaysia Berhad | 17,431 | 10,459 |
| Koperasi Kakitangan Petronas Berhad | 25,945 | 14,436 |
| Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi Mara Berhad | 8,512 | 5,094 |
| Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad | 13,926 | 7,930 |
| Koperasi Koswip Malaysia Berhad | 11,654 | 8,677 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 12. PULANGAN ATAS CARUMAN (SAMBUNGAN)

| Pulangan Atas Caruman (sambungan) | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Koperasi MCIS Berhad | 6,967 | 4,117 |
| Koperasi National Land Finance Cooperative Society Berhad | 34,613 | 20,768 |
| Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad | 6,471 | 3,870 |
| Koperasi Pekerja-pekerja Kerajaan Negeri Sabah Berhad | 5,501 | 3,300 |
| Koperasi Permodalan Felda Berhad | 236,760 | 169,242 |
| Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad | 53,355 | 27,465 |
| Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad | 4,194 | 2,517 |
| Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad | 1,546 | 927 |
| Koperasi Serbaguna Kakitangan Mas Malaysia Berhad | 6,631 | 3,979 |
| Koperasi Serbausaha Makmur Berhad | 6,215 | 3,729 |
| Koperasi Shamelin Berhad | 2,666 | 1,600 |
| Koperasi Telekom Malaysia Berhad | 14,270 | 8,465 |
| Koperasi Tenaga Nasional Berhad | 19,700 | 11,820 |
| Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad | 1,375 | 825 |
| Koperasi Wawasan Malaysia Berhad | 10,127 | 6,076 |
| | **3,311,591** | **1,980,699** |

## 13. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

*Risiko Kredit*

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujuf daripada akaun-akaun belum terima. Bagi baki di bank dan Pelaburan Al-Mudharabah, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### 13. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

*Risiko Kredit (sambungan)*

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi dasar Suruhanjaya bahawa semua penghutang yang ingin berurus niaga hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

*Risiko Kecairan*

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana Suruhanjaya. Risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti. Suruhanjaya pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam Tempoh Setahun<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2023** | | |
| Pelbagai Pemiutang | 5,760,713 | 5,760,713 |
| **Pada 31 Disember 2022** | | |
| Pelbagai Pemiutang | 1,492,013 | 1,492,013 |

*Risiko Kadar Faedah*

Kumpulan Wang terdedah pada Risiko Kadar Faedah kerana Suruhanjaya melabur dana pada kadar faedah tetap. Risiko ini diuruskan di peringkat Suruhanjaya mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko.

Suruhanjaya tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 13. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

*Pengurusan Risiko Modal*

Objektif utama pengurusan modal Suruhanjaya adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Suruhanjaya kekal kukuh dari segi kewangan.

## 14. PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli-ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat adalah merupakan pihak pengurusan utama. Jumlah ganjaran yang dibayar dalam tahun kewangan semasa adalah sebanyak RM1,200 (2022: RM1,800).

## 15. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun semasa.

| <u>PENYATA ALIRAN TUNAI</u> | Seperti Diaudit | Klasifikasi Semula | Seperti Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:** | | | |
| Perubahan Bersih Caruman Belum Terima | 91,488 | (91,488) | - |
| Perubahan Bersih Pelbagai Pemiutang | (3,803,586) | 3,803,586 | - |
| | (3,712,098) | 3,712,098 | - |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN:** | | | |
| Caruman Bersih Oleh Koperasi | 4,754,738 | (4,754,738) | - |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:** | | | |
| Caruman Bersih Oleh Koperasi | - | 1,042,640 | 1,042,640 |

# PENYATA KEWANGAN
## KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI



# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
# KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

## MAKLUMAT KORPORAT

**PENGERUSI**

Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B)
(Mulai 15 Mac 2024)

Rusli bin Jaafar
(Sehingga 3 Mac 2023)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**AHLI LEMBAGA PENGARAH**

1. Noor Afifah binti Abdul Razak
   Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)
2. Suhara binti Husni
   Kementerian Kewangan Malaysia
3. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar
   Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup
4. Abu Hassan Alshari bin Yahaya
   Bank Negara Malaysia
5. Rusli bin Jaafar
   Suruhanjaya Koperasi Malaysia
6. Datuk Mohd Ali bin Mansor
   Institut Koperasi Malaysia (Ikma)
7. Datuk Wong Thien Fook
8. Kumaresan A/L Aramugam
   (Mulai 1 Mei 2024)
9. Datuk Periasamy A/L Munisamy
   (Sehingga 30 April 2024)
10. Dato' Mohd Syukri bin Abdul Majid
11. Rodiyah binti Sapiee
12. Mohd Hilmy bin Yakap

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

## PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B) dan Rusli bin Jaafar iaitu dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Ahli Lembaga Pengarah, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah

| | |
|---|---|
| **LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)** | **RUSLI BIN JAAFAR** |
| Pengerusi | Ahli Lembaga Pengarah |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia | Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah
No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

4

MNC
MOHD NIZARUDDIN & CO.
Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No.8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
# KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 30.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

### Asas Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan (*Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements*) dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Professional) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI
(*SAMBUNGAN*)**

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Lembaga Pengerusi adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya dan mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang dijalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Para Ahli Lembaga Pengarah terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia. Para Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Lembaga Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para Ahli Lembaga Pengarah berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI
(*SAMBUNGAN*)**

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga Pengarah.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Lembaga Pengarah pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antaranya hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**
**(*SAMBUNGAN*)**

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi selaras dengan Akta Koperasi 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 02102/10/2024 J
Akauntan Bertauliah

MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406022

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
### PADA 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 5 | 19,704,982 | 19,298,589 |
| Pelbagai penghutang | 6 | 1,604,936 | 594,661 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 21,309,918 | 19,893,250 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Peralatan | 7 | 5 | 5 |
| Aset tak ketara | 8 | 3 | 3 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 8 | 8 |
| **Jumlah Aset** | | 21,309,926 | 19,893,258 |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pelbagai pemiutang | 9 | 8,386 | 8,232 |
| **Jumlah Liabiliti** | | 8,386 | 8,232 |
| **Aset Bersih** | | 21,301,540 | 19,885,026 |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan wang terkumpul | | 21,301,540 | 19,885,026 |
| **Jumlah Ekuiti** | | 21,301,540 | 19,885,026 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Hasil** | | | |
| ***Urusniaga Pertukaran*** | | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | | 343 | 160 |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | | 746,812 | 435,403 |
| ***Urusniaga Bukan Pertukaran*** | | | |
| Pindahan pendapatan bersih dari Akaun Pelikuidasian Koperasi | 10 | 577,629 | 223,800 |
| Pindahan baki koperasi yang diwartakan dari Akaun Pelikuidasian Koperasi | 11 | 926,267 | 228,366 |
| ***Lain-lain Pendapatan*** | | | |
| Pelbagai Terimaan | | 2,266 | - |
| **Jumlah Hasil** | | 2,253,317 | 887,729 |
| **Tolak:Belanja** | | | |
| Caj bank | | 150 | 210 |
| Caj pengurusan dana | | 288,743 | 275,520 |
| Cukai barangan dan perkhidmatan | | - | 7 |
| Bayaran audit - fi | | 7,000 | 7,000 |
| Bayaran audit - Lain-lain caj: | | | |
| Caj semasa | | 1,386 | 1,232 |
| Perbelanjaan pengembangan gerakan koperasi | 12 | 539,524 | 2,075,650 |
| Susutnilai peralatan | | - | 28,198 |
| Pelunasan aset tak ketara | | - | 22,634 |
| **Jumlah Belanja** | | 836,803 | 2,410,451 |
| **Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun** | | 1,416,514 | (1,522,722) |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

10

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

### PENYATA PERUBAHAN EKUITI
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Kumpulan Wang Terkumpul | Jumlah Ekuiti |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | 21,407,748 | 21,407,748 |
| Kurangan bagi tahun | (1,522,722) | (1,522,722) |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | 19,885,026 | 19,885,026 |
| | | |
| **Baki Pada 1 Januari 2023** | 19,885,026 | 19,885,026 |
| Lebihan bagi tahun | 1,416,514 | 1,416,514 |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | 21,301,540 | 21,301,540 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

### PENYATA ALIRAN TUNAI
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan/(Kurangan)bagi tahun | 1,416,514 | (1,522,722) |
| Pelarasan untuk: | | |
| Susutnilai peralatan | - | 28,198 |
| Pelunasan aset tak ketara | - | 22,634 |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | (746,812) | (435,403) |
| Keuntungan atas akaun semasa | (343) | (160) |
| Tunai dihasilkan/(digunakan) sebelum perubahan modal kerja | 669,359 | (1,907,453) |
| Perubahan dalam modal kerja: | | |
| Perubahan bersih dalam pelbagai penghutang | (1,051,730) | 2,484,561 |
| Perubahan bersih dalam deposit | - | 15,000 |
| Perubahan bersih dalam pelbagai pemiutang | 154 | 70 |
| Tunai (digunakan)/dihasilkan dari aktiviti operasi | (382,217) | 592,178 |
| Hasil pendapatan faedah : | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | 343 | 160 |
| Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan daripada aktiviti operasi | (381,874) | 592,338 |
| | | |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | 788,267 | 336,333 |
| Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan | 788,267 | 336,333 |
| **Tambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai** | 406,393 | 928,671 |
| **Tunai dan keseteraan tunai pada awal tahun** | 19,298,589 | 18,369,918 |
| **Tunai dan keseteraan tunai pada akhir tahun** | 19,704,982 | 19,298,589 |
| | | |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 19,660,000 | 19,249,500 |
| Tunai di bank | 44,982 | 49,089 |
| | 19,704,982 | 19,298,589 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

12

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada pendedahan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berikutan tiada sebarang bajet tahunan yang dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi dan secara amalannya, transaksi perbelanjaan untuk membeli tanah dan bangunan atau kegunaan bagi faedah dan pembangunan pergerakan koperasi yang dibuat melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi adalah amat terhad serta dilaksanakan secara *'ad-hoc basis'*.

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Pusat Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah ditubuhkan di bawah peruntukan 75(8) Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Tujuan Kumpulan Wang diwujudkan adalah untuk manfaat dan pembangunan pergerakan koperasi serta melabur sumber kewangan yang diterima dengan mendepositkannya ke dalam bank-bank berlesen seperti yang terdapat di Peraturan 36(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Kumpulan Wang Pusat Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam tahun kewangan semasa.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ( Kumpulan Wang Pusat Koperasi ) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjava Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024**.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Kumpulan Wang Pusat Koperasi) 2010 melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya. Pindaan baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

i) MPSAS 1, *Presentation of Financial Statements*
ii) MPSAS 2, *Cash Flow Statements*
iii) MPSAS 3, *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors*
iv) MPSAS 9, *Revenue from Exchange Transactions*
v) MPSAS 14, *Events After The Reporting Date*
vi) MPSAS 17, *Property, Plant and Equipment*
vii) MPSAS 19, *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*
viii) MPSAS 20, *Related Party Disclosures*
ix) MPSAS 21, *Impairment of Non-Cash-Generating Assets*
x) MPSAS 23, *Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes and Transfers)*
xi) MPSAS 24, *Presentation of Budget Information in Financial Statements*
xii) MPSAS 28, *Financial Instruments: Presentation*
xiii) MPSAS 29, *Financial Instruments: Recognition and Measurement*
xiv) MPSAS 30, *Financial Instruments: Disclosures*
xv) MPSAS 31, *Intangible Assets*

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan-pindaan di atas di dalam tahun kewangan semasa.

Suruhanjaya juga berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

### 3.1 Peralatan

Semua item-item peralatan pada awalnya direkod pada kos. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun buku aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana berpatutan, hanya apabila manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan bersangkutan dengan item tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai buku bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua penyelenggaraan dan membaik pulih dicaj ke penyata prestasi kewangan dalam tahun kewangan di mana ianya dibelanjakan.

Selepas pengiktirafan awal, peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Dasar pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah mengikut dasar kemerosotan aset. Susutnilai bagi peralatan dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susutnilai tahunan bagi pelbagai jenis peralatan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Perkakasan komputer | 20% |
| Perabot dan alat kelengkapan lain | 20% |
| Perkakasan ICT | 20% |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.1 Peralatan (sambungan)

Susut nilai aset bermula apabila aset tersedia untuk digunakan, iaitu apabila aset berada di lokasi dan dalam keadaan yang perlu untuk membolehkan aset beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

Nilai baki, jangka hayat dan kaedah susut nilai aset dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan bagi memastikan ianya menggambarkan anggaran manfaat-manfaat ekonomi masa depan dan potensi perkhidmatan yang dikecapi dari aset-aset tersebut. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penjualan sesuatu aset ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan penjualan bersih yang dianggarkan dan nilai buku aset, dan akan direkodkan dalam penyata prestasi kewangan.

### 3.2 Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diperolehi secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk. Aset tak ketara dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.3 Pindahan dari APK

Wang koperasi diwartakan adalah baki simpanan koperasi dalam Akaun Pelikuidasian Koperasi yang tidak dituntut selepas dua tahun diwartakan setelah proses pembahagian wang berakhir. Wang ini dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pusat Koperasi sebagai terimaan, selaras dengan peruntukan Seksyen 79(4) Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

Pendapatan bersih yang diterima daripada pelaburan dan simpanan tetap oleh Akaun Pelikuidasian Koperasi juga dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pusat Koperasi selaras dengan peruntukan Seksyen 75(8) Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

### 3.4 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.4 Aset Kewangan (sambungan)

Pinjaman dan Belum Terima (sambungan)

Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Pelaburan Dipegang Hingga Tarikh Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan pelaburan Al-Mudharabah yang mempunyai tempoh matang kurang daripada setahun dan tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3.6 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan,dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.7 Pengiktirafan Hasil

*Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

*Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah*

Keuntungan daripada pelaburan Al-Mudharabah diiktiraf di dalam penyata kewangan mengikut kaedah perkadaran masa dengan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

*Keuntungan atas akaun semasa*

Keuntungan atas akaun semasa akan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

*Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran*

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

### 3.8 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

(i) *Aset Penjanaan Tunai*

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

20

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.8 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

(i) *Aset Penjanaan Tunai (sambungan)*

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa asei melebihi amaun boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan yang boleh diperolehi semula sekiranya aset dicairkan, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

(ii) *Aset Penjanaan Bukan Tunai*

Suruhanjaya akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Suruhanjaya akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Suruhanjaya telah menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai.

Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.8 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

(ii) *Aset Penjanaan Bukan Tunai (sambungan)*

Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susutnilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam penyata prestasi kewangan.

### 3.9 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
ii) pembayaran tertunggak;
iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.9 Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

### 3.10 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 3.11 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### 3.12 Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting keatas Suruhanjaya, atau sebaliknya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**3.13 Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan ini kecuali yang dinyatakan dibawah.

*Susutnilai peralatan dan aset tak ketara*

Aset akan disusutnilai atau dilunaskan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai atau pelunasan, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu aset itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

**3.14 Ekuiti**

Ekuiti ialah faedah sisa dalam aset selepas menolak semua liabiliti Suruhanjaya.

**4. NILAI SAKSAMA**

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai jangka masa yang pendek.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Tunai di bank | a) | 44,982 | 49,089 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | b) | 19,660,000 | 19,249,500 |
| | | 19,704,982 | 19,298,589 |

a) Tunai di bank

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Akaun Semasa CIMB Bank Berhad | 40,810 | 47,535 |
| Akaun Semasa CIMB Bank Berhad (Pelaburan) | 2,196 | 569 |
| Akaun Semasa CIMB Islamik Bank Berhad | 976 | 985 |
| Akaun Semasa CIMB Bank Berhad (Pelaburan) Islamik | 1,000 | - |
| | 44,982 | 49,089 |

b) Pelaburan Al-Mudharabah

Pelaburan Al-Mudharabah dibuat untuk pelbagai tempoh antara 1 bulan sehingga 12 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan Wang Pusat Koperasi dan memperoleh faedah pada kadar Pelaburan Al-Mudharabah. Purata wajar kadar faedah berkesan pada 31 Disember 2023 3.80% setahun (2022 : 2.26%) setahun.

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 1,500,000 | 4,259,500 |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad | 9,052,000 | 11,980,000 |
| Kuwait Finance House (M) Berhad | - | 1,020,000 |
| MBSB Bank Berhad | - | 1,990,000 |
| MIDF Amanah Investment Bank Bhd | 1,108,000 | - |
| Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd | 2,900,000 | - |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad | 5,100,000 | - |
| | 19,660,000 | 19,249,500 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 6. PELBAGAI PENGHUTANG

| | NOTA | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pelbagai penghutang terdiri daripada: | | | |
| Akaun Pelikuidasian Koperasi | a) | 1,503,896 | 452,166 |
| Keuntungan pelaburan Al-Mudharabah belum terima | | 101,040 | 142,495 |
| | | **1,604,936** | **594,661** |

a) Akaun Pelikuidasian Koperasi

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 452,166 | 2,936,720 |
| Pindahan pendapatan bersih belum bayar bagi tahun semasa | 577,629 | 223,800 |
| Pindahan baki simpanan koperasi yang diwartakan | 926,267 | 228,366 |
| Penerimaan tahun semasa | (452,166) | (2,936,720) |
| Baki pada 31 Disember | 1,503,896 | 452,166 |

## 7. PERALATAN

| | Komputer<br>RM | Alat Kelengkapan yang lain<br>RM | Perkakasan ICT<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| **Nilai dibawa** | | | | |
| **Baki pada 1 Januari 2023 / 31 Disember 2023** | **1** | **2** | **2** | **5** |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | | | | |
| Kos | 878,545 | 67,903 | 73,103 | 1,019,551 |
| Susutnilai terkumpul | (878,544) | (67,901) | (73,101) | (1,019,546) |
| Nilai dibawa | **1** | **2** | **2** | **5** |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | | | | |
| Kos | 878,545 | 67,903 | 73,103 | 1,019,551 |
| Susutnilai terkumpul | (878,544) | (67,901) | (73,101) | (1,019,546) |
| Nilai dibawa | **1** | **2** | **2** | **5** |
| Susutnilai 2022 | - | 13,577 | 14,621 | 28,198 |

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 8. ASET TAK KETARA

| | Perisian Komputer | Rakaman Video Korporat SKM | Gubahan Lagu Korporat SKM | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| **Nilai dibawa** | | | | |
| **Baki pada 1 Januari 2023 / 31 Disember 2023** | 1 | 1 | 1 | 3 |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | | | | |
| Kos | 59,790 | 53,698 | 59,491 | 172,979 |
| Pelunasan terkumpul | (59,789) | (53,697) | (59,490) | (172,976) |
| Nilai dibawa | 1 | 1 | 1 | 3 |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | | | | |
| Kos | 59,790 | 53,698 | 59,491 | 172,979 |
| Pelunasan terkumpul | (59,789) | (53,697) | (59,490) | (172,976) |
| Nilai dibawa | 1 | 1 | 1 | 3 |
| Pelunasan 2022 | - | 10,737 | 11,897 | 22,634 |

## 9. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Bayaran Audit – Fi | 7,000 | 7,000 |
| Bayaran Audit – Lain-lain | 1,386 | 1,232 |
| | **8,386** | **8,232** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 10.PINDAHAN PENDAPATAN BERSIH DARI AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI

Pendapatan bersih yang dihasilkan daripada deposit atau pelaburan oleh Akaun Pelikuidasian Koperasi hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pusat Koperasi selaras dengan peruntukan Seksyen 75(8) Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

## 11.PINDAHAN BAKI KOPERASI YANG DIWARTAKAN DARI AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI

Selaras dengan Subseksyen 79(4) di bawah Akta Koperasi 1993, apa-apa baki wang sesuatu koperasi yang tinggal di dalam Akaun Pelikuidasian Koperasi selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh penyiaran notis dalam warta hendaklah dikreditkan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi.

## 12.PERBELANJAAN PENGEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN GERAKAN KOPERASI

Peraturan 36(2) di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Akta Koperasi 1993 memberi kuasa kepada Suruhanjaya menggunakan wang Kumpulan Wang Pusat Koperasi bagi manfaat dan pembangunan gerakan koperasi. Sehingga 31 Disember 2023 sebanyak RM539,524 telah dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pusat Koperasi (2022: RM2,075,650).

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Saguhati, Hadiah dan Elaun | - | 15,400 |
| Perbelanjaan Kos Pelikuidasian Koperasi | 39,524 | 45,250 |
| Pemberian kepada Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi | 500,000 | 2,000,000 |
| Lain-lain Perbelanjaan | - | 15,000 |
| | **539,524** | **2,075,650** |

## 13.PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti – aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli Lembaga Pengarah adalah merupakan pihak pengurusan utama.

Tiada ganjaran dibayar kepada kakitangan penting pihak pengurusan di dalam tahun kewangan semasa.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 14. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **Akaun Pelikuidasian Koperasi** | | |
| Pindahan pendapatan bersih dari Akaun Pelikuidasian Koperasi | 577,629 | 223,800 |
| Pindahan baki koperasi yang diwartakan dari Akaun Pelikuidasian Koperasi | 926,267 | 228,366 |
| | **1,503,896** | **452,166** |
| **Kumpulan Wang Operasi** | | |
| Caj pengurusan dana | **288,743** | **275,520** |
| **Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi** | | |
| Pemberian kepada Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi | **500,000** | **2,000,000** |

## 15. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

***Risiko kredit***

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi baki di bank dan pelaburan Al-Mudharabah, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik.

***Risiko Kecairan***

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Suruhanjaya tidak mempunyai risiko kecairan yang ketara.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 15.PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN(SAMBUNGAN)

***Risiko Kadar Faedah***

Suruhanjaya terdedah kepada Risiko Kadar Faedah kerana Suruhanjaya melabur dana pada Kadar Faedah Tetap. Risiko ini diuruskan di peringkat Suruhanjaya mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko.

Suruhanjaya tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

***Pengurusan Risiko Modal***

Objektif utama pengurusan risiko modal Suruhanjaya adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Suruhanjaya kekal kukuh dari segi kewangan.

# PENYATA KEWANGAN
## AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**MAKLUMAT KORPORAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PENGERUSI** | | Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B)<br>(Mulai 15 Mac 2024)<br><br>Rusli bin Jaafar<br>(Sehingga 3 Mac 2023)<br>Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **AHLI LEMBAGA PENGARAH** | 1. | Noor Afifah binti Abdul Razak<br>Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) |
| | 2. | Suhara binti Husni<br>Kementerian Kewangan Malaysia |
| | 3. | Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar<br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup |
| | 4. | Abu Hassan Alshari bin Yahaya<br>Bank Negara Malaysia |
| | 5. | Rusli bin Jaafar<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 6. | Datuk Mohd Ali bin Mansor<br>Institut Koperasi Malaysia (Ikma) |
| | 7. | Datuk Wong Thien Fook |
| | 8. | Kumaresan A/L Aramugam<br>(Mulai 1 Mei 2024) |
| | 9. | Datuk Periasamy A/L Munisamy<br>(Sehingga 30 April 2024) |
| | 10. | Dato' Mohd Syukri bin Abdul Majid |
| | 11. | Rodiyah binti Sapiee |
| | 12. | Mohd Hilmy bin Yakap |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)**

| | |
|---|---|
| **PEJABAT BERDAFTAR** | Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Changkat Semantan<br>Off Jalan Semantan, Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur |
| **JURUAUDIT** | MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)<br>Akauntan Bertauliah (M)<br>No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra<br>Jalan Citra, 43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan |
| **BANK UTAMA** | Malayan Banking Berhad<br>Cawangan Utama, Tingkat 1,<br>Menara Maybank, Jalan Tun Perak,<br>50050 Kuala Lumpur. |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B) dan Rusli bin Jaafar iaitu dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Ahli Lembaga Pengarah, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia *[Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah

**LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)**
Pengerusi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**RUSLI BIN JAAFAR**
Ahli Lembaga Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah

No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

4

MNC

MOHD NIZARUDDIN & CO.
Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi (Suruhanjaya), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 25.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia *[Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)]*, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan – Peraturan Koperasi 2010.

### Asas Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan *(Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements)* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) oleh Institut Akauntan Malaysia (Undang-undang Kecil) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabanga)("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI
*(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Para Ahli Lembaga Pengarah terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia *[Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)]*, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan – Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia. Para Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Lembaga Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para Ahli Lembaga Pengarah berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga Pengarah.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Lembaga Pengarah pada asas perakaunana usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli Lembaga Pengarah Suruhanhaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan – Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

| | |
|---|---|
| MOHD NIZARUDDIN & CO. | MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA |
| AF 1312 | No. 2102/10/2024 J |
| Akauntan Bertauliah (M) | Akauntan Bertauliah |

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406023

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 5 | 22,634,076 | 22,261,696 |
| Pelbagai penghutang | 6 | 133,203 | 96,454 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **22,767,279** | **22,358,150** |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pelbagai pemiutang | 7 | 1,509,906 | 458,066 |
| Simpanan koperasi dalam Akaun Pelikuidasian Koperasi | 8 | 21,257,373 | 21,900,084 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **22,767,279** | **22,358,150** |
| **Aset Bersih** | | - | - |
| **EKUITI** | | | |
| **Jumlah Ekuiti** | | - | - |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| ***Urusniaga Pertukaran*** | | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | | 2,250 | 2,451 |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | | 891,979 | 537,447 |
| **Jumlah Hasil** | | **894,229** | **539,898** |
| **Tolak:Belanja** | | | |
| Caj bank | | 380 | 343 |
| Caj pengurusan dana | | 310,210 | 309,855 |
| Bayaran audit - fi | | 4,800 | 4,800 |
| Bayaran audit - lain-lain: | | | |
| Caj semasa | | 1,210 | 1,100 |
| **Jumlah perbelanjaan sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi** | | 316,600 | 316,098 |
| Pindahan pendapatan bersih ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi | 9 | 577,629 | 223,800 |
| **Jumlah Belanja** | | **894,229** | **539,898** |
| **Lebihan/(Kurangan) bagi tahun** | | - | - |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada penyata perubahan ekuiti disediakan. Pendapatan bersih yang dihasilkan dari Akaun Pelikuidasian Koperasi hendaklah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi selaras dengan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Akta Koperasi 1993.

---

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | 2023<br>RM | *Seperti Dinyatakan Semula*<br>2022<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan/(Kurangan) bagi tahun | - | - |
| Pelarasan untuk: | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | (2,250) | (2,451) |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | (891,979) | (537,447) |
| Tunai digunakan sebelum perubahan modal kerja | (894,229) | (539,898) |
| Perubahan bersih dalam pelbagai pemiutang | 125,573 | (2,713,509) |
| Perubahan bersih dalam simpanan koperasi dalam Akaun Pelikuidasian Koperasi | 283,556 | 4,099,494 |
| **Tunai (digunakan) untuk/dihasilkan daripada aktiviti operasi** | (485,100) | 846,087 |
| Hasil pendapatan faedah: | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | 2,250 | 2,451 |
| **Tunai bersih (digunakan) untuk/dihasilkan daripada aktiviti operasi** | (482,850) | 848,538 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah | 855,230 | 532,193 |
| **Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan** | 855,230 | 532,193 |
| Peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai | 372,380 | 1,380,731 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 22,261,696 | 20,880,965 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | **22,634,076** | **22,261,696** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | |
| Tunai di bank | 120,426 | 1,581,046 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 22,513,650 | 20,680,650 |
| | **22,634,076** | **22,261,696** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

12

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada pendedahan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berikutan tiada sebarang bajet tahunan yang dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan khusus bagi Akaun Pelikuidasian Koperasi iaitu sebagai akaun deposit sementara menunggu agihan dan tuntutan wang koperasi yang sedang dilikuidasi.

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Aktiviti utama Akaun Pelikuidasian Koperasi adalah untuk memegang baki wang yang diterima daripada koperasi-koperasi yang telah dibatalkan pendaftarannya. Ianya dipegang dan ditadbir oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Peruntukan 75(8), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peruntukan 41(3) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665).

Satu skim yang dinamakan Skim Pembahagian Aset akan disediakan oleh Pegawai Pelikuidasian untuk diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebelum pembayaran dibuat. Baki wang koperasi yang tidak dituntut akan dimansuhkan selepas dua tahun daripada tarikh warta. Tuntutan koperasi dimansuhkan ini akan dipindahkan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi selaras dengan Peruntukan 79(4) Akta Koperasi 1993.

Keuntungan yang diterima daripada pelaburan Al-Mudharabah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi juga akan dipindahkan ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Pusat Koperasi selaras dengan Peruntukan 75(8) Akta Koperasi 1993.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Akaun Pelikuidasian Koperasi dalam tahun semasa.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Pelikuidasian Koperasi) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024**.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* ('MPSAS')], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-peraturan Koperasi 2010 melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pindaan baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

i) MPSAS 1, *Presentation of Financial Statements*
ii) MPSAS 2, *Cash Flow Statements*
iii) MPSAS 3, *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors*
iv) MPSAS 9, *Revenue from Exchange Transactions*
v) MPSAS 14, *Events After The Reporting Date*
vi) MPSAS 20, *Related Party Disclosures*
vii) MPSAS 23, *Revenue From Non-Exchange Transactions (Taxes and Transfers)*
viii) MPSAS 24, *Presentation of Budget Information in Financial Statements*
ix) MPSAS 28, *Financial Instruments: Presentation*
x) MPSAS 29, *Financial Instruments: Recognition and Measurement*
xi) MPSAS 30, *Financial Instruments: Disclosures*

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan-pindaan di atas di dalam tahun kewangan semasa.

Suruhanjaya juga berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 3.1 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING(SAMBUNGAN)

### 3.1 Aset Kewangan (sambungan)

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Pelikuidasian Koperasi hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Pelaburan Dipegang Hingga Matang*

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING(SAMBUNGAN)

### 3.1 Aset Kewangan (sambungan)

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Akaun Pelikuidasian Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.2 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan pelaburan Al-Mudharabah yang mempunyai tempoh matang kurang daripada setahun dan tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

### 3.3 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING(SAMBUNGAN)

### 3.3 Liabiliti Kewangan (sambungan)

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.4 Pengiktirafan Hasil

*Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran*

Hasil daripada urusniaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Ia diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir masuk kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

*Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah*

Keuntungan atas pelaburan Al-Mudharabah diiktiraf di dalam penyata kewangan mengikut kaedah perkadaran masa dengan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING(SAMBUNGAN)

### 3.4 Pengiktirafan Hasil (sambungan)

*Keuntungan atas akaun semasa*

Keuntungan atas akaun semasa akan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

### 3.5 Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh pinjaman;
ii) Pembayaran tertunggak;
iii) Kemungkinan bahawa pinjaman akan muflis; atau
iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta merta.

### 3.6 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING(SAMBUNGAN)

### 3.6 Peruntukan (sambungan)

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 3.7 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### 3.8 Pertimbangan Perkaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpuasan Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan.

### 3.9 Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menanggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya atau sebaliknya.

### 3.10 Ekuiti

Ekuiti ialah faedah sisa dalam aset selepas menolak semua liabiliti Suruhanjaya.

## 4. NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Akaun Pelikuidasian Koperasi pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai jangka masa yang pendek.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Tunai di bank | a) | 120,426 | 1,581,046 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | b) | 22,513,650 | 20,680,650 |
| | | **22,634,076** | **22,261,696** |

a) Tunai di bank

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Malayan Banking Berhad | 118,298 | 1,579,798 |
| Malayan Banking Berhad (Akaun Semasa Pelaburan) | 2,128 | 1,248 |
| | 120,426 | 1,581,046 |

b) Pelaburan Al-Mudharabah

Pelaburan Al-Mudharabah dibuat untuk pelbagai tempoh antara 1 bulan sehingga 12 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Akaun Pelikuidasian Koperasi dan memperoleh faedah pada kadar Pelaburan Al-Mudharabah. Purata wajaran kadar faedah berkesan pada 31 Disember 2023 [3.96%] setahun (2022: 2.60% setahun).

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Kuwait Finance House Malaysia Berhad | - | 3,130,000 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 1,180,000 | 11,082,650 |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad | 7,479,000 | 4,168,000 |
| MIDF Amanah Investment Bank Berhad | 1,378,000 | 2,300,000 |
| RHB Bank Berhad | 3,646,500 | - |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad | 5,382,650 | - |
| KAF Investment Bank Berhad | 1,122,500 | - |
| Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad | 2,325,000 | - |
| | 22,513,650 | 20,680,650 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 6. PELBAGAI PENGHUTANG

Pelbagai penghutang adalah merupakan urusniaga pertukaran belum terima yang terdiri daripada keuntungan pelaburan Al-Mudharabah yang diakrukan bagi sesuatu tahun kewangan berakhir.

## 7. PELBAGAI PEMIUTANG

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Pelbagai pemiutang terdiri daripada : | | | |
| Pemiutang Kumpulan Wang Pusat Koperasi | (a) | 1,503,896 | 452,166 |
| Bayaran audit - fi | | 4,800 | 4,800 |
| Bayaran audit - lain-lain | | 1,210 | 1,100 |
| | | **1,509,906** | **458,066** |

(a) Pemiutang Kumpulan Wang Pusat Koperasi
Pemiutang Kumpulan Wang Pusat Koperasi merupakan amaun pindahan belum bayar kepada Kumpulan Wang Pusat Koperasi. Urusniaga ini adalah merupakan urusniaga bukan pertukaran belum bayar:

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | | 452,166 | 2,936,720 |
| Pindahan pendapatan bersih belum bayar bagi tahun semasa | 9 | 577,629 | 223,800 |
| Pindahan baki simpanan koperasi yang diwartakan | 11 | 926,267 | 228,366 |
| Pembayaran tahun semasa | | (452,166) | (2,936,720) |
| Baki pada 31 Disember | | 1,503,896 | 452,166 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. SIMPANAN KOPERASI DALAM AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 21,900,084 | 18,028,955 |
| Penerimaan dalam tahun semasa | 1,263,847 | 4,479,302 |
| Pengeluaran dalam tahun semasa | (980,291) | (379,807) |
| Pindahan baki simpanan koperasi yang diwartakan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi | (926,267) | (228,366) |
| Baki Pada 31 Disember | **21,257,373** | **21,900,084** |

## 9. PINDAHAN PENDAPATAN BERSIH KE KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

Peraturan 35(2) di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Akta Koperasi 1993, pendapatan bersih yang dihasilkan daripada deposit atau pelaburan oleh Akaun Pelikuidasian Koperasi hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pusat Koperasi.

## 10. BILANGAN KOPERASI DI DALAM PELIKUIDASIAN

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 510 | 464 |
| Tambah:Pelarasan/Tambahan dalam tahun semasa | 50 | 61 |
| Tolak: Pindahan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi | (20) | (15) |
| Baki pada 31 Disember | **540** | **510** |

## 11. KOPERASI YANG TELAH SELESAI SKIM PEMBAHAGIAN ASET DAN DIWARTAKAN MELEBIHI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Selaras dengan Subseksyen 79(4) di bawah Akta Koperasi 1993, apa-apa baki wang sesuatu koperasi yang tinggal di dalam Akaun Pelikuidasian Koperasi selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh penyiaran notis dalam warta hendaklah dikreditkan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 12. PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli Lembaga Pengarah adalah pihak pengurusan utama.

Tiada ganjaran dibayar kepada pihak pengurusan utama di dalam tahun kewangan semasa.

## 13. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

***Risiko kredit***

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendekatan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi baki di bank dan pelaburan Al-Mudaharabah, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi dasar Suruhanjaya bahawa semua penghutang yang ingin berurusan hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

***Risiko kecairan***

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Suruhanjaya tidak mempunyai risiko kecairan yang ketara.

***Risiko Kadar Faedah***

Kumpulan Wang terdedah kepada Risiko Kadar Faedah kerana kumpulan wang melabur dana pada Kadar Faedah Tetap. Risiko ini diuruskan di peringkat kumpulan wang mengikut objektif modal dan dasar pengurusan risiko. Suruhanjaya tidak mengkategorikan sebarang aset kewangan yang mempunyai kadar faedah tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Oleh itu, tiada kesan kadar faedah ke atas penyata prestasi kewangan.

***Pengurusan Risiko Modal***

Objektif utama pengurusan risiko modal Suruhanjaya adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya, termasuk perbelanjaan modal untuk memastikan bahawa Suruhanjaya kekal kukuh dari segi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 14. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Kumpulan Wang Operasi** | | |
| Caj Pengurusan Dana | **310,210** | **309,855** |
| **Kumpulan Wang Pusat Koperasi** | | |
| Pindahan pendapatan bersih ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi | 577,629 | 223,800 |
| Pindahan baki koperasi yang diwartakan ke Kumpulan Wang Pusat Koperasi | 926,267 | 228,366 |
| | **1,503,896** | **452,166** |

## 15. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun semasa.

| | Seperti diaudit<br>RM | Klasifikasi semula<br>RM | Seperti dinyatakan semula<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Penyata Aliran Tunai** | | | |
| Perubahan bersih dalam pelbagai pemiutang | (2,485,144) | (228,365) | (2,713,509) |
| Perubahan bersih dalam simpanan dalam Akaun Pelikuidasian | 3,871,129 | 228,365 | 4,099,494 |

# PENYATA KEWANGAN
## TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

## MAKLUMAT KORPORAT

| | |
|---|---|
| **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** | Rusli bin Jaafar<br>(Mulai 1 Oktober 2023)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** | Amran bin Haji Abdul Kadir<br>(Mulai 1 Ogos 2023)<br><br>Datuk Umar Sarim bin Saidin<br>(Sehingga 28 Mei 2023)<br>Timbalan Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **PIHAK PENGURUSAN (AHLI JAWATANKUASA KWA PENDIDIKAN KOPERASI / KWA PEMBANGUNAN KOPERASI)** | 1. Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>2. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>3. Siti Azlin binti Ahmad Dauta<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawalselia)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>4. Marcellinus Andreas<br>Pengarah Bahagian Audit Koperasi<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>5. Hajah Rahazawati binti Abdul Hamid<br>Pengarah Bahagian Pengurusan Pelaburan<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>6. Azizul bin Alias<br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi<br>(KUSKOP) |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)**

| | |
|---|---|
| **PEJABAT BERDAFTAR** | Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Changkat Semantan Off Jalan Semantan<br>Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur |
| **JURUAUDIT** | MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)<br>Akauntan Bertauliah (M)<br>No. 8-3B, Tingkat 3<br>Plaza Citra Jalan Citra<br>43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan |
| **BANK UTAMA** | Bank Islam Malaysia Berhad<br>Ground Floor, Unit No. CS/3B/G<br>Blok 3B, Plaza Sentral<br>50474 Kuala Lumpur |
| | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad<br>Jalan Tangsi, Bangunan Bank Rakyat<br>Tingkat Bawah, Cawangan Jalan Tangsi<br>50480 Kuala Lumpur |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**PENYATA PIHAK PENGURUSAN**

Kami, Rusli bin Jaafar dan Siti Azlin binti Ahmad Dauta iaitu dua orang daripada pihak pengurusan yang bertanggungjawab terhadap Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat pihak pengurusan, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia,Tabung Pinjaman Koperasi Kredit pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi Pihak Pengurusan

**RUSLI BIN JAAFAR**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA**
Naib Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi dan Kawal Selia)
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah
No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

MNC

**MOHD NIZARUDDIN & CO.**

Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (Suruhanjaya), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 32.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan, dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

**Asas Pendapat**

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan *(Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements)* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain**

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Professional) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT
*(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Jawatankuasa adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) di Malaysia. Para Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Jawatankuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para ahli jawatankuasa berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**
***(SAMBUNGAN)***

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Jawatankuasa pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**
**(*SAMBUNGAN*)**

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk pihak pengurusan Suruhanjaya Koperasi Malaysai, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)

MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 02102/10/2024 J
Akauntan Bertauliah

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406024

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Pinjaman Tabung Koperasi Kredit | 5 | 8,352,568 | 8,680,440 |
| Tunai Di Bank | 6 | 600,256 | 80,850 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **8,952,824** | **8,761,290** |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Pinjaman Tabung Koperasi Kredit | 5 | 11,999,588 | 20,903,413 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **11,999,588** | **20,903,413** |
| **Jumlah Aset** | | **20,952,412** | **29,664,703** |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pelbagai Pemiutang | 7 | 6,766 | 583,116 |
| Dana Diterima dari KWAPD dan KWAPB | 8 | 20,945,646 | 29,081,587 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **20,952,412** | **29,664,703** |
| **Aset Bersih** | | - | - |
| **EKUITI** | | | |
| **Jumlah Ekuiti** | | - | - |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| **Urusniaga Pertukaran** | | | |
| Keuntungan atas Akaun Semasa | 9 | 13,566 | 24,055 |
| Keuntungan atas Pinjaman Diberi | 10 | 998,839 | 1,324,169 |
| **JUMLAH HASIL** | | **1,012,405** | **1,348,224** |
| **BELANJA** | | | |
| Caj Bank | | 17 | 19 |
| Bayaran Audit - Fi | 11 | 5,500 | 5,500 |
| Bayaran Audit - Lain-lain | 11 | 1,266 | 1,142 |
| Agihan Bersih Kepada KWAPD dan KWAPB | 12 | 1,005,622 | 1,341,563 |
| **JUMLAH BELANJA** | | **1,012,405** | **1,348,224** |
| **Lebihan / (Kurangan) bagi tahun** | | - | - |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada Penyata Perubahan Ekuiti disediakan kerana Suruhanjaya tidak mempunyai lebihan atau kurangan terkumpul. Ini adalah disebabkan oleh Suruhanjaya akan mengagihkan semua lebihan ke Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:** | | |
| Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun | - | - |
| Pelarasan Untuk : | | |
| Keuntungan atas Baki Akaun Semasa | (13,566) | (24,055) |
| Keuntungan atas Pinjaman Diberi | (998,839) | (1,324,169) |
| Tunai Digunakan Sebelum Perubahan Modal Kerja | (1,012,405) | (1,348,224) |
| Perubahan dalam Modal Kerja : | | |
| Perubahan Bersih Pinjaman TPKK | 9,231,698 | 10,871,167 |
| Perubahan Bersih Pemiutang | (912,292) | (5,782) |
| Perubahan Bersih Dana Diterima dari KWAPD | (5,460,000) | (8,197,600) |
| Perubahan Bersih Dana Diterima dari KWAPB | (2,340,000) | (3,516,400) |
| Tunai Digunakan Selepas Perubahan Modal Kerja | (492,999) | (2,196,839) |
| Hasil : | | |
| Keuntungan atas Baki Akaun Semasa | 13,566 | 24,055 |
| Keuntungan atas Pinjaman Diberi | 998,839 | 1,314,577 |
| **Aliran Tunai Bersih Dihasilkan / (Digunakan) Untuk Aktiviti Operasi** | **519,406** | **(858,207)** |
| Lebihan / (Kurangan) Tunai dan Kesetaraan Tunai | 519,406 | (858,207) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 80,850 | 939,057 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun** | **600,256** | **80,850** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada :** | | |
| Tunai di Bank | **600,256** | **80,850** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada pendedahan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berikutan tiada sebarang bajet tahunan dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan Suruhanjaya ini yang khusus untuk memberi pinjaman atau pembiayaan kepada koperasi.

---

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit telah ditubuhkan dibawah peruntukan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) dan Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Tabung ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk memberi pembiayaan kepada semua koperasi yang menjalankan aktiviti kredit. Koperasi yang layak adalah koperasi yang dianggotai oleh seratus peratus (100%) kakitangan kerajaan atau kakitangan badan berkanun sahaja.

Terma Rujukan Tabung Pembiayaan Koperasi Kredit (TPKK) dijadikan garis panduan kepada Jawatankuasa Tabung PInjaman Koperasi Kredit dan pengurus tabung ini semasa menguruskan tabung ini.

Jenis pembiayaan yang diberi pertimbangan ialah pembiayaan untuk tujuan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit kepada anggota – anggota koperasi.

Pada tarikh penyata kewangan ini disediakan Suruhanjaya telah menangguhkan pengeluaran pembiayaan berdasarkan kepada arahan Pengerusi Eksekutif melalui memo yang dikemukakan oleh Bahagian Pengurusan Dana dan Pelaburan rujukan SKM.IP.(AM):7842/205 (7) bertarikh 17 Jun 2019 dan arahan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Bilangan 1/2020 bertarikh 3 Mac 2020.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit dalam tahun kewangan semasa.

Penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Tabung Pinjaman Koperasi Kredit) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024.**

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia *[Malaysia Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)*]*. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya.

Piawaian baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| *i.* | *MPSAS 1* | : | *Presentation of Financial Statements* |
| *ii.* | *MPSAS 2* | : | *Cash Flow Statements* |
| *iii.* | *MPSAS 3* | : | *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors* |
| *iv.* | *MPSAS 9* | : | *Revenue From Exchange Transactions* |
| *v.* | *MPSAS 14* | : | *Events After The Reporting Date* |
| *vi.* | *MPSAS 19* | : | *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets* |
| *vii.* | *MPSAS 20* | : | *Related Party Disclosure* |
| *viii.* | *MPSAS 28* | : | *Financial Instruments: Presentation* |
| *ix.* | *MPSAS 29* | : | *Financial Instruments : Recognition And Measurement* |
| *x.* | *MPSAS 30* | : | *Financial Instruments: Disclosure* |

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan-pindaan di atas dalam penyata kewangan tahun semasa.

Suruhanjaya juga berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas Penyata Kewangan Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai pada tahun ini adalah seperti berikut kecuali yang dinyatakan selainnya:

### 3.1 Tunai dan Kesetaraan tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank yang tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

### 3.2 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan asset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.2 Aset Kewangan (sambungan)

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.3 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman dan belum bayar.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.3 Liabiliti Kewangan (sambungan)

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.4 Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
ii. Pembayaran tertunggak;
iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.4 Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

### 3.5 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan unuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.6 Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Ia diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir masuk kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

*Keuntungan atas Pinjaman Diberi*

Keuntungan atas pinjaman diberi diiktiraf atas perkadaran masa dan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diterima oleh Suruhanjaya.

*Keuntungan atas Akaun Semasa*

Keuntungan atas akaun semasa akan diiktiraf di dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

### 3.7 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

### 3.8 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan ini.

## 4. NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit pada tarikh penyata kedudukan kewangan tiada perbezaan material.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. PINJAMAN TABUNG KOPERASI KREDIT

| Aset Semasa | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **Penghutang Tabung Pinjaman Koperasi Kredit** | | | |
| Penghutang pinjaman belum terima (Dalam tempoh 12 bulan) | 5.1 | 8,060,915 | 8,269,746 |
| Keuntungan atas pinjaman belum terima (Keuntungan tertunggak) | 5.2 | 291,653 | 410,694 |
| | | **8,352,568** | **8,680,440** |

| 5.1 Penghutang pinjaman belum terima (Dalam tempoh 12 bulan) | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPd) | 5,407,378 | 5,719,692 |
| Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPb) | 2,653,537 | 2,550,054 |
| | 8,060,915 | 8,269,746 |

| 5.2 Keuntungan atas pinjaman belum terima (Keuntungan tertunggak) | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Keuntungan atas pinjaman (Pembiayaan KWAPd) | 254,257 | 355,548 |
| Keuntungan atas pinjaman (Pembiayaan KWAPb) | 37,396 | 55,146 |
| | 291,653 | 410,694 |

| Aset Bukan Semasa | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPd) | 8,483,975 | 14,605,453 |
| Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPb) | 3,515,613 | 6,297,960 |
| | **11,999,588** | **20,903,413** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. PINJAMAN TABUNG KOPERASI KREDIT (SAMBUNGAN)

| Baki penghutang pinjaman (Prinsipal) | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPd) | 5.3 | 13,891,353 | 20,325,145 |
| Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPb) | 5.4 | 6,169,150 | 8,848,013 |
| | | **20,060,503** | **29,173,158** |

| **5.3 Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPd)** | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 20,325,145 | 27,558,275 |
| Pembayaran balik dalam tahun | (6,433,792) | (7,233,130) |
| Baki pada 31 Disember | 13,891,353 | 20,325,145 |

| **5.4 Penghutang pinjaman (Pembiayaan KWAPb)** | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 8,848,013 | 12,267,130 |
| Pembayaran balik dalam tahun | (2,678,863) | (3,419,117) |
| Baki pada 31 Disember | 6,169,150 | 8,848,013 |

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **Jumlah Pinjaman TPKK** | **20,352,156** | **29,583,852** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. PINJAMAN TABUNG KOPERASI KREDIT (SAMBUNGAN)

Jumlah maksimum pembiayaan bagi sebuah koperasi pada suatu masa hendaklah tidak melebihi RM10,000,000. Tempoh pembayaran balik pembiayaan tidak melebihi 120 bulan (10 tahun) dan semua pembayaran balik pembiayaan termasuk apa-apa berkenaan (caj) hendaklah dimasukkan terus ke akaun Tabung Pinjaman Koperasi Kredit.

Kadar keuntungan atas pembiayaan adalah seperti berdasarkan baki berkurangan (*reducing balance*):

| Jumlah pembiayaan | Kadar Keuntungan (%) |
|---|---|
| RM30,000 dan ke bawah | 1 |
| RM30,000 hingga RM1,000,000 | 2 |
| RM1,000,001 hingga RM2,000,000 | 3 |
| RM2,000,001 hingga RM3,000,000 | 4 |
| RM3,000,001 hingga RM4,000,000 | 5 |
| RM4,000,001 hingga RM10,000,000 | 6 |

## 6. TUNAI DI BANK

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Akaun Semasa** | | |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 3,821 | 9,100 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 596,435 | 71,750 |
| | **600,256** | **80,850** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 7. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bayaran Audit - Fi | 5,500 | 5,500 |
| Bayaran Audit - Lain-lain | 1,266 | 1,142 |
| Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad | - | 576,474 |
| | **6,766** | **583,116** |

## 8. DANA DITERIMA DARI KWAPD DAN KWAPB

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Dana diterima dari KWAPD dan KWAPB | (a) | 19,320,000 | 27,120,000 |
| Agihan keuntungan bersih ke akaun induk | (b) | 1,625,646 | 1,961,587 |
| Jumlah terhutang dari KWAPD dan KWAPB | | **20,945,646** | **29,081,587** |

**(a) Dana diterima dari KWAPD dan KWAPB**

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 8.1 | 11,846,200 | 17,306,200 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 8.2 | 7,473,800 | 9,813,800 |
| | | **19,320,000** | **27,120,000** |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. DANA DITERIMA DARI KWAPD DAN KWAPB (SAMBUNGAN)

| 8.1 Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 17,306,200 | 25,503,800 |
| Pembayaran tahun semasa | (5,460,000) | (8,197,600) |
| Baki pada 31 Disember | 11,846,200 | 17,306,200 |

| 8.2 Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 9,813,800 | 13,330,200 |
| Pembayaran tahun semasa | (2,340,000) | (3,516,400) |
| Baki pada 31 Disember | 7,473,800 | 9,813,800 |

| (b) Agihan Keuntungan Bersih ke Akaun Induk | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 8.3 | 1,256,395 | 1,491,554 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 8.4 | 369,251 | 470,033 |
| | | **1,625,646** | **1,961,587** |

| 8.3 Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | | 1,491,554 | 1,881,646 |
| Tambahan tahun semasa | 12.1 | 703,935 | 939,094 |
| Pembayaran tahun semasa | | (939,094) | (1,329,186) |
| Baki pada 31 Disember | | 1,256,395 | 1,491,554 |

| 8.4 Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | | 470,033 | 662,267 |
| Tambahan tahun semasa | 12.2 | 301,687 | 402,469 |
| Pembayaran tahun semasa | | (402,469) | (594,703) |
| Baki pada 31 Disember | | 369,251 | 470,033 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. DANA DITERIMA DARI KWAPD DAN KWAPB (SAMBUNGAN)

Termasuk di dalam baki agihan keuntungan bersih belum bayar kepada induk adalah amaun keuntungan belum terima iaitu tunggakan keuntungan atas pinjaman oleh Penghutang Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (Nota 5.2) berjumlah RM291,653 (2022 : RM410,694). Oleh itu, jumlah pembayaran ke atas baki belum bayar kepada induk adalah dihadkan kepada aliran tunai masuk bersih yang diterima sahaja seperti berikut:

**Jumlah pembayaran dibenarkan kepada induk.**

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 8.5 | 1,002,138 | 1,136,006 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 8.6 | 331,855 | 414,887 |
| | | **1,333,993** | **1,550,893** |

**8.5 Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi**

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki Belum Bayar | 8.3 | 1,256,395 | 1,491,554 |
| ( Tolak ) Keuntungan atas pinjaman belum terima (Keuntungan tertunggak) | 5.2 | (254,257) | (355,548) |
| | | 1,002,138 | 1,136,006 |

**8.6 Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi**

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki Belum Bayar | 8.4 | 369,251 | 470,033 |
| ( Tolak ) Keuntungan atas pinjaman belum terima (Keuntungan tertunggak) | 5.2 | (37,396) | (55,146) |
| | | 331,855 | 414,887 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. DANA DITERIMA DARI KWAPD DAN KWAPB (SAMBUNGAN)

Tabung Pinjaman Koperasi Kredit ini merupakan Tabung Pinjaman yang mempunyai dana berjumlah RM120 juta yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (RM80 juta) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (RM40 juta). Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil. 2/2010 pada 26 Oktober 2010 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk pinjaman kepada koperasi kredit yang dianggotai oleh seratus peratus kakitangan kerajaan atau badan berkanun sahaja untuk meminimakan risiko kredit. Manakala mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Bil. 2/2010 pada 28 Disember 2010 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang sama.

Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi Bil. 2/2015 pada 3 Disember 2015 telah meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk pinjaman kepada koperasi- koperasi yang menjalankan aktiviti kredit. Manakala mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Bil. 2/2015 pada 4 Disember 2015 turut meluluskan tambahan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk dipinjamkan kepada koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

Permohonan pindahan sementara dana berjumlah RM23 juta dari Tabung Pinjaman Koperasi Kredit telah diluluskan oleh YBhg. Timbalan Pengerusi Eksekutif pada 6 Jun 2018 bagi tujuan pelaburan iaitu RM14 juta untuk akaun Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan RM9 juta untuk Akaun Kumpulan Wang Amanah Pembangunan.

Permohonan pindahan sementara dana berjumlah RM25 juta dari Tabung Pinjaman Koperasi Kredit telah diluluskan oleh Ybhg. Timbalan Pengerusi Eksekutif pada 2 Disember 2019 bagi tujuan pelaburan iaitu RM17.5 juta untuk akaun Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan RM7.5 juta untuk akaun Kumpulan Wang Amanah Pembangunan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 9. KEUNTUNGAN ATAS AKAUN SEMASA

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 13,382 | 23,919 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 184 | 136 |
| | **13,566** | **24,055** |

## 10. KEUNTUNGAN ATAS PINJAMAN DIBERI

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Keuntungan atas pinjaman di bawah KWAPD | 10.1 | 698,641 | 911,052 |
| Keuntungan atas pinjaman di bawah KWAPB | 10.2 | 300,198 | 413,117 |
| | | **998,839** | **1,324,169** |

| **10.1 Keuntungan atas pinjaman di bawah KWAPD** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Keuntungan atas pinjaman (keuntungan dijelaskan) | 799,932 | 1,164,348 |
| Keuntungan atas pinjaman (kurangan) tertunggak | (101,291) | (253,296) |
| | 698,641 | 911,052 |

| **10.2 Keuntungan atas pinjaman di bawah KWAPB** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Keuntungan atas pinjaman (keuntungan dijelaskan) | 317,948 | 425,535 |
| Keuntungan atas pinjaman (kurangan) tertunggak | (17,750) | (12,418) |
| | 300,198 | 413,117 |

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### 11. FI AUDIT

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bayaran Audit - Fi | 5,500 | 5,500 |
| Bayaran Audit - Lain-lain | 1,266 | 1,142 |
| | **6,766** | **6,642** |

### 12. AGIHAN BERSIH KEPADA KWAPD DAN KWAPB

| | | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 12.1 | 703,935 | 939,094 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 12.2 | 301,687 | 402,469 |
| | | **1,005,622** | **1,341,563** |

| **12.1 Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Agihan keuntungan bersih ( tunai ) | 805,226 | 1,192,390 |
| Agihan keuntungan bersih (kurangan) tertunggak | (101,291) | (253,296) |
| | 703,935 | 939,094 |

| **12.2 Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi** | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Agihan keuntungan bersih ( tunai ) | 319,437 | 414,887 |
| Agihan keuntungan bersih (kurangan) tertunggak | (17,750) | (12,418) |
| | 301,687 | 402,469 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 13. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

*i. Risiko Kredit*

Risiko Kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang di bank, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara ekslusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi dasar Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

*ii. Risiko Kecairan*

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Suruhanjaya pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | **Dalam Tempoh Setahun**<br>**RM** | **Jumlah**<br>**RM** |
|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2023** | | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | 20,952,412 | 20,952,412 |
| **Pada 31 Disember 2022** | | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | 29,664,703 | 29,664,703 |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 13. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

*iii. Pengurusan Risiko Modal*

Objektif utama pengurusan modal Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Pinjaman Koperasi Kredit, termasuk perbelanjaan modal supaya tabung ini kekal kukuh dari segi kewangan.

## 14. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Agihan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 703,935 | 939,094 |
| Agihan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 301,687 | 402,469 |
| Jumlah | 1,005,622 | 1,341,563 |

## 15. PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah pihak pengurusan utama. Tiada ganjaran yang dibayar kepada pihak pengurusan utama didalam tahun kewangan semasa.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG PINJAMAN KOPERASI KREDIT**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 16. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengambilkira persembahan penyata kewangan tahun semasa.

| PENYATA ALIRAN TUNAI | Seperti diaudit | Klasifikasi Semula | Seperti dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:** | | | |
| Keuntungan atas Baki Akaun Semasa | (24,055) | - | (24,055) |
| Keuntungan atas Pinjaman Diberi | (1,324,169) | - | (1,324,169) |
| Tunai Digunakan Sebelum Perubahan Modal Kerja | (1,348,224) | - | (1,348,224) |
| Perubahan dalam Modal Kerja : | | | |
| Perubahan Bersih Pinjaman TPKK | - | 10,871,167 | 10,871,167 |
| Perubahan Bersih Pemiutang | (5,782) | - | (5,782) |
| Perubahan Bersih Dana Diterima dari KWAPD | - | (8,197,600) | (8,197,600) |
| Perubahan Bersih Dana Diterima dari KWAPB | - | (3,516,400) | (3,516,400) |
| Tunai Digunakan Selepas Perubahan Modal Kerja | (1,354,006) | (842,833) | (2,196,839) |
| Hasil : | | | |
| Keuntungan atas Baki Akaun Semasa | - | 24,055 | 24,055 |
| Keuntungan atas Pinjaman Diberi | - | 1,314,577 | 1,314,577 |
| **Aliran Tunai Bersih Dihasilkan / (Digunakan) Untuk Aktiviti Operasi** | **(1,354,006)** | **495,799** | **(858,207)** |

LAPORAN **TAHUNAN**

2023

# PENYATA KEWANGAN

## TABUNG BANTUAN KECEMESAN KOPERASI



# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
# TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI

## MAKLUMAT KORPORAT

| | | |
|---|---|---|
| **PENGERUSI** | | Rusli bin Jaafar<br>(Mulai 1 Oktober 2023)<br>Ketua Pegawai Eksekutif |
| | | Rusli bin Jaafar<br>(Sehingga 3 Mac 2023)<br>Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **TIMBALAN PENGERUSI** | | Amran bin Haji Abd Kadir<br>(Mulai 1 Ogos 2023)<br>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif |
| | | Datuk Umar Sarim bin Saidin<br>(Sehingga 28 Mei 2023)<br>Timbalan Pengerusi Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **AHLI JAWATANKUASA** | 1. | Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 2. | Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 3. | Siti Azlin binti Ahmad Dauta<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 4. | Norazila binti Mohd Zainol<br>Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Pembangunan<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 5. | Marcellinus Andreas<br>Pengarah Bahagian Audit Koperasi<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 6. | Haji Azam bin Sulaiman<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| | 7. | Hajah Roshidah binti Abu Bakar<br>Pengarah Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI

### MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)

| | | |
|---|---|---|
| **AHLI JAWATANKUASA (SAMBUNGAN)** | 8. | Mohd Firdaus bin Hussin<br>Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |
| **PEJABAT BERDAFTAR** | | Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Changkat Semantan<br>Off Jalan Semantan, Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur |
| **JURUAUDIT** | | MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)<br>Akauntan Bertauliah<br>No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra<br>Jalan Citra, 43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan |
| **BANK UTAMA** | | CIMB Bank Berhad<br>Wisma UOA II<br>No. 6 Changkat Semantan, Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PENYATA AHLI JAWATANKUASA**

Kami, Rusli bin Jaafar dan Siti Azlin binti Ahmad Dauta iaitu dua orang daripada Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Ahli Lembaga Pengarah, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Jawatankuasa

| | |
|---|---|
| **RUSLI BIN JAAFAR**<br>Ketua Pegawai Eksekutif<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia | **SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA**<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif<br>(Operasi dan Kawal Selia)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 SEP 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Mohd Lutfi bin Muhajir, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Mohd Lutfi bin Muhajir
pada 05 SEP 2024
KAJANG
SELANGOR

**MOHD LUTFI BIN MUHAJIR**
Pengarah Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUPATHY
1.1.2024-31.12.2024
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah
No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

MNC

MOHD NIZARUDDIN & CO.
Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (Suruhanjaya), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 22.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010.

**Asas Pendapat**

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan (*Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements*) dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain**

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Professional) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("IESBA Code"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Suruhanjaya dan laporan juruaudit atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Suruhanjaya, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya, mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Suruhanjaya atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysia Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010 di Malaysia. Para Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Ahli Lembaga Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Suruhanjaya, para Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para Ahli Lembaga Pengarah berhasrat untuk membubarkan Suruhanjaya atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga Pengarah

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Lembaga Pengarah pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Suruhanjaya sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Suruhanjaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Suruhanjaya untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Suruhanjaya mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pihak pengurusan Suruhanjaya mengenai, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)

MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 02102/10/2024 J
Akauntan Bertauliah

Kajang, Selangor.
Tarikh: 05 SEP 2024

Ruj: 2406025

8

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai di bank | 5 | 899,679 | 1,309,539 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **899,679** | **1,309,539** |
| **Jumlah Aset** | | **899,679** | **1,309,539** |
| **LIABILITI** | | | |
| Pelbagai pemiutang | 6 | 3,526 | 3,462 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **3,526** | **3,462** |
| **Aset Bersih** | | **896,153** | **1,306,077** |
| **EKUITI** | | | |
| Dana terkumpul | | 896,153 | 1,306,077 |
| **Jumlah Ekuiti** | | **896,153** | **1,306,077** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Hasil** | | | |
| ***Urus niaga pertukaran*** | | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | | 12,667 | 14,949 |
| ***Urus niaga bukan pertukaran*** | | | |
| Peruntukan diterima daripada Kumpulan Wang Pusat Koperasi | 7 | 500,000 | 2,000,000 |
| ***Lain- lain pendapatan*** | | | |
| Pelbagai terimaan | | 145 | - |
| **Jumlah Hasil** | | **512,812** | **2,014,949** |
| **Tolak: Belanja** | | | |
| Bayaran audit -fi | | 2,500 | 2,500 |
| Bayaran audit -lain-lain caj: | | | |
| - Caj semasa | | 1,026 | 962 |
| Caj bank | | 10 | 65 |
| Pemberian bantuan | 8 | 919,200 | 1,414,450 |
| **Jumlah Belanja** | | **922,736** | **1,417,977** |
| **(Kurangan)/ Lebihan bagi tahun** | | **(409,924)** | **596,972** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Dana Terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2022 | 709,105 | 709,105 |
| Lebihan bagi tahun | 596,972 | 596,972 |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | 1,306,077 | 1,306,077 |
| | | |
| Baki pada 1 Januari 2023 | 1,306,077 | 1,306,077 |
| Kurangan bagi tahun | (409,924) | (409,924) |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | **896,153** | **896,153** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI:** | | |
| (Kurangan) / Lebihan bagi tahun | (409,924) | 596,972 |
| Pelarasan untuk: | | |
| Keuntungan atas akaun semasa | (12,667) | (14,949) |
| (Kurangan) / Lebihan operasi sebelum perubahan dalam Modal Kerja | **(422,591)** | **582,023** |
| Perubahan bersih: | | |
| Pelbagai pemiutang | 64 | 70 |
| Tunai (digunakan untuk) / dihasilkan daripada aktiviti operasi | (422,527) | 582,093 |
| Keuntungan atas akaun semasa | 12,667 | 14,949 |
| **Tunai bersih (digunakan untuk) / dihasilkan daripada aktiviti operasi** | (409,860) | 597,042 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 1,309,539 | 712,497 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **899,679** | **1,309,539** |
| | | |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | |
| Tunai di bank | **899,679** | **1,309,539** |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

12

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada pendedahan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berikutan tiada sebarang bajet tahunan yang dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi ini yang khusus untuk memberi bantuan kecemasan kepada koperasi.

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 1. PENUBUHAN DAN AKTIVITI UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Berdasarkan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi hendaklah digunakan untuk:

a) Membayar bagi kerosakan premis atau aset produknya yang dialami oleh koperasi akibat bencana alam atau faktor luar kawalan; dan

b) Membantu koperasi membangunkan semula aktiviti ekonomi koperasi akibat bencana alam atau faktor luar kawalan.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan utama Suruhanjaya dalam tahun kewangan semasa.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2024 pada **10 Mei 2024.**

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) Peraturan-peraturan Koperasi 2010 melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan di dalam tahun kewangan semasa yang digunakpakai oleh Suruhanjaya.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Piawaian baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| *i. MPSAS 1* | : | *Presentation of Financial Statements* |
| *ii. MPSAS 2* | : | *Cash Flow Statements* |
| *iii. MPSAS 3* | : | *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors* |
| *iv. MPSAS 9* | : | *Revenue From Exchange Transactions* |
| *v. MPSAS 14* | : | *Events After The Reporting Date* |
| *vi. MPSAS 19* | : | *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets* |
| *vii. MPSAS 20* | : | *Related Party Disclosure* |
| *viii. MPSAS 23* | : | *Revenue From Non-Exchange Transactions Taxes & Transfers* |
| *ix. MPSAS 24* | : | *Presentation of Budget Information in Financial Statements* |
| *x. MPSAS 26* | : | *Impairment of Cash-Generating Assets* |
| *xi. MPSAS 28* | : | *Financial Instruments: Presentation* |
| *xii. MPSAS 29* | : | *Financial Instruments : Recognition and Measurement* |
| *xiii. MPSAS 30* | : | *Financial Instruments: Disclosure* |

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI

NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024. Suruhanjaya tidak bercadang untuk menggunapakai lebih awal pindaan di atas dalam penyata kewangan tahun semasa.

Suruhanjaya berpendapat pemakaian pindaan baru di atas tidak akan memberi kesan yang ketara ke atas Suruhanjaya apabila ia telah berkuatkuasa.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

### 3.1 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.1 Aset Kewangan (sambungan)

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.2 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di bank yang tidak mempunyai risiko perubahan nilai yang ketara.

### 3.3 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

*Pinjaman dan Belum Bayar*

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.3 Liabiliti Kewangan (sambungan)

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### 3.4 Pengiktirafan Hasil

***Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran***

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

***Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran***

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

*Keuntungan atas Akaun Semasa*

Keuntungan atas akaun semasa akan diiktiraf di dalam penyata kewangan apabila hak untuk menerimanya telah dapat dipastikan.

### 3.5 Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
ii) pembayaran tertunggak;

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI

NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.5 Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

### 3.6 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 3.7 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.8 Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting keatas Suruhanjaya, atau sebaliknya. Pihak pengurusan utama dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

### 3.9 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Suruhanjaya berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan.

### 3.10 Ekuiti

Ekuiti ialah faedah sisa dalam aset selepas menolak semua liabiliti Suruhanjaya.

## 4. NILAI SAKSAMA

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya pada tarikh penyata kedudukan kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai tempoh masa yang pendek.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DI BANK

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| CIMB Bank Berhad | 898,703 | 1,308,554 |
| CIMB Islamic Bank Berhad | 976 | 985 |
| | **899,679** | **1,309,539** |

## 6. PELBAGAI PEMIUTANG

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Bayaran audit - Fi | 2,500 | 2,500 |
| Bayaran audit - Lain-lain | 1,026 | 962 |
| | **3,526** | **3,462** |

## 7. PERUNTUKAN DITERIMA DARIPADA KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Peruntukan diterima | **500,000** | **2,000,000** |

Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Bil. 6/2022 bertarikh 22 Disember 2022 telah meluluskan peruntukan tambahan Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK) sebanyak RM2,000,000 dan pemberian sebanyak RM3,000 secara *one off* diberikan kepada koperasi yang terjejas.

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bil 3/2023 pada 10 Februari 2023 telah bersetuju dengan cadangan pelaksanaan *Co-Operative Emergency Relief Fund (CERF)* yang dibiayai daripada peruntukan tambahan Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK) 2023 sebanyak RM500,000 dan sumber dana TBKK adalah dari Kumpulan Wang Pusat Koperasi.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI**

**NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. PEMBERIAN BANTUAN

Pemberian bantuan diberikan adalah mengikut kriteria-kriteria yang tertentu seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010.

| | 2023 | 2022 |
|---|---|---|
| Jumlah Bantuan (RM) | 919,200 | 1,414,450 |
| Bilangan Koperasi | 55 | 85 |

## 9. PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ahli Jawatankuasa adalah merupakan pihak pengurusan utama.

Tiada ganjaran yang dibayar kepada pihak pengurusan utama di dalam tahun kewangan semasa.

## 10. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

*Risiko Kredit*

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi baki di bank, Suruhanjaya mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Suruhanjaya adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Suruhanjaya hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi dasar Suruhanjaya bahawa semua siberhutang yang ingin berurusan hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

*Risiko Kecairan*

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Suruhanjaya akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Suruhanjaya tidak mempunyai risiko kecairan yang ketara.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI

NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 10. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

*Pengurusan Risiko Modal*

Objektif utama pengurusan modal Suruhanjaya adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Suruhanjaya termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Suruhanjaya kekal kukuh dari segi kewangan.

## 11. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **Kumpulan Wang Pusat Koperasi** | | |
| Peruntukan diterima | 500,000 | 2,000,000 |

LAPORAN **TAHUNAN**

2023

# PENYATA KEWANGAN

## AKAUN DEPOSIT KOPERASI



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
AKAUN DEPOSIT KOPERASI

## MAKLUMAT KORPORAT

| | |
|---|---|
| **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** | 1. Tuan Rusli bin Jaafar<br>(Mulai 1 Oktober 2023 hingga kini) |
| **TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** | 1. Encik Amran bin Abd Kadir<br>(Mulai 1 Ogos 2023 hingga kini) |
| **AHLI JAWATANKUASA** | 1. Tuan Azizul bin Alias<br>Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Pembangunan Koperasi Penjaja dan Peniaga Kecil<br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi<br><br>2. Encik Amran bin Abd Kadir<br>(Mulai 2 Februari 2023 hingga 31 Julai 2023)<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>3. Tuan Haji Azam bin Sulaiman<br>(Mulai 6 November 2023 hingga kini)<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>4. Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauta<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>5. Encik Azam bin Sulaiman<br>(Mulai 2 Februari 2023 hingga 5 November 2023)<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>6. Encik Rozdeen bin Mohd Jaafar<br>(Mulai 6 November 2023 hingga kini)<br>Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br><br>7. Encik Marcellinus Andreas<br>Pengarah Bahagian Audit Koperasi<br>Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**MAKLUMAT KORPORAT (SAMBUNGAN)**

**AHLI JAWATANKUASA (SAMBUNGAN)**

9. Puan Hajah Rahazawati binti Abdul Hamid
   Pengarah Bahagian Pengurusan Pelaburan
   Suruhanjaya Koperasi Malaysia

| | |
|---|---|
| **PEJABAT BERDAFTAR** | Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>Changkat Semantan<br>Off Jalan Semantan, Bukit Damansara<br>50490 Kuala Lumpur. |
| **JURUAUDIT** | MOHD NIZARUDDIN & CO. (AF 1312)<br>Akauntan Bertauliah<br>No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra<br>Jalan Citra, 43000 Kajang<br>Selangor Darul Ehsan. |
| **BANK UTAMA** | BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD<br>Tingkat Bawah, Bangunan Bank Rakyat,<br>Jalan Tangsi, P.O Box 11024,<br>50732 Kuala Lumpur. |
| | CO-OP BANK PERTAMA<br>JABATAN PERBENDAHARAAN & PERLABURAN<br>Tingkat 6, Wisma JcbNext,<br>No. 27, Lorong Medan Tuanku 1,<br>Off Jalan Sultan Ismail,<br>50300 Kuala Lumpur. |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**PENYATA AHLI JAWATANKUASA**

Kami, Rusli bin Jaafar dan Siti Azlin binti Ahmad Dauta iaitu dua orang daripada Ahli Jawatankuasa Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Ahli Jawatankuasa, penyata kewangan mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan berpandukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014 dan GP 29 : Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Akaun Deposit Koperasi pada 31 Disember 2023 dan hasil kendalian serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| | |
|---|---|
| **RUSLI BIN JAAFAR** | **SITI AZLIN BINTI AHMAD DAUTA** |
| Ketua Pegawai Eksekutif | Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia) |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia | Suruhanjaya Koperasi Malaysia |

Kuala Lumpur
Tarikh: 26 AUG 2024

3

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN AKAUN DEPOSIT KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Rosidah binti Ramli, Pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai ianya adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Rosidah binti Ramli
pada 26 AUG 2024

**ROSIDAH BINTI RAMLI**
Pengarah
Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B514
SUBRAMANIAM A/L THIRUVATHY
1.1.2024-31.12.2026
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah

No. 47D, Tingkat 1,
Jalan Sulaiman,
43000 Kajang, Selangor.
012-2852486

MNC

MOHD NIZARUDDIN & CO.
Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
# AKAUN DEPOSIT KOPERASI

## Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, dan penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan bajet dan sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 23.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [Malaysia Public Sector Accounting Standard (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014 dan GP 29 : Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi.

### Asas Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan (*Auditor's responsibilities for the Audit of the Financial Statements*) dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Suruhanjaya selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) oleh Institut Akauntan Malaysia (By-Laws) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Professional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("IESBA Code") dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain iaitu tanggungjawab mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan**

Para Ahli Jawatankuasa adalah bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenainya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi atau dengan pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam Laporan Tahunan, kami perlu melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan hal ini.

**Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa terhadap Penyata Kewangan**

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [Malaysia Public Sector Accounting Standard (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014 dan GP 29 : Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi di Malaysia. Para Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh para Ahli Jawatankuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan berkaitan usaha berterusan melainkan jika para Ahli Jawatankuasa berhasrat untuk membubarkan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan bertahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang matan apabila ia wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

(a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

(c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**
***(SAMBUNGAN)***

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan (Sambungan)**

(d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan para Ahli Jawatankuasa pada asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan datang boleh menyebabkan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk berhenti sebagai suatu usaha berterusan.

(e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia mewakili asas urusniaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pendedahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Jawatankuasa, antara hal-hal lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti sepanjang pengauditan kami.

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli jawatankuasa Akaun Deposit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, selaras dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014 dan GP 29 : Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.

| | |
|---|---|
| MOHD NIZARUDDIN & CO. | MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA |
| AF 1312 | No. 02102/10/2024 J |
| Akauntan Bertauliah (M) | Akauntan Bertauliah (M) |

Kajang, Selangor.
Tarikh: 26 AUG 2024

Ruj: 2406026

8

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 5 | 158,044 | 173,820 |
| Akaun Belum Terima | 6 | 9,264,962 | 3,038,898 |
| Deposit Berjangka | 7 | 313,834,799 | 222,920,747 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 323,257,805 | 226,133,465 |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 8 | 10,222,017 | 3,115,766 |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 9 | 6,874 | 6,758 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 10,228,891 | 3,122,524 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Deposit Koperasi | 10 | 312,452,382 | 222,858,210 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 312,452,382 | 222,858,210 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 322,681,273 | 225,980,734 |
| **ASET BERSIH** | | 576,532 | 152,731 |
| **EKUITI** | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 576,532 | 152,731 |
| **JUMLAH EKUITI** | | 576,532 | 152,731 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## AKAUN DEPOSIT KOPERASI

## PENYATA PRESTASI PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| Keuntungan Atas Deposit | | 10,645,169 | 3,076,431 |
| Keuntungan Lain | | 7,528 | 105,725 |
| **JUMLAH HASIL** | | 10,652,697 | 3,182,156 |
| **TOLAK : PERBELANJAAN** | | | |
| Caj Bank | | 6 | - |
| Cukai Perkhidmatan | | 504 | 378 |
| Fi Audit | | 6,300 | 6,300 |
| Fi Pengurus Dana | 11 | 471,879 | 180,137 |
| Fi Pesuruhjaya Sumpah | | 70 | 98 |
| Pulangan Atas Deposit | 12 | 9,750,137 | 2,935,629 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | 10,228,896 | 3,122,542 |
| **LEBIHAN BAGI TAHUN** | | 423,801 | 59,614 |
| **LEBIHAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN** | | 152,731 | 93,117 |
| **LEBIHAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN** | | 576,532 | 152,731 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
## AKAUN DEPOSIT KOPERASI

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

| | Lebihan Terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | | |
| Seperti dinyatakan semula | 93,117 | 93,117 |
| Lebihan bagi tahun | 59,614 | 59,614 |
| **Baki pada 31 Disember 2022** | 152,731 | 152,731 |
| Lebihan bagi tahun | 423,801 | 423,801 |
| **Baki pada 31 Disember 2023** | 576,532 | 576,532 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **Aliran tunai daripada aktiviti operasi** | | | |
| Lebihan daripada perbelanjaan | | 423,801 | 59,614 |
| Pelarasan untuk: | | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | | - | - |
| Keuntungan sebelum perubahan dalam modal kerja | | 423,801 | 59,614 |
| Perubahan bersih dalam Akaun Belum Terima | | (6,226,064) | (1,421,791) |
| Perubahan bersih dalam Akaun Belum Bayar | | 7,106,251 | 1,538,100 |
| Perubahan bersih dalam Pelbagai pemiutang dan akruan | | 116 | (7,128) |
| Perubahan bersih dalam Terimaan deposit dari koperasi | | 89,594,172 | 123,558,860 |
| Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi | | 90,898,276 | 123,727,655 |
| **Lebihan bersih tunai dan kesetaraan tunai** | | 90,898,276 | 123,727,655 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan** | | 223,094,567 | 99,366,912 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan** | | 313,992,843 | 223,094,567 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | | |
| Deposit berjangka | 7 | 313,834,799 | 222,920,747 |
| Tunai di bank | 5 | 158,044 | 173,820 |
| | | 313,992,843 | 223,094,567 |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Tiada pendedahan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berikutan tiada sebarang bajet tahunan yang dibuat berdasarkan fungsi dan kegunaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Akaun Deposit Koperasi.

---

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
AKAUN DEPOSIT KOPERASI

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 1. PENUBUHAN DAN KEGIATAN UTAMA SERTA MAKLUMAT UMUM

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014, Akaun Deposit Koperasi terdiri daripada wang lebihan, Kumpulan Wang Rizab Statutori, pendapatan daripada pelaburan wang di dalam Akaun Deposit dan kumpulan wang yang dijana oleh Suruhanjaya menurut seksyen 35 Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akta 665).

Akaun Deposit Koperasi diwujudkan untuk membayar syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota koperasi, membuat pelaburan termasuklah penempatan deposit, sekuriti kerajaan dan pembiayaan Islam, dan juga untuk membayar apa-apa perbelanjaan berkenaan dengan pentadbiran Akaun Deposit Koperasi.

Suatu koperasi hendaklah mendepositkan Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam Akaun Deposit Koperasi dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan koperasi itu berakhir menurut peraturan 5, Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)], Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Peraturan – Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014 dan Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi (GP 29) di Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Nota 3.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsi dan mata wang persembahan Suruhanjaya.

Tiada piawaian baru yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa yang digunapakai oleh Suruhanjaya di dalam tahun kewangan semasa.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun – tahun sebelum ini.

### 3.1 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada deposit berjangka di Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### 3.2 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya Koperasi Malaysia menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengiktiraf liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**3.2 Liabiliti Kewangan (Sambungan)**

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan. dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**3.3 Aset kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Suruhanjaya hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa – apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

### 3.3 Aset Kewangan (Sambungan)

Pelaburan Dipegang Hingga Tarikh Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

i. kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

ii. pembayaran tertunggak;

iii. kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

iv. data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**3.3 Aset Kewangan (Sambungan)**

Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

**3.4 Peruntukan**

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**3.5 Pengiktirafan Hasil**

Hasil daripada urus niaga pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil keuntungan (Deposit berjangka)

Hasil faedah terakru menggunakan kaedah kadar faedah berkesan (effective interest rate). Kadar faedah berkesan mendiskaunkan dengan tepat anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna aset kewangan kepada amaun bawaan bersih aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan hasil faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**3.5 Pengiktirafan Hasil (sambungan)**

Keuntungan atas pelaburan

Keuntungan daripada pelaburan diiktiraf di dalam penyata kewangan berdasarkan asas tunai mengikut kaedah perkadaran masa dengan mengambil kira kadar efektif sehingga tempoh matang Ketika ada kepastian bahawa pendapatan tersebut akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

**3.6 Pulangan Atas Deposit**

Pulangan atas deposit telah diperuntukkan di bawah Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014.

**4. NILAI SAKSAMA**

Nilai dibawa dan nilai saksama yang dianggarkan untuk aset dan liabiliti kewangan Akaun Deposit Koperasi pada tarikh penyata kedudukan kewangan tiada perbezaan material kerana mempunyai tempoh masa yang pendek.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Tunai di bank | a) | 2,619 | 173,820 |
| Pelaburan | b) | 155,425 | - |
| | | 158,044 | 173,820 |

a) Tunai di bank

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad **- Akaun Terimaan (1101735862)** | 1,462 | 163,608 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad **- Akaun Bayaran (1101735886)** | 9 | 10 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad **- Akaun Pelaburan (112051562)** | 1,148 | 10,202 |
| | 2,619 | 173,820 |

b) Pelaburan

Pelaburan dalam Simpanan Tetap pada tahun semasa dibuat untuk tempoh 3 bulan bagi meningkatkan hasil Akaun Deposit Koperasi menggunakan lebihan terkumpul dan memperoleh pulangan faedah atas pelaburan. Kadar faedah berkesan pada 31 Disember 2023 adalah 3.95%.

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 155,425 | - |

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 6. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun belum terima terdiri daripada baki keuntungan atas deposit berjangka yang diakrukan pada akhir tahun kewangan.

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad<br>- Keuntungan Atas Deposit | 9,211,181 | 3,006,041 |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>- Keuntungan Atas Deposit | 53,613 | 32,857 |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia<br>- Keuntungan Pelaburan | 168 | - |
| | 9,264,962 | 3,038,898 |

## 7. DEPOSIT BERJANGKA

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit Berjangka – Pengurus ADK | 267,421,382 | 190,239,210 |
| Deposit Berjangka – Pentadbir ADK | 46,413,417 | 32,681,537 |
| | 313,834,799 | 222,920,747 |

Deposit berjangka pengurus ADK merupakan pelaburan wang deposit yang dibuat oleh Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad manakala deposit berjangka pentadbir ADK merupakan pelaburan wang deposit yang telah dibuat penempatan oleh Bahagian Pengurusan Pelaburan SKM.

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**AKAUN DEPOSIT KOPERASI**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

## 8. AKAUN BELUM BAYAR

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad - Pulangan Atas Deposit Koperasi | 8,493,832 | 2,935,629 |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad - Fi Pengurus Dana | 471,880 | 180,137 |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad - Pulangan Atas Deposit | 1,256,305 | - |
| | 10,222,017 | 3,115,766 |

Akaun belum bayar terdiri daripada pulangan atas deposit kepada 457 koperasi, Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad serta fi pengurus dana bagi tahun 2023 yang diakrukan pada akhir tahun kewangan.

## 9. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Audit Terakru | 6,874 | 6,748 |
| Wang pendahuluan- Pengaktifan akaun dorman | - | 10 |
| | 6,874 | 6,758 |

## 10. DEPOSIT KOPERASI

Deposit Koperasi merupakan suatu wang Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) yang didepositkan oleh koperasi ke dalam Akaun Deposit Koperasi sebagai memenuhi subseksyen 57(1E), Akta Koperasi 1993 dan subseksyen 43(1), Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665) yang ditadbir oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 222,858,210 | 99,299,350 |
| Tambahan dalam tahun | 89,594,172 | 123,558,860 |
| Baki pada 31 Disember | 312,452,382 | 222,858,210 |

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
AKAUN DEPOSIT KOPERASI

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## 11. FI PENGURUS DANA

Fi Pengurus Dana dibayar kepada Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad yang dilantik sebagai Pengurus Akaun Deposit Koperasi.

## 12. PULANGAN ATAS DEPOSIT

| | 2023 (RM) | | 2022 (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| Koperasi | 9,750,137 | 3.60% | 2,935,629 | 2.28% |

Pulangan Atas Deposit pada kadar 3.60% (2022: 2.28%) setahun berasaskan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate "OPR"*), berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya yang telah diadakan pada 2 April 2024.

## 13. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti – aktiviti Suruhanjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tidak ganjaran yang dibayar kepada pihak kakitangan penting pihak pengurusan utama di dalam tahun semasa.

# CAWANGAN
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



# CAWANGAN
## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### SKM NEGERI PERLIS
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan Kangar,
Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis.
E-mel : perlis@skm.gov.my
Tel : 04-976 1009 / 04-976 2378 / 04-977 4689
Faks : 04-976 7025

### SKM NEGERI KEDAH
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Mu'adzam Shah, 06550 Alor Setar, Kedah.
E-mel : kedah@skm.gov.my
Tel : 04-733 1922
Faks : 04-734 1922

#### SKM WILAYAH SIK/ BALING
Jalan Banggol Kiat, 08200 Sik, Kedah.
Tel : 04-469 5345
Faks : 04-469 4243

#### SKM WILAYAH KUALA MUDA
Jalan Melati 1, Bandar Amanjaya,
08000 Sungai Petani, Kedah.
Tel : 04-421 2454
Faks : 04-421 8454

#### SKM WILAYAH KUBANG PASU/ PADANG TERAP
Jalan Changlun, 06000, Jitra, Kedah.
Tel : 04-917 1525
Faks : 04-916 1630

#### SKM WILAYAH LANGKAWI
Jalan Persiaran Putera, 07000 Kuah, Kedah.
Tel : 04-966 6296
Faks : 04-966 4103

#### SKM WILAYAH KULIM/ BANDAR BAHARU
Suite 2.03A, Tingkat 2, KHTP Business Center,
Kulim Hi-Tech, 09000 Kulim, Kedah.
Tel : 04-403 7111
Faks : 04-403 7112

### SKM NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 5, Bangunan Tuanku Syed Putra,
Lebuh Downing, Peti Surat 429,
10750 Pulau Pinang.
E-mel : penang@skm.gov.my
Tel : 04-261 1335
Faks : 04-263 9429

#### SKM WILAYAH BUKIT MERTAJAM
JKR 541, Jalan Chan Ewe Pin,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel : 04-538 5432
Faks : 04-538 6434

### SKM NEGERI PERAK
Tingkat 1, Blok C, Bangunan Persekutuan Ipoh
(Greentown), Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak.
E-mel : perak@skm.gov.my
Tel : 05-254 9396 / 05-255 1664 / 05-255 1669
Faks : 05-255 0670

#### SKM WILAYAH BATANG PADANG
Jalan Damai, 35000 Tapah, Perak.
Tel : 05-401 1529
Faks : 05-401 4018

#### SKM WILAYAH KERIAN
Jalan Matang Buluh, 34300 Bagan Serai, Perak.
Tel : 05-721 5466
Faks : 05-721 9013

#### SKM WILAYAH TAIPING
Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Jalan Istana Larut,
34000 Taiping, Perak.
Tel : 05-808 2100
Faks : 05-808 0767

#### SKM WILAYAH KUALA KANGSAR
Persiaran Bendahara 2, 33000 Kuala Kangsar,
Perak.
Tel : 05-776 1532
Faks : 05-777 7825

### SKM WILAYAH MANJUNG / PERAK TENGAH
Tingkat 3, Bangunan Persekutuan Seri Manjung,
32040 Seri Manjung, Perak.
Tel : 05-688 5527
Faks : 05-688 7898

### SKM WILAYAH HULU PERAK
Jalan Alang Iskandar, 33400 Lenggong, Perak.
Tel : 05-767 7334
Faks : 05-767 7334

### SKM WILAYAH HILIR PERAK
Jalan Maharajalela, 36000 Teluk Intan, Perak.
Tel : 05-622 1388
Faks : 05-621 6557

## SKM NEGERI SELANGOR
F-G-33A, Vista Alam, No. 3, Presint 4.5,
Jalan Ikhtisas 14/1, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
E-mel: selangor@skm.gov.my
Tel : 03-5523 4475 / 03-5523 1869
Faks : 03-5524 3014

### SKM WILAYAH HULU LANGAT / GOMBAK
Aras 7, Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-4295 7066
Faks : 03-4295 7062

### SKM WILAYAH HULU SELANGOR
Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji, Jalan
Rasathurai, 44000 Kuala Kubu Baru, Selangor.
Tel : 03-6064 1492
Faks : 03-6064 5770

### SKM WILAYAH KLANG
Jalan Haiwan, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor.
Tel : 03-3168 6981
Faks : 03-3165 3632

### SKM WILAYAH KUALA LANGAT/ SEPANG
JKR 712, Jalan Sungai Manggis, 42700 Banting,
Selangor.
Tel : 03-3187 9545
Faks : 03-3181 1817

### SKM WILAYAH SABAK BERNAM
Jalan Parit Satu, 45300 Sungai Besar, Selangor.
Tel : 03-3224 2214
Faks : 03-3224 5737

### SKM WILAYAH KUALA SELANGOR / TANJONG KARANG
No. 25, Lorong Menanti, Off Jalan Menanti,
Sungai Tengi Kiri, 45500 Tanjong Karang,
Selangor.
Tel : 03-3269 3554
Faks : 03-3269 3552

## SKM WILAYAH PERSEKUTUAN
Tingkat 1, Menara Suruhanjaya Koperasi
Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
E-mel: wpersekutuan@skm.gov.my
Tel : 03-2083 4200
Faks : 03-2083 4286

## SKM NEGERI SEMBILAN
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir, 70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
E-mel: nsembilan@skm.gov.my
Tel : 06-763 5551 / 06-763 5552
Faks : 06-764 9467

### SKM WILAYAH KUALA PILAH/ JEMPOL
40, Jln Dato Undang Johol, Taman Pilah Jaya,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
Tel : 06-482 1260 / 06-482 1257
Faks : 06-481 1097

### SKM WILAYAH TAMPIN/ REMBAU
PT42/A, Bangunan Majlis Agama Islam
Jalan Besar Tampin, 73000 Tampin,
Negeri Sembilan.
Tel : 06-442 1500
Faks : 06-441 2108

### SKM WILAYAH PORT DICKSON
Kompleks Pentadbiran Daerah, Batu 1,
Jalan Pantai, 71009 Port Dickson,
Negeri Sembilan.
Tel : 06-646 1108
Faks : 06-646 2130

## SKM NEGERI MELAKA
Aras 10, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan,
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
E-mel : melaka@skm.gov.my
Tel : 06-234 5466
Faks : 06-234 5488

### SKM CAWANGAN MASJID TANAH
MT 2903B, Jalan TBBMT Utama, Taman Bandar
Baru Masjid Tanah, 78000 Masjid Tanah, Melaka.
Tel : 06-383 1634
Faks : 06-383 1644

## SKM NEGERI JOHOR
Tingkat 5, Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Air
Molek, 80000 Johor Bharu, Johor.
E-mel : johor@skm.gov.my
Tel : 07-223 1743 / 07-223 1744
Faks : 07-223 2564

### SKM WILAYAH JOHOR BAHRU
Tingkat 6, Blok B,
Wisma Persekutuan Johor Bahru,
Jalan Ayer Molek, 80000 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-223 1743 / 07-223 1744
Faks : 07-223 2564

### SKM WILAYAH BATU PAHAT
Aras 3, Bangunan Gunasama Persekutuan,
Jalan Bakau Condong, 83000 Batu Pahat, Johor.
Tel : 07-434 1262
Faks : 07-434 1262

### SKM WILAYAH KLUANG
Aras 2, Bangunan Gunasama Persekutuan,
Jalan Batu Pahat, 86000 Kluang, Johor.
Tel : 07-772 3727
Faks : 07-772 1445

### SKM WILAYAH KOTA TINGGI / MERSING
No.5 & 5-01 ,Jalan Berlian Utama,
Taman Daiman Jaya, 81900 Kota Tinggi, Johor.
Tel : 07-883 3254
Faks : 07-883 2585

### SKM WILAYAH MUAR
No. 62, Jalan Pesta 1/2, Taman Tun Dr. Ismail (1),
Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor .
Tel : 06-952 1077
Faks : 06-952 1077

### SKM WILAYAH PONTIAN
JKR 1817, Jalan Abas, 82000 Pontian, Johor.
Tel : 07-687 0400
Faks : 07-687 9148

### SKM WILAYAH SEGAMAT
No. 7/2, Taman Hijau, Bangunan Koperasi
Pekebun Kecil Daerah Segamat (KOPEDAS),
Jalan Geluang, 85000 Segamat, Johor.
Tel : 07-943 3104
Faks : 07-943 4330

## SKM NEGERI PAHANG

Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
E-mel : pahang@skm.gov.my
Tel : 09-512 1260
Faks : 09-516 4701

### SKM WILAYAH KUANTAN

Tingkat 4, Wisma Persekutuan Kuantan,
25000 Jalan Gambut, Pahang.
Tel : 09-512 1258
Faks : 09-516 4701

### SKM WILAYAH MUADZAM SHAH

MM66, Tingkat 1, Medan Mewah,
26700 Muadzam Shah, Pahang.
Tel : 09-452 3282
Faks : 09-452 3334

### SKM WILAYAH JENGKA

Nadi Kota, Jalan Zamrud, Bandar Pusat Jengka,
26400 Bandar Pusat Jengka, Pahang.
Tel : 09-466 4350
Faks : 09-466 4350

### SKM WILAYAH JERANTUT

Jalan Pejabat Kerajaan, 27000 Jerantut, Pahang.
Tel : 09-266 3088
Faks : 09-266 1678

### SKM WILAYAH TEMERLOH

A-30, Jalan Bahagia, 28000 Temerloh, Pahang.
Tel : 09-296 1302
Faks : 09-296 9063

### SKM WILAYAH RAUB

No. 6, Pusat Perdagangan 1,
Pusat Perdagangan Raub, 27600 Raub, Pahang.
Tel : 09-355 6833
Faks : 09-355 1376

### SKM WILAYAH BENTONG

Jalan Loke Yew, 28700 Bentong, Pahang.
Tel : 09-222 1775
Faks : 09-222 2320

### SKM WILAYAH BERA

N0 34, Jalan Kerayong 5, Tingkat Atas,
Bandar Bera, 28200 Bera, Pahang.
Tel : 09-250 6857
Faks : 09-250 6859

## SKM NEGERI KELANTAN

Tingkat 8, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam,
15608 Kota Bharu, Kelantan.
E-mel : kelantan@skm.gov.my
Tel : 09-748 2090 / 09-744 1388
Faks : 09-747 9454

### SKM WILAYAH PASIR MAS

Jalan Ibu Sawat Telekom, 17000 Pasir Mas,
Kelantan.
Tel : 09-790 5971
Faks : 09-790 9387

### SKM WILAYAH MACHANG

Jalan Tok Chanor, 18500 Machang, Kelantan.
Tel : 09-975 1144
Faks : 09-975 5644

### SKM WILAYAH GUA MUSANG

Tingkat 2, Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan
Persekutuan, 18300 Gua Musang, Kelantan.
Tel : 09-912 2040
Faks : 09-912 4414

## SKM NEGERI TERENGGANU

Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Peti Surat 113,
20710 Kuala Terengganu, Terengganu.
E-mel : terengganu@skm.gov.my
Tel : 04-733 1922
Faks : 04-734 1922

### SKM WILAYAH TERENGGANU SELATAN (KEMAMAN)

Jalan Air Puteh, 24000 Kemaman, Terengganu.
Tel : 09-859 3060
Faks : 09-859 2802

### SKM WILAYAH TERENGGANU UTARA (JERTIH)

Tingkat Atas, PT289, Jalan Tangki Air,
22000 Jerteh, Besut, Terengganu.
Tel : 09-690 3842
Faks : 09-690 3845

## SKM NEGERI SABAH

Tingkat 7, Menara MAA, Api-Api Centre,
Peti Surat Bil. 11276, 88814 Kota Kinabalu, Sabah.
E-mel : sabah@skm.gov.my
Tel : 088-216 022 / 088-216 023 /
088-216 024 / 088-224 821
Faks : 04-734 1922

### SKM WILAYAH BEAUFORT

Tingkat 1, Rumah Persekutuan,
Peti Surat No. 170, 89808 Beaufort, Sabah.
Tel : 087-221 216
Faks : 087-221 403

### SKM WILAYAH KUDAT

Jalan Flat Persekutuan , Peti Surat 76,
89057 Kudat, Sabah.
Tel : 088-611 298
Faks : 088-621 269

### SKM WILAYAH MARUDU

Peti Surat 141, 89108 Kota Marudu, Sabah.
Tel : 088-661 306
Faks : 088-622 179

### SKM WILAYAH SANDAKAN

Tingkat 4, Bangunan Wisma Persekutuan
Peti Surat 575, 90007 Sandakan, Sabah.
Tel : 089-668 492
Faks : 089-666 831

### SKM WILAYAH TAWAU

Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
Peti Surat 580, 91008 Tawau, Sabah.
Tel : 089-763 877
Faks : 089-772 099

### SKM WILAYAH KENINGAU

Jalan Bomba, Bandar Keningau, Peti Surat 187,
89007 Keningau, Sabah.
Tel : 087-332 970
Faks : 087-332 982

### SKM WILAYAH LAHAD DATU

KM 1, Jalan Silam (Off Jalan Happ Heng)
Peti Surat 61243, 91121 Lahat Datu, Sabah.
Tel : 089-881 793
Faks : 089-883 793

### SKM WILAYAH LABUAN

A001, Tingkat 1, Aras Podium, Kompleks Ujana
Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 80848,
87018 Wilayah Persekutuan Labuan.
Tel : 087-421 241
Faks : 087-417 830

### SKM WILAYAH RANAU
Jalan Belakang, Pasar Baru, Peti Surat 636,
89300 Ranau, Sabah.
Tel : 088-878 186
Faks : 088-878 186

### SKM WILAYAH PANTAI BARAT SELATAN
Lot 573, KM 25, Jalan Papar Baru Peti Surat 569
89608 Papar, Sabah.
Tel : 088-755 646
Faks : 088-755 646

### SKM WILAYAH PANTAI BARAT UTARA
Unit 3E3-3E11 (Level 3), Second Floor, Grand
Merdeka Mall, Lorong Merdeka Perdana,
Off Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel : 088-216 022
Faks : 088-216 022

## SKM NEGERI SARAWAK
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, Peti Surat 1368,
93728 Kuching, Sarawak.
E-mel: sarawak@skm.gov.my
Tel : 04-733 1922
Faks : 04-734 1922

### SKM BAHAGIAN KUCHING
Tingkat 1, Lot 13328 Seksyen 65, KTLD 9A
Riveredge Commercial Centre Jalan Merdeka
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-207 120
Faks : 082-418 397

### SKM DAERAH LAWAS
Tingkat 2, Kompleks Pejabat Persekutuan,
98850 Lawas, Sarawak.
Tel : 084-285 158
Faks : 084-285 158

### SKM DAERAH SERIAN
Tingkat 1 & 2, Lot 372 Sublot 7 Jalan Serian By
Pass, 94700 Serian, Sarawak.
Tel : 082-874 263
Faks : 082-875 780

### SKM BAHAGIAN SRI AMAN
Tingkat 1, Wisma Persekutuan Blok II,
Jalan Ketajau, 95000 Sri Aman, Sarawak.
Tel : 083-623 200
Faks : 083-325 767

### SKM DAERAH SARATOK
Tingkat Bawah, Wisma Persekutuan,
95400 Saratok, Sarawak.
Tel : 083-436 412
Faks : 083-436 412

### SKM BAHAGIAN SARIKEI
Tingkat 2, Wisma Persekutuan No. II,
Jalan Bangunan Kerajaan,
Peti Surat 534, 96108 Sarikei, Sarawak.
Tel : 084-651 590
Faks : 084-656 090

### SKM BAHAGIAN SIBU
Tingkat 2, Wisma Persekutuan Fasa III, Jalan
Persiaran Brooke, 96007 Sibu, Sarawak.
Tel : 084-313 617
Faks : 084-340 617

### SKM DAERAH KANOWIT
Pejabat Majlis Daerah Kanowit, Jalan Banglo,
96700 Kanowit, Sarawak.
Tel : 084-752 472
Faks : 0084-752 472

### SKM DAERAH KAPIT
Tingkat Bawah, Kompleks Persekutuan,
Jalan Kapit By Pass, 96800 Kapit, Sarawak.
Tel : 084-796 962
Faks : 084-796 206

### SKM BAHAGIAN MIRI
Tingkat 2, Blok B, Wisma Persekutuan II,
Jalan Cahaya Lopeng, 98000 Miri, Sarawak.
Tel : 085-442 403
Faks : 085-434 589

### SKM DAERAH MARUDI
Tingkat 1, Wisma Persekutuan,
Jalan Kampung Cina, 98050 Marudi, Sarawak.
Tel : 088-755 308
Faks : 088-755 308

### SKM DAERAH BINTULU
Tingkat 1, Bangunan Wisma Persekutuan Jalan
Tun Razak, 97000 Bintulu, Sarawak.
Tel : 086-331 892
Faks : 086-331 892

### SKM BAHAGIAN LIMBANG
Tingkat 3, Wisma Persekutuan Blok B Jalan
Buangsiol Peti Surat 95 98707 Limbang, Sarawak.
Tel : 085-214 900
Faks : 085-214 305

### SKM BAHAGIAN LIMBANG
Tingkat 3, Wisma Persekutuan Blok B Jalan
Buangsiol Peti Surat 95 98707 Limbang, Sarawak.
Tel : 085-214 900
Faks : 085-214 305

### SKM DAERAH SAMARAHAN
Tingkat 2, Wisma Persekutuan Kota Samarahan
Jalan Dato Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan,
Sarawak.
Tel : 082-661 553
Faks : 082-661 553

### SKM DAERAH MUKAH
Tingkat 1,Lot 972 Blok 68 Medan Setiaraja,
96400 Mukah, Sarawak.
Tel : 084-872 012
Faks : 084-872 012

### SKM DAERAH JULAU
Julau, Sarawak, 96600 Julau, Sarawak.
Tel : 084-734 473
Faks : 084-734 473

## CATATAN

# CATATAN

**Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia**
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR
Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100

www.skm.gov.my